

Bil. 27

**Rabu
27 Mei 2015**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.18(1): ■ Penemuan Kem Memperdagangkan Manusia Dan Kubur Di Kawasan Malaysia - YB. Tuan Gooi Hsiao-Leung (<i>Alor Setar</i>)	(Halaman	19 & 63)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	20)
Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020	(Halaman	20)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3)	(Halaman	109)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: ■ Mempertimbangkan Semula Harga Getah Standard Malaysian Rubber 20 - YB. Datuk Madius bin Tangau (<i>Tuaran</i>)	(Halaman	109)
■ Penjelasan Terhadap Keperluan Mendirikan Menara DBKL-2 - YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (<i>Seputeh</i>)	(Halaman	112)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
16. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRS
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO
34. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO

2. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
17. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong - *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
23. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
27. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

23. Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] - UMNO
24. " Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. " Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. " Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. " Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titawangsa] - UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. " Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. " Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. " Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. " Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] - UMNO
41. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. " Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. " Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. " Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO

56. Yang Berhormat Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
59. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
60. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
64. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
4. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
5. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
6. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]

7. Yang Berhormat Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
8. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
9. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
10. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
11. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
16. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
17. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
18. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
19. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
20. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
21. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
22. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
23. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
24. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
25. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
26. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
27. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
8. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
9. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
10. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
11. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
12. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]

13. Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
14. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
15. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
16. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
17. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
18. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
19. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
20. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
21. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
23. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
24. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
25. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]

10. Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato’ Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Tuan Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Ali
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Rabu, 27 Mei 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah industri halal dalam negara dan jumlah syarikat pengeksport dari Malaysia keluar negara serta insentif yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka. Memandangkan isu halal yang berlaku sebelum ini menunjukkan seperti tiada koordinasi dalam sistem penyampaian maklumat yang tepat kepada rakyat. Apakah inisiatif kerajaan dalam mengatasi masalah ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2014 tahun lepas, terdapat 5,415 syarikat pengeluar produk halal di Malaysia dan daripada jumlah tersebut, 700 syarikat merupakan pengeksport produk halal. Jumlah eksport produk halal pada tahun 2014 ialah RM37.7 bilion dengan peningkatan sebanyak 14.8% berbanding RM32.8 bilion pada tahun 2013.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan keupayaan dan penyertaan syarikat dalam mematuhi manual persijilan halal ialah program fasilitasi, mudah cara persijilan halal dan program ini merangkumi taklimat persijilan halal saringan, pra-audit dan lawatan kilang serta Bengkel My E-Halal di bawah JAKIM. Selain itu, MITI melalui MATRADE menyediakan pelbagai program penggalakan eksport bagi semua produk termasuk produk halal.

Antara program-program yang ditawarkan adalah Program Pembangunan Pengeksport, Program GoEx, Program Mid-Tier, Program eTRADE, Informasi Perdagangan dan Pasaran serta khidmat nasihat dan sokongan perdagangan. MATRADE juga menyediakan insentif kewangan melalui geran pembangunan pemasaran. Selain daripada MATRADE, ada juga program-program lain yang seiring terutamanya program pembinaan keupayaan di bawah seliaan ataupun di bawah tanggungjawab SME Corp.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan kekeliruan kepada rakyat, Global Halal Support Centre (GHSC) telah diwujudkan bagi menyediakan platform perkongsian maklumat menerusi laman sesawang HDC serta aplikasi halal yang boleh dimuat turun kepada pengguna termasuk yang menggunakan telefon pintar. Di samping itu, pengguna boleh menghubungi khidmat pelanggan HDC dan mendapatkan maklum balas tentang isu-isu semasa berkaitan halal. Hebahan maklumat juga dibuat semasa program turun padang yang dianjurkan oleh HDC, agensi kerajaan atau institusi pengajian. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan

kerajaan atas peningkatan 14% hasil eksport *halal market*. Walaupun kita sedar bahawa dalam pasaran dunia ini, *the market size* adalah hampir RM1.3 trilion. Jadi, angka RM37 bilion ini walaupun peningkatan masih jauh prospek untuk kita tingkatkan Malaysia sebagai pusat halal hab ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun baru-baru ini juga telah dikatakan berjaya menarik minat pelabur-pelabur Jepun untuk turut serta menceburi industri halal dan kewangan di Malaysia dan saya juga dimaklumkan bahawa pelaburan di taman halal telah pun mencecah hampir RM8.8 bilion sejak ditubuhkan pada tahun 2010.

Cuma soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sebagai anak Baling, hari ini jadi wakil rakyat di Kulim, apa salahnya kerajaan hari ini melihat kawasan utara Malaysia ini, kawasan utara Kedah termasuklah juga dengan Gerik, Baling, Kulim, Sik ini menjadi satu industri halal terutamanya dalam usaha kita untuk membuat import *substitute* kepada ayam, daging, sayur-sayuran ini dengan infrastruktur yang sudah ada persempadanan dengan *port* di Pulau Pinang. *Insya-Allah*, kalau kerajaan luluskan cadangan negeri Kedah untuk jadikan Lapangan Terbang Kulim nanti, saya percaya bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang cukup strategik dan akan menjadi pencetus kepada pembangunan di kawasan itu yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada kesemua orang tetapi lebih memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Terima kasih.

■1010

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Panjang lebar ya.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kulim-Bandar Baharu yang lebih menjurus kepada cadangan bagi negeri Kedah khususnya dan saya yakin ini adalah selaras ataupun selari dengan NCER ataupun Koridor Ekonomi Wilayah Utara, dan di peringkat MITI, saya mengambil cadangan tersebut sebagai sesuatu yang positif. Secara kebetulan di Kedah belum tersenarai sebagai negeri yang sudah ada Taman Halal bertaraf Halal Mas yang sudah ada seperti di *Penang*.

Jadi, untuk Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, MITI mengambil serius perkara ini dan Tuan Yang di-Pertua sebenarnya MITI menggalakkan mana-mana pihak sama ada kerajaan negeri itu sendiri ataupun syarikat swasta untuk membangunkan mana-mana Taman Halal khususnya di Kedah dan pihak HDC boleh membantu atau memudahkan cara di dalam memberi nasihat dan sebagainya terutamanya menjadikan Taman Halal yang dicadangkan nanti sebagai bertaraf Halamas. Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ingin tanya tentang satu taman industri SME untuk produk halal di Telok Mas, Melaka memandangkan perniagaan atau produk mereka tidak begitu dapat sambutan yang baik. Ingin saya tanya kementerian apakah bantuan atau program untuk membantu produk halal di taman SME di Telok Mas, Melaka. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya telah pun melawat Melaka khusus untuk industri halal ini dan saya dapati ada beberapa perkara yang perlu ditambah baik. HDC sedia ada untuk membantu bagi meningkatkan kualiti dan juga keperluan persijilan halal tersebut. Pada masa yang sama SME Corp termasuk MIDA dan juga SME Bank dan MIDF sentiasa bersedia dan menyediakan program dan juga geran serta pinjaman mudah kewangan untuk meningkatkan produk di taman tersebut termasuklah pembinaan upaya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka boleh berhubung saya terus untuk saya bersama-sama dengan SME melaksanakan program pembinaan upaya ataupun *capacity building* bagi tujuan melengkapkan keperluan di sana khususnya dari segi pengeluaran produk supaya memenuhi syarat ataupun kriteria halal itu sendiri sama ada

dari segi syariah ataupun dari segi *safety food* ataupun keselamatan makanan. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah kontraktor yang gagal dan lewat menyiapkan projek-projek kerajaan serta agensinya sejak tahun 2010 hingga 2014.

Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Jadi saya pun *direct* untuk menjawab soalan nombor dua lah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, Jabatan Kerja Raya ataupun JKR telah diamanahkan untuk melaksanakan sebanyak 5,095 projek kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu daripada 2011 sehingga 2015. Dicapai jumlah tersebut sebanyak 4,303 bilangan projek ataupun 84% telah berjaya disiapkan. 358 projek ataupun 7% sedang dalam peringkat pembinaan. Manakala 434 projek lagi iaitu 9% sedang dalam peringkat pra pembinaan.

Mengenai bilangan projek yang gagal disiapkan mengikut tempoh masa kontrak, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, terdapat 770 projek sahaja ataupun 15% daripada keseluruhan projek Rancangan Malaysia Yang Kesepuluh yang diselia oleh JKR lewat disiapkan mengikut jadual yang asal. Kontraktor yang terlibat itu telah dikenakan denda ganti rugi ataupun dengan izin, *liquidated and ascertained damages* ataupun singkatannya LAD atas sebab kelewatan berkenaan. Manakala bilangan kontrak projek Rancangan Malaysia Kesepuluh yang ditamatkan akibat kegagalan pihak kontraktor pula ialah melibatkan sebanyak 128 bilangan kontrak sahaja ataupun 0.25%.

Kontraktor yang ditamatkan itu telah diambil tindakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ataupun CIDB termasuk tidak lagi dibenarkan untuk mengambil bahagian perolehan atau tender projek-projek kerajaan dan dalam tempoh masa tertentu. Terima kasih.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya sambut baiklah atas tindakan yang telah dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor yang bermasalah. Cuma saya minta supaya kita juga mengambil satu pertimbangan. Kadang-kadang kelewatan dan juga masalah yang dialami oleh kontraktor itu selain daripada memang mereka telah mengalibabakan lesen kontraktor ataupun kontraktor tersebut memalsukan lesen mereka. Ada juga yang terlibat dengan soal kos bahan binaan yang akhirnya mereka terpaksa menanggung soal kelewatan pembinaan. Itu yang pertama.

Kemudian yang kedua, saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014, ada dua projek yang saya lihat. Antaranya ialah projek pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan yang telah lewat dua tahun. Kemudian lewat dua tahun satu hal, apabila dilihat kepada projek tersebut, tidak menepati piawaian. Retak sana, retak sini dan rosak terlalu banyak, tidak puas hati. Kemudian yang kedua ialah tentang projek KLIA2 yang telah meningkat kos peningkatan 100% daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion. Jadi apa tindakan kerajaan kepada kontraktor yang terlibat ini? Apakah telah dirujuk kepada SPRM ataupun tindakan-tindakan seperti menyenarai hitam dan seumpamanya?

Satu lagi tentang kontraktor yang dilantik oleh pemaju-pemaju, syarikat-syarikat pemaju. Sebagai contoh di satu kawasan taman perumahan Taman Saga. Saya sendiri pergi melawat kawasan itu. Baru siap dalam beberapa tahun tetapi rumah telah hampir runtuh dan kawasan perumahan itu dibina di atas satu kawasan tasik yang memang mudah mendap. Jadi pihak persatuan penduduk telah mengajukan perkara ini kepada pihak berwajib tetapi macam ditolak ke tengah, ke tepi. Bagaimana sikap kerajaan untuk memandangi peristiwa ataupun kes yang seperti ini? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Ada beberapa perkara dalam satu soalan itu. Pertama melibatkan projek yang dikendalikan oleh kerajaan, yang dikelolakan oleh JKR. Kedua, melibatkan pihak swasta. Ketiga, projek kerajaan tapi bukan dikendalikan oleh JKR. Contohnya tadi kolej matrikulasi adalah yang dikendalikan oleh JKR. Seperti mana yang saya jawabkan tadi, kalau kita mengambil, memang sebenarnya dari segi kajian yang kita buat, lebih kurang 66% projek yang gagal

disiapkan ikut jadual adalah disebabkan kelemahan kontraktor sama ada dari segi pengurusan, dari segi kecekapan, kekuatan, kewangan ataupun dari segi teknikal.

Manakala 34% pula adalah di luar kawalan kontraktor iaitu sama ada melibatkan masalah tapak, masalah teknikal, kerumitan pembinaan, masalah isu reka bentuk disebabkan *substructure* ataupun *geotechnic* yang terpaksa diselesaikan di tapak ataupun disebabkan permintaan tambahan oleh pelanggan yang menyebabkan perubahan pada skop kontrak.

■1020

Itu antara punca-punca kelewatan. Kalau apa yang disebutkan tadi kolej matrikulasi memang kita ambil tindakan apabila berlaku kelewatan, bila berlaku kualiti yang tidak ditetapkan maka kita akan ambil tindakan sebab di bawah kontrak, kalau projek tidak disiapkan mengikut standard dia ada tempoh waktu untuk melakukan penambahbaikan, kerja-kerja pembaikan sama ada yang tidak mengikut kontrak ataupun kerja-kerja yang substandard di mana kita boleh potong jumlah pembayaran pada kontraktor dan mereka perlu mengambil tindakan untuk membaik pulih ataupun memperbaiki segala kelemahan yang dilakukan.

Walaupun macam kolej matrikulasi sudah siap dan kerja-kerja itu masih dalam peringkat kontrak di mana mereka terpaksa melakukan pembaikan pada kerosakan yang dilakukan. Itu sedang diambil tindakan, telah diambil tindakan sekalipun dan ada sebahagiannya kita potong pembayaran dan didenda. Sebab itu memang kita masukkan Audit untuk menyiasat apa kelemahan dan kita akan belajar daripada kelemahan tersebut untuk mengatasi pada masa akan datang.

Manakala KLIA pula projek bukan di bawah bidang kuasa JKR. JKR tidak terlibat dalam pembinaan KLIA. Yang ini dilakukan di mana konsultan *private* dilantik oleh Malaysia Airport untuk melaksanakan dan saya tidak ada dalam pengetahuan apakah tindakan yang diambil oleh sama ada Kementerian Pengangkutan sudah pasti mengambil tindakan kalau mengikut lunas undang-undang. Itu bukan dalam bidang kuasa JKR.

Manakala kontraktor yang dilantik oleh pemaju *private*, yang ini di bawah dua perkara. Dari segi pembeli rumah, mereka boleh mengambil tindakan kepada ketidakpatuhan di bawah peruntukan undang-undang kontrak dan kalau orang sekeliling pembangunan itu ada ketidakpatuhan, maka PBT lah bidang kuasa untuk kita mengambil tindakan. Sebab ketidakpatuhan kepada standard atau segala atur cara pembinaan tersebut.

Itu di bawah bidang kuasa PBT bukan di bawah bidang kuasa JKR. Sama ada kita CIDB boleh mengambil tindakan ke atas kontraktor, itu bukan bidang kuasa CIDB sebab CIDB hanya mengawal selia dari segi peraturannya untuk kontraktor *blacklist* dan tidak boleh mengambil bahagian dalam kontrak ataupun tender untuk kontrak kerajaan sahaja. Akan tetapi kalau ketidakpatuhan itu melibatkan kesalahan di bawah Akta CIDB [Akta 5202] misal katanya dalam proses mereka membina, mereka ada melanggar peraturan di mana berlaku kemalangan di tapak yang akhirnya mereka didenda di bawah Akta DOSH ataupun Akta Keselamatan Pekerja dan Tapak.

Maka mereka boleh diambil tindakan untuk *blacklist* dan terserahlah pada syarikat-syarikat swasta ataupun pemaju barangkali untuk tidak mengambil syarikat ini sebagai kontraktor dalam mana-mana projek ini peringkat swasta. Kerajaan memang akan mengambil tindakan, mana yang disenaraihitamkan dan diambil tindakan oleh CIDB mereka tidak akan terlibat lagi dalam mana-mana kontrak yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh pihak kementerian yang dijawab oleh pihak Menteri, kebanyakannya projek-projek yang dilaksanakan oleh di bawah Kementerian Kerja Raya kebanyakannya adalah agak sukses ataupun berjaya. Akan tetapi malangnya apa

yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi banyak berkisar kepada kesilapan kontraktor.

Dalam soal ini sebenarnya ada ketikanya sebahagiannya tidak juga dilakukan oleh kontraktor. Kalau kita mengambil contoh sebagai kontrak-kontrak di bawah konsultant umpamanya, walaupun Menteri bagi tahu bahawa bukan bawah kementerian konsultant ini, tetapi persoalannya kontraktor ini melakukan kesilapan juga berlaku oleh konsultant itu sendiri.

Sebagai contoh saya hendak ambil. Satu pelan membina sebuah bangunan pelan itu terbalik, yang dilukis oleh pihak konsultant. Namun apabila terbalik pelan itu, hendak diperbaiki balik untuk mendapat pembetulan memakan masa sehingga tujuh bulan ataupun setahun untuk membetulkan pelan sahaja. Maka berlakulah kelewatan kontraktor. Jawapan konsultant ini salah kontraktor. Kenapa tidak tengok dahulu sedangkan pelan ini telah diluluskan oleh konsultant itu sendiri. Jadi apakah pandangan pihak kementerian kepada konsultant pula. Jangan asyik disalahkan pada kontraktor sahaja. Kena salahkan juga pihak konsultant.

Ada ketikanya banyak yang dilakukan kesilapan-kesilapan pada pelan-pelan ini. Maka pada pandangan saya, apakah pihak Kementerian Kerja Raya bersetuju supaya semua kerja-kerja di bawah kementerian lain ini yang dari dahulu kala lagi kementerian yang melaksanakan diambil alih oleh kementerian sendiri, tidak kepada konsultant.

Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, dengan penuh semangat. Saya melihat bahawa bidang kuasa Kementerian Kerja Raya ada tiga badan profesional di bawah kawal selia Kementerian Kerja Raya iaitu Lembaga Arkitek, Lembaga Jurutera dan Lembaga Juruukur Bahan dan semua profesional ini, konsultant di bawah kawal selia tiga badan profesional ini dan apa yang dibangkitkan tadi kalau berlaku kecuaihan pihak konsultant ataupun profesional dalam membuat apa-apa *design* sama ada bangunan ataupun projek infrastruktur dan sebagainya.

Maka mereka boleh diambil tindakan iaitu pelanggan ataupun kontraktor yang melihat bahawa kecuaihan profesional itu membuat *design*, mereka bentuk yang menjadi punca maka mereka boleh membuat aduan kepada badan profesional. Badan profesional boleh menyiasat dan kalau dibuktikan kesalahan maka konsultant tersebut boleh diambil tindakan, satu di bawah badan profesional. Kedua, kontraktor boleh juga membawa badan profesional tersebut ke mahkamah untuk menuntut ganti rugi disebabkan kerugian, disebabkan reka bentuk yang tidak betul.

Itu sebenarnya termaktub dalam semua kontrak dan juga etika badan profesional. Sebab itu kita sebenarnya dalam kontrak kerajaan kita melindungi semua pihak. Pertama, melindungi pelanggan. Kedua, melindungi kontraktor juga dan kita melihat kepada peri pentingnya peranan dan etika badan profesional dalam mengurus projek. Kalau kontraktor misal kata disebabkan projek itu lewat bukan disebabkan kesalahan kontraktor seperti diberi contoh tadi oleh Ahli Parlimen iaitu kalau berlaku kenaikan harga bahan, memang termaktub dalam perjanjian kontrak kerajaan, kalau disebabkan kenaikan harga bahan yang mendadak, maka mereka boleh menuntut sebenarnya.

Kita boleh beri tempoh masa dan untuk mereka menuntut pada harga yang memang ada formula untuk kita buat pengiraan bagaimana kita boleh memastikan mereka dibiayai disebabkan bukan kesalahan mereka, mereka diberi *extension of time* dan tambahan kos akan diberi kepada mereka. Itu semua ada diperuntukkan dalam perjanjian kontrak di antara kontraktor dan kerajaan termasuk juga badan profesional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah semua restoran dan kafe di KLIA dan KLIA2 sudah memperoleh Sijil Halal daripada JAKIM; dan
- (b) jika ada, mengapa tidak dipamerkan di tiap-tiap kaunter di kafe tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan.

Ke mana terbangnya helang

kalau tidak ke langit yang tinggi.

Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan,

Saya di sini sedia menjawab soalan anda nanti.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan di atas soalan yang berkaitan dengan halal di mana Yang Berhormat sedia maklum persijilan halal Malaysia yang dijalankan sekarang ini adalah bersifat sukarela. Walaupun begitu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terus meningkatkan usaha ke arah menambah jumlah bilangan syarikat dan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia ke arah merealisasikan hasrat hanya premis dan produk disahkan halal sahaja berada di pasaran.

■1030

Berkaitan dengan status pengesahan halal restoran dan juga kafe yang beroperasi di KLIA dan KLIA2. Pada masa kini, kebanyakannya restoran dan juga kafe yang beroperasi di KLIA dan juga KLIA2 telah mempunyai Sijil Halal Malaysia. Restoran dan kafe terutamanya merupakan restoran berangkai, *chain outlet* seperti Kenny Rogers begitu juga dengan Nando's, McDonald's, Kentucky Fried Chicken (KFC), Marrybrown, Burger King dan Starbucks merupakan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Dalam hal ini, pengguna juga diajak bersama memainkan peranan mereka untuk memilih restoran dan juga kafe yang mempunyai sijil halal yang sah.

Berkenaan dengan mempamerkan sijil halal, dimaklumkan bahawa setiap syarikat dan pengusaha pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang masih sah, berhak untuk menggunakan sijil dan logo halal Malaysia pada premis dan produk mereka. Berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga), Sijil Pengesahan Halal Malaysia hendaklah dipamerkan pada setiap masa di alamat yang dinyatakan pada sijil tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya keliru sebab dikatakan tadi secara sukarela kalau mahu pameran. Jadi saya fikir, ini tidak adil kepada masyarakat Islam kerana kalau sekiranya dikatakan pameran sijil secara sukarela ini memang kebanyakan, majoriti, semua di KLIA dan KLIA2 ini tidak dipamerkan. Jadi, kita ragu-ragu. Bolehkah saya minta kalau boleh kerajaan memastikan bahawa semua peniaga mempamerkan sijil halal mereka supaya kita tidak tertanya-tanya lagi? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Kalabakan. Sebenarnya yang saya maksudkan dengan sukarela ini ialah permohonan sijil sebab industri di Malaysia masih lagi merupakan industri yang terbuka kepada Islam dan juga kepada yang bukan Islam dan permohonan untuk permintaan sijil ini bukanlah merupakan kewajipan. Namun yang saya maksudkan dengan - itu yang saya maksudkan dengan sukarela.

Akan tetapi bagi mereka yang sudah mendapat sijil tersebut, yang sudah mendapat sijil halal mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga), Sijil

Pengesahan Halal Malaysia hendaklah dipamerkan. Dalam erti kata mudah ialah mereka yang sudah mendapat sijil, dia kena pameran sijil dan sijil itu dipamerkan pada alamat permohonan sijil dipohon.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai tambahan, di KLIA kita ada 62 *outlets*. Ini secara umum tetapi yang memohon sijil halal di KLIA ialah sebanyak 15, yang ada sijil. 62 buah *outlets* tetapi 15 yang ada halal. KLIA2 iaitu 66 *outlets* yang mana 12 adalah yang telah mendapat sijil halal. Ini kedudukan yang berlaku. Untuk makluman umum kepada Ahli Dewan, bagi kawasan-kawasan *food court* yang mana *food court* ini di *share* dari sudut meja, pinggan, garpu juga camcanya, maka permohonan ini mengikut manual prosedur permohonan, dia harus dipohon oleh semua sekali gerai yang terlibat kerana mereka akan berkongsi peralatan makanan termasuk pinggan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Kalabakan dan juga Dewan bahawa di KLIA2, mereka sedang dalam proses permohonan bagi *food court* yang secara berkongsi tadi dan yang secara bersendirian. Setakat sekarang sebagaimana saya sebutkan, ada 12 yang mendapat sijil. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya berkenaan dengan isu penarikan sijil halal untuk Secret Recipe pada 7 Mei 2015 yang telah pun ditarik oleh pihak JAKIM. Persoalan saya kerana yang disebut oleh Pengarah, Hakimah Yusoff, dia kata salah itu bukan kerana penggunaan bahan halal atau haram tetapi kesalahannya kerana pemrosesan produk kerana berlaku pelanggaran terhadap Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

Jadi, tolong terangkan sedikit apa yang dimaksudkan dengan antara penggunaan bahan halal ataupun haram dalam produk tersebut dengan kesalahan daripada segi proses produk tersebut untuk mendapat pensijilan halal tadi kerana ini ada dua benda berbeza. Kalau soal kebersihan, sudah tentu pihak majlis kerajaan tempatan sahaja yang ambil tindakan tetapi kenapa semua melibatkan satu Malaysia ataupun jenama ini ditarik balik. Minta penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Berkaitan dengan penarikan sijil halal untuk Secret Recipe ini yang saya yakin bahawa ramai dia punya pelanggan-pelanggan kerana untuk makluman, Secret Recipe ada 297 buah *outlets* di seluruh Malaysia. Dalam erti kata gambaran bahawa dia mempunyai satu rangkaian perniagaan yang begitu meluas dan begitu besar.

Berbalik kepada soalan tadi ialah kenapa sijil ini ditarik, ia kerana daripada maklumat yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengarah Halal, Puan Hajah Hakimah, sijil itu telah ditarik balik disebabkan kerana memang benar bahawa dalam sijil halal itu ia tidak hanya terkandung semata-mata dengan pengertian ia terjauh daripada bahasa mudahnya ialah dua barang larangan besar hukum dalam Islam iaitu babi dan juga anjing. Jadi oleh kerana bukan kerana faktor DNA binatang dan sebagainya.

Akan tetapi sijil halal Malaysia ini berdiri di atas dua kekuatan. Satu lagi ialah halalan, satu lagi dipanggil *toyyiban*. *Toyyiban* ini ia terkandung, halalan itu sudah pasti tidak ada masalah kerana bukan ia ada bahan-bahan larangan dalam hukum tetapi *toyyiban* iaitu termasuk apa yang dipanggil dengan GMP. GMP ialah disebut dengan *good manufacturing practice* ataupun kita panggil apa yang disebut sebagai amalan pengilangan yang baik. Jadi, amalan pengilangan yang baik ini termasuk dalam hal menjaga kebersihan barangan semasa pemrosesan berlaku. Oleh sebab itu kita sebutkan sijil kita ini terkandung dalam itu daripada, *from farm to the table*, dari ladang sehingga sampailah kepada penghidangan ataupun penyediaan makanan di atas meja.

Jadi, walaupun ia terhindar daripada bahan-bahan larangan tetapi kalau di tempat pemrosesan itu berlaku yang kita tidak yakini dari sudut kebersihan dan tidak memenuhi SOP prosedur yang telah ditetapkan, sijil ini boleh ditangguhkan ataupun ditarik balik dan dia boleh memohon semula. Ini mengikut SOP yang telah disediakan. Jadi, berdasarkan kepada Secret Recipe ini, ia mempunyai satu kilang yang telah dipusatkan yang mana 297 buah *outlets* ini dibekalkan oleh satu kilang di Taman Mayang.

Jadi, apabila kita melihat di tempat pemrosesan ini ada faktor-faktor yang melibatkan *toyyiban* yang kita pantau, yang kita lihat berdasarkan kepada audit yang dibuat,

maka ia perlu kepada pematuhan tersebut untuk tujuan sijil itu dibenarkan semula. Dalam bahasa yang lain bahawa ia tidak semestinya bila ada elemen-elemen barangan haram tetapi faktor kesihatan juga. Jadi sebab itu untuk makluman Dewan, sijil halal Malaysia ini amat diminta dan disukai oleh negara-negara luar kerana kita memperkenalkan dan memperketat kedua-dua elemen ini iaitu bersih dan juga halal. Terima kasih.

4. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut] minta Perdana Menteri menyatakan apakah status binaan rumah-rumah mangsa banjir yang dibantu bina oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, "*Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid (B)*".

■1040

Saya cadangkan untuk ke hadapan ini, kita sebut macam ini Yang Berhormat Laksamana Pertama (B) sebab yang bersara itu Laksamana Pertama, Mohd Imran tak bersara lagi. Macam juga Dato' Seri Jamil Khir bersara, dia kena bubuh jawatan itu bersara dulu. Jadi, saya menjawab soalan nombor empat ya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Zakat Selangor dan sebuah NGO dijangka akan membina 60 buah rumah kekal baru di Telekong, Kuala Krai. Buat masa ini, pembinaan rumah-rumah berkenaan masih belum dimulakan kerana kerja-kerja tanah dan infrastruktur sedang dilaksanakan di tapak berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja tanah dan infrastruktur adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos sebanyak RM3.9 juta. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak betulkan sedikit mengenai nama saya itu. Oleh kerana mengikut konvensyen baru Angkatan Tentera Malaysia, tanda bersara itu diletak selepas nama, jadi dalam hal ini apa yang ditulis ini betul tak payah diperbetulkan.

Lanjutan daripada itu, soalan tambahan, saya menghargai tindakan kerajaan yang telah membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan kita lihat juga kerajaan negeri yang berupaya telah sudi untuk membantu kerajaan negeri untuk membina rumah-rumah mangsa banjir ini. Dalam hal ini, tidakkah Kerajaan Pusat melihat sumbangan kerajaan negeri ini merupakan satu tindakan ataupun bantuan yang mulia, yang harmoni, yang boleh dibanggakan. Untuk itu, saya mohon Kerajaan Pusat supaya terus membantu kerajaan negeri supaya rumah-rumah mangsa banjir ini dapat dibina dengan seberapa segera. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tentang Konvensyen Angkatan Tentera itu saya akan semak balik tetapi ini penggunaan yang telah dibuat sepanjang masa. Semasa saya jadi Menteri Besar dulu, semua yang bersara itu dibubuh jawatan itu (B) di hadapan dan diikuti namanya sebab dia tak bersara, yang bersara jawatan dia. Terima kasih. Ini Yang Berhormat saya nak bagi tahu bahawa sama ada penggunaan ini, saya nak tegur Parlimen lebih-lebih tak bolehlah sebab saya tak boleh campur dalam urusan mereka tapi kalau mereka salah, saya kena tegurlah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pakar bahasa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebab Parlimen tak boleh buat sendiri, dia kena buat melalui Menteri sahaja. Okey.

Yang Berhormat, sumbangan murni Kerajaan Negeri Kelantan cukup dihargai. Malah 60 buah rumah yang dibina ini akan diberi sumbangan oleh Lembaga Zakat Selangor dengan sebuah NGO sebab NGO ini saya tak dapat kebenaran untuk menyebut namanya, jadi saya tak berani sebut, saya sebut NGO. Malah sebuah NGO lagi daripada TSM Golf Charity Foundation, ia akan membina 32 buah rumah. TSM ini saya tak payah sebut nama

dia, saya pun tak dapat kebenaran menyebut namanya tetapi saya sebut TSM tapi banyak orang tahu apa dia TSM itu. Jadi *charity golf* ini juga akan bagi 32 buah rumah dan demikian juga NGO lain termasuk juga kerajaan negeri. Usaha murni mereka cukup dihargai.

Yang Berhormat, seperti yang saya sebut dalam jawapan minggu lepas, saya kata lima buah rumah telah siap. Jadi jawapan kelmarin yang saya bagi kepada Yang Berhormat Ketereh, tujuh buah telah siap. Rumah ini akan dimaklumkan, kalau ada soalan yang naik, rumah ini akan berlaku pertambahan siapnya termasuk apa yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau siap sahaja kerja tanah sebab tanah kita baru dapat, sudah pasti kita akan mulakan terus malah saya minta supaya pendekatan pembinaan itu dibuat yang sedemikian rupa supaya kita nampak sesuatu yang besar sedang berlaku terutamanya dalam bulan Ramadan ini supaya pengharapan orang yang menunggu itu dapat kita penuhi. Yang Berhormat, bukan sahaja orang yang menunggu, kita juga terpaksa bekerja keras untuk memastikan rumah ini siap.

Jadi, Kerajaan Persekutuan akan terus membantu dan membiayai berdasarkan apa yang telah diputuskan. *So that was no problem*. Siapa sahaja yang beri sumbangan, kita menghargai dan kita ucap terima kasih kerana kita manusia yang tahu berterima kasih. Orang lain saya tak pasti.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan banjir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pasal Selangor ya? Sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tak semestinya Selangor, pasal banjir, rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai rumah mangsa banjir di Gua Musang. Saya difahamkan bahawa di Gua Musang sudah tersedia ada lebih kurang seribu, saya difahamkan, mungkin lebih, angka itu mungkin tidak begitu tepat tapi sudah ada rumah-rumah PPR ini yang memang sudah sedia siap. Jadi rumah-rumah ini memang sebenarnya untuk rakyat di Gua Musang dan kebetulan mereka ini juga telah terkesan oleh banjir baru-baru ini tetapi sehingga sekarang rumah-rumah ini belum diisi dan saya difahamkan bahawa dah dua kali pendawaian bekalan elektrik ini sudah diganti tapi sehingga sekarang tak diisi. Kenapa dan mengapa. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti kalau saya langgar sempadan ini kurang manis. Jadi biarlah Kementerian Kesejahteraan Bandar yang menjawab sebab ini bawah dia. Jadi sekarang ini Yang Berhormat, saya akan panjangkan soalan tersebut kepada beliau dan beliau akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Dr. Mansor bin Haji Abd Rahman [Sik] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah matlamat industri kayu negara terutama dalam pasaran kayu getah dalam membantu golongan pekebun kecil sektor perladangan industri getah supaya pendapatan pekebun meningkat memandangkan harga getah yang rendah sekarang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Sri Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kayu getah bergaji merupakan salah satu punca pendapatan bagi pekebun kecil selain *cup lump* dan lateks. Oleh itu, sebagai langkah bagi membantu meningkatkan pendapatan daripada punca ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut. Pertamanya, menetapkan kuota eksport kayu getah bergaji dan meningkatkannya atau mengurangkannya daripada semasa ke semasa.

Contohnya pada tahun 2012, kita meluluskan 50,000 meter padu dan pada tahun 2013, kita tingkatkan kepada 80,000 meter padu dan sama untuk tahun 2014 dan untuk tahun ini, kita meningkatkan kuota eksport ini kepada 140,000 meter padu. Peningkatan

jumlah kuota ini diharapkan dapat meningkatkan permintaan dan seterusnya meningkatkan harga kayu getah.

Kedua, mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan pengembangan pasaran sama ada di dalam ataupun luar negara bagi menembusi pasaran baru. Ini termasuk melaksanakan strategi penjenamaan kayu getah melalui Lembaga MTIB.

Ketiga, meningkatkan aktiviti pemasaran dan penggalakan penghasilan produk bernilai tambah tinggi ke arah *original design manufacturer (ODM)* dan *original brand manufacturer (OBM)* ke atas perabot kayu getah agar mendapat permintaan lebih tinggi dan lebih berdaya saing. Kita berharap dengan usaha-usaha ini, ianya akan meningkatkan permintaan kayu getah dan seterusnya meningkatkan harga getah dan meningkatkan pendapatan petani. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan berkenaan dengan harga kayu getah tadi. Saya sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan yang 80% rakyat yang bekerja sebagai pekebun kecil dan juga penoreh getah sangat prihatin dengan keadaan ini di mana aduan-aduan daripada rakyat ini berterusan dan tidak berhenti-henti.

Yang pertama, mereka masih mengadu mengenai dengan harga getah yang rendah dan susah untuk naik harga getah ini dan yang kedua, subsidi 30 sen sekilo yang telah diumumkan dahulu belum lagi terlaksana dan belum dinikmati oleh mereka. Jadi apakah saranan Kementerian dalam menjaga kebajikan peladang getah yang mana kini harga getah yang kian jatuh dan tidak meningkat dan kos sara hidup yang semakin tinggi.

■1050

Contohnya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan geran mahupun bantuan khas kepada peladang getah ini dengan menggalakkan dalam perusahaan-perusahaan kecil untuk menambah kewangan selain daripada menjual kayu getah dan sebagainya. Terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya memang bersimpati dengan Yang Berhormat, saya juga merasa keadaan yang sama kerana ramai juga pengundi-pengundi saya adalah penoreh getah. Harga getah baru-baru ini nampaknya telah pun naik dari RM5 sekilogram SMR20 kelmarin RM5.54. Ini adalah satu perkembangan yang baik dan ini berlaku lepas Mesyuarat *Association of Natural Rubber Producing Countries* bulan lepas di Kuala Lumpur, di mana 11 buah negara yang mengeluarkan 92% keluaran getah dunia berjumpa di Kuala Lumpur dan menunjukkan *our solidarity* untuk bekerjasama ke arah mencari penyelesaian kepada perkembangan ini.

Satu lagi perkembangan yang menggalakkan adalah selepas mesyuarat tersebut Vietnam telah menunjukkan persetujuannya untuk sama-sama masuk ahli *International Tripartite Rubber Council*. Sebelum ini *International Tripartite Rubber Council* hanya dianggotai oleh Indonesia, Malaysia dengan Thailand dan sekarang dengan Vietnam untuk bersama-sama kita. Keempat-empat buah negara ini akan mengawal ataupun mengeluarkan dalam lingkungan 70% pengeluaran getah dunia. Maka ada petunjuk yang baik di mana kita dengan kerjasama beberapa negara ini sebab itulah harga getah nampaknya bertambah baik dan kita harap ia terus akan bertambah baik.

Bagaimanapun usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk mencari *social safety net* ini tidak berhenti. Baru-baru ini Kabinet telah mengadakan Kabinet *Aware Day* dan perkara yang dibincangkan adalah bagaimana kita hendak menyelesaikan, mencari penyelesaian ataupun mencari program-program untuk membantu kepada rakyat yang berpendapatan rendah termasuk kepada pekebun-pekebun kecil. Di sinilah kami telah diarah untuk memikirkan apakah *social safety net* yang sesuai yang dapat dilaksanakan dalam RMKe-11 ini.

Walaupun sekarang memang sudah ada program bantuan pengeluaran getah 30 sen seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Akan tetapi dalam pandangan Kementerian,

kita mungkin hendak mencari jalan bagaimana untuk hendak mencari satu pendekatan. Mungkin ia lebih berkesan lagi dan boleh dirasai oleh rakyat untuk meningkatkan pendapatan mereka. Kita juga telah berkongsi pengalaman dengan pengeluar-pengeluar negara lain. Inilah satu tugas dalam RMKe-11 ini.

Mengapa bantuan pemberian getah 30 sen sekilo ini belum dilaksanakan? Ia belum dilaksanakan kerana harga *trigger point* itu belum sampai, *we have not reached the price*, dengan izin RM4.60 bagi sekilogram bagi SMR20, harga turun sehingga RM5 lepas itu naik balik kepada yang sekarang. Buat sementara waktu ini kerajaan juga tidak mengadakan program, RISDA mengadakan program masing-masing untuk membantu pekebun-pekebun kecil dengan memberi bantuan input dan sebagainya. Tahun lepas ada juga, tahun ini ada geran dan sebagainya dan kita akan terus mencari jalan bagaimana hendak membantu pekebun-pekebun kecil ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat berminat dengan soalan ini sebab berkaitan dengan kayu getah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Soalan daripada Yang Berhormat Sik dan dijawab tadi akhirnya akan dapat meningkat tetapi saya pun fikir macam mana hendak meningkat takkan hendak tebang pokok getah semua? Pokok getah hanya akan ditebang bila hendak tanam semula, jadi takkan kita hendak meningkatkan pendapatan pekebun kecil, tebang pokok getah, tidak usah pakai getah, pakai jual kayu getah sahaja. Jadi, ini sesuatu yang tidak menggambarkan satu usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun *kecil*.

Oleh sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Takkan 30 sen, tiga kupang itu subsidi, hendak tunggu sampai getah SMR itu pada harga RM4.60 baru kita hendak bagi? Sedangkan walaupun RM4.60 itu hanya harga yang berada di atas bukan harga yang di bawah, sedangkan di peringkat pekebun kecil, di peringkat penoreh getah. Berhadapan sekarang di Sik dalam RM2, RM2.10 tidak lebih daripada RM2.10 antara RM1.90 sampai RM2.10, itu harga yang di peringkat bawah. Jadi, ini masalahnya 30 sen ini kita hendakkan 30 sen ini ialah kepada pekebun dan juga penoreh supaya mereka mendapat satu penambahan pendapatan sebab bayangkan takkan mereka hendak makan ikan sardin tin hari-hari, telur letak bawang hari-hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalnya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi ini kena fikir sebab itu saya tanya soalan, takkan 30 sen itu hendak tunggu sampai RMKe-11? Jadi hendak tunggu RMKe-11 baru hendak laksana 30 sen, baru hendak fikir lagi macam mana *social safety net* yang lebih baik dalam RMKe-11.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *Confirm* jadi Presiden, *confirm* jadi Presiden.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Isu penoreh getah bukan baru, tanya Yang Berhormat Baling kawan saya, benda lama sudah bercakap, lama sudah di Dewan ini. Yang Berhormat Sik antara orang yang sangat hebat bercakap soal ini, tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Menteri faham itu Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: *Confirm* menang Naib Presiden.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi Kabinet buat keputusan, tidak dapat dilaksana.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, begitu emosi sekali. Pertama, Yang Berhormat tidak faham. Kita tidak berhasrat untuk menebang semua batang getah. Itu bukan dasar Kerajaan Barisan Nasional, itu mungkin dasar kawan di sebelah sana, bukan dasar di sini. Ini kerana tiap-tiap tahun kita ada sasaran untuk menanam semula 40,000 hektar tanah kebun getah yang sudah lebih 25 tahun usianya. Inilah yang kita hendak tebang dan hendak jual. Faham Yang Berhormat? Supaya jangan putar belit isu.

Kedua, fasal 30 kupang itu untuk *cup lumps the trigger price* adalah RM1.75 sekarang belum sampai di situ. Bagaimana kita mendapat harga ini, harga RM1.75 adalah kos tambah 30% keuntungan. Kos dia RM1.33 dan kemudian tambah keuntungan. Memang kalau *trigger point* ini semakin tinggi semakin bagus tetapi Kerajaan Barisan Nasional hanya akan berjanji kepada apa yang kita fikir kita dapat laksanakan. Kita tidak boleh berjanji supaya nanti lepas janji itu kita tidak boleh laksanakan.

Di sebelah sana senang, dia boleh janji tetapi tidak perlu laksanakan apa-apa. [Disampuk] Akan tetapi dalam masa yang sama kita RISDA buat berbagai-bagai program bantuan untuk pekebun-pekebun kecil. Kita pun ada bayar RM500 kepada pekebun-pekebun kecil. Program yang sedang berjalan juga, Lembaga Getah Malaysia menjalankan program untuk mengawal harga di peringkat ladang.

Kita sudah bekerjasama dengan lebih 20 koperasi di seluruh negara. Dengan kerjasama koperasi dengan Lembaga Getah Malaysia ini nampaknya harga di peringkat *farm gate* ada bertambah lebih baik. Jadi banyakkah usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional tidak menyiarkan masalah pekebun-pekebun kecil ini. Kita terus membela mereka sampai bila-bila. [Tepuk]

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya Menteri. Industri kayu getah negara nampaknya semakin malap. Itu berdasarkan kepada jumlah eksport kayu getah semakin meningkat. Apakah sebab-sebabnya industri kayu getah, *furniture* dan sebagainya semakin malap dalam negara kita?

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Industri kayu getah bergergaji ini kebanyakan ianya digunakan untuk membuat perabot dan ianya masih diperlukan kerana 80% daripada perabot kita dikeluarkan adalah berasaskan kepada kayu getah bergergaji. Ia berkembang dari semasa ke semasa.

■1100

Saya tidak ada angka di sini. Akan tetapi, mengapa eksport kita meningkat? Ini kerana pengeluaran kayu getah bergergaji kita bertambah. Seperti saya kata tadi, tiap-tiap tahun kita perlu menebang 40,000 hektar kebun getah kerana kita perlu menanamnya semula. Jadi, kalau kita tidak mencari cara bagaimana kita hendak menjualnya, negara kita akan mengalami kerugian. Itulah sebabnya peningkatan eksport. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita berharap di negara kita, penggunaannya juga bertambah dari semasa ke semasa.

6. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah perkembangan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) diberikan peranan utama dalam usaha penyelamatan dan penyaluran bantuan bencana. Mengapa inisiatif ini tidak dilakukan sebelum ini atau sewaktu bencana. Apakah proses sedia ada sekiranya berlaku bencana.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam bahagia dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah ditubuhkan secara rasminya pada 24 Mac 1952 bagi melaksanakan peruntukan *the Civil Defence Ordinance* 1951. Jabatan ini juga diletakkan sebagai barisan ketiga, barisan ketiga - Yang Berhormat, saya ulangi selepas Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia dalam sistem keselamatan negara. Barisan ketiga selepas tentera dan polis dalam keselamatan negara termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan juga Akta Perkhidmatan Negara 1952.

Peranan dan fungsi JPAM sebagai agensi pengurusan bencana telah pun terbukti seperti mana penglibatan agensi ini dalam kejadian bencana seperti tanah runtuh di Bukit Antarabangsa pada tahun 2008, banjir lumpur di Cameron Highlands dan banjir besar di kawasan Pantai Timur dan utara Semenanjung pada tahun 2014 dan tahun 2015. Bagi

menghadapi kejadian kecemasan yang berlaku seharian, JPAM terus terlibat secara langsung dalam sistem perkhidmatan panggilan kecemasan (MERS) 999 bagi kes seperti kemalangan, sesat di hutan, kejadian lemas, perkhidmatan paramedik dan ambulans.

Situasi keselamatan awam dan kompleksiti bencana yang berlaku kebelakangan ini menyebabkan Kementerian berpandangan bahawa perlunya Jabatan Pertahanan Awam ini di perkasa daripada aspek struktur organisasi, kelengkapan aset, logistik dan infrastruktur serta perluasan daerah operasi. Jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah ditubuhkan untuk melihat kesemua aspek tersebut.

Kementerian dalam usaha untuk memantapkan lagi peranan JPAM melalui pindaan Akta Pertahanan Awam 1951 supaya peranan dan fungsi JPAM dalam akta tersebut dapat diperjelaskan. Ia juga bertujuan supaya kedudukan JPAM sebagai agensi utama pengurusan bencana dapat dilahirkan. Usaha untuk meminda Akta Pertahanan Awam ini bukanlah bertujuan untuk menambah peranan dan fungsi JPAM itu ataupun untuk mengambil peranan mana-mana agensi penyelamat, bukan untuk mengambil peranan mana-mana agensi penyelamat tetapi bagi membalikkan semula keupayaan JPAM sebagai barisan ketiga dalam sistem keselamatan negara selepas Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia.

Bagi menghadapi kompleksiti bencana dan ancaman peperangan pada masa kini, JPAM memerlukan kelengkapan serta logistik yang berkemampuan untuk melaksanakan operasi menyelamat dan seluruh bantuan bagi mangsa-mangsa yang terlibat. Oleh itu, Kementerian merancang bagi membuat perolehan aset seperti helikopter, ambulans, air dan sistem amaran awam (*public warning system*) secara berperingkat. Dalam aspek pengurusan bencana, JPAM adalah bertanggungjawab melaksanakan tugas di bawah arahan-arahan Majlis Keselamatan Negara yang mengkoordinasi agensi keselamatan menyelamat dan kecemasan seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Sukarelawan Malaysia. Arahan-arahan di bawah Majlis Keselamatan Negara ini akan terpakai apabila berlakunya krisis ataupun bencana dalam negara.

Selain daripada itu, JPAM merupakan ahli *International Civil Defence Organisation* (ICDO). Melalui penyertaan ini, JPAM berhasrat untuk mempertingkatkan perkhidmatan setaraf dengan piawaian dan amalan antarabangsa. Perlu diingatkan bahawa kekuatan pegawai tetap JPAM adalah hanya seramai 577 berbanding jumlah anggota sukarelawan yang terkini seramai 800,000 orang. JPAM sememangnya amat bergantung kepada anggota sukarelawan bagi menjalankan fungsi dan tanggungjawab secara berkesan. Ini juga selaras dengan objektif utama JPAM dalam menggerakkan gelombang sukarelawan dengan melibatkan rakyat sebagai sebahagian daripada sistem pertahanan awam negara.

Jadi maknanya Tuan Yang di-Pertua, nisbah kita belum mencapai apa yang dihasratkan oleh Kementerian. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu. Saya memang sedar peranan yang penting yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Malaysia sebagai satu agensi yang disebut tadi, barisan ketiga dan juga sebuah agensi yang bersejarah. Ini yang saya ingin dapat tahu secara praktikalnya. Bilakah aset-aset dan belanjawan yang akan diperuntukkan kepada JPAM ini akan dilaksanakan kerana baru-baru ini memang aduan daripada sukarelawan JPAM ialah kelengkapan mereka tidak mencukupi? Ini sedikit sebanyak telah menyekat keberkesanan mereka semasa bencana.

Saya juga ingin dapat tahu daripada segi elaun kepada sukarelawan dan juga peranan untuk menyediakan orang ramai kerana salah satu fungsi daripada JPAM juga melibatkan orang awam. Contohnya, menyediakan masyarakat untuk berhadapan dengan bencana atau peperangan. Saya ingin tahu sama ada peruntukan yang mencukupi supaya mereka juga boleh memainkan peranan selain daripada melibatkan 800,000 sukarelawan tetapi juga orang awam yang biasa dalam menghadapi kecemasan.

Akhir sekali saya juga ingin mendapatkan sedikit penjelasan tentang *standard operating procedure* yang akan ditugaskan kepada JPAM semasa banjir. Adakah mereka hanya sekadar diarah untuk menyelamatkan mangsa atau mereka juga berperanan untuk mengkoordinasi operasi menyelamat? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada tiga soalan gabungan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Minta maaf dan ampun, Tuan Yang di-Pertua. Empat soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila [Ketawa]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pertama, bila aset ini boleh dilengkapkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menjelaskan bahawa dalam jawatankuasa yang saya pengerusikan, kita masih buat kajian dan peringkat yang terakhir. *Insyah-Allah* apabila siap nanti dalam masa yang terdekat, kita akan buat penjelasan dan presentasi kepada pihak kerajaan supaya perkara ini diperjelaskan dengan sejelas-jelasnya, khususnya berhubung dengan kedudukan JPAM itu sebagai pertahanan yang ketiga apabila berlakunya satu malapetaka besar ataupun peperangan di negara ini. Ini kerana asasnya dahulu penubuhan JPAM ini di negara maju khususnya di England yang kita bermodelkan dan sekarang telah diambil sebagai satu model antarabangsa bahawa ia berbangkit daripada persoalan apa akan berlaku kepada masyarakat umum apabila berlaku peperangan.

■1110

Jadi kita jangan teragak-agak apabila tiba masanya nanti kita mengetahui apa tentera buat, berperang. Apa polis buat? Menyelidik semua perkara jenayah dan sebagainya dan mempertahankan hak anggota dan nyawa masyarakat umum. Ketiga, apa JPAM buat? Ini *must be spelled out very clearly*. Kerajaan mesti mengetahui apa Perlembagaan kita sebut. Terima kasih. Pertama.

Kedua, elaun. Elaun ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kita selaraskan dengan semua pihak sebab banyak anggota lain macam RELA dan sebagainya kita selaraskan dengan pihak RELA elaun yang diberi kepada JPAM. Hanya perbezaannya ialah JPAM ini banyak anak muda lepasan universiti ataupun masih menuntut di universiti menjadi sukarelawan. Hingga sekarang ini kita telah melatih seramai 2 juta rakyat Malaysia telah diberi pendedahan ilmu pertahanan awam sejak tahun 1990. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, sukarelawan kita ramai di tahap yang amat tinggi pendidikan dan pengajian mereka serta pengetahuan mereka. Jadi ini akan kita teruskan kerana tujuan kita ialah sekurang-kurangnya 10% daripada rakyat Malaysia mesti mengetahui ilmu berhubung dengan pertahanan awam.

Kedua, sudah dijawab bersama dengan itu tadi mengenai elaun dan orang awam dan SOP Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu kerana soalan Yang Berhormat strategik kerana ia di dalam kajian kita. SOP ini juga bersama dengan kajian yang saya buat untuk melihat semula. Kalau aset-aset ini telah dapat kita minta daripada pihak kerajaan dapat diberi oleh pihak kerajaan, *insyallah* SOP ini akan dibuat.

Saya akan maklumkan satu Tuan Yang di-Pertua. Kalau di *Germany* umpamanya yang saya baru balik daripada *Germany* melihat sendiri, di *Germany* ada peraturan dan perundangan yang disebutkan apabila kita menerima sesuatu mesej ataupun maklumat berhubung dengan malapetaka yang berlaku *which in 15 minutes you must* sampai ke tempat berlaku tersebut. Tidak kisah sama ada berlaku kemalangan jalan raya, kehilangan dalam hutan, kebakaran yang besar-besaran ataupun karam di lautan.

Dalam masa 15 minit orang yang mengendalikan Jabatan Pertahanan Awam ini, pihak polis, tentera ataupun kebakaran macam bomba mesti sampai ke tempat itu di bawah undang-undang mereka. Undang-undang ini mengatakan bahawa ada kajian telah dibuat pihak yang luka, sakit dan sebagainya perlu dikejarkan ke hospital dalam masa 15 minit sebabnya kalau lama lagi kos untuk pembaikpulihan dia akan meningkat. Kajian ini amat terperinci sekali daripada *cost and effect* berhubung dengan *injury* dan sebagainya.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kerajaan boleh menyelamatkan berjuta mungkin berbilion daripada soal keselamatan umpamanya jalan raya dalam masa beberapa minit dia mesti sampai ke hospital dan mendapat *treatment*. Maknanya SOP kita termasuk semua

soalan *timing*, soalan kepakaran, paramedik dan sebagainya untuk anggota-anggota JPAM yang kita sebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sedar bahawa JPAM, JPA3 dahulunya telah pun kini mempunyai imej yang cukup baik saya kira dengan uniformnya berwarna celoreng oren itu. Saya ingat dari segi aspek logistik pun telah dilengkapi ambulans dan sebagainya. Kemudian mereka ini banyak bertugas atas dasar kesukarelawanan dan kadang-kadang mereka juga menjaga perlawanan bola sepak, mereka juga kadang-kadang angkat *stretcher*. Ini semua adalah sebahagian daripada kerja-kerja sukarela.

Soalan saya, adakah mereka ini walaupun mempunyai ambulans kemudian bertugas menghadapi masyarakat dan sebagainya mempunyai pasukan perubatan yang *qualified*? Adakah doktor yang menawarkan diri menjadi sebahagian daripada sukarela JPAM ini? Apakah peranan mereka? Contohnya ketika ini kita menghadapi isu berkaitan dengan pelarian. Adakah mereka juga mempunyai peranan? Bagaimanakah peranan mereka itu dilaksanakan? Terima kasih.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat itu saya telah dimaklumkan ada masyarakat daripada Parlimen Maran datang di Parlimen kita dan saya ucapkan selamat datang ke Parlimen Malaysia. Dengar, ini Parlimen Santubong bercakap. [*Ketawa*] Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] : Sila, sila.

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Selamat datang tuan-tuan dan puan-puan. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf oleh kerana lari sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini memang relevan. Dalam kajian yang kita buat berlandaskan *benchmarking* yang dibuat oleh pihak *Germany* ia dianggap sebagai dengan izin *one of the best in the world* daripada sudut prasarana undang-undang ataupun infrastruktur undang-undang dan kelengkapannya sekali. Bahkan kita melihat bukan sahaja daripada sudut doktor, paramedik dan pihak-pihak yang berkepakaran khusus dalam sudut ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihatkan *air ambulance* yang kita sebutkan iaitu saya sudah pergi ke *airbus* untuk melihat sendiri *air ambulance* ini yang mana helikopter yang boleh di *convert* iaitu C-145 yang boleh di *convert* dalam masa 10 minit oleh pihak pakar daripada membawa *passenger* kepada menjadi *air ambulance* yang boleh diguna *multipurpose*.

Ini juga kita melihat harapan kita ialah untuk kelengkapan ini disediakan. Saya cukup yakin di luar sana banyak pihak doktor sebagaimana yang dibuat dan dikaji di *Germany* mahu menyumbang perkhidmatan secara sukarela kepada kerajaan untuk membantu agensi-agensi seperti JPAM ini untuk bekerjasama dengan kita. Selain daripada JPAM itu sendiri mesti mempunyai pegawai-pegawai pakar dia sendiri bukan sahaja dari sudut ilmu paramedik, *medical* tetapi juga psikiatri dan psikologinya sendiri kerana trauma Tuan Yang di-Pertua adalah salah satu daripada perkara yang memang kita lihat sebagai satu yang amat penting.

Saya belajar ini daripada *MERCY* Datuk Dr. Jemilah dahulu yang mengatakan kita tinggalkan yang lain tengok yang luka, tengok yang lain. Manakala yang kena trauma ini mungkin tidak ada luka dalam badan dia tetapi hatinya terluka kena jaga juga. Jadi dalam kajian saya memang melibatkan ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengetengahkan produk-produk berinovasi dari universiti-universiti tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Ewon Ebin]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa komited dan berikan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk membawa produk-produk berinovasi mereka ke peringkat seterusnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses mengetengahkan produk inovasi, melibatkan beberapa sub proses yang lain sebelum ia boleh dikomersialkan.

Bagi mencapai tujuan tersebut kementerian juga membuka peluang kepada universiti-universiti tempatan melalui program-program kementerian antaranya ialah pertama, melalui dana-dana seperti InnoFund, TechnoFund dan dana yang disalurkan kepada agensi R&D di bawah MOSTI. Penyelidik dan universiti tempatan boleh memohon dana InnoFund dan TechnoFund secara terus kepada kementerian. Dana-dana ini bertujuan untuk memperkemas lagi produk yang berinovasi dari universiti tempatan supaya dapat memasukkan nilai tambah kepada produk-produk tersebut. Walau bagaimanapun, dana TechnoFund tidak terbuka kepada penyelidik secara individu. Penyelidik dan universiti tempatan bolehlah memohon dana TechnoFund melalui syarikat Startup yang terdapat di semua universiti tempatan;

Kedua, kementerian juga menawarkan perkhidmatan bagi meningkatkan nilai tambah serta kualiti produk-produk supaya memenuhi kehendak pasaran, standard dan piawaian setara caj pengguna dan pepadanan perniagaan ataupun *business matching* dengan izin. Contohnya SIRIM yang menawarkan perkhidmatan pengujian dan jaminan kualiti kepada produk mengikut ketetapan piawaian antarabangsa. Manakala Jabatan Standard Malaysia pula membantu memberikan panduan kepada universiti tempatan mengenai adaptasi standard atau piawaian pada peringkat pra pengkomersialan dan pengkomersialan serta audit teknologi.

■1120

Seterusnya yang ketiga, kementerian juga menawarkan perkhidmatan kepakaran memberikan khidmat nasihat bagi meningkatkan nilai pasaran kepada produk-produk berinovasi. Contoh agensi kementerian menjalankan fungsi ini ialah Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM). MRM menyediakan kepakaran dalam mereka bentuk supaya dapat meningkatkan nilai pasaran produk tersebut supaya sejajar dengan cita rasa pengguna.

Keempat, secara umumnya, di peringkat kementerian, program-program menengahkan produk inovasi dibuat secara berjadual, bersifat acara dan pameran. Program-program ini tidak hanya tertumpu kepada universiti tempatan tetapi terbuka kepada semua individu, syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan. Antara program yang dijalankan secara tahunan ialah Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan atau dengan izin, *National Innovation Conference Exhibition (NICE)*, Anugerah Inovasi Negara (AIN) dan juga Tahun Pengkomersialan MOSTI atau dengan izin, *MOSTI Commercialization Year*. Program ini diadakan bagi membolehkan sesiapa sahaja untuk mempamerkan hasil R&D yang berinovasi dan mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Pengisian yang lain termasuklah percambahan ilmu dan idea baru, pengiktirafan atas kejayaan inovasi yang dihasilkan, promosi produk dan perkhidmatan serta pepadanan perniagaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita tengok kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, kerajaan mempunyai pelbagai institusi yang akan menilai dan juga mengiktiraf serta membuat perancangan-perancangan bagi menggalakkan perkembangan kepada projek-projek inovasi daripada universiti-universiti.

Cuma ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kita mempunyai satu institusi yang berpusat, yang *centralized*, di mana semua universiti-universiti apabila mereka menghasilkan apa-apa kajian dan produk-produk inovasi, jadi untuk menjadikan produk inovasi mereka itu sah dan boleh diperdagangkan, maknanya mereka perlu menyalurkan permohonan ataupun urusan tersebut kepada satu institusi sahaja? Institusi inilah yang menggabungkan jabatan-jabatan teknikal lain yang membuat penilaian.

Ini kerana selama ini kalau kita tengok, apabila satu produk inovasi itu dicipta, jadi pihak universiti dan juga pensyarah-pensyarah yang membuat projek-projek inovasi ini terpaksa melalui prosedur yang pelbagai dan bertingkat-tingkat malah memakan masa yang begitu lama kerana banyaknya agensi-agensi yang perlu menilai terhadap hasil-hasil inovasi tersebut.

Jadi boleh atau tidak kerajaan menyatukan dengan mewujudkan satu institusi yang memberikan tumpuan kepada penilaian dan penghasilan produk-produk inovasi universiti supaya kita boleh melihat hasil-hasil kajian yang berinovasi ini tidak tersimpan dalam gudang *library* sahaja ataupun di dalam stor-stor universiti semata-mata.

Kemudian, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah produk hasil keluaran universiti yang telah dipatenkan sepanjang tahun 2014 dan juga berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada universiti-universiti untuk projek-projek inovasi sepanjang tahun 2014 dan universiti manakah yang mendapat peruntukan yang tertinggi? Terima kasih.

Datuk Dr. Ewon Ebin: Okey, terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat tadi. Memang saya bersetuju bahawa kalau diadakan satu badan yang dapat melihat ini semua, ia akan dapat mempercepatkan proses pengkomersialan produk-produk yang dihasilkan oleh universiti-universiti tempatan.

Juga kalau kita masih ingat ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2015 yang lalu, beliau menyatakan dan menyasarkan supaya jumlah produk inovasi R&D yang telah siap kita lakukan, sasarannya ialah 360 produk menjelang tahun 2020. Pada tahun ini- tahun lepas sasaran kita ialah 60 produk. Sebetulnya kita telah melewati dengan sasaran itu kerana *last year* kita dapat mengkomersialkan lebih kurang 65 produk. Jadi saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat tadi mengenai dengan menubuhkan satu badan untuk melihat semua inilah. Kita ambil perhatian mengenai dengan saranan Yang Berhormat.

Soal jumlah produk daripada universiti-universiti tempatan yang telah pun siap dan dikomersialkan, saya tidak ada *figures* di sini tetapi saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah kita beri kepada universiti-universiti tempatan bagi tahun 2014 dan 2015 untuk R&D ini ialah berjumlah RM44,000,092. Ini adalah *figure* untuk tahun 2014 dan 2015. Sekian.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana produk inovasi yang telah dilaksanakan oleh universiti ataupun pengajian tinggi IPTS dan sebagainya dapat dikomersialkan, satu, melalui pembelian ataupun peruntukan daripada kerajaan sendiri, dan yang kedua sejauh mana hubungan kerjasama universiti dengan industri sehingga produk inovasi ini dapat dikomersialkan oleh industri berkenaan? Terima kasih.

Datuk Dr. Ewon Ebin: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sebenarnya kalau kita lihat produk-produk yang dilaksanakan oleh universiti tempatan, kita lihat bahawa banyak juga produk-produk yang boleh kita komersialkan. Apa yang kita laksanakan sekarang ini ialah kita minta supaya universiti-universiti ini bekerjasama dengan industri oleh sebab hanya industri yang tahu produk apa yang mereka inginkan.

Seperti mana yang saya terangkan tadi, bahawa produk ini adalah penting sekali untuk dikomersialkan oleh sebab di satu ketika dahulu ada juga yang merungut di mana kita telah membelanjakan sekian banyak kewangan tetapi tidak banyak pula produk R&D yang dikomersialkan. Oleh yang demikian, seperti mana yang telah saya terangkan tadi, bahawa kita telah menyasarkan pengkomersialan produk-produk ini bukan sahaja daripada universiti ini tetapi juga daripada produk-produk R&D yang lain iaitu sebanyak 360 produk menjelang tahun 2020.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

9. Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah terdapat rancangan pihak kementerian di dalam membina fasiliti baru Hospital Kapit dan menambah jumlah mesin-mesin dialisis di Hospital Kapit bagi menampung jumlah pesakit yang kian bertambah di kawasan ini yang jauh dari bandar utama lain di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Ini adalah soalan yang spesifik kepada Hospital Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, Hospital Kapit yang berkapasiti 134 katil telah beroperasi sejak tahun 1960 bermula dengan sebuah hospital tanpa pakar dan dinaik taraf kepada hospital pakar minor sejak tahun 2006. Ia menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada 120,000 penduduk di sekitarnya. Kadar penggunaan katil atau *beds occupancy rate* adalah sebanyak 46% pada tahun 2013 dan 49% pada tahun 2014.

Cadangan bagi menaik taraf fasiliti Hospital Kapit telah dikenal pasti oleh KKM dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk di Kapit. Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan ini akan dilaksanakan secara berperingkat memandangkan peruntukan yang terhad. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh, beberapa kerja menaik taraf telah dilaksanakan di Hospital Kapit di antaranya ialah kerja-kerja menaik taraf sistem kejuruteraan hospital seperti sistem elektrik di unit penjagaan rapi, kerja menaik taraf sistem gas perubatan dan kerja menaik taraf tangki air dan *GI pipe system*.

■1130

Ketika ini, Unit Hemodialisis Hospital Kapit beroperasi dengan lapan buah mesin hemodialisis untuk keperluan masyarakat di Kapit. Seramai 43 pesakit masih menerima rawatan di Unit Hemodialisis di Kapit namun begitu cadangan untuk menambah jumlah mesin-mesin hemodialisis di Hospital Kapit akan dipertimbangkan mengikut keperluan nanti.

Sehubungan itu dengan mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan permohonan menaik taraf Hospital Kapit atau penambahan blok Klinikal Tambahan akan dikemukakan semula sebagai salah sebuah projek keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan datang dalam *rolling plan* yang kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya telah diberitahu dengan *facilities* yang diberi kepada Hospital Kapit tetapi untuk makluman Dewan ini, Hospital Kapit ini telah dinaik taraf dari tahun 1994 hingga sekarang bermakna 21 tahun Hospital Kapit ini sepatutnya dapat diberi satu hospital yang baru.

Pada dua-tiga tahun yang akan datang satu *Baleh Dam* akan dibina. Bermaknanya jumlah penduduk akan ditambah. Dari 134 katil atau *bed* yang sedia ada ini tidak memadai kalau kita dalam 5-10 tahun akan datang. Oleh yang demikian, fasiliti-fasiliti seperti *CT Scan* mesti diberi kepada Hospital Kapit kerana dalam lima tahun akan datang ini belum ada jalan raya lagi.

Jadi saya percaya sekarang ini jalan raya yang telah guna untuk membawa pesakit dari Kapit *transfer* ke Sibu menggunakan pengangkutan air, Yang Berhormat. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh pergilah ke kawasan Kapit untuk melihat sendiri keadaan hospitalnya supaya dapat memberi pandangan yang begitu jelas dan sebagai wakil rakyat saya mohon Kementerian Kesihatan dapat memberi satu hospital baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Memang saya nampak ada keperluan dan setakat ini memang juga saya tahu bahawa untuk hendak hantar pesakit ke Sarikei ataupun Sibu, tiga jam naik bot, tiga jam naik bot. Itu pun kalau naik melalui darat satu setengah jam. Jalannya tidak elok. Setakat ini untuk kepentingan rakyat di sana memang kita ada banyak klinik kesihatan (KK). Ada lapan klinik kesihatan dan yang paling dekat Klinik Kesihatan Kapit 10 minit menggunakan kereta.

Jadi saya *insya-Allah* dalam masa terdekat saya ingin juga pergi ke Baram, selepas ini *insya-Allah* ke Kapit pula. Ini saya ambil perhatian dan saya akan membuat lawatan sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENEMUAN KEM MEMPERDAGANGKAN MANUSIA DAN
KUBUR DI KAWASAN MALAYSIA**

11.33 pg.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun memfailkan satu usul untuk menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk berbahas dan berunding atas isu kem-kem yang telah dijumpai dan kubur-kubur yang telah dijumpai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baca usul, baca usul.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Okey, saya mencadangkan bahawa Dewan ini menggesa Menteri Dalam Negeri memberi penjelasan dalam soal keselamatan negara bagaimana kem-kem memperdagangkan manusia dan kubur-kubur yang baru ditemui di dalam kawasan Malaysia boleh terjadi tanpa pengetahuan kerajaan selama ini.

Perkara tersebut di atas adalah tertentu bahawa iaitu 139 kubur dan 28 kem memperdagangkan manusia telah ditemui dalam kawasan Malaysia dan adalah berkepentingan orang ramai kerana melibatkan kegagalan kerajaan mengawal dan mengurus sempadan negara kita yang melibatkan keselamatan negara dan kematian beratusan orang dan perlu disegerakan kerana jelas bahawa sempadan negara kita tidak selamat dan telah dilanggari sejak beberapa tahun lalu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan Alor Setar pada hari Selasa, 26 Mei 2015. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua adalah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (i) tertentu – perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai – ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendakkan disegerakan – perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. [*Tepuk*] Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3) usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan Mesyuarat 12(1), Yang Berhormat Menteri.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.37 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8 malam dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 28 Mei 2015.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“**Bahawa Dewan ini,**

Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

Merestui usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

Meluluskan pelaksanaannya bertunjangkan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah 23 Tahun 2015;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” **[26 Mei 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Pokok Sena untuk menyambung berucap ada masa 10 minit lagi.

11.38 pg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun 10 minit tetapi Yang Berhormat Marang semalam 20 minit ada *balance* 10 minit. Yang Berhormat Shah Alam 25 minit ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mereka *transfer* dekat saya. [Dewan riuh] [Ketawa] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya berhenti kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak ada peraturan macam itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, itu ihsan, ihsan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Budi bicara Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Memang Tuan Yang di-Pertua baik orangnya, senyumnya manis menawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti semalam berkaitan dengan 1MDB. Saya mengingatkan kerajaan jangan menganggap bahawa ini krisis dalaman UMNO. Ini adalah krisis negara. Krisis yang menyentuh soal kepentingan negara dan beban yang terpaksa ditanggung oleh rakyat di dalam negara kita ini.

Jadi sebab itu penyelesaiannya ialah bukan hanya sekadar untuk penyelesaian dalaman. Panggil buat taklimat kepada pemuda UMNO, panggil buat taklimat kepada wanita UMNO, menyanyi lagu tepuk amai-amai, belalang kupu-kupu sahaja. Akan tetapi yang kita hendak ialah penyelesaian yang telus dan jujur. Satu penyiasatan harus dibuat. Sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Johor Bahru atas nama Pengerusi *Backbencher*. Dia mengingatkan bahawa mana-mana Ahli Kabinet yang tidak bersetuju dalam keputusan Kabinet dalam menangani persoalan 1MDB, sila letak jawatan.

■1140

Saya cabar Yang Berhormat Pagoh, Timbalan Perdana Menteri. Ayuh! Sahut cabaran daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Bukan bermain politik untuk dalaman UMNO tetapi demi negara, demi rakyat. Saya minta Yang Berhormat Pagoh secara *gentleman* menyahut cabaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Johor Bahru untuk proses pendidikan politik dalam negara kita kepada rakyat, menyedarkan rakyat bahawa apa yang dilakukan oleh Kabinet adalah suatu yang tidak betul, yang menyalahi. Ini yang sepatutnya dilakukan oleh Yang Berhormat Johor Bahru. Sebab itu saya menyebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya melihat bahawa masing-masing bermain politik. Yang Berhormat Johor Bahru pun bermain politik dalam hal ini.

Saya pun hendak tanya dia, adakah dia setuju atau tidak setuju keputusan Kabinet walaupun dia bukan anggota Kabinet tetapi dia tahu keputusan itu ada salah, ada betul, antara dua. Kalau salah dia hendak sokong lagi, peliklah *Backbencher* boleh sokong Kabinet yang salah. Sepatutnya dia juga kena meletakkan jawatan sebagai Pengerusi *Backbencher*. Ini sebab Tuan Yang di-Pertua bahawa kita sudah sampai kepada peringkat yang sangat bermasalah, sampai ke peringkat yang sangat kritikal.

Saya hendak balik semalam, saya sentuh sedikit berkaitan dengan bagaimana pembelian tanah yang dibuat oleh Tabung Haji. Saya katakan semalam saya bersimpati dengan rakan saya daripada Yang Berhormat Baling. Saya kasihan Yang Berhormat Titiwangsa hentam dia dalam *Facebook* dan sebagainya. Yang lain pun hentam dia sedangkan saya tahu bahawa berlakunya keputusan itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa bangun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya hendak betulkan ini. Hentam fasal apa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa dia?

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya tidak pernah hentam.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Fasal kenyataan hentam Tabung Haji.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Tidak ada, saya tidak hentam Tabung Haji.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada, ada, ada. Saya baca.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya cakap apa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya baca.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Tidak betul itu. Kena baca balik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya pun kasihan. Maknanya duduk di belakang kawan, tikam kawan sungguh, duduk di belakang [*Ketawa*].

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Hendak guna Yang Berhormat Titiwangsa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Saya tahu bahawa keputusan itu dibuat sebelum dia menjadi Pengerusi Tabung Haji. Keputusan untuk pembelian tersebut dibuat sebelum dia jadi Pengerusi Tabung Haji.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Sebab itu saya masih mempersoalkan bahawa apakah kuasa Yang Berhormat Menteri di sana, kuasa Yang Berhormat Menteri sebab saya merujuk kepada isu kes Bank Rakyat. Tan Sri Sabbaruddin Chik, bekas Setiausaha Agong UMNO yang merupakan Pengerusi Bank Rakyat pada waktu itu menolak cadangan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengarahkan mereka, *board* untuk membuat semula, menyusun semula berkaitan dengan pembayaran hutang RM31 juta yang dibuat oleh Deepak supaya dibuat dalam bentuk sepuluh tahun dengan 120 *post dated cheque*.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh! Dahsyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Board* menolak cadangan tersebut tetapi Yang Berhormat Menteri menggunakan kuasa dia memaksa *board* dengan ugutan dan sebagainya. Akhirnya, *board* terpaksa akur kepada perintah daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, kalau dalam kes Bank Rakyat pun menunjukkan bagaimana Yang Berhormat Menteri salah guna kuasa dia, saya fikir dalam hal ini pun sama. Apakah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk menjaga Tabung Haji - tidak mustahil dia juga menyalahgunakan untuk memaksa *board* untuk membuat keputusan yang tidak memihak kepada pendeposit Tabung Haji untuk menyelamatkan Tabung Haji.

Tabung Haji lahir daripada kertas kerja yang dibentang oleh Profesor Diraja Ungku Aziz iaitu satu kertas kerja yang dibentang dalam tahun 1959 kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman, bagaimana untuk memperbaiki ekonomi bakal-bakal haji. Disebut, hendak memperbaiki ekonomi bakal-bakal haji. Tiba-tiba hari ini Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, tidak melakukan satu tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan. Jadi bagi saya bahawa ini suatu yang harus dilihat secara yang serius dan satu tindakan harus dibuat. Sebab - saya begini, kalau Perdana Menteri boleh *call* suruh jual tanah tersebut, saya fikir bahawa Perdana Menteri juga boleh *call* untuk suruh beli tanah tersebut sebelum ini dalam tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat, kalau berhujah pun hati-hati.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang apa yang dihujah itu tidak semestinya itu yang berlaku.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, tidak apa. Tidak berlaku pun ada jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ialah andaian-andaian. Jadi, jangan gunakan kebebasan berhujah itu di dalam Dewan, tidak *control* itu hujah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, baik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma mengingatkan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menggunakan hujah saya. Kalau tidak betul, mereka boleh menjelaskan, boleh menjawab. Saya memberikan fakta berasaskan kepada kes Bank Rakyat untuk membuktikan, diakui sendiri oleh Tan Sri Sabbaruddin Chik selaku Pengerusi Bank Rakyat pada waktu itu. Jadi, saya menggunakan hujah ini. Alasan itu menunjukkan ada bukti yang menunjukkan berlaku salah guna kuasa. Oleh sebab itu saya mempersoalkan bagaimana kerajaan boleh membiarkan keadaan krisis ini berlarutan sampai kepada peringkat ini. Sebab itu saya cukup kecewa macam apa yang disebut semalam oleh Pemuda UMNO yang menyebut juga berkaitan dengan isu 1MDB ini yang mungkin mengatakan bahawa mereka bukan soal setia atau tidak setia kepada Perdana Menteri kerana menimbulkan persoalan.

Ini bagi saya bahawa yang penting ialah kesetiaan kita kepada negara, kesetiaan kita kepada negara untuk menyelamatkan negara, bukan hendak menyelamatkan sama ada Perdana Menteri hendak menyelamatkan Parti UMNO dan sebagainya. Akan tetapi yang penting ialah rakyat dan negara. Jadi saya minta sungguh-sungguh pada pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan dalam isu 1MDB dan juga yang saya sebutkan semalam di awal itu ialah berkaitan dengan notis yang diberikan oleh Bank Pusat Singapura kepada Bank Negara dan saya mempersoalkan bahawa apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara untuk membatalkan tanda tangan Lembaga Pengarah dan melakukan perkara-perkara yang sepatutnya dilakukan seperti mana membuat *report* polis dan sebagainya untuk mengambil tindakan-tindakan lanjut kerana Bank Pusat Singapura telah memberikan notis yang menimbulkan persoalan yang berkaitan dengan dokumen palsu yang diberikan oleh anak syarikat kepada 1MDB.

Ini krisis yang sangat memalukan negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta penjelasan harus diberikan secara jujur, bukan penjelasan dalam *Twitter*, dalam *Facebook*, dalam *blog*. Yang itu sambil meniarap, sambil tidur pun boleh buat. Akan tetapi yang kita hendak ialah satu yang jujur, yang datang ke sini, Perdana Menteri sendiri, Menteri Kewangan sendiri datang untuk memberikan penjelasan.

Saya hendak juga menarik perhatian berkaitan kes yang berlaku dalam Kementerian Belia dan Sukan. Saya hendak mempersoalkan bagaimana Kementerian Belia dan Sukan dalam penganjuran Hari Belia Negara. Sebelum ini, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri berjanji bahawa semua program berkaitan dengan sambutan Hari Belia ini projeknya akan dibuat dalam bentuk *open tender*. Akan tetapi apa yang berlaku dalam Hari Belia 2015 baru-baru ini, ia masih dibuat dalam bentuk runding terus dengan memakan belanja yang sangat besar dan termasuk berkaitan dengan sambutan Fit Malaysia dan Hari Sukan Negara 2015 juga yang dibuat melalui kaedah runding terus dengan jumlah RM16 juta dan begitu juga yang berkaitan dengan Hari Belia yang dibuat baru-baru ini, yang menunjukkan kepada saya bahawa suatu yang sangat tidak wajar. Ini kerana ia berlaku yang mana teguran-teguran telah pun dibuat sebelum itu yang sepatutnya kerajaan ambil perhatian kerana ini ialah satu teguran yang pernah dibuat oleh Audit sebelum itu dalam audit umum. Akan tetapi yang saya persoalkan ialah audit pengurusan program Hari Belia Negara 2011, 2013 sampai sekarang tidak dibentangi. Jadi kenapa tidak dibentangi? Saya hendak tanya kepada Audit, kenapa tidak dibentangi? Audit harus jawab kenapa tidak dibentangi.

Macam mana kita hendak percaya tentang Laporan Audit yang bakal dikemukakan oleh Ketua Audit berkaitan dengan 1MDB kalau audit berkaitan dengan pengurusan program Hari Belia Negara 2011, 2013 tidak dibentangi. Sudah siap, janji hendak bentangi tetapi tidak di bentangi. Kenapa? Ini kerana dalam audit pengurusan program Hari Belia Negara itu saya difahamkan mengandungi beberapa perkara yang menunjukkan bahawa ada unsur-unsur yang tidak betul, diberikan secara runding terus kepada syarikat '*Free Foam*' yang dalam tahun 2015 baru ini diberi lagi. Padahal sebelum itu '*Free Foam*' ini sudah dapat.

Apa yang peliknya Tuan Yang di-Pertua ialah bila dalam Hari Belia baru-baru ini, dibuat satu berkaitan dengan penjenamaan semula Rakan Muda, diberikan kepada 'Free Foam'. 'Free Foam' lantik dia punya *consultant* dia, subjek ialah syarikat dari Australia. Takkan syarikat dalam negara kita tidak ada. Sedangkan kalau mengikut dokumen kaedah-kaedah perolehan kerajaan, hanya boleh diberikan kepada syarikat-syarikat luar negara kalau didapati perkara-perkara tersebut tidak mempunyai di dalam negara kita, bermakna tidak ada syarikat-syarikat yang boleh buat dalam negara kita. Sedangkan untuk hendak penjenamaan semula Rakan Muda ini boleh dilakukan hanya diberikan kepada syarikat di dalam negara kita.

■1150

Jadi ini hal yang harus dilihat oleh kerajaan bagaimana satu bentuk unsur yang bagi saya bahawa satu unsur penyelewengan yang sangat membimbangkan kita macam kalau disebut di sini bahawa macam mana diberikan melaksanakan kawal selia *conceptual design*, pelan lokasi lalu lintas. Ini diberikan sedangkan mereka tidak memberikan satu laporan perincian, kalau ikut *report* dalam KBS ini menunjukkan bahawa mereka tidak memberikan perincian dalam tuntutan mereka itu apa yang mereka lakukan. Saya difahamkan tentang *conceptual design* itu sudah pun ada, sudah pun dibuat oleh Kementerian Belia sendiri. Sebelum itu mereka hanya...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua minit? Tuan Yang di-Pertua baru masuk tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat, menurut nota di sini Yang Berhormat harus berhenti berucap pada 11.48. Sekarang 11.51. Itu sudah lebih dan kadang-kadang kita berhujah Yang Berhormat masa kita tidak ingat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini yang saya katakan hebatnya Tuan Yang di-Pertua. Keberanian Tuan Yang di-Pertua yang sepatutnya dicontohi oleh Yang Berhormat Pagoh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena ini melaga-laga dalam peraturan mesyuarat juga tidak dibenarkan. Sila, tinggal dua minit lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, sebab itu saya minta satu penjelasan daripada kedua-dua. Daripada Audit dan juga daripada KBS, Kementerian Belia dan Sukan bagaimana janji Menteri Belia akan buat *open table* tetapi masih lagi sampai sambutan baru-baru ini dibuat dalam bentuk runding terus.

Ini yang saya dapatkan penjelasan dan akhir sekali saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Pelancongan. Saya hendak tanya kepada Kementerian Pelancongan ini, status tapak arkeologi di Sungai Batu, Merbok. Apa status dia? Sebab saya dapati ada satu kajian yang telah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia iaitu dibuat oleh Prof. Dr. Mokhtar Saidin selaku Pengarah pusat ini berkaitan dengan penemuan-penemuan yang berlaku di Sungai Batu itu satu, lapan tapak mendedahkan bukti satu jeti sungai yang berlokasi bertentangan antara satu sama lain di antara sungai selebar 100 meter.

Bukti jeti itu ditunjukkan oleh lokasi kesemuanya di tepi Sungai Batu Kuno. Ini sejarah lama, 300 tahun. Juga ditemui ialah pusat peleburan besi perusahaan industri berat yang 300 tahun dahulu dan juga wujudnya tampak industri peleburan besi telah beroperasi 300 tahun sebelum Masihi bukti peleburan besi ditunjukkan oleh kehadiran bijih besi, sisa besi, peniupan angin, sisa relau arang dan abu pembakaran serta jongsong-jongsong besi yang ditemui di lokasi tersebut. Lokasi itu menunjukkan jutaan jongsong-jongsong besi, ada yang tertanam dan ada yang timbul di permukaan tanah.

Saya hendak tanya kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini berkaitan dengan apa kementerian bertindak atas kajian dan penemuan yang dibuat ini dan adakah kerajaan dan kementerian bercadang agar kawasan yang terlibat ini diberikan status UNESCO dan dicadang sebagai satu kawasan untuk boleh menarik kawasan warisan, pelancongan warisan untuk menarik kehadiran pelancong yang lebih ramai.

Akhir sekali seminit lagi, tadi seminit gulung. Berkaitan dengan industri pelancongan di Langkawi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sebab saya dapati bahawa di sana ada *tourist guide* yang berkhidmat di sana memberikan perkhidmatan dengan kebolehan-kebolehan berbahasa yang pelbagai. Namun mereka ini tidak mempunyai satu persijilan yang boleh mereka mendapat pendapatan dengan *rate* semasa daripada syarikat-syarikat pelancongan.

Jadi adakah pihak kerajaan khususnya kementerian ingin mengenal pasti mereka ini dan juga menarik mereka dan memberikan satu sijil khas supaya mereka ini boleh dapat meningkatkan pendapatan mereka dengan *rate* semasa. Sekarang ini ikut suka orang hendak bagi saya. Jadi dengan *rate* semasa ini akan boleh meningkatkan pendapatan khususnya kepada penduduk-penduduk masyarakat di Langkawi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang banyak bersabar walaupun mempunyai kehebatan semangat perjuangan yang tinggi sanggup untuk berikan surat letak jawatan. Ini satu yang sangat hebat. Saya harap Yang Berhormat Pagoh menerima cabaran daripada Yang Berhormat Johor Bahru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Memandangkan ramai lagi yang hendak berhujah turut berbahas dalam Usul Rancangan Malaysia Kesebelas ini, maka saya membuat keputusan untuk mengehendkan masa kepada 20 minit sahaja bermula dari Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan ada 20 minit dan pembahas berikutnya juga 20 minit. Kalau boleh jangan kasi lebih. Kurang, saya tumpang gembira kalau kurang daripada 20 minit. Sila.

11.56 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kata orang tua-tua, orang terbelakang ini ada dua. Kadang-kadang untung tetapi banyak ruginya. Jadi itulah nasib. Kita terima. Yang Berhormat Pokok Sena sudah makan waktu saya terlampau banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas, saya dua tiga hari ini mendengar hujah rakan-rakan khususnya dari puak sebelah kanan ini. Nampaknya tidak ada satu pun dalam enam teras Rancangan Malaysia Kesebelas ini boleh diterima oleh puak pembangkang. Saya hairan di Malaysia ini, di mana-mana negara pun betulnya ada parti pembangkang tetapi tidaklah sebegini. Mereka membangkang semasa pilihan raya, dan selepas itu mereka menyokong akan dasar kerajaan untuk kepentingan rakyat dan negara. Akan tetapi pembangkang di tempat kita ini kerja dia bangkang terus. Sama ada kerajaan buat betul pun dia kata salah, buat salah lagi salah. Yang kecil dijadikannya gunung, yang pendek dilebar-lebarkannya. Inilah pembangkang.

Saya hairan, hendak memerintah negara tetapi pakatan dia sendiri saya tengok tidak ada hala tuju. Mula-mula hendak buat 'kabinet bayangan', PKR sudah buat, DAP masuk campur. Ini kita pun ada 'kabinet bayangan' sendiri. PAS diam. Saya perhati Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu masuk campur politik pembangkang Tuan Yang di-Pertua, itu urusan mereka. Akan tetapi saya perhatikan PAS ada pepatah orang tua-tua dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya baru ingat umpama '*melukut di tepi gantang*'.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Tidak betul, tidak betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kehadiran dia pun tidak nampak, tidak ada dia pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Khususkan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan cakap begitu sebab Yang Berhormat Pokok Sena yang mulai. Itu sebab jangan hujah perkara-perkara yang

mengundang reaksi seperti berikut. Saya yang dapat tekanan Yang Berhormat. Sila. Sampai di situ sahaja khususnya kepada Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu negara. 1MDB, isu yang berlegar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena kita faham, tidak payah Yang Berhormat Pokok Sena hujah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini isu yang langsung tidak bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu mukadimah Tuan Yang di-Pertua sebab saya terbaca buku. Kekuatan ekonomi sesebuah negara bergantung kepada kekuatan politik negara itu. Jadi Rancangan Malaysia Kesebelas ini tidak akan diperkukuhkan implementasinya kalau politik negara kucar-kacir. Sebab itu mukadimah saya menjurus ke arah itu. Ini bermakna hujah saya tidak lari Tuan Yang di-Pertua. Dia memang ada kaitan dia 100% berpusing. Cuma mungkin ada rakan-rakan terkena tempias dialah tetapi itu realiti. Realiti di negara kita ini kerja pembangkang 24 jam dia bangkang. Cuma yang peliknya dalam PAS ini orang dia pun bangkang Presiden dia. Yang Berhormat Gelang Patah cabar PAS keluar daripada pembangkang.

■1200

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Mohon mencelah.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Kinabatangan, masalah Sabah banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tahu bagaimana PAS masih boleh bertahan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Janganlah, ini tiada kaitan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Telah dicabar oleh Yang Berhormat Gelang Patah supaya PAS keluar daripada Pakatan sebab kalau tidak keluar dia kata Pakatan Pembangkang hanya ada dua minggu untuk runtuh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini masalah Sabah kah? RMK mana ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, mereka berhujah satu dua hari...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kinabatangan tidak sedar Tun M...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya duduk diam Tuan Yang di-Pertua, saya dengar sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: PAS bergelut kah, PAS tidak bergelut kah, masalah Sabah apa? Orang Sabah mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya berhujah, dia bising pula.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Adakah RMK fasal PAS?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kekuatan politik bergantung pada kekuatan ekonomi, itu kaitannya. *[Ketawa]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa dia? Apa dia?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya tidak tahu apa hala tuju Yang Berhormat Gelang Patah mahu minta PAS supaya keluar daripada komponennya. Saya tidak mahu campur Tuan Yang di-Pertua, itu urusan mereka. Cuma saya mahu pesan...

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sudah campur pun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Biar rakyat tahu, biar rakyat tahu bahawa parti ini memang kalau diberi amanah, tidak amanah. Kalau diberi mandat, pasti negara kita akan lingkup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ada dua puluh minit sahaja, tidak ada penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah Yang Berhormat Kinabatangan anggap di sebelah sini adalah kerajaan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan. Kenapa dia ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: 'Government in waiting'. Itu sebab Yang Berhormat Kinabatangan begitu bimbang terhadap Pakatan Rakyat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi laluan, Yang Berhormat Seputeh duduklah. Saya ini pencinta wanita tetapi saya mahu wanita yang *slow* sikit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang *slow* sikit? Apa maksud *slow* sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, yang soal dengan Yang Berhormat Seputeh itu boleh diceritakan di luar perbahasan. Sambung nanti lepas ini. Fokus kepada RMKe-11.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar sana harus melihat. Kita dianugerahkan oleh Allah SWT segala pancaindera, segala anugerah. Memang kita akui dalam UMNO pun ada sedikit krisis. Kita akui. [Dewan riuh] "Lautan mana tidak bergelora, bumi mana tidak ditimpa hujan, hati mana yang tidak terluka," tidak ada. Semuanya, ini takdir Allah tetapi UMNO tidaklah seperti pembangkang. Kita dalam komponen tidaklah tuding-menuding di antara satu sama lain. Kita bincang, kita bahas, kita kemukakan pandangan kita.

Contoh 1MDB, saya sendiri melontarkan hujah saya bahawa perlu ada sesuatu tindakan yang diambil oleh *the authority* sebab isu ini isu rakyat. Jangan sampai 1MDB mengambil hak rakyat untuk dibayar hutang 1MDB. Itu saya kata saya langsung tidak bersetuju tetapi selagi 1MDB beroperasi *independent*, menjalankan aktiviti perniagaannya, itu kita kena hormati keputusan mereka. Jadi sebab itu kita menunggu keputusan PAC. Kelmarin saya ditanya kenapa CEO dan Pengarah Urusannya tidak hadir. Saya terus menjawab bahawa PAC ada kuasa untuk menyaman mereka supaya hadir sebab mereka harus bertanggungjawab memberi jawapan kepada rakyat.

Barisan ini berbeza dengan yang di sana. Di sana tegur sikit, bahayalah dia. Tidak ada yang berani menegur kecuali dalam PAS. Yang Berhormat Shah Alam memang nampak tidak sehaluan dengan Presiden, itu memang jelas. Yang lain-lain nampaknya main kayu tiga, sokong sana, sokong Mat Sabu ada, sokong Yang Berhormat Marang pun ada tetapi saya tidak mahu campur Tuan Pengerusi, biarlah dia. Cuma ini saya dengar rakyat yang bercakap, rakyat yang cerita. Saya pun tidak berminat untuk mendengar mereka punya cerita ini tetapi tercerita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada Rancangan Malaysia Kesebelas ini sebenarnya memang banyak keperluannya. Dalam jangka lima tahun, kerajaan yang bertanggungjawab perlu merencanakan sesuatu untuk rakyat dan negara. Saya terpanggil dengan beberapa perkara dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Tadi saya nampak Menteri EPU ada, saya tidak tahu dia sudah keluar. Harap-harap pegawainya ada. Iaitu

Kinabatangan ini Tuan Yang di-Pertua, ia *huge*, luas, lebar, besar sedikit dari negeri Pahang. Jalan rayanya jalan luar bandar dan memerlukan naik taraf jalan.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memaklumkan bahawa 3,000 kilometer dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi saya mahu *reserve* Tuan Yang di-Pertua, saya mahu *booking* 10% daripada 3,000 itu untuk di Kinabatangan menyelesaikan masalah jalan-jalan luar bandar saya. Dalam lima tahun saya minta mana-mana pegawai yang ada di sini, Parlimen Kinabatangan memohon 300 kilometer daripada 3,000 itu untuk kawasan Kinabatangan.

Demikian juga dengan pembangunan api elektrik dan air bersih. Kita dimaklumkan bahawa menjelang Rancangan Malaysia Kesebelas ini, 90% lebih kampung-kampung di luar bandar akan menikmati perkhidmatan ini. Jadi ini penting, harus ada penyelidikan satu demi satu kampung, mana daerah yang betul-betul memerlukan bekalan elektrik dan air bersih ini.

Demikian juga dengan pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, itulah di sekitar bising, kita melihat keperluan asrama-asrama di Semenanjung ini nampaknya semua *complete*, semua tersusun dan teratur. Jadi sebab itu pelajar-pelajarnya selalu mendapat kecemerlangan yang baik, cemerlang. Di tempat kita di Sabah, di seluruh Sabah, di Kinabatangan ada tiga sekolah menengah berasrama. Ketiga-tiga asrama biliknya ditempatkan untuk lapan orang murid atau sepuluh orang murid. Yang ada katil empat orang, tidak berkatil empat orang. Orang kita cakap '*ampai-ampai jelantai*' Tuan Yang di-Pertua. Jadi bayangkan ampai-ampai berbulan-bulan, macam mana kita hendak minta dia cemerlang. Tempat dia duduk untuk belajar pun sudah tidak cemerlang Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Pembangkang kah yang cakap ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk manusia cemerlang ini, latar belakangnya kena ada kecemerlangan sedikit tetapi dia tidak ada sebegitu. Di Semenanjung tidak ada begini. Jadi saya minta Kementerian Pelajaran supaya tumpukan perhatian menangani isu-isu seumpama ini. Mungkin di Sarawak pun masih ada, saya tidak boleh bercakap bagi pihak rakan-rakan saya tetapi mungkin masih ada sebab Sabah dan Sarawak tidak jauh latar belakang geografinya.

Jadi oleh kerana itu, saya mahu minta kerajaan lebih fokus sebab walaupun isu 1MDB itu menghambat akan ekonomi negara tetapi pada saya ini bukanlah satu alasan untuk kerajaan untuk tidak meneruskan usaha membangun sekolah-sekolah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan. Hari ini kita bersyukur sebab kerajaan mengutamakan keselamatan udara kita, keselamatan darat kita, keselamatan laut kita walaupun ada sedikit pencemaran sebab di Sandakan baru-baru ini kita diceroboh oleh penculik yang menculik siapa-siapa dia suka. Hari ini nampak pihak keselamatan kita begitu bertungkus-lumus memastikan perkara sebegini tidak berlaku.

Akan tetapi mungkin kita terlepas pandang Tuan Yang di-Pertua iaitu ancaman serangan *cyberboard net* yang telah dapat dikesan sebanyak 365,486 *botnet* asing dalam negara yang bersedia untuk melancarkan serangan kepada kita. Sasarannya adalah kita Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh berbuat apa-apa diumpamakan kita ini *the sitting duck* ataupun itik bodoh yang menunggu untuk dibunuh. Jadi perkara ini sebetulnya kalau kita tidak tangani dengan baik, saya melihat bahawa semua *gateway* kita ini yang senantiasa terbuka kepada serangan *cyber trooper* luar negara ini.

■1210

Kalau *Red Bean Army* itu kita tahu Tuan Yang di-Pertua, dia datang dari negara kita tetapi ini kita tidak tahu dari mana dia datang. Sebab itu sasarannya iaitu rangkaian robot tentera siber yang berhubung di antara satu sama lain ini, dia akan menceroboh internet bukan sahaja menggodam tetapi dia mampu mengarah dan melumpuhkan serta

mengalihkan sebarang data dalam komputer iaitu sama ada dalam perbankan ataupun dalam pertahanan negara.

Justeru itu, saya meminta kepada SKMM supaya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius sebab ada pepatah orang tua-tua mengatakan '*sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna*'. Apakah cara kita untuk mengunci segala *gateway* kita supaya *cyber troopers* asing ini yang telah sedia berada di negara kita ini untuk melumpuhkan rangkaian *networking* seluruh negara kita ini terjadi kita harus berwaspada. Ini bukan lagi amaran awal tetapi seolah-olah tiada sesiapa yang ingin mengambil tahu perkara ini. Perkara ini begitu serius. Ia bukan main-main. Kalau ini adalah merupakan serangan moden yang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang tidak kita ketahui untuk melumpuhkan ekonomi dan juga keselamatan sesebuah negara. Kalau dahulu mungkin dia boleh matikan sebuah negara itu menggunakan bom *power* yang meletup seperti di Jepun dan sebagainya tetapi hari ini ia tidak perlu lagi. Dia lumpuhkan sistem kewangan, sistem keselamatan maka lumpuhkan negara tersebut.

Jadi, apa persiapan SKMM dalam merencanakan perkara seumpama ini sebab SKMM ini Tuan Yang di-Pertua, kalau saya lihat, saya bercakap ada orang marah, tidak bercakap rakyat marah. Saya pilih rakyat Tuan Yang di-Pertua. Seharusnya kita menguar-uarkan *high-speed broadband* tetapi berapa mega yang kita ada? 20 paling tinggi. Di Singapura sudah 100. Di Thailand mencecah 100 hingga 200. Kita belanja bilion-bilion. Bilion Dolar Tuan Yang di-Pertua tapi hasilnya tidak ada. Pergi mana bilion-bilion ini? *High-speed broadband* kita tidak ada *high-speed*. Yang ada *slow speed*. Jadi tidak tahu.

Kadang-kadang di bandar kalau di Sandakan itu batu lima itu bermakna lima batu dari bandar tidak ada langsung internet, tidak boleh *call*, telefon. Ini rasa saya Tuan Yang di-Pertua, kalau ada serangan yang berlaku di tempat sebegini polis pun tidak tahu sebab telefon tidak boleh digunakan. Jangan cakaplah kalau di luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kita jangan cakap tidak serupa bikin. Kita harus merencana sebab kadang-kadang perancangan dan niat itu memang baik tetapi rupa-rupanya perancangan dan niat yang baik itu tidak mencukupi sekiranya pelaksanaannya tidak baik. Oleh sebab itu orang tua-tua mengatakan dia kata, "*Nak, perancangan yang baik sekalipun tetapi tidak diolah dengan baik akan dikalahkan oleh niat dan perancangan yang tidak baik tetapi pelaksanaannya baik*".

Jadi, Rancangan Malaysia Kesebelas ini nampaknya perancangannya baik tetapi adakah pelaksanaan lima tahun ini juga baik seperti perancangan yang sedia ada ini? Inilah Yang Berhormat Pokok Sena, bukan semua itu salah. Tidak ada kesalahan semua ini. Semuanya baik tetapi perencanaan itu harus diikuti dengan baik. Niat kerajaan sudah cukup baik mempertingkatkan pendapatan isi rumah, memastikan masyarakat luar bandar juga membangun bersama tetapi akhirnya akan dikalahkan dengan perkara-perkara yang tidak seharusnya ditimbulkan semasa pelaksanaan itu dilaksanakan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju pendapat Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kadang-kadang ada benda yang baik tetapi akibat daripada pelaksanaan yang tidak baik maka dia akan dapat dikalahkan oleh yang tidak baik tetapi pelaksanaan dan perancangannya baik. Ini juga yang berlaku kepada Rancangan Malaysia. Yang Berhormat bersetuju kah bahawa dahulu Rancangan Malaysia Kesepuluh bukan ada 1MDB dalam rancangannya tetapi tiba-tiba ada 1MDB dan dilaksanakan dengan cara tidak baik. Maka berlakulah keadaan yang tidak baik yang sedang kita tanggung selama ini. Setuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bumi mana tidak ditimpa hujan Yang Berhormat Pokok Sena? Itu sahaja. Lautan mana tidak bergelora? Kerajaan sentiasa mempelbagaikan aktiviti perniagaan untuk keuntungan rakyat dan kerajaan. Mana ada kerajaan mahu berniaga kalau rakyat dia rugi, dimarah oleh rakyat. Saya rasa tidak ada satu Perdana Menteri pun dalam dunia ini yang hendak kalah dalam pilihan raya. Tidak ada, termasuk Perdana Menteri saya. Dia pun tidak mahu tetapi kejadian sudah berlaku tetapi orang kata belum terlambat. *Insyah-Allah* kita perbetulkan apa kesilapan-kesilapan yang berlaku.

Macam kapal juga Yang Berhormat Pokok Sena. Dia belayar berjuta-juta kilometer di lautan, kadang-kadang dia terlanggar tembok baru, bocor sedikit. Takkan kita roboh kapal itu. Kita *repair* lah dia supaya dia boleh jalan laju. Inilah bukan kita ini... [*Disampuk*] Kapal kita ini bukan macam kapal pembangkang. DAP di depan, PKR tengah-tengah. PAS

di hujung-hujung sana. Kita tidak. Kita serentak, sejalan. Kita sehati sejiwa. Kita tidak kawan makan kawan. Tuan Yang di-Pertua, yang kawan makan kawan ini politik pembangkang. Itu memang jelas.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat setuju?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Sabah adalah negeri termiskin di Malaysia. Cakap fasal Sabahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan ada dua minit lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Istilah kawan makan kawan itu seperti Yang Berhormat Pagoh dengan Yang Berhormat Pekan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak kawan makan kawan sebab itu kita tidak mengherdik kawan kita. Bukan macam DAP dia herdik PAS. PAS harus wajar keluar sebab PAS tidak ada gunanya. Cuma PAS ini kasihan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu, macam tidak bermaruh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang bab itu bincang dengan Yang Berhormat Pokok Sena di luar. Sila. Dua minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan ini penting sama ada keselamatan negara dari segi persisiran pantai, keselamatan negara daripada udara, keselamatan negara di darat, dan keselamatan negara melalui *cyber internet* ini harus dipertahankan. Saya mahu minta kementerian memberi penjelasan apa sudah persediaan untuk merangka strategi, bersedia untuk bersedia dengan serangan-serangan *botnet* yang sebanyak 398,000 yang telah berada di negara kita ini yang cuba melumpuhkan semua sistem yang kita ada sebab kalau ini berlaku bak kata pepatah orang tua-tua Tuan Yang di-Pertua, '*Terlajak perahu boleh diundur, terlajak perbuatan rosak padahnya*'. Maknanya rosaklah negara kita. '*Kalau sudah terhantuk baru tengadah*' bermakna itu sudah tidak boleh kita perbetulkan lagi. Kepala sudah benjol baru terasa dia terhantuk.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kerana memberi peluang. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani.

12.19 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan dengan mengatakan bahawa dalam mana-mana negara seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi bahawa perancangan cantik tetapi pelaksanaannya menjadi isu besar. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pemimpin ataupun kumpulan pemimpin yang paling penting ialah mendapat keyakinan daripada orang yang dipimpin. Dalam tahun 50-an, 60-an, 70-an Tuan Yang di-Pertua, malah awal 80-an rakyat memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri kerana jelas bahawa pemimpin yang memimpin kita mempunyai keyakinan.

■1220

Oleh sebab keyakinan inilah, maka kita maju. Lihat bagaimana Almarhum Tunku, beliau seorang yang hebat, pemimpin yang hebat, malah walaupun negara dalam keadaan yang tidak begitu faham apa erti persekutuan tetapi Tunku melawat Sabah, melawat Sarawak, melawat Singapura, berbincang dengan pemimpin-pemimpin. Akhirnya, lahirlah sebuah negara tercinta ini yang dinamakan Malaysia. Maknanya, pemimpin itu

berkeyakinan. Oleh sebab pemimpin itu berkeyakinan, maka rakyat akan memberikan sokongan kepada beliau.

Seperti juga Tun Abdul Razak, seorang pemimpin yang mempunyai keyakinan dan keyakinan itu diberikan secara terus, ditunjukkan. Oleh sebab itu walaupun Tun Abdul Razak meminjam duit yang banyak tetapi dia kembali untuk membangunkan negara. FELDA-FELDA dibuka, rakyat yang tidak mempunyai tanah diberikan tanah. *Alhamdulillah*, ramai anak FELDA mendapat nikmat daripada apa yang dibuat oleh Tun Abdul Razak. Rakyat memberikan sokongan kepada beliau kerana beliau seorang yang berkeyakinan untuk memimpin.

Begitu juga dengan Tun Dr. Mahathir di awal pemerintahan beliau. Bagaimana, apa yang dibuat, rakyat sokong. Dia buat *highway*. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua kalau tidak ada *Highway PLUS* dari Johor sampai ke Perlis, bayangkan kalau tidak ada pelabuhan yang dibuat. Walaupun dikritik tetapi dia yakin bahawa apa yang dia buat di peringkat awal itu benar.

Isu yang ada hari ini Tuan Yang di-Pertua ialah kalaulah RMKe-10 pun juga kita tidak yakin apa yang berlaku, mana mungkin di peringkat RMKe-11 ini dapat sokongan daripada rakyat. Malah Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita lihat bahawa Perdana Menteri dalam banyak hal membisu dan amat malu, membisu. Oleh sebab itu isu-isu yang besar berlaku, Perdana Menteri membisu dan amat malu. Malah dalam Parlimen ini banyak perkara yang kita tanya, membisu.

Oleh sebab itulah rakyat mula hilang keyakinan terhadap beliau. Bukan sahaja rakyat, ahli-ahli parti beliau pun sanggup mengkritik beliau secara lantang. Kalau kita buka *Facebook*, kadang-kadang sebagai pembangkang saya pun sendiri rasa segan lihat apa yang berlaku dalam parti UMNO dan Barisan Nasional. Kabinet juga mula mempersoalkan tindakan beliau. Malah, bekas Perdana Menteri pun mengkritik beliau dengan hebat. Ini menunjukkan bahawa terdapat krisis keyakinan, krisis kepimpinan di situ Tuan Yang di-Pertua.

Kita amat dikejutkan Tuan Yang di-Pertua apabila Menteri Kewangan dalam menjawab soalan salah seorang Ahli Parlimen mengatakan bahawa duit *cash* telah pun didepositkan di Singapura. Akan tetapi apabila Kerajaan Singapura ataupun Bank Singapura memberikan jawapan bahawa tidak berlaku, Menteri Kewangan juga menjawab akhirnya bulan 10 yang lepas, "*Oh! Bukan cash tetapi yang kita masukkan unit ataupun other instrumen*".

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita anggap bahawa apa yang berlaku ini melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12) yang menyebut mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan disifatkan sebagai menghina Majlis dan ahli ini boleh rujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu? Maknanya secara *black and white* dia jawab, "*Cash telah dimasukkan ke dalam bank di Singapura*". Dia juga menjawab sebagai Menteri Kewangan, "*Oh! Silap. Bukan cash tetapi unit ataupun lain-lain instrumen*".

Ini menunjukkan bahawa saya yakin Menteri sedar bahawa sudah tentu ada perbezaan di antara *cash* dengan *none cash*. Jadi bagaimana mungkin Menteri boleh menjawab soalan ini kepada satu soalan Ahli Parlimen dan ia dalam bentuk hitam putih. Saya rasa tindakan kena diambil kerana ini seolah-olah menghina Majlis kita, menghina Dewan yang mulia ini. Sepertilah tindakan yang dikenakan kepada bekas Ketua Pembangkang yang membangkitkan soal APCO. Dia kena enam bulan Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya terbukti bahawa APCO memang wujud dan dipergunakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa kepada soal keyakinan ini juga bagaimana pelabur-pelabur luar negara, malah pelabur-pelabur dalam negara melihat apa yang akan jadi untuk masa lima tahun akan datang. Adakah mereka mempunyai keyakinan bahawa untuk RMKe-11 ini, mereka boleh mengambil kesempatan dalam terus membangunkan negara ini? Dalam keadaan kalau kita lihat hubungan ras di antara etnik di Malaysia makin rapuh. Bagaimanakah hubungan kita makin rapuh? Bagaimana isu-isu toleransi agama makin goyah sekarang, amat goyah? Bagaimanakah isu-isu yang tidak diselesaikan? Contohnya, menggunakan perkataan 'Allah'. Bagaimana sesetengah negeri boleh tetapi menyeberang di satu negeri tidak boleh.

Baru-baru ini saya di luar negara, berjumpa dengan sekumpulan *academician* dari tanah Arab. Saya sebut sahaja saya dari Malaysia, dia berhujah dengan saya. Separuh dia cakap Inggeris, separuh dia cakap Arab. Saya tidak faham apa dia cakap Arab tetapi saya faham apa dia cakap Inggeris. Dia kata, "*Manakah mungkin ini boleh berlaku?*". Dia kata, "*Di negara dia, orang Kristian boleh mengatakan Ya Rasulullah Ya Allah, biasa*". Bagaimanakah ini boleh berlaku di Malaysia? Saya kata, "*Saya tidak ada jawapan*". Akan tetapi yang saya pasti, orang di luar sana sedang memerhati kita.

Begitu juga dengan isu yang dibangkitkan sekarang ini ialah bagaimana Malaysia telah pun jatuh ke *tier 3* sebagai negara yang dikatakan tempat memperdagangkan manusia. Kita lihat isu ini yang telah lama diperkatakan oleh negara-negara Barat tetapi tindakan kita terlalu lambat. Oleh yang demikian telah menjejaskan kedudukan kita dan kita disamakan seolah-olah berada seperti negara di *North Korea*. Ini yang sedang berlaku, ini menyebabkan pelabur-pelabur bertanya, mungkinkah kita dapat masuk dan secara aktif bersama-sama dengan rakyat Malaysia membangunkan negara ini dalam RMKe-11.

Begitu juga dalam isu mahkamah Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut semalam dan saya ulang sekali lagi bahawa banyak pelabur dari luar negara, bila hendak berniaga di sini, dalam *agreement*nya, di antara yang dia akan sebut ialah bila timbul isu timbang tara. Mereka tidak memilih mahkamah kita tetapi secara jelas minta supaya isu ini dibawa ke Singapura atau Hong Kong. Ini bermaksud, pelabur-pelabur yang besar tahu bahawa ada isu yang melibatkan mahkamah.

Bagaimana dalam hati kecil mereka, kalau ini terjadi perbalahan di antara mereka dengan pihak Malaysia ataupun rakan kongsi mereka, mereka tidak yakin yang mahkamah di Malaysia boleh berlaku adil dan ini memberikan satu gambaran yang cukup negatif. Sebagai contoh, mereka ada contoh yang banyak tetapi kita lihat apa yang jadi kepada kes yang *infamous case* Lingam, "*correct, correct, correct*", contohnya. Terpaksa dibuat RCI, telah pun ada keputusan, telah pun ada cadangan dan pandangan-pandangan tetapi akhirnya tidak berlaku apa yang telah pun dicadangkan.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan cuba mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan tetapi nampaknya *follow-up* daripada pandangan-pandangan tidak terjadi. Sama juga kes- banyak keslah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua seorang peguam, sudah tentu lebih faham, Ayer Molek dan lain-lain kes. Terakhir ini, lihat bagaimana isu *personel*, walaupun dianggap *criminal*, kerajaan berhabis-habisan. Dalam kes Dato' Sri Anwar Ibrahim, terpaksa mengambil seorang *lawyer* luar untuk menjadi pendakwa raya.

Bertahun kes ini berjalan dan kerajaan begitu beria-ia sangat, berhabis-habisan untuk memastikan kononnya kes ini mencapai keadilan yang tertinggi. Akan tetapi dalam isu-isu yang lain, kerajaan begitu senyap sepi. Ini dilihat seolah-olah selektif kerajaan mahu apa yang berlaku dan ada yang bendanya tidak mahu berlaku. Ini memberikan kesan kepada pelabur-pelabur asing, khususnya yang pelabur-pelabur dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, harus ada juga, kalau kita hendak maju, pintu politik penglibatan rakyat ini mesti dibuka. Mana mungkin kita akan maju kalau sekiranya kerajaan terus melakukan benda yang sama. Tuan Yang di-Pertua, melakukan benda yang sama setiap kali, setiap kali kita melakukan benda yang sama tetapi mengharapakan keputusan yang berlainan. *It will not work that way* Tuan Yang di-Pertua.

■1230

Saya mendengar dengan tekun semalam kawan-kawan membangunkan bahawa lihatlah di negara-negara lain akibat daripada demonstrasi-demonstrasi. Ini telah pun menjejaskan pembangunan negara. Contohnya dibawa Singapura di *Thailand* dan juga di Indonesia. Saya hendak sebut. Semasa saya bertugas di Korea Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 80-an, hampir setiap minggu, saban minggu *student-student* Yunanis akan mengadakan demonstrasi-demonstrasi. Rakyat terlibat secara langsung dalam melihat perjalanan kerajaan. Malah ia menjadi satu suasana yang hampir dijangka. Hujung minggu sahaja ada demonstrasi. Akibat daripada tindakan mereka ini, pemerintah sama ada *local*

government ataupun *regional government* ataupun *Federal Government* amat takut dan berawas dengan rakyat.

Malah Tuan Yang di-Pertua pun tahu sejarah bagaimana Presiden Korea Selatan telah pun diambil tindakan akibat *pressure* daripada demonstrasi-demonstrasi ini. Adakah demonstrasi-demonstrasi yang berlaku pada tahun 70-an, 80-an dan 90-an itu meruntuhkan ekonomi Korea? Tidak. Demonstrasi-demonstrasi ini bertujuan untuk memberikan mesej kepada pemerintah bahawa kamu jangan anggap apa yang kamu lakukan di atas, rakyat tidak tahu. Oleh sebab itu oleh sebab mereka tahu, akhirnya mereka berdemonstrasi menuntut supaya pemerintah melakukan yang terbaik. Kalau ada kesalahan, harus *correct*. Harus buat pembetulan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen bercakap. Walaupun isu yang dibawa itu isu negara, belum tentu kita selamat, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya melihat harus ada perubahan, Tuan Yang di-Pertua. Perubahan itu mesti berlaku di Parlimen ini. Mesti berlaku di Parlimen ini. Parlimen ini harus bebas. Mesti dan wajib ada *separation of powers*. Ini domain Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua. Ini domain Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua dan tidak ada pihak eksekutif yang boleh mengambil tempat Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh. Mana mungkin ini berlaku.

Betul, kita ada pengalaman di India, Tuan Yang di-Pertua. Di India ada. Akan tetapi Menteri di India sekadar menjadi koordinator. Diambil apa yang dihajati oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang dihajati oleh Kabinet dan *coordinate*. Setakat itu sahaja. Manakala yang lain-lain urusan diserahkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia tidak berlaku Tuan Yang di-Pertua. Tidak berlaku. Oleh sebab itu kita rasa takut. Seolah-olah kita tidak boleh bergerak. Mesti dengan eksekutif. Gaji kita, elaan kita, semua ditentukan oleh eksekutif. Apakah ini? Kita buat undang-undang, kita buat polisi, orang lain yang akan- tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu saya mencadangkan dan mendesak supaya Parlimen ini mesti dikembalikan martabatnya dan *chief* kita ialah Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan itu [Tepuk]

Isu seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah Sabah dan Sarawak. Saya tahu kawan-kawan saya di Sabah dan Sarawak. Sementara mereka hendak sebut apa yang disebut tetapi terpaksa diulas, dilapik macam-macam supaya jangan ada rasa kecil hati oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Saya faham. Saya faham. Itu politik. Akan tetapi hakikatnya hati mereka berdarah. Hakikatnya. Semasa penubuhan Malaysia, Sabah dan Sarawak bukan negeri. Bukan negeri. Sabah dan Sarawak tubuh Malaysia dengan 4S. Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Singapura. Semenanjung, Singapura, Sabah dan Sarawak. *Meaning to say*, Tuan Yang di-Pertua, kita ialah *equal partners*. Kita *equal partners*. *Sabah dan Sarawak is not one of the states*.

Oleh sebab itu saya kira apabila datang kepada peruntukan, Sabah dan Sarawak tidak boleh dituntut sebagai sebuah negeri. Malah mereka memberikan lebih banyak. Saya orang Semenanjung, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya saya rasa gembira apabila Semenanjung dapat banyak. Ya, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sungai Petani. Setuju atau Yang Berhormat Sungai Petani bahawa hujah-hujah yang kita dengar di Parlimen sejak tahun 2013 penggal ini, ramai telah meminta untuk lebih banyak *concentration*, dengan izin, pada Sabah terlebih lagi dengan permintaan Sabah dari segi ekonomi, pengagihan wang dan segala *development* yang diminta.

Ada lagi satu, Yang Berhormat Sungai Petani. Setuju atau tidak Yang Berhormat Sungai Petani bahawa Hari Keamatan ataupun Tadau Keamatan dan juga Hari Gawai belum lagi ditarafkan sebagai *National Holiday* di peringkat nasional. Terima kasih. *National holiday*. Bukan *national festival* tetapi apa orang Sabah dan Sarawak hendak satu pengiktirafan bahawa festival Sabah dan Sarawak ini dijadikan *national public holiday* di Semenanjung. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Penampang, bila kita buat syarikat, kita ada *partners*. Walaupun saya berpegang, saya pegang 60%, dua *shareholders* lagi pegang 20% dan 20% but *shareholders* saya dengan mereka sama.

Statusnya *still the same. Doesn't matter whether you hold 60%, 20% or 40%. It doesn't matter.* Itulah pengiklirafan kita *because we form this company.* Harus ada penghormatan. *So what is yours, is yours. What is yours, is yours.*

Soal 20 points, 80 points.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh? Sedikit sahaja Yang Berhormat Sungai Petani, boleh? Sikit sahaja. Terima kasihlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Sungai Petani. Ini seorang bos yang kalau dia jadi Menteri nanti, tetap dia mendapat sokongan daripada penduduk-penduduk Sabah. Terima kasih. Tetap. Oleh sebab isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat ini kita sudah pun bertubi-tubi Yang Berhormat.

Jadi terima kasihlah kerana menyokong hati rakyat. Dalam lubuk hati kami dari Sabah dan Sarawak ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sudi, tolong juga perjuangkan hak-hak Perdana Menteri yang mana perkara 20 ada empat isu yang termasuk dalam Perlembagaan. Inilah isu-isu yang kita perjuangkan. Ada isulah yang Yang Berhormat tahu dan yang lain itu belum lagi dapat ditunaikan oleh kerajaan.

Saya harap, kami berharap begitu besar. Tidak ada Perdana Menteri yang begitu baik kepada orang Sabah selain daripada Yang Amat Berhormat Pekan. Jangan ketawa, Yang Berhormat Pokok Sena. Ini perkara yang betul. Jadi Yang Berhormat, terima kasihlah kerana menyokong. Jadi, tolong perjuangkan lagi isu-isu yang belum ditunaikan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berjuang Tuan Yang di-Pertua sebab saya juga ada...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sungai Petani, sekejap sahaja mencelah. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani. Saya juga ingin menyokong apa permintaan Yang Berhormat Putatan tadi tetapi bolehkah Yang Berhormat Putatan juga meminta Yang Amat Berhormat Pekan untuk melantik seorang Timbalan Perdana Menteri dari Sabah ataupun Sarawak. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya kira seperti yang saya katakan tadi, ini sepertilah sebuah syarikat. *We are partners.* Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ada saudara yang kahwin dengan orang Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat melihat- Tuan Yang di-Pertua, beginilah. Apabila saya memandu daripada Sungai Petani Tuan Yang di-Pertua, dengan kereta saya saban minggu, Tuan Yang di-Pertua, sampai ke Kuala Lumpur, empat jam. Kalau tidak ada AES mungkin tiga jam setengah ataupun tiga jam. Akan tetapi ada AES ini, saya empat jam, Tuan Yang di-Pertua. Jalan yang elok, pemandangan yang elok, tempat R&R yang cantik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi kalau pergi Sabah, menangis Tuan Yang di-Pertua. Menangis.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh saya selit sedikit sebab Yang Berhormat Penampang menjolok saya tadi. Yang Berhormat Penampang menjolok saya tadi. Adakah Yang Berhormat Putatan bersetuju supaya seorang Timbalan Perdana Menteri dilantik daripada Ahli Parlimen Sabah? Saya setuju. Saya setuju, kalau ada Ahli Parlimen yang layak dan memerlukan. Oleh sebab Yang Berhormat sentuh soal peruntukan pembangunan di Sabah itu agak berkurangan dan tidak mendapati seperti dalam perlembagaan kita yang dulu sebab apabila kita tubuh sebuah negara yang dipanggil Malaysia, saya *quote* di sini... *[Membaca petikan]*

"The Parliamentary Services Act (PSA) 1963 is an act providing for Parliament of Malaysia to conduct its own administration, staffing and financing. The act was repealed in 1992 after the Speaker of the Dewan Rakyat (the Lower House of Parliament), Zahir Ismail unilaterally had it removed from the books."

Apakah pendapat Yang Berhormat soal ini?

■1240

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya dah sebut Tuan Yang di-Pertua, bahawa harus wujud *separation of power. No doubt about it*, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan pertahankan isu ini sebab ia termaktub dalam Perlembagaan. Sebab itu saya kata Tan Sri, *you are the Speaker, this is your domain. Your domain and nobody else*. Sebab itu saya menyokong Yang Berhormat Putatan seratus peratus.

Kembali ke Sabah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Sungai Petani, bertambah bahagialah saya kalau sekiranya setiap kali saya kata itu melanggar peraturan mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat akur. Jadi, tidaklah betul kalau ini domain saya *hundred percent*. Sila teruskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kembali ke Penampang.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ada mengatakan bahawa mungkin Yang Berhormat Sungai Petani tidak mendengar suara-suara dari Sabah. Kalau kata jalan raya- kita sudah menyuarakan di Dewan yang mulia ini bahawa perbandingan di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak ini antara bumi dan langit. Bererti, kekurangan begitu besar. Kita sudah suarakan. Jangan lagi Yang Berhormat Sungai Petani kata kita Ahli-ahli Parlimen Sabah tidak menyuarakan. Sudah kita suarakan perbezaannya di antara bumi dan langit. Jadi kita mahu supaya mungkin Kerajaan Persekutuan dengan suara kita ini mereka boleh memberi apa yang perlu untuk negeri Sabah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebelum saya beri kepada Yang Berhormat Kuala Langat, saya nak jawab ini dahulu. Yang Berhormat, saya faham tetapi semasa saya menjadi penuntut sekolah pada tahun 1970-an Yang Berhormat, anak-anak Sabah boleh dihantar dari Sabah ke sekolah-sekolah di bawah yayasan dan mereka ialah di antara anak yang kaya, yang diberikan segala-galanya.

Saya amat *jealous* waktu itu kerana waktu itu tahun 70-an, Sabah bukan di bawah, Sabah ialah negeri kononnya yang teratas. Jadi apa masalahnya sekarang? Apakah masalahnya sekarang? Sebab itu saya kata tidak timbul soal Ahli Parlimen tidak bercakap, Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak tidak bercakap tetapi adakah cakap-cakap ini didengar oleh pemerintah? Itu isunya. Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berlari saya bila mendengar isu Sabah oleh Yang Berhormat Putatan. Penampang saya kait daripada apa yang saya nak ajukan soalan kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Kebolehan dan kewibawaan anak-anak Sabah itu adakah tidak ada? Seperti yang dikata yang berkelayakan oleh Yang Berhormat Putatan. Bagi saya, peluang perlu diberikan.

Kedua, yang dimaksudkan dengan saudara dari Sabah dan Semenanjung itu atau Sarawak itu, saya nak tanya, saudaranya sebelah mana ataupun ikatannya bagaimana?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Adakah ikatan itu terpaksa diluahkan dalam memastikan rakyat Sabah terbela dan juga Sarawak terbela, tak dipinggirkan? Apakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju bahawa peluang itu perlu diberikan? Ini tak kiralah kalau saudara Yang Berhormat Sungai Petani kah ataupun iparduai kah, yang penting mereka juga kena diberikan peluang. Apakah pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Sungai Petani, sambung sikit boleh? Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Gara-gara apa yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak ini, kalau diberi ucapan 30 minit, lima minit pertama dia akan kata bagus, RMKe-11 ini bagus, semuanya bagus. Lepas itu 20 minit mengecam kerajaan terutamanya penjawat awam, bukan kementerian. Balik-balik kita boleh semak *Hansard* mereka, rupa-rupanya penjawat awam yang disalahkan. Lepas itu lima minit terakhir itu, wah, terbaik, kami yakin dengan Perdana Menteri, kami yakin dengan kepimpinan. Apakah maksud ini? Kalau betul nak menegakkan, biar tegak betul-betul. Tegas dan berani mengatakan bahawa ini adalah tak betul, ini yang kita desak di Sabah, ini yang kita desak di Sarawak. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya masukkan ucapan Yang Berhormat itu ke dalam ucapan sayalah. Saya tak dapat nak luahkan sebegitu hebat ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham bagaimana kerajaan, Kabinet ada 10 orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kalaulah saya diberi pilihan dan diberi peluang untuk jadi Perdana Menteri, sudah pasti saya akan lantik seorang dari Sabah untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri yang *handle Sabah... [Tepuk]* Seorang Timbalan Perdana Menteri yang *handle Sarawak*. Bukankah kita *partners*? Jadi biarlah orang Sabah yang faham masalah Sabah dilantik sebagai seorang Timbalan Perdana Menteri dan seorang yang faham masalah Sarawak untuk mengepalai untuk jaga Sarawak kerana isu amat berbeza.

Saya faham, isu amat berbeza tetapi harus diingat Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah dan Sarawak juga bukan miskin daripada natural *resources*. *You have almost everything, you have everything*. Kenapakah harus dipunggah ke Kuala Lumpur dan diberikan pada Kuala Lumpur semua? Ini isunya. Bukankah molek duduk dan bincang, ada benda yang boleh diberikan pada Kuala Lumpur tetapi sebahagian besarnya harus dikembalikan ke Sabah dan Sarawak.

Seperti juga Yang Berhormat Kinabatangan kata, pelajar lapan orang duduk sebilik asrama, empat ada katil, empat tidak ada katil. Ini parah, Tuan Yang di-Pertua. Parah. Tidak mungkin berlaku di mana-mana juga di negeri di Semenanjung. Tidak mungkin. Namakan sebuah sekolah yang berlaku begitu. Tidak mungkin, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, bayangkan, terpaksa seorang Ahli Parlimen bawa isu itu ke Parlimen. Amat sedih, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mencukupi, ialah tentang perkhidmatan awam. *Last* sekali, Tuan Yang di-Pertua. Pegawai kerajaan ini seperti kuda yang kita bela, Tuan Yang di-Pertua. *Stallion*. Kita pilih dan kita didik mereka. Akan tetapi kuda-kuda ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tak latih dia, dia tak boleh buat apa-apa Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kuda yang kita *race* ini – Yang Berhormat Pengerang naik kuda. Yang Berhormat Pengerang di antara *good horse rider*, saya tahu. Dia tentu tiap-tiap minggu dia naik kuda dan *she's one of the best rider, I know*, sebab saya juga tahu dan lihat dan ikuti perkembangan dia. Kalaulah kuda-kuda ini kita simpan di *stable* dan kita tak latih, akhirnya kuda-kuda ini akan jadi baghal dan kadir, dia tak tahu nak buat apa.

Oleh sebab itu, penjawat-penjawat awam ini sentiasa kita kena asah, latih dan dedah supaya akhirnya dia akan rasai bahawa oleh sebab dia terlatih itu, dia akan melakukan kerja dengan tanpa kawalan yang kuat. Akan tetapi kalau kita biarkan dia, akhirnya dia merewang, Tuan Yang di-Pertua. Dia ke hulu ke hilir tak tahu nak buat apa kerana tidak ada latihan.

Oleh sebab itu saya cadangkan- KSN sebut ada 5,000 penjawat-penjawat awam yang dalam bahasa *cruel* nya ialah *deadwood*. Kalau dia *deadwood* ini, ada tiga pilihan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, latih dan latih dan latih. Kalau dia tak boleh latih, kita tanya dia, ada tempat lain tak di luar ini yang lebih baik untuk kamu daripada kamu duduk dalam perkhidmatan awam. Mungkin dia rasa tak sesuai dalam *civil service*, dia nak duduk di tempat luar.

Ketiganya, kalau tak boleh juga Tuan Yang di-Pertua, kalau zaman koboi dulu Tuan Yang di-Pertua, bila kuda patah kaki, *the best is just pull out your gun and shoot them*. Maknanya *medical board* kan dia supaya dia berhentilah kerana mungkin dia tak *interested*. Dia akan menyusahkan orang.

Oleh sebab itu akhirnya Tuan Yang di-Pertua, buku cantik, *color graphic* pun semua cantik tetapi RMKe-11 tidak mungkin berjaya. Yang pastinya tidak mungkin berjaya kalau rakyat sendiri, *everyone of us*, Ahli Parlimen, penjawat awam, rakyat di luar, sama ada petani ataupun peniaga, sama-sama mendukung cita-cita besar ini tetapi mana mungkin ini semua terjadi kalau keyakinan terhadap kepimpinan sudah hilang.

Oleh sebab itu, saya rasa Ahli-ahli Parlimen, kita semua, *we are responsible*. Setiap kita sama ada di sebelah sana ataupun di sebelah sini, kalau kita tidak berani mengambil tindakan, setiap yang kita sebut akan dicatat dalam *Hansard* dan akan jadi khazanah dan percayalah Tuan Yang di-Pertua, *the moment* kita *collapse*, negara hancur, anak-anak cucu kita akan baca apakah yang telah dilakukan oleh datuk-datuk dia dahulu semasa di Parlimen hingga akhirnya negara hancur. Sebab itu kita kena bertindak, Tuan Yang di-Pertua.

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Tepuk]*

■1250

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerlun. Dalam *list* saya, Yang Berhormat Jerlun, ada? Okey. Sila Yang Berhormat. Ada 10 minit lagi sebelum kita rehat untuk makan tengah hari. Kalau Yang Berhormat boleh siapkan 15 minit, jadi tidak payah saya tangguhkan untuk Yang Berhormat sambung balik, terpulang. Sila.

12.51 tgh.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya turut membahaskan usul Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri kewangan.

Saya, oleh sebab kekangan masa dan sudah tentu ramai lagi kawan-kawan yang ingin turut serta membahaskan akan hanya menumpukan kepada beberapa perkara iaitu hal-hal yang berkaitan dengan peningkatan sektor pertanian dalam negara khususnya dalam sektor padi dan di bawah pembentangan yang telah dibuat melalui enam teras antaranya memperkasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan dan kemakmuran. Kita sedar bahawa terdapat beberapa strategi yang telah pun dirumuskan bagi memodenkan sektor pertanian. Jadi sebelum itu kita telah dimaklumkan di bawah RMKe-10, sektor pertanian dijangka menyumbang sebanyak RM455 bilion kepada KDNK dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 2.4%.

Manakala untuk RMKe-11, kita menjangkakan sebanyak RM519 bilion ataupun 8.2% daripada KDNK akan diwujudkan dan melibatkan RM1.6 juta peluang dan juga tempat-tempat pekerjaan. Dalam strategi-strategi yang telah pun dirangka, yang pertama adalah untuk meningkatkan produktiviti dan juga pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil. Ini usaha-usaha kerajaan yang telah pun dibuat sejak daripada mula dipersembahkan RMKe-1 yang dahulu di mana kerajaan berhasrat untuk melihat bahawa sektor pertanian yang rata-ratanya melibatkan kumpulan B40 ini dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Jadi pelbagai usaha telah pun dibuat antaranya adalah untuk memperluaskan dan mengekalkan dan menggunakan dan mengoptimumkan penggunaan tanah kerana kita sedar hari ini bahawa tanah semakin mengecil. Ini adalah biasa kerana rakyatnya semakin banyak, maka tanahnya semakin kecil, ancaman daripada pembangunan fizikal, sama ada perumahan, kediaman, industri dan sebagainya mengambil alih tanah-tanah pertanian ini yang terpaksa dikorbankan demi pembangunan dan dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

Maka sudah tentulah kekangan dan juga cabaran yang dihadapi adalah bagaimana untuk kita tingkatkan hasil melalui tanah yang semakin kecil ini, kaedah-kaedah, macam di kedah, tanaman padi dua kali setahun, termasuk juga di kawasan jelapang yang lain. Termasuk juga kawasan-kawasan yang tidak ada tanaman padi dua kali, bagaimana kah

kita dapat gunakan musim yang terluang itu untuk kita buat *inter cropping* seperti mana sesetengah negara buat, empat-lima bulan tanam padi, kemudian diganti pula dengan tanaman kentang mahupun jagung dan sebagainya secara komersial. Jadi sudah tentu lah ia memerlukan penglibatan teknologi dan juga peningkatan daripada segi R&D, penyelidikan dan pembangunan, penggunaan benih-benih yang jauh lebih baik dan sudah tentu lah melibatkan amalan-amalan pertanian dan juga pemprosesan dan sebagainya.

Saya ingin mengambil sedikit ruang untuk membahaskan isu yang berkaitan dengan R&D ataupun pembangunan dan penyelidikan dan juga pengkomersialan dalam bidang keutamaan seperti mana yang digariskan dalam Perkara 3 Strategi C1. Jadi kita sedar bahawa R&D amat penting dan kita sedar juga bahawa saya rasa ketika ini R&D kita di bidang pertanian agak ketinggalan, kita perlu mengkaji kemudahan dan kepakaran yang ada dalam bidang R&D pertanian ini. Kita perlu memperbanyakkan stesen-stesen penyelidikan. Contohnya kalau kita ke negara Thailand, di bidang padinya sahaja, mereka mempunyai 27 buah pusat penyelidikan padi di mana mengikut wilayah, utara, timur, tengah dan juga selatan.

Stesen-stesen penyelidikan padi ini menghasilkan tidak kurang daripada satu *variety* baru padi setiap tahun dan ini telah berlangsung dan berjalan sudah lama. Oleh sebab itulah mereka mampu untuk menghasilkan benih-benih baru setiap tahun. Kita juga sedar bahawa untuk menghasilkan sesuatu benih ataupun *variety* yang baru ini, mengambil masa yang agak lama, mungkin antara 8-10 tahun. Akan tetapi kita *start the ball rolling* untuk tahun pertama, mungkin setelah tahun kelapan kita dapat hasil yang baru. Kemudian pada tahun kesembilan, maka ia akan berterusan.

Jadi saya menyeru dan berharap kepada kementerian untuk melihat bagaimana kita perlu meningkatkan lagi bilangan stesen-stesen penyelidikan padi terutamanya kalau kata di kawasan kita di Kedah, di MADA kita tidak ada satu stesen yang betul-betul serius membuat kajian. Begitu juga di Perlis, apatah lagi di Kelantan, mahupun di Perak dan juga di Sabah dan Sarawak. Sebab kalau manusia kita ini orang Kelantan suka nasi dagang, orang Terengganu, kemudian orang Johor nak laksa Johor, orang Kedah nak makan pulut *nyok kukoq* dan sebagainya.

Jadi, sudah tentu juga lah kita perlukan tempat-tempat penyelidikan yang sesuai dengan kawasan, negeri dan sebagainya. Jadi sudah tentu juga kita perlu mencari kaedah yang lebih cepat untuk mengkomersialkan hasil kajian kita oleh sebab R&D mengambil masa yang lama, kita perlu cari jalan yang singkat. Caranya adalah sudah tentu mengkolaborasi kerja-kerja ini mungkin dengan pihak swasta, universiti dan sebagainya.

Jadi yang seterusnya kita perlu juga melihat sejauh mana kesungguhan yang ada di kalangan para penyelidik untuk membuat kajian dan penyelidikan yang boleh dikomersialkan, yang boleh diguna pakai, yang boleh dinikmati oleh rakyat. Kalau mereka merasakan bahawa setiap kajian yang mereka laksanakan, kajian yang mereka buat, kajian yang mereka gunakan kaedah ataupun geran dan sebagainya daripada kerajaan, ia dapat dilaksanakan, dapat dipraktikkan, dapat diamalkan oleh rakyat keseluruhannya, maka sudah tentu saya rasa mereka boleh merasa bangga, ada rasa *self-esteem* yang tinggi.

Akan tetapi kita juga sedar bahawa banyak kajian yang dibuat tetapi bila nak *dicommercialize*, nak dikomersialkan, ia menjadi suatu masalah. Jadi kita juga sedar dalam sektor pertanian sering bercakap tentang subsidi. Kita juga mendengar kerajaan telah pun sering bercakap soal subsidi bersasar iaitu contohnya kita hendak memberikan bantuan kepada golongan-golongan tertentu supaya ia betul-betul dapat dinikmati oleh mereka yang layak. Begitu jugalah dalam sektor pertanian, kalau kita bercakap tentang subsidi ini, dalam segmen padi sahaja, kerajaan membelanjakan setahun RM2.2 bilion.

Jadi kita perlu melihat semula dan merasionalisasikan balik subsidi ini sama ada ia betul-betul dinikmati oleh rakyat yang terlibat, golongan petani. Contohnya saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Menteri pertanian sendiri yang telah sekian lama contohnya di kawasan MADA yang sudah pun 45 tahun. Sudah pun 45 tahun tetapi tahun inilah kali pertamanya Menteri telah membuat keputusan supaya racun

bersubsidi di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) ini diberikan secara berkupon. Sebelum ini kebanyakan dan semua racun-racun yang dibekalkan kepada petani adalah berdasarkan kepada apa yang telah pun di tender dan ditawarkan oleh Kementerian Pertanian dan itulah sahaja yang dibekalkan. Banyak juga rakyat merungut kerana racun yang dibekalkan ini kadang-kadangnya selalunya tidak dapat digunakan. Kerana apa? Ini kerana racun yang dibekalkan ini dengan membuat andaian penyakit-penyakit tertentu.

Akan tetapi oleh sebab industri padi sudah menjadi begitu dinamik, industri ini juga melibatkan cuaca yang telah pun berbeza. Penyakit yang datang pun berubah-ubah. Maka apabila petani yang mendapat racun yang diberikan itu, diserang pula tanaman mereka dengan penyakit yang baru, maka mereka tidak boleh guna. Jadi sebab itulah apabila kerajaan membuat keputusan untuk menggunakan racun, berikan melalui kupon yang diberikan kepada petani. Apabila petani menghadapi penyakit, mereka gunakan kupon ini, *diredeem*, ditunaikan atau ditukarkan dengan racun yang boleh digunakan, maka saya yakin bahawa inilah cara yang terbaik kerana subsidi yang kerajaan berikan itu juga tepat, sampai kepada sasaran dan ia dapat digunakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani. Akhir sekali kita yakin bahawa hasil-hasil yang hendak dicapai itu akan berjaya.

Jadi inilah caranya yang saya sebut sebagai subsidi bersasar dalam konteks industri padi ataupun pertanian. Sama juga kalau kita bercakap soal baja, baja ini pun merupakan komponen yang cukup penting dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung sebelah petang nanti.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 10 minit lagi. Yang Berhormat, mesyuarat kita tangguhkan sehingga 2.30 sebelah petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Jerlun, 10 minit.

2.32 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbincangan saya. Saya menyebut tadi tentang pentingnya penyelidikan dibuat di banyak stesen kerana sekarang kerajaan memberikan subsidi baja untuk padi. Contohnya, Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) iaitu baja urea yang mengandungi nitrogen 46%, kemudian diberikan pula baja kompaun NPK, nitrogen, fosforus dan potassium yang juga mengandungi kadar nitrogen yang juga tinggi iaitu 17.5%. Kemudian, di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) diberi pula baja 3 juga NPK dengan kandungan nitrogennya sebanyak 17%, kemudian fosforus dan juga potassium serta *trace elements*.

Jadi, di sini kita lihat bahawa semua baja yang diberikan ini mengandungi nitrogen. Apa yang berlaku di bawah sana dalam kalangan petani, mereka menyatakan bahawa oleh sebab terlalu banyak nitrogen ini, maka pokok padi ini ia sudah tidak jadi kukuh, tidak kuat, mudah tumbang dan sebagainya. Sebab itulah saya katakan bahawa kita perlu mewujudkan pusat-pusat kajian penyelidikan ini supaya kita tengok apakah kandungan kompaun yang patut diwujudkan dalam baja itu supaya ia menepati dengan keadaan tanah di sesuatu kawasan. Hari ini secara umumnya saya katakan bahawa resipi ataupun kandungan baja yang dibekalkan adalah sama di seluruh negara. Sedangkan kita sedar bahawa *soil series*, siri-siri tanah ini berbeza kalau antara negeri, kemudian di dalam satu negeri. Contohnya di Kedah, *soil series* dipanggil *coastal clay soil*, kemudian ada yang berbukit dan sebagainya, memerlukan kajian dan juga *di formulate*, dibuat satu resipi baja yang sesuai dengan kandungan tanah tersebut.

Kemudian kita juga sedar setelah sekian lama keadaan cuaca, iklim dan sebagainya juga telah berubah. Maka, sudah tentu kita mahu mengharapkan supaya kajian-kajian seperti ini diteruskan supaya apa yang diberikan kepada petani itu adalah bertepatan, sesuai dengan kawasan ataupun tempat mereka dan yang penting sekali akhirnya, ia dapat menghasilkan tuaian yang maksimum. Jadi, mungkin juga setengah-setengah daripada baja-baja ini tidak digunakan. Sebab itulah kedengaran ada baja-baja yang dijual oleh petani dengan harga yang begitu murah. Mungkin sekampit 50 kilogram hanya sekadar RM15, dijual kepada orang-orang yang bertanam getah ataupun sawit.

Jadi sudah tentulah yang saya katakan tadi subsidi bersasar itu tidak menepati sasaran kerana mungkin terlalu lebih baja yang diberikan dan juga kandungannya tidak sesuai dengan keadaan, maka petani mengatakan bahawa ia jauh lebih baik untuk kalau kita jual dan dapat duit dengan lebih cepat. Mungkin dalam rasionalisasi yang kita hendak buat ini, mungkin sesetengah kandungan baja itu kita kurangkan malahan mungkin boleh digantikan pula dengan benih padi percuma kerana hari ini petani masih juga perlu membeli benih-benih padi walaupun ada subsidi tetapi mungkin sebahagian daripada subsidi baja yang tidak digunakan itu boleh diberikan terus sebagai benih padi percuma yang saya kira lebih memberi manfaat kepada petani-petani sekalian.

Seterusnya, kajian dan penyelidikan juga perlu kita buat berkaitan dengan *post harvest losses*. Kita dengar ada 17%, ada sesetengah tempat 20%. Itu dapatan kajian berkaitan dengan kehilangan lepas tuaian. Akan tetapi, apakah cadangan untuk mengatasi masalah ini? Adakah ia berkaitan dengan mesin, mesin jentuai yang digunakan? Sedarkah kita bahawa sebenarnya jentuai yang digunakan hari ini adalah lebih sesuai digunakan untuk gandum? Akan tetapi oleh sebab kita juga hendak menggunakan jentuai, kita gunakan ia untuk padi dan ia juga sudah tentu memberi kesan jauh lebih tinggi terhadap kehilangan lepas tuaian.

Kemudian, kita juga sedar bahawa ada juga *by products* padi ini contohnya jerami dan juga sekam. Setelah berpuluh-puluh tahun, kita masih juga tidak dapat mencari satu formula, apakah benda ini dapat kita buat? Kita mungkin boleh buat macam contoh hendak buat batu bata untuk dijadikan bahan binaan dan sebagainya. Jadi, sudah tentulah beberapa buah agensi yang terlibat boleh bekerjasama. Contohnya, mungkin MARDI dan juga MOSTI. MOSTI sendiri boleh bekerjasama untuk mencari jalan bagaimana untuk kita dapat gunakan sisa-sisa padi ini yang akhirnya juga sudah tentu akan dapat meningkatkan pendapatan petani dan juga sudah tentu dapat mencapai hasrat iaitu hendak meningkatkan pendapatan kumpulan B40 ini.

Seterusnya di kesempatan ini juga, saya hendak rakamkan penghargaan kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meneruskan peruntukan bagi meningkatkan kepadatan tali air di kawasan MADA daripada 18 meter satu hektar ke-30 meter satu hektar dengan peruntukan yang saya jangkakan di bawah RMKe-11 ini sebanyak RM2.04 bilion. Begitu juga, MADA sendiri telah pun memohon untuk projek pembangunan untuk lima tahun yang akan datang di bawah RMKe-11 ini yang berjumlah RM463 juta bagi meningkatkan lagi keberkesanan, *efficiency* dalam pengurusan saliran dan pengairan dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan industri padi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar- saya sebutkan tadi berkaitan dengan benih padi. Kita perlukan *intensify our efforts*, dengan izin, untuk menghasilkan jauh lebih banyak benih-benih baru yang lebih sesuai, yang tahan rintang penyakit dan sebagainya dan kita perlu bekerjasama dengan semua pihak, baik antara agensi dalaman mahupun dengan sektor swasta. Malahan mungkin juga kerjasama boleh kita buat dengan kerajaan ataupun agensi-agensi daripada kerajaan luar negara. Kemudian, kita sedar bahawa komponen penting dalam industri tanaman padi ini racun, racun serangga mahupun racun kulat. Kita tahu di bawah program Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), syarikat-syarikat yang telah pun berjaya mendapat tender membekalkan racun-racun ini perlu untuk dihimpunkan satu dana atau *fund*, dalam kalangan mereka semua ini untuk diwujudkan tabung R&D yang secara berterusan.

■1440

Kita tidak boleh berpuas hati dengan formula yang kita capai mungkin dengan uji kaji yang kita buat tetapi sesungguhnya kerja-kerja R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang serangga, kulat dan sebagainya mestilah berterusan. Sebab seperti yang saya sebutkan keadaan berubah dari semasa ke semasa dan memerlukan kepekaan dengan teliti dan sebagainya daripada semua pihak. Seterusnya juga di bawah program memodenkan sektor pertanian ini juga disebut satu perkara berkaitan untuk memperkukuhkan sokongan institusi dan khidmat perkembangan.

Kita sedar bahawa dulu-dulu tahun 60-an, 70-an awal musim waktu mula-mula dikerjakan tanaman padi dua kali setahun, pegawai-pegawai perkembangan turun ke bawah. Hari ini setelah mungkin sekian lama mungkin semua rasa pandai sudah, selesa jadi usaha perkembangan ini dikurangkan ataupun tidak ditekankan. Jadi sesungguhnya program perkembangan ini amat ini penting maka saya menyeru dan meminta supaya semua agensi kerajaan yang terlibat berganding bahu supaya dapat turun ke bawah memberi taklimat maklumat terkini berkaitan dengan apa jua yang terlibat bagi usaha kita untuk meningkatkan hasil daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya disebut untuk memperkasakan PPK ataupun Pertubuhan Peladang Kawasan dalam pengedaran bahan input pertanian, baja, racun, khidmat *agro activities* dan sebagainya termasuk *tractors*, *harvesters* dan pelbagai. Ini juga amat kita alu-alukan dan kita harapkan supaya pihak kerajaan, pihak kementerian memberikan keutamaan dalam usaha penglibatan para petani melalui PPK ini dengan harapan apabila mereka terlibat secara langsung ia akan dapat mengurangkan kos.

Jadi dalam konteks mengurangkan kos kita sedar bahawa GST di perkenalkan tahun ini. Semua PPK yang berniaga lebih daripada RM500,000 perlu mendaftar sebagai dalam senarai penerima kutipan GST. Jadi apa yang menyedihkan ialah apabila PPK ini mendaftar, secara automatiknya mereka terpaksa mengutip pula GST. Contohnya sebelum ini mereka yang terlibat dalam servis *provider* dalam aktiviti tanaman pertanian ini contohnya membajak, menuai dan sebagainya menghantar racun dan baja ke kampung-kampung. Hari ini mereka telah mengenakan GST.

Jadi saya kira kerajaan, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula ini perkara yang amat penting kerana *it will defeat the purpose*. Kita hendak tengok petani-petani yang selama ini bergantung harap bantuan kerajaan tetapi apabila diperkenalkan GST mereka juga turut perlu membayar GST ini. Jadi bagi pihak petani saya merayu supaya Kementerian Kewangan mengkaji dan melihat boleh dapat dikecualikan petani-petani ini daripada terlibat dan membayar GST.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan kita bersyukur terima kasih atas kepekaan prihatin kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha membina rumah, memperbanyakkan lagi kemudahan untuk rakyat memiliki rumah. Apa yang saya kagum pada kali ini Yang Amat Berhormat Pekan tidak lupa pula dengan rakyat luar bandar. Di mana telah pun diperkenalkan satu skim baru iaitu skim memperbaiki rumah di kalangan orang-orang susah di luar bandar. Peruntukan di antara RM5,000 ke RM10,000 melibatkan 400,000 unit rumah dalam tempoh lima tahun.

Jadi, sudah tentulah saya kira ini amat bermakna di mana kita dapat memperbaiki rumah-rumah orang kampung yang bocor atapnya, mungkin yang perlu membaiki bilik airnya, mungkin yang perlu usaha *rewiringnya*, mungkin kita hantar 10 kampil simen, satu lori batu untuk pasir dan sebagainya. Ini pada saya amat-amat menyentuh dan saya kira sudah tentu akan memberi makna yang amat mendalam kepada orang kampung.

Cumanya pesan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Dua minit terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaannya perlu kita jenguk bagaimana kita buat supaya jangan pula apabila peruntukan mungkin RM5,000 diberikan melalui orang tengah pula, kemudian akhir sekali orang kampung hanya dapat setengah ataupun separuh dan yang lain itu tak tahu ke mana. Jadi saya mencadangkan supaya kalau boleh biarlah kita menghantar barang, kemudian orang kampung itu sendiri yang membaiki rumah masing-masing.

Jadi kita kata konsep gotong-royong secara sebenar. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi jalan-jalan luar bandar. Jadi macam tempat saya di Jerlun kawasan luar bandar. Kawasan padi kita ada PEDA, kita ada lorong-lorong kecil, mini tar dan sebagainya. Keadaan jalan kampung ini pun sudah memang uzur, sudah rosak dan sebagainya tapi kita perlukan juga bantuan daripada kerajaan untuk memperbaiki, menaik taraf dan sebagainya dan kita minta janganlah ia dilupakan.

Untuk sukan, saya sudah tentulah sebagai ahli sukan saya menyokong usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai Datuk Lee Chong Wei, lebih ramai Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol David, Pandelega Rinong dan sebagainya. Kita juga sekarang masih terkial-kial mencari jalan untuk mendapat *the 1st gold Olympic gold, ever*. Jadi kita harapkanlah dengan adanya UiTM untuk bola sepak, kemudian UM untuk badminton dan sebagainya kita akan dapat mencapai untuk melahirkan lebih ramai ahli-ahli sukan di kalangan rakyat Malaysia kerana kita tahu bahawa sebuah negara maju itu perlulah berseiring dengan kejayaan dalam bidang sukan.

Jadi untuk kawasan juga Tuan Yang di-Pertua *last* sekali saya memohon supaya Kementerian Kerja Raya melihat dan memastikan bahawa di bawah RMKe-11 ini dapat menunaikan hasrat, harapan orang-orang Jerlun untuk menaik taraf Jalan Putera kilometer 15 ke kilometer 20 di antara sempadan Daerah Kubang Pasu-Kota Star ke sempadan Perlis untuk dinaik taraf, untuk diperluaskan dilebarkan jalan itu kerana hari ini keadaan trafik sudah semakin sesak, jambatan ada empat dan perlu untuk dilebarkan. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Serdang.

2.47 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap tentang RMKe-11 ini. Saya hendak menggunakan peluang ini untuk membangkitkan beberapa soalan tentang isu yang penting yang saya harap boleh dijawab oleh Menteri-menteri berkenaan. Ada tiga isu. Isu pertama daripada segi pembekalan tenaga ataupun *electricity or energy generation*. Saya memang kecewa kerana dokumen RMKe-11 ini tidak sebut langsung strategi secara terperinci untuk menuju ke arah penurunan penggunaan tenaga bahan api fosil ataupun *fossil fuel* dan menuju ke arah penggunaan tenaga boleh baru ataupun *renewable energy*.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab ialah kerana dasar yang saya rasa ada sedikit sebanyak bercanggah di dalam kerajaan di antara KeTTHA, Suruhanjaya Tenaga dan juga SEDA ataupun *Sustainable Energy Development Authority*. Mengikut jawapan Parlimen yang saya terima daripada KeTTHA pada sesi yang lalu, pembekalan sumber tenaga ataupun *generation fuel mix* bagi Semenanjung Malaysia adalah 62% arang batu ataupun *coal*, 29% gas, 4% hidro dan 3% sahaja tenaga boleh baharu ataupun TBB pada tahun 2020 iaitu di akhir Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Akan tetapi berdasarkan Laporan Suruhanjaya Tenaga ataupun *Energy Commission, Peninsular Malaysia Electricity Supply Outlook 2014*, tenaga boleh baru dianggarkan akan menyumbang sebanyak 3% ataupun 700 megawatt daripada jumlah kapasiti di Semenanjung Malaysia pada tahun 2020. Namun mengikut anggaran SEDA ataupun angka yang diberikan oleh SEDA, kapasiti ini 2,080 megawatt yang akan dijanakan oleh TBB pada tahun 2020 dan ini akan terdiri daripada 11% daripada jumlah kapasiti.

Mengikut RMKe-11 pula, TBB hanya akan komposisi terdiri daripada 7.8% daripada jumlah kapasiti yang terpasang di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini memang sesuatu yang perlu dijelaskan oleh kementerian. Manakah sasaran yang betul untuk tahun 2020?

■1450

Adakah angka SEDA ataupun angka KeTHHA, ataupun angka Suruhanjaya Tenaga ataupun angka RMKe-11 yang dibuat sebagai sasaran rasmi. Saya rasa apabila sasaran rasmi itu tidak dikenal pasti, memang ada banyak masalah yang akan berlaku, termasuk masalah *miss the target*, dengan izin. Saya beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua, sasaran RMKe-10 untuk seluruh Malaysia daripada segi TBB diramalkan 5.5% daripada jumlah kapasiti ataupun 985MW. Akan tetapi yang tercapai sehingga sekarang iaitu tahun 2015 hanya 243MW. Jadi, *one quarter of the original target*. Saya rasa ini perlu dijelaskan oleh Kementerian.

Pada masa yang sama, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah rancangan untuk meningkatkan sumber jana kuasa yang dibekalkan oleh arang batu daripada 42% pada tahun 2014 hingga 62% pada tahun 2020 adalah salah sebahagian daripada pemacu perubahan melaksanakan pertumbuhan hijau dalam RMKe-11. Saya hendak mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Malaysia akan menurunkan intensiti pelepasan daripada segi KDNK menjelang tahun 2020 di sidang Copenhagen pada tahun 2009.

Dengan izin, "*Malaysia is adopting an indicator of a voluntary reduction of up to 40% in terms of emissions intensity of GDP by the year 2020 compared to 2005*". Akan tetapi pada masa yang sama, angka yang saya diberi oleh Kementerian ialah penggunaan arang batu untuk menjana kuasa elektrik dianggarkan akan bertambah, bukan menurun.

Pada masa yang sama, loji kuasa 1,000MW di Manjung yang sepatutnya habis dibina pada tahun 2017, yang telah diberikan kepada Tenaga menggunakan arang batu loji kuasa 2,000MW di Jimah East yang telah diberikan kepada 1MDB yang sepatutnya habis dibina pada tahun 2018, 1,000MW yang pertama dan tahun 2019, 1,000MW yang kedua juga loji arang batu Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan isu arang batu, saya juga hendak membangkitkan soalan. Sekarang seperti mana yang saya tahu hanya ada sebuah syarikat yang diberi lesen untuk mengimport arang batu iaitu TNB Fuel Services Sdn. Bhd. Adakah kerajaan berniat untuk membuka pasaran kepada lebih daripada sebuah syarikat untuk mengimport arang batu supaya harga arang batu boleh dikurangkan melalui persaingan dan membantu untuk mengurangkan kos penjanaan kuasa elektrik di negara kita.

Berkenaan dengan gas, saya juga hendak minta pihak Kementerian untuk memberi status terkini rancangan untuk membuka pasaran gas melalui *third party access* dan impak kepada harga gas akibat daripada rancangan ini. Saya hendak ambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang Projek *Solar Farm* ataupun *Mega Solar Farm* 50MW yang telah diberikan kepada tidak lain, syarikat 1MDB secara rundingan terus. Projek ini diumumkan pada tahun 2014, 23 April. Akan tetapi selepas 1 tahun Tuan Yang di-Pertua, projek ini belum lagi *start*. Sebagaimana yang saya tahu, tanah di Kuala Ketil, Kedah telah dikenal pasti tetapi bayaran penuh tanah tersebut belum dibuat lagi.

Pada masa yang sama, saya juga telah baca di surat khabar bahawa tarif yang mulanya dikira 40 sen 1kWh telah dinaikkan oleh KeTTHA kepada 50 sen 1kWh. Saya rasa ini ada sedikit unsur macam *bail out* kepada syarikat 1MDB.

Saya ada beberapa soalan Tuan Yang di-Pertua, tentang projek *Solar Farm* ini. Pertama, mengapakah projek ini tidak dibukakan kepada pasaran umum sebagai satu tender terbuka untuk mendapatkan tarif yang terendah untuk tenaga? Kedua, adakah tarif sebanyak 50 sen diberikan kepada 1MDB ini wajar memandangkan bahawa tarif yang sama yang dikenakan oleh SEDA untuk Solar PV 10MW hingga 30MW ini adalah hanya 49 sen. Saya rasa untuk kapasiti *Solar Farm* yang 50MW tentu boleh dapatkan *economic of scale*, dengan izin, dan juga penurunan harga Solar PV yang sedang berlaku memang akan menurunkan kos untuk membina *Solar Farm* ini.

Soalan yang ketiga, adakah 1MDB mampu untuk memperoleh dana untuk membina *Solar Farm* ini memandangkan bahawa Projek 3B yang pada awalnya telah diberikan kepada 1MDB nampaknya akan diambil alih oleh Tenaga Nasional Berhad. Soalan yang keempat, mengenai *Solar Farm* ini ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pengesahan sama ada Projek Solar 50MW ini ialah *pilot project* yang mungkin akan diperbesarkan kepada projek yang lebih mega lagi yang sebanyak 500MW pada masa hadapan. Itu adalah berkenaan dengan...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Serdang, boleh saya mencelah sikit? Kuala Kangsar.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sikit sahaja ya, kerana saya ada banyak isu.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Okey Yang Berhormat. Tentang *rate* tadi, saya ingat solar itu telah diturunkan RM1 lebih kepada 40 sen atau 50 sen, bukannya dinaikkan kerana cagak kosong sahaja. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Menteri kepada indeks yang baru diterbitkan pada 20 Mei 2015 iaitu Indeks Demokrasi Alam Sekitar (*Environmental Democracy Index*) yang diterbitkan oleh *World Resource Institute*, sebuah institut kajian antarabangsa yang terkenal. Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa indeks ini menggunakan 70 *indicator* daripada segi undang-undang berdasarkan standard yang dinyatakan dalam *United Nations Environmental Program (UNEP) Bali Guidelines*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Mengikut berita di surat khabar *The Edge* memang telah dinaikkan daripada 40 sen kepada 50 sen. Kalau hendak mengesahkan, kita boleh mengesahkan nanti, okey?

Isu kedua ialah penjagaan alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang dihuraikan dalam RMKe-11 ini mengenai penjagaan alam sekitar memang berbunyi baik tetapi pada pandangan saya semuanya cagak kosong sahaja. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Menteri kepada indeks yang baru diterbitkan pada 20 Mei 2015 iaitu Indeks Demokrasi Alam Sekitar (*Environmental Democracy Index*) yang diterbitkan oleh *World Resource Institute*, sebuah institut kajian antarabangsa yang terkenal. Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa indeks ini menggunakan 70 *indicator* daripada segi undang-undang berdasarkan standard yang dinyatakan dalam *United Nations Environmental Program (UNEP) Bali Guidelines*.

Pada pokoknya, indeks ini memberi tumpuan kepada tiga hab penting daripada segi alam sekitar iaitu, dengan izin, *the right to freely access information on environmental quality and problems, the right to participate meaningfully in decision-making, the right to seek enforcement of environmental laws and compensation for harm*. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia menduduki tempat ke-69 daripada 70 buah negara yang disenaraikan di bawah indeks ini. *This is a tragedy and a disgrace, because we are in the second to last position*.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah huraian yang diberikan pada Malaysia dalam indeks tersebut, *Malaysia received low scores for the Transparency and Participation pillars, and a fair score for the Justice pillar. While the law on the environment provides a right to access environmental information on request, government authorities are not obliged to make environmental and public health information available to the public. Regarding the Participation pillar, the public is provided with the right to participate in environmental decision making in only a limited set of circumstances*.

State agencies are not required to account for public comments in environmental decision making. For the Justice pillar, the law fails to provide for the timely enforcement of criminal, civil and administrative decisions relating to the environment, and the public is not granted broad standing to file environmental claims in court. By addressing these issues, Malaysia could ensure that environmental information is made available to the public, public comments are incorporated in environmental decision making, and the public is granted the right to file environmental claims in court to address environmental harms.

Tuan Yang di-Pertua, isu pokok di Malaysia ini adalah orang awam tidak diberikan kuasa ataupun hak untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkenaan dengan alam sekitar dan juga tidak diberikan hak yang mencukupi untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan ataupun *decision making process*. Saya hendak memberi satu contoh, contoh seperti *incinerator* di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan juga di Pulau Tioman. Tahap *dioxin* dan gas pencemaran udara seperti *sulfur dioxide* mesti diukur di loji-loji tersebut tetapi malangnya penduduk di kawasan ini tidak diberikan apa-apa maklumat tentang *test* ataupun kajian pengukuran yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar.

Di Jepun Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melawat *incinerator* di tempat di Jepun, murid sekolah dijemput masuk ke *incinerator* sebagai satu *tour* tetapi di Malaysia, orang awam tidak dibenarkan masuk ke dalam loji *incinerator* langsung. Saya rasa salah satu sebab ialah kerana loji-loji *incinerator* skala kecil ini memang diuruskan dengan begitu

buruk. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mendemokrasikan akses kepada maklumat dan juga kuasa dalam *decision making process*? Memandangkan kedudukan Malaysia yang amat teruk dalam *Environmental Democracy Index* ini. Adakah maklumat *discharge* untuk setiap kilang yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar akan diterbitkan secara umum.

■1500

Saya juga hendak mendapatkan pengesahan daripada pihak kementerian sama ada seorang *consultant* dari Denmark akan diberikan satu kontrak berjumlah RM900,000 untuk mengkaji kelemahan *incinerator* tersebut di Langkawi, di Pangkor, di Cameron Highlands dan juga di Tioman dan juga memberi cadangan untuk menambah baik operasi ataupun menutup semua *incinerator* ini. Tuan Yang di-Pertua, isu saya juga hendak dapatkan pengesahan daripada pihak kementerian adakah *Leachate Treatment Plant* di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kepong yang sudah tidak beroperasi sekian lama, adakah kerajaan akan memberikan satu kontrak berjumlah RM35 juta untuk membina loji rawatan yang baru?

Isu yang ketiga yang *last* sekali dasar kesihatan. Saya rasa ini satu isu yang memang serius di negara kita di mana kadar penambahan hospital dan pusat kesihatan swasta yang sebenarnya bukan swasta kerana kebanyakan mereka ini dimiliki oleh GLC ataupun kerajaan seperti KPJ yang dimiliki oleh *Johor Corp.*, *Pantai Medical Group* yang dimiliki oleh Khazanah dan juga *Prince Court Medical Centre* yang dimiliki oleh Petronas. Jadi semua hospital dan *group* ini boleh dikatakan diuruskan untuk keuntungan ataupun *for-profit hospitals*.

Harga jauh lebih mahal berbanding dengan hospital kerajaan tetapi keuntungan yang didapatkan adalah daripada rakyat Malaysia dan diberikan kepada GLC yang disebutkan tadi. Misalnya Kumpulan KPJ yang dikuasai oleh *Johor Corp.* mendapatkan keuntungan sebelum cukai ataupun *profit before tax* adalah sebanyak RM218 juta pada tahun 2014 dan pendapatan ataupun *revenues* sebanyak RM2.6 bilion.

Saya rasa kenaikan kos perubatan bukan hanya sesuatu yang dihadapi oleh golongan kaya sahaja yang mampu menampung bil di hospital swasta. Saya rasa ada banyak orang kelas pertengahan ataupun *middle class* dan juga kelas bawahan yang menghadapi masalah ini kerana mereka terpaksa mendapatkan rawatan dari hospital swasta akibat daripada masa menunggu ataupun *waiting time* yang begitu lama di hospital kerajaan. Adakah kerajaan, soalan saya mempunyai perancangan untuk mengawal perkembangan swasta di sektor kesihatan ataupun mengawal harga yang boleh dikenakan oleh hospital-hospital swasta tersebut supaya kos perbelanjaan kesihatan di Malaysia boleh dikawal dengan baik? Saya ada dua persoalan berkenaan dengan sektor perubatan juga Tuan Yang di-Pertua.

Saya difahamkan bahawa Pharmaniaga telah diberikan konsesi eksklusif untuk membekalkan ubat kepada semua 148 buah hospital kerajaan dan 1,400 buah klinik dan juga pejabat daerah di seluruh negara. Konsesi ini akan berakhir pada tahun 2019. Adakah kerajaan merancang untuk membuka pasaran kepada syarikat-syarikat yang lain sebagai satu strategi untuk menurunkan kos perubatan? Bolehkah kerajaan mendedahkan kontrak konsesi kepada Pharmaniaga termasuk maklumat-maklumat tentang kos ubat yang dibekalkan kepada hospital dan klinik kerajaan dan syarat-syarat harga yang tertakluk dalam kontrak konsesi ini?

Berkenaan dengan kontrak eksklusif yang diberikan kepada Oratis Services Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab untuk memproses *claim* daripada golongan pesara penjawat awam yang membeli ubat dari farmasi-farmasi. Kenapakah *fee* pengurusan sebanyak 7% diberikan buta-buta kepada syarikat ini? Berapa lama perjanjian konsesi yang ditangani oleh Oratis dan apakah impak kepada kerajaan daripada segi kos perbelanjaan perubatan pesara penjawat awam? Ya, hendak *landing* sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya, hendak *landing*. Sebelum saya buat *landing* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta isu kawasan, saya hendak minta Menteri Kerja Raya untuk memberi maklumat tentang rancangan untuk menaiktarafkan jalan keluar masuk dari jalan besar di Seri Kembangan ke Lebuhraya Besraya memandangkan bahawa

MRT Line 2 akan melalui kawasan Seri Kembangan menuju ke Putrajaya. Saya harap dan saya mohonlah kepada pihak kementerian, orang Serdang dan juga orang penduduk di kawasan Serdang dan Seri Kembangan telah mengalami kesesakan jalan yang amat serius untuk lebih daripada 10 tahun dan saya harap bahawa pihak kementerian ada rancangan untuk menaik taraf *infrastructure* supaya kesesakan jalan raya ini boleh ditangani.

Saya juga hendak tanya Menteri Kesihatan sama ada apa-apa rancangan untuk membina satu hospital kerajaan yang baru di kawasan Bangi memandangkan bahawa penambahan penduduk yang begitu pesat di kawasan Bangi di 20 tahun ini. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ini. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran.

3.05 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk turut serta membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, enam teras Rancangan Malaysia Kesebelas yang dicadangkan dan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah konsisten dengan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. Malah dokumen ini menjanjikan agar semua rakyat dapat menikmati tahap kualiti hidup yang lebih baik.

Apabila Rancangan Malaysia Kesebelas ini dibentangkan Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah *upload di Facebook* dan saya telah meminta pandangan dan apakah harapan rakyat hasil daripada pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Rata-rata rakyat menerima baik cadangan ini tetapi ada juga yang sinis, yang mempersoalkan dan mengatakan bahawa apa yang telah berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh?

Ada juga yang mempersoalkan sehingga dari Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas ini apa yang telah berlaku? Mempersoalkan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji dan melihat bukan sahaja apa yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, kita tidak boleh nafikan bahawa perubahan yang besar telah berlaku. Kalau kita lihat daripada segi ekonomi sahaja.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, 1970 hingga 1975 KDNK kita cuma RM71 bilion seperti yang dinyatakan dalam ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pada tahun lepas sudah sampai lebih RM1 trilion. Ini satu perubahan yang besar. Saya tidak perlu pergi ke perangkaan-perangkaan seperti sekolah. Berapa buah sekolah pada Rancangan Malaysia Pertama, dan berapa buah sekolah rendah hari ini? Berapa sekolah menengah pada Rancangan Malaysia Pertama, dan berapa hari ini? Memang perubahan yang besar telah berlaku dan kita boleh nyatakan satu-persatu perubahan yang telah berlaku daripada segi infrastruktur, daripada segi pendapatan rakyat, daripada segi pendidikan dan banyak lagi.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, yang kita prihatin daripada segi pengagihan. Daripada segi bagaimana kita menyeimbangkan pembangunan di antara wilayah yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan termasuk dari Sabah juga daripada Semenanjung terutama Yang Berhormat daripada Sungai Petani pagi tadi menceritakan tentang ketidakseimbangan pembangunan wilayah. Pembangunan yang telah diadakan di Sabah yang kita telah alami selama ini dan pembangunan yang di Semenanjung.

Satu perkara yang harus kita lihat memang rakyat Sabah boleh merasai. Pertamanya daripada segi lebuh raya. Kalau kita dari Johor Bahru sampai ke Kangar, Perlis terasa benar daripada segi infrastruktur lebuh rayanya yang begitu canggih, begitu besar dan sebagainya. Berbanding apabila kita berjalan daripada Sindumin di Sipitang dan ke Sandakan sampai ke Tawau, kita boleh rasa. Walau bagaimanapun, saya juga memahami bahawa daripada segi pendekatan pembangunannya, daripada segi pembiayaan

pembangunannya adalah berbeza. Di Semenanjung, kerajaan mengambil pendekatan untuk memberi kepada konsesi dan konsesi mendapat kewangan dari bank dan hari ini diserahkan balik kepada rakyat dalam bentuk tol dan rakyat terpaksa membayar tol. Di negeri Sabah kita tidak ada tol dan sebagainya.

Hari ini kadang-kadang rakyat di kedua-dua wilayah ini, dia tidak dapat melihat, yang di Sabahnya mengatakan kenapa kita tidak sama, setaraf? Pembangunan tidak sama seperti yang di Semenanjung. Ada juga yang mengatakan biarlah kita membayar tol dan sebagainya. Akan tetapi, apakah konsesi-konsesi yang jika sekiranya nanti ada tol dan sebagainya di negeri Sabah, apakah nanti rakyat akan mempersoalkan? Sedangkan di Semenanjung pun, pihak sebelah sana pun sudah menjanjikan kalau dia memerintah dia akan menghapuskan tol dan sebagainya sebab memang menjadi satu bebanan kepada rakyat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Akan tetapi syukurlah Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan adanya yang di telah dirancang dan Lebuhraya Pan Borneo ini, mudah-mudahan pembangunan infrastruktur ini nanti akan kita berikan kepada rakyat. Ya, silakan Yang Berhormat Putatan.

■1510

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini petang kadang-kadang sudah makan, ngantuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya juga ingin minta sedikit penjelasan daripada sahabat saya, bos saya dari Tuaran. Tuan Yang di-Pertua sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin memaklumkan, merekodkan kehadiran Pergerakan Pemuda UPKO yang ada dalam Dewan di atas Tuan Yang di-Pertua seluruh Sabah yang duduk di atas melihat presidennya berbahas Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mahu tanya sama dengan Yang Berhormat Tuaran ini dekat dengan kawasan Tasik Kota Belud. Kalau kita melihat dalam apa Yang Berhormat Sungai Petani cakap pagi tadi bahawa apabila kita membentuk sebuah negara yang dipanggil Malaysia, ada beberapa perkara yang harus kita tunaikan dalam perjanjian tersebut.

Satu daripadanya Tuan Yang di-Pertua, cukai-cukai yang didapati dari negeri Sabah itu harus dikembalikan kepada kerajaan negeri Sabah sekurang-kurangnya 40%. Ini saya rasa termaktub dalam Perlembagaan negara kita. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuaran, oleh sebab Yang Berhormat Tuaran telah menjelaskan bahawa infra kita di Sabah tidak semestinya bersama dengan Semenanjung sebab rakyat kita boleh Yang Berhormat Kota Bharu, rakyat kita di negeri Sabah ini sudah boleh datang di sini dengan tambang yang murah.

Jadi apabila datang sini melihat infra-infra kecuali Kota Bharu, Kota Bharu tidak ada. Duduk, sebentar, sebentar. Kecuali Kota Bharu di Kelantan. Tempat-tempat yang lain itu semua begitu indah, begitu moden. Jadi terasa perasaan dalam lubuk hati rakyat negeri Sabah termasuk Yang Berhormat Lanang itu melihat ya yang Sabah ini boleh atau tidak kita minta kasihan daripada kerajaan Putrajaya supaya memberi sedikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Okey.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Walaupun tidak sampai 40% Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya 30% Tuan Yang di-Pertua bagi peruntukan kepada negeri Sabah untuk memperbaiki infrastruktur di Sabah.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, menurut mereka yang terlibat dalam membincang Perjanjian Malaysia dan juga 20 perkara, syarat-syarat pembentukan Malaysia dahulu, model yang kita telah ambil untuk mengurus tadbir hal cukai ialah model Australia dan juga Kanada. Apa yang telah dilaksanakan di Australia daripada segi kerajaan negerinya, Kerajaan Persekutuan, daripada segi pengagihan, pemungutan cukai dan sebagainya, itulah yang telah dicadangkan dan dipersetujui. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan bahawa ini satu perkara yang perlu dilihat semula dan dikaji.

Ini penting sebab sebagai contoh pada hari ini apabila dilaksanakan GST, maka pungutan *sales tax* yang dipungut daripada kelapa sawit di Sabah untuk kerajaan negeri ada sedikit dari segi pengurusannya apabila GST juga dikenakan dan terpaksa direverse

balik kepada kerajaan negeri dan sebagainya dalam *sales tax*. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan. Barangkali ini sesuatu yang perlu dikaji semula. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ignatus Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Tuaran, boleh sekejap mencelah sikit-sikit.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti dulu. Oleh sebab panjang lagi cerita sini.

Tuan Ignatus Dorell Leiking [Penampang]: Tapi...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya habiskan *point* saya. Nanti saya bagi peluang.

Tuan Ignatus Dorell Leiking [Penampang]: Kembali kepada isu nanti.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya akan bagi kalau ada Yang Berhormat Penampang. Kalau ada masa. Ini soalan infrastruktur. Ini keresahan dan ketidakpuasan rakyat Sabah ini memang berasas sebab masih ada lagi lima ribu kilometer jalan raya luar bandar yang belum berturap dan dinaik taraf. Kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini yang di janjikan ialah yang telah dirancang cumalah 3,000 kilometer untuk seluruh negara.

Kalau kita ambil kosnya, satu kilometer RM2 juta. Ini bererti bahawa kalau lima ribu kilometer di negeri Sabah itu kita perlu lebih kurang RM20 bilion lagi. Jika semua lima ribu kilometer jalan raya yang sudah ada pun, yang masih *gravel* pada hari ini, tidak juga diturap, tidak juga dinaik taraf setibanya tahun 2025, lima tahun dari sekarang, inilah yang dipersoalkan oleh rakyat Sabah. Apakah kita ini sudah berstatus negara maju? Jika ini belum lagi naik taraf. Ini berasas.

Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya pembiayaan untuk menaik taraf, menurap jalan-jalan luar bandar ini, saya mohon supaya perbelanjaan ataupun bajet tahunan yang sekarang ini lebih kurang RM40 bilion untuk seluruh negara, kita beri keutamaan untuk diperuntukkan untuk infrastruktur di negeri Sabah khususnya macam jalan raya yang saya sebutkan tadi. Ini adalah kerana pembangunan yang diperlukan di Semenanjung, contohnya pembinaan hospital, pembinaan balai polis, pembinaan sekolah dan sebagainya telah terbukti, telah dibina dan menggunakan PFI melalui syarikat pembinaan PFI Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan. Kita lihat di sana hampir RM30 bilion sudah digunakan untuk tujuan ini.

Oleh sebab itu sepatutnya untuk negeri Sabah ini, kalau kita menggunakan peruntukan biasa, mengharapkan daripada RM 40 bilion setiap tahun itu, tentu sekali kita tidak mencapai sasaran untuk menurap semua setibanya tahun 2020. Saya balik-balik menyatakan bahawa di kawasan saya di Tuaran, saya masih ada lagi 200 kilometer jalan raya yang sedemikian rupa yang perlu dinaik taraf. Oleh sebab itu dalam kesempatan ini, semalam saya ada buat ucapan penangguhan. Bila saya menghantar ucapan penangguhan saya tentang pelaksanaan janji yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum PRU-13 dahulu iaitu naik taraf jalan daripada Telipuk, Kiulu, Pukak ke Pahu, Lokos sampai ke Rondoggun di Ranau. Saya mengharapkan yang menjawab ini adalah dari Jabatan Perdana Menteri khususnya daripada pihak EPU.

Akan tetapi semalam yang menjawab adalah daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Apabila daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, sekali lagi dia menyatakan bahawa ini tertakluk kepada kelulusan daripada EPU. Jadi sebab itu kalau perkara atau sesuatu yang sudah diumumkan oleh pemimpin nombor satu negara kita, apa lagi persoalan dia tertakluk kepada EPU. Apa lagi. Jadi ini yang kita minta supaya dilaksanakan semua itu.

Tuan Ignatus Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Tuaran, minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti, nanti, saya akan bagi. Nanti saya bagi.

Tuan Ignatus Dorell Leiking [Penampang]: Ini berkaitan jalan raya.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Nanti saya bagi, nanti saya bagi. Ini saya punya momentum Yang Berhormat Penampang. Ini yang saya minta supaya dilaksanakan. Memang peruntukannya besar. Yang diumumkan itu RM400 juta. Apa yang ada dinyatakan oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah cuma lebih kurang RM100 juta lebih yang dinyatakan semalam. Jadi sebab itu saya mencadangkan sekali lagi supaya seperti mana tuntutan dan tema dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini bahawa rancangan ini adalah berpaksikan rakyat dan juga inovasi rakyat. Kerajaan juga perlu berinovasi untuk mencari peruntukan untuk menyelesaikan semua masalah pembangunan yang tertunggak.

Satu lagi perkara yang berkaitan dengan menyeimbangkan pembangunan wilayah Tuan Yang di-Pertua ialah soal logistik dan pengangkutan yang amat begitu penting di Sabah. Saya juga telah menyatakan ini dalam ucapan penangguhan saya tempoh hari iaitu betapa pentingnya peranan pelabuhan sebagai alat kita, sebagai satu mekanisme kita dalam soal logistik dan pengangkutan. Pengangkutan ini dan logistik ini ada sumbangannya terhadap kos sara hidup, kos barangan di negeri Sabah. Selama ini kita meminta supaya pelabuhan Sepanggar itu dinaik taraf sehinggakan Kota Kinabalu itu dijadikan sebagai *transshipment hub*.

Akan tetapi apabila jawapan daripada pihak kementerian, dia akan nyatakan bahawa Pelabuhan Sepanggar ini milik kerajaan negeri. Oleh sebab itu, daripada segi pengurusanannya, daripada segi pembiayaannya, daripada segi peruntukannya dilihat berlainan berbanding dengan pelabuhan seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Kuantan. Pelabuhan Kuantan disebut dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi Pelabuhan Sepanggar tidak disebut.

■1520

Kita meminta supaya segala apa yang telah dipohon dan telah diminta oleh kerajaan negeri supaya Kerajaan Persekutuan memberi pembiayaan, kalau tidak dapat bagi yang RM2 bilion, bagi RM1.5 bilion pun cukup seperti mana yang telah diminta oleh kerajaan negeri. Ini kerana sekiranya kita tidak dapat meningkatkan *efficiency* ataupun keberkesanan Pelabuhan Sepanggar itu, maka apa pun buat, kita buang kabotaj dan sebagainya, kita boleh bebaskan apa juga kapal datang ke Kota Kinabalu dan sebagainya tetapi mereka tidak akan datang. Kapal-kapal ini tidak akan datang sebab tidak ada *efficiency*. Mereka menunggu berhari-hari untuk *upload* kontena dan sebagainya. Oleh sebab itu saya mohon supaya kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini mengambil serius dalam soal mempertingkatkan lagi peningkatannya Pelabuhan Sepanggar.

Satu lagi perkara yang amat penting di negeri Sabah ialah untuk mempertingkatkan lagi pelaburan negeri Sabah, menarik banyak pelabur. Kita berterima kasih kerana akhirnya pihak Petronas membuat keputusan untuk mempertingkatkan lagi pelaburan *petrochemical* dan hiliran minyak dan gas di Sabah seperti mana yang telah dilaksanakan di Sipitang dan sebagainya.

Akan tetapi dalam hal ini, adalah amat penting agar rakyat Sabah itu, usahawan-usahawan negeri Sabah itu mendapat penyertaan dalam pelaburan-pelaburan yang dibuat di negeri Sabah ini. Kita berterima kasih sebab di Sipitang itu diberi peluang anak-anak tempatan di Sabah untuk menjadi kontraktor, sub kontraktor dan sebagainya. Akan tetapi apa yang berlaku, sebahagian besar daripada mereka gagal. Kenapakah mereka gagal? Mereka gagal sebab sememangnya Petronas ini sebuah agensi komersial yang profesional yang melihat segala kos itu dan menetapkan margin keuntungannya pada kadar hanya 8% dan sebagainya.

Kalau kita dalam pembinaan, bagaimanakah sesebuah syarikat kontraktor ini dapat melaksanakan kalau keuntungannya hanya 8%? Biasanya lebih 20% baru boleh. Di sinilah sekali lagi rakyat Sabah ini tidak puas hati dan balik-balik mahu ungit kita ini daripada segi royaltinya baru 5% tetapi apabila kita minta penyertaan di dalam industri yang dibuat oleh Petronas, tidak ada pertimbangan khas. Apa salahnya keuntungan dipertingkatkan kepada 15% atau 20% kepada syarikat-syarikat di negeri Sabah itu termasuk juga GLC negeri Sabah sehinggakan GLC negeri Sabah yang menyertai pun tidak- mereka menolak untuk menyertai sebab keuntungan yang begitu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya Petronas ini dia profesional, ini adalah satu komersial, ada rating yang dilihat dan penarafan yang dia *maintain* dan sebagainya, tetapi

pada masa yang sama, tanggungjawab sosial Petronas terhadap negeri Sabah itu juga harus diambil kira. Silakan Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya dari Tuaran. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Tuaran.

Pada bajet tahun lepas untuk tahun 2015, sekurang-kurangnya RM269 juta telah dikurangkan daripada bajet dengan izin, *repair and maintenance of Federal Roads* di Sabah, Sarawak dan Labuan. Bolehkah pihak Barisan bersama dengan kita mendesak kerajaan ini lebih-lebih lagi Putrajaya untuk menambah angka yang telah dikurangkan daripada RM429 juta pada Bajet 2014 dan yang dikurangkan sebanyak RM269 juta pada Bajet 2015 yang diluluskan di Dewan ini tahun lepas? Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Saya bersetuju. Sebenarnya, pada ketika peruntukan itu berada pada tahap RM400 juta suatu ketika dahulu pun kita tidak berpuas hati sebab pelaksanaan penyelenggaraan jalan raya di Sabah khususnya jalan-jalan raya majlis daerah ataupun MARRIS Road dilaksanakan oleh hanya sebuah Syarikat Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. dan yang sudah diturap, Globinaco Sdn. Bhd. Kita tidak berpuas hati dalam pelaksanaan sedemikian rupa sebab terlalu besar, terlalu luas negeri Sabah untuk hanya dua buah syarikat yang buat.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap daerah itu hanya sebuah syarikat untuk melaksanakan. Saya tidak nampak kenapa tidak boleh dilaksanakan, sebab sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Penampang, saya difahamkan bahawa pelaksanaan ini sebenarnya dilaksanakan secara PFI. Diambil dulu duit dari bank, asalkan ada jaminan daripada Kerajaan Persekutuan, dilaksanakan baru diminta bayar balik.

Ini soal prestasi kerja daripada syarikat-syarikat pemegang konsesi yang menyelenggara jalan-jalan raya ini pun kita tidak puas hati. Bayangkanlah, jalan-jalan raya ini yang diselenggara ini ialah jalan raya yang begitu kritikal sebab jalan-jalan raya ini ialah jalan raya menghubungkan sekolah-sekolah luar bandar. Oleh sebab itu, kita amat prihatin tentang ketidakpuasan hati guru-guru kita yang berkhidmat di luar bandar kerana jalan raya yang belum lagi dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke tajuk lagi iaitu soal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Tiga minit lagi? Tambah sikit Tuan Yang di-Pertua.

Dalam soal keselamatan, kita amat berterima kasih kerana dalam Bajet 2015 ini kita telah meluluskan RM660 juta di Dewan yang mulia ini. Kita mengatakan bahawa tidak mengapalah, pada kali ini RM660 juta untuk keselamatan negeri Sabah walaupun ada lagi perkara-perkara yang penting seperti infrastruktur dan sebagainya. Akan tetapi apabila kita mendengar hari itu daripada Kementerian Dalam Negeri, mengatakan bahawa ini sudah habis dibelanjakan, dan kita belum nampak lagi aset-aset yang sepatutnya ada di situ. Jadi kita mengharapkan supaya apa yang telah dimasukkan dalam bajet itu betul-betul ada dan apabila betul-betul ada, laksanakanlah dan belilah aset-aset yang diperlukan.

Dalam hal ini, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain supaya pihak kerajaan melipatgandakan usaha untuk memastikan supaya keselamatan dan ketenteraman awam di negeri Sabah itu dapat dipertahankan dan dipertingkatkan.

Dalam hal ini juga, dalam hal kewarganegaraan, saya ingin menyebut tentang perjalanan pelaksanaan kesemua cadangan yang terdapat dalam laporan RCI mengenai pendatang asing tanpa izin. Saya lihat bahawa perjalanannya begitu *slow*, begitu lambat. Kita tidak tahu apa yang dibuat oleh dua buah Jawatankuasa iaitu satu Jawatankuasa Kerja dan satu lagi Jawatankuasa Tetap. Kita mencadangkan mahu meminta supaya kerajaan membuat keputusan menerima atau tidak menerima cadangan-cadangan utama yang sudah pun ditulis dalam RCI tersebut. Di antara yang paling penting ialah cadangan supaya

kad-kad pengenalan itu ditarik balik untuk memastikan supaya hanya mereka yang layak, hanya warganegara Malaysia yang sah sahaja yang mempunyai kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung sebab masa sudah tidak ada, supaya dalam semua agensi, kementerian dan sebagainya, urus tadbir dalam sistem penyampaian dapat dipertingkatkan. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana akhirnya Kerajaan Persekutuan telah melantik seorang anak Sabah sebagai Ketua Setiausaha kementerian. Setelah lebih 50 tahun dan setelah kita diberi keistimewaan enam jawatan Menteri dari negeri Sabah, akhirnya kita dapat seorang KSU. Kita berharap semuanya ini akan dapat mempertingkatkan lagi apa yang dituntut, apa yang diminta, apa yang diharap-harapkan oleh negeri Sabah termasuklah menyelesaikan masalah-masalah yang *outstanding*.

Tadi saya bercakap tentang kemudahan jalan raya tetapi satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang amat penting bagi negeri Sabah ini ialah berkenaan dengan bekalan elektrik. Kalau daripada segi SAIDI, masih lagi begitu tinggi.

■1530

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji benar-benar apakah Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) itu. Apakah lagi dia mampu atau apakah SESB ini perlu distrukturkan semula, dikaji semula kewujudannya sebab kita sudah tidak boleh tahan dengan kedudukan gangguan bekalan elektrik Sabah yang begitu kerap. Memang ada perkara-perkara yang perlu dinaik taraf seperti kabel-kabel yang masih lagi *uncoated cable* itu perlu dipertingkatkan.

Contohnya di kawasan saya di Tuaran, saya sudah bagi jumlah peruntukan yang diperlukan dan saya serahkan pada pihak kerajaan apa yang perlu untuk dipertingkatkan itu supaya gangguan bekalan elektrik tidak terganggu hanya kerana adanya burung-burung di situ atau terkena kayu dan sebagainya, kita sudah meminta.

Akan tetapi daripada segi penjanaan elektrik, daripada segi penyampaian, daripada segi *distribution* dan sebagainya dan banyak lagi perkara-perkara yang penting. Daripada segi mengurus *reserve* marginnya dan sebagainya. Banyak perkara yang perlu ditangani dan dalam masa lima tahun ini sekiranya sampai tahun 2020, dalam masa lima tahun ini soal penjanaan, soal penyampaian dan sebagainya elektrik negeri Sabah ini belum dapat diselesaikan, payah benar orang Sabah ini dapat menerima. Memang tidak puas hati. Inilah antara perkara-perkara yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua. Kita berharap bahawa ini semua dapat diatasi.

Sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya masuk satu-dua perkara untuk kawasan saya di Tuaran. Saya berharap di antara infrastruktur penting di kawasan Parlimen Tuaran yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya sebut tadi, Jalan Telipok-Kiulu-Pukak-Pahu-Lokos-Rondoggun, satu. Yang kedua, saya juga mohon seperti ketiga-tiga klinik kesihatan yang ada di Tuaran, Klinik Kesihatan di Tenghilan, Klinik Kesihatan di Tamparuli, Klinik Kesihatan di Kiulu itu dinaik taraf dan kita sudah *submit*. Kita juga minta supaya jalan-jalan raya seperti Jalan Togop, Jalan Tembulang, Jalan Kitapol, Jalan Wasai...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Jangan bisinglah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita sokong Yang Berhormat jadi Menteri [Ketawa]

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Mudah-mudahan supaya semuanya ini Tuan Yang di-Pertua terutama apa yang telah diumumkan telah diluluskan itu dapat dilaksanakan dan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini begitu baik sebab dia begitu konsisten dengan yang telah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya berdoa bersama dengan rakan-rakan yang lain supaya dapat dicapai dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat... [Yang Berhormat Ipoh Barat menoleh ke belakang] Apa lagi yang dipandang belakang, saya sudah panggil Ipoh Barat.

3.33 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, bukan.

Tuan Yang di-Pertua: *You are missing your touch.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no. I'm very grateful.* Akan tetapi saya rasa ada gilirannya seorang.

Tuan Yang di-Pertua: *No, no. I got the list here.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Thank you* Tuan Yang di-Pertua, *I'm very grateful.* Tuan Yang di-Pertua, apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas. Hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk membangunkan negara mengikut kebaikan dan kemakmuran kepada semua. Akan tetapi satu antara faktor yang diambil kira oleh kerajaan adalah di mana masyarakat minoriti termasuk Orang Asli dan masyarakat India diberi beberapa kemudahan yang tertentu untuk meningkatkan taraf penghidupan ekonomi masyarakat-masyarakat ini. Dalam hal ini saya walaupun beberapa hal saya boleh menyentuh masyarakat lain, oleh sebab kesuntukan masa dan sebagainya saya ingin khaskan untuk masyarakat Orang Asli dan masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Orang Asli kita tahu ramai di antara mereka nampaknya tidak ada perubahan kehidupan sejak merdeka. Ramai di antara mereka yang duduk di tempat yang sangat yang tidak boleh percaya mereka masih dalam hutan dan sebagainya. Seperti di kawasan saya, lebih kurang 50 kilometer *even basic supply of water* pun tidak ada. Saya telah memberi perhatian kepada kerajaan, Tapah di mana saya telah diajak oleh Orang Asli datang ke sana di mana rumah telah dibina.

Ini rancangan Orang Asli, rumah telah dibina. Bukan baru enam tahun dahulu dan dikatakan selepas rumah dibina, elektrik dan air akan *disconnect*. Akan tetapi hingga beberapa tahun ini, belum lagi dibuat. Ini bukan satu perkara yang luar biasa, ini perkara yang biasa yang terjadi dan tragedi kepada Orang Asli. Walaupun kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan ingin meningkatkan penglibatan Orang Asli dan nampaknya *is all rhetoric* dan mustahil untuk mencapai dalam jangka masa yang dijanjikan.

Saya hendak khaskan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya menyeru supaya dari atas ke bawah, semua pegawai kerani dan orang-orang yang terlibat perlulah dari Orang Asli. Memberi keutamaan kepada Orang Asli untuk memainkan satu peranan yang penting dalam jabatan tersebut. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan walaupun banyak kali kita boleh kata. Mungkin melantik satu Menteri Orang Asli supaya mengawal hal ehwal Orang Asli dan minoriti di negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada satu pandangan yang baru, satu inisiatif yang baru oleh kerajaan di mana kerajaan telah mengatakan bahawa akan membuat satu *blueprint* untuk *Indians* di negara ini. Akan tetapi adakah *blueprint* ini satu wayang kulit? Kenapakah saya berkata sedemikian? Ini kerana pada tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua, *blueprint* itu sebenarnya parti yang pertama yang melancarkan *blueprint* untuk masyarakat India adalah DAP di mana Gelang Patah Declarations di mana dalam deklarasi tersebut kita telah khususkan dengan *detail* apakah yang boleh dibuat, apakah yang perlu dibuat supaya satu strategi dan *vision* untuk *empowerment* masyarakat India.

Dalam 14 resolusi yang dibuat di Gelang Patah pada masa itu yang masih boleh diguna pakai, saya tidak ingin merujuk satu demi satu perkara yang dibangkitkan, tetapi hasratnya adalah *blueprint* adalah satu yang kita rasa boleh diguna pakai. Itu merangkumi semua masalah semua perkara yang boleh diambil tindakan untuk menyelesaikan faktor kebelakangan dan kemunduran masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan serius dalam *blueprint* ini? Saya kata susah. Walaupun ada satu *new breath by the Prime Minister*, tetapi kalau kita tengok pada tahun 2013 semasa menandatangani MoU dengan Hindraf, dengan Waytha Moorthy apa yang dijanjikan *Blue Ocean Strategy* dan membawa satu *blueprint* yang baru kepada masyarakat

India, semua itu menjadi satu dalam hanya menyuarakan setakat itu sahaja selepas menandatangani dengan Hindraf untuk mendapat sokongan dari masyarakat India semua yang dijanjikan langsung tidak diimplementasikan.

Satu di antara penulis yang terkenal Raja Petra telah menganalisa *Memorandum of Understanding* di antara Hindraf yang mewakili masyarakat India dengan kerajaan yang diwakili oleh Yang Berhormat Pekan di mana disalurkan. Di antaranya dengan izin katakan bahawa mungkin Hindraf *question the leadership of UMNO, leadership qualities and insincerity*- Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kedua-duanya mengatakan bahawa Hindraf adalah satu badan yang *ineffective in representing Indian issues and not a team player*. Waytha Moorthy *is not a team player*.

■1540

Kalau kita tengok apa yang dikatakan satu masalah yang sangat rumit, yang senang boleh diselesaikan kita ada *facts and figures*. Di antaranya 800,000 orang *displaced workers from the estate*. Di mana semasa menandatangani MoU ini perkara yang telah dibangkitkan tetapi langsung tidak diselesaikan. Lagi satu 350,000 orang yang menjadi *stateless*. Di antaranya yang ada I/C merah atau tidak ada *birth certificate*. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri walaupun dilahirkan di sini saya sendiri telah dianugerahkan *red I/C* semasa saya berusia 12 tahun saya ramai di antara kawan saya masih ada *red I/C* di negara ini dan ini satu masalah yang patut diselesaikan.

Walaupun kita boleh mengikut peruntukan undang-undang berhak untuk mendapat warganegara tetapi ada sebab-sebab yang tertentu kerana kita ada banyak *Little Napoleon* dalam *civil service* yang menjadi satu *hindrances*. Apa yang dikatakan oleh Raja Petra dengan izin, "*There's no quick or fast track to social reengineering*". Dia mengatakan bahawa MoU ditandatangani oleh Hindraf di mana asasnya saya rasa walaupun MIC ingin membuat satu *blueprint* juga tetapi itu adalah *social reengineering* perkara yang sama terlibat. Akan tetapi nampaknya *end of the day* walaupun ini semua dalam satu *big picture* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas susah untuk mencapai kerana *there is no political will*.

Saya kasihan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa niat dia bagus. *I must congratulate. There's a positive look* kerana satu di antaranya saya hendak cakap terima kasih kerana *blueprint for Tamil School* yang kita lancarkan mula-mula empat tahun dahulu di mana Yang Berhormat Padang Rengas menjadi pengerusi dalam *round table* tersebut, di mana MIC telah menghantar Menteri-menteri mereka.

DAP dan Keadilan juga menghantar beberapa orang Ahli Parlimen di mana kita telah merangkumi beberapa isu yang perlu diambil kira dan kita merujuk kepada pihak kerajaan lepas itu kerajaan mengambil tindakan. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana itu inisiatif positif yang baru. Akan tetapi nampaknya dalam *new thinking* yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesebelas saya rasa itu adalah satu *failure* kalau kita tengok dengan apa yang telah ditandatangani dengan *memorandum of understanding* dengan Hindraf. Jadi ini tindakan yang perlu diambil.

Saya pohon Tuan Yang di-Pertua dengan mengakui bahawa Malaysia sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa rangka tindakan yang menggariskan hala tuju pembangunan sosial ekonomi masyarakat India akan disediakan menunjukkan, mengiktiraf bahawa ada masalah tertentu dan tindakan tidak diambil maka itulah sebab *after 58 years* baru satu tindakan yang perlu diambil. Perkara pertama yang perlu ditanya ialah adakah perlunya untuk cetak pelan biru untuk masyarakat India jika Kerajaan Barisan Nasional tidak mengabaikan mereka atau jika dasar-dasarnya yang dikemukakan telah berkesan dalam menangani dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat ini.

Hari ini masyarakat India telah mencapai beberapa *superlative* yang tidak memuaskan di negara ini di kalangan semua kaum. Jangka hayat yang paling rendah, paling tinggi kadar keciciran sekolah, insiden tertinggi ketagihan arak dan penagihan dadah, bilangan tertinggi tahanan mengikut kadar penduduk dan kadar bunuh diri paling tinggi di negara ini. BN telah berkuasa selama beberapa dekad, pasti hilang. Kajian memorandum cadangan telah diserahkan beberapa kali oleh kita sendiri kepada kerajaan. Apa yang boleh dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah sekurang-kurangnya mengambil tindakan yang segera kepada memorandum-memorandum yang telah diserahkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pelan-pelan baru dan beberapa perbincangan telah diadakan dan kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan satu masalah yang baru. Saya hairan pada 14 April Presiden MIC, Yang Berhormat Cameron Highlands telah mengatakan bahawa *blueprint* akan dikaji dan akan dikemukakan kepada kerajaan. Nampaknya satu pendalaman untuk mendapat analisa dalam perkara ini tidak dijalankan oleh MIC untuk kerajaan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua pada tahun dahulu saya telah membangkitkan dalam satu *conference* iaitu *National Conference on Growth and Inclusiveness - Transformation of Malaysian Indians Economy Beyond 2020* di mana saya telah diajak dan saya menghadiri di mana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah membuka *conference* ini. Selepas itu saya telah bangkitkan perkara itu di Parlimen di mana Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa dia menunggu satu *report* dari *Committee Conference* tersebut supaya tindakan susulan diambil, supaya dia dapat mengemukakan itu kepada EPU supaya keseluruhannya satu tindakan *to assimilate the growth*. Selepas itu lebih kurang enam bulan apa sudah terjadi kepada cadangan yang telah dibuat oleh kerajaan sendiri. Nampaknya tidak ada apa inisiatif yang baru.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin memetik beberapa perkara. Bukan yang baru tetapi yang lama di mana kerajaan telah berjanji sebelum tahun 2010, kerajaan akan mencapai ekuiti untuk masyarakat India sebanyak 3%. Pada masa itu, pada 2010 penyertaan ekuiti hanya sekadar 1.5%. Apabila datang 2010 tarikh untuk mencapai matlamat ini telah ditangguhkan ke tahun 2020 iaitu *the goal post has been changed consistently and convincing Barisan interest. There's no political will*. Apakah polisi kursus dibina untuk mencapai sasaran ini?

Satu lagi perkara ini adalah semua berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas. Bila kita merancang untuk tahun hadapan apa-apa rancangan dan perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan patut diimplementasikan. Saya hendak petik lagi satu Tuan Yang di-Pertua pada dua tahun dahulu di Parlimen, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan sebanyak RM50 juta telah diagihkan untuk melatih semula, *retraining* 3,200 belia India dalam tempoh setahun dari tarikh itu tetapi sehingga ini tidak lebih 1,000 belia sahaja yang telah dilatih. Apakah terjadi? Di manakah *the political will*? Kenapakah kita gagal?

Lepas itu kerajaan pada tahun 2012 telah berjanji dan berterima kasih kepada masyarakat India supaya dapat undi pada tahun 2013 pilihan raya kerajaan telah kata akan bina tujuh buah sekolah Tamil baru. Sudah lebih dari dua tahun, sebuah sekolah baru pun belum dibina dan saya sendiri ada tanya kepada Menteri Pendidikan, bilakah sekolah-sekolah Tamil yang ada di estet-estet di luar bandar di mana *population migration* di mana ramai di antara mereka telah migrasi ke pekan?

Maka sekolah-sekolah ini patut pergi ke tempat-tempat bandar tetapi kerajaan tidak membuat usaha yang cukup. Sehingga ini saya berani mengatakan, sebuah sekolah pun belum lagi dibina di tempat-tempat ini. Walaupun di seluruh negara banyak sekolah Tamil hampir maksimum di pekan-pekan. *The highest dropout in the country among all the races are Indian* dan untuk mengatasi masalah gengsterisme dan lain-lain adalah supaya *we arm them with the appropriate education*.

Pada tahun 2008 Tuan Yang di-Pertua, sebelum Menteri dalam MIC Dato' Seri Samy Vellu telah mengatakan tujuh perkara yang perlu diambil tindakan oleh kerajaan supaya mengatasi masalah masyarakat India. Ini berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas. *There's no meaning of Rancangan Malaysia Kesebelas* kalau pada asasnya perkara yang mikro dan lebih-lebih lagi berkaitan dengan masyarakat India di mana *blueprint* itu kena-mengena. Saya merujuk kepada perkara-perkara tersebut. Satu di antaranya ialah:

- (i) penyertaan yang saksama dalam pasaran saham;
- (ii) pengambilan India di universiti-universiti awam;

- (iii) peluang pekerjaan yang lebih banyak terutamanya dalam sektor awam;
- (iv) menambah bilangan *business* kerajaan;
- (v) lebih akses kepada latihan keusahawanan dan pinjaman mikro kredit;
- (vi) keberkesanan kemiskinan bandar program pembasmian; dan
- (vii) menubuhkan mekanisme khusus untuk memantau dan meneliti penyampaian perkhidmatan sektor awam dengan cara yang adil dan saksama.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, pada lima tahun dahulu kerajaan telah menubuhkan satu *special task for Indian* yang diterajui oleh Menteri Kesihatan sekarang. *What is the target and what is the achievement? This is the question been asked on the ground.* Kita ada banyak inisiatif oleh kerajaan tetapi *on the top*, perkara ini tidak memainkan peranan yang betul-betul, yang sekeras-kerasnya supaya mengatasi, mengimplementasi apa yang dicadangkan. Jika diimplementasikan pun, ada kecacatan yang tertentu, *it doesn't trickle-down to the ordinary people.*

Saya bercadang di antaranya Tuan Yang di-Pertua, masanya telah datang, saya harap perancangan dan tindakan harus merangkumi komitmen sebenar kepada, pertama, menyelesaikan masalah kaum India dengan tidak berwarganegara dalam tempoh 100 hari. Kalau ini boleh djanjikan oleh Pakatan Rakyat semasa kita- *we were so near in the corridors of power in 2013.* Itu antara satu janji kita.

Kedua, menubuhkan Lembaga Perumahan Negara akan membina perumahan yang baik dan mampu dimiliki oleh pekerja ladang India. Tuan Yang di-Pertua, hari ini ada satu soalan yang saya telah kemukakan mengenai menyatakan jumlah bilangan pekerja estet yang telah mengambil bahagian dalam skim khas untuk pembiayaan perumahan pekerja estet. Bila saya dapat jawapan, saya hairan di antaranya hanya lebih kurang 81 orang sahaja diluluskan dan bumiputera 76 orang, orang India lima orang dan yang gagal banyak.

Saya hendak tahu kenapa perkara ini terjadi? Ramai di antara orang yang masih duduk di estet-estet adalah daripada golongan dari masyarakat India, masyarakat yang tertindas, golongan pendapatan yang terkurang di negara ini. Dalam *study On Growth and Inclusiveness*, kalau kita nampak 40% *on the bottom* masyarakat di negara ini masyarakat India. Di mana pendapatan mereka kurang- *household income is less than RM1,800*, mungkin ada dua, tiga orang bekerja. Ini menjadi satu masalah yang rumit, yang serius, lebih serius dari semua masyarakat yang lain.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat tentang satu isu besar yang saya kira boleh dikatakan isu *structural*? Kalau kita lihat kepada sistem pendidikan sekolah-sekolah Tamil ianya bermula dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Kemudian diberhenti di situ, kemudian anak-anak yang menuntut di sekolah Tamil terpaksa masuk sekolah kebangsaan dengan sekiranya mereka tidak berkebolehan dalam bahasa Melayu dengan baik, terpaksa masuk kelas peralihan.

Waktu di kelas peralihan inilah banyak masalah kerana mereka kurang kebolehan untuk bercakap Melayu dan akhirnya membuatkan mereka jemu dan *dropout* di peringkat Tingkatan 1, Tingkatan 2. Kalau berbanding dengan sekolah-sekolah Cina yang mereka ini boleh hingga ke Tingkatan 5 dan seterusnya masuk universiti tanpa banyak masalah kalau dibandingkan dengan anak-anak di sekolah Tamil. Jadi, adakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa harus tiba masanya isu ini juga patut diperbincangkan, bagaimanakah menyelesaikan masalah *dropout* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya rasa ini satu masalah yang serius yang kita rasa Menteri Pelajaran tahu mengenai hal ini. Di mana ramai di antara *the dropout* adalah selepas Darjah 6, beliau terpaksa pergi ke sekolah, *removed*. Di mana ramai di antara terlibat dalam kes-kes *criminal* dan sebagainya. Untuk mengelak itu, kerajaan perlu mencari jalan supaya mereka terus pergi ke Tingkatan 1.

Bila mereka terpaksa pergi ke sekolah *removed, they were inferior complex* kerana kawan-kawan mereka telah pergi ke Tingkatan 1. Kalau ditengok peratusan yang *dropout* dari *removed* sangat-sangat tinggi. Ini kalau kerajaan tahu mengenai perkara itu, mencari

jalan supaya mengatasi masalah. Saya setuju bahawa pada *in the short term*, kita perlu mengatasi masalah ini. Jangan kita lupa bahawa mereka pergi ke sekolah Tamil kerana itu hak mereka untuk mempelajari bahasa ibunda mereka. Walaupun sedemikian, patut kerajaan memberi galakan supaya dalam Bahasa Malaysia mereka juga memperkasakan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *Two minutes.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin juga ingin memohon mungkin dalam *blueprint for the Indians* ini, kita harap kerajaan akan mengambil tahu bahawa perlu mungkin ada beberapa jumlah wang yang dicadangkan di antara NGO-NGO adalah supaya ada seperti dalam Perbadanan Nasional. Satu *special purpose vehicle* ditubuhkan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam *equity market*. Supaya dalam pendapatan dan juga *social economy* dan *re-engineering* dalam masyarakat itu boleh tercapai dalam masa terdekat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Langkawi.

3.56 ptg.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan RMKe-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, pada 21 Mei tempoh hari. Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan RMKe-11 tempoh hari dengan sangat baik. Saya melihat RMKe-11 kali ini meliputi segenap lapisan masyarakat daripada tinggal di bandar, luar bandar, Sabah Sarawak, golongan berpendapatan tinggi, menengah rendah dan lain-lainnya dalam kelas-kelas penduduk yang ada di Malaysia tanpa membezakan warna kulit, bangsa dan agama.

Saya tertarik ingin menyentuh sasaran yang terdapat dalam Teras 1 dalam RMKe-11, di mana dinyatakan sasaran untuk meningkatkan pendapatan bulanan purata isi rumah dari RM2,537 kepada RM5,270 dan menambah pendapatan bulanan menengah isi rumah dari RM2,629 kepada RM5,701. Di samping itu, kerajaan telah mensasarkan pendapatan KDNK per kapita untuk negara ialah USD15,000 menjelang tahun 2020. Ini satu sasaran yang sangat baik bagi memastikan pendapatan rakyat negara ini meningkat seiring dengan sasaran Malaysia untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Namun begitu, saya mempunyai sedikit kekusaran apakah langkah kerajaan bagi memastikan setiap rakyat Malaysia yang terdapat dalam golongan sasaran akan mencapai pendapatan tersebut. Ini kerana saya melihat sasaran pendapatan ini hanyalah diambil kira secara purata, sedangkan masih ramai lagi rakyat Malaysia yang berada di bawah paras pendapatan tersebut. Saya berharap agar kerajaan memberi perhatian yang lebih, melaksanakan lebih banyak program tertumpu dan bantuan-bantuan bagi meningkatkan pendapatan, terutamanya di kawasan luar bandar dan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana dalam RMKe-10 Malaysia telah berjaya mengurangkan nilai pekali gini daripada 0.441 kepada 0.401, melebihi sasaran 0.420 yang ditetapkan. Saya berharap dan berdoa agar sasaran Malaysia dalam RMKe-11 untuk mengurangkan pekali gini dari 0.401 kepada 0.385 akan tercapai sasaran dengan jayanya. Walaupun nilai pekali gini ini telah menurun tetapi saya masih melihat terdapat jurang yang besar atau *gap*, dengan izin, dalam pendapatan yang diterima oleh golongan atasan dan golongan bawahan.

■1600

Saya mengambil contoh petani moden yang mengusahakan pertanian dengan skala besar memperoleh RM10,000 sebulan dan penduduk kampung yang mengambil upah bertani dan menoreh getah berpendapatan RM800 sebulan. Mereka di dalam bidang yang sama tetapi jurang pendapatan mereka sangat besar. Kerajaan harus memandang serius golongan seperti ini.

Selain mengimbangkan jurang pendapatan di antara mereka, golongan ini juga harus dibantu bagi mengeluarkan mereka daripada paras kemiskinan. Saya mahu tahu apakah agenda khusus dan tindakan berkala yang berterusan yang akan diambil oleh kerajaan bagi membela nasib penduduk luar bandar menjelang tahun 2020. Kita tidak sanggup melihat apabila negara mencapai negara maju pada tahun 2020 tetapi hakikatnya masih ramai pakcik dan makcik di pedalaman hidup di bawah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik sasaran yang diletakkan di dalam teras Rancangan Malaysia Kesebelas, teras kedua iaitu meningkatkan nisbah doktor 1 kepada 40 orang penduduk dan menambah bilangan katil di hospital, 2.3 katil bagi setiap 1,000 penduduk. Ini satu sasaran yang sangat baik. Bagi mencapai matlamat teras kedua iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, saya ingin menyebut sedikit mengenai realiti sebenar keadaan di hospital di kawasan saya iaitu Langkawi. Jumlah katil yang terdapat di Hospital Langkawi ialah 110 buah katil dengan anggaran penduduk 120,000. Nisbah katil di Langkawi ialah 1:1091. Ini amatlah jauh daripada sasaran yang ditetapkan. Jika sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas dinisbahkan sama dengan nisbah di Langkawi, ia akan menjadi sasaran RMKe-11 1:435. Status terkini di Langkawi ialah 1:1091. Maksudnya berbeza 656 buah katil ataupun kekurangan katil sebanyak 2.5 kali ganda. Ini belum diambil kira sejumlah 3.6 juta orang pelancong yang datang ke Langkawi tiap-tiap tahun dan bertambah dan akan mencapai ke nilai 4 juta pada hujung tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan katil ini telah menyebabkan katil-katil tambahan yang terpaksa diletakkan di dalam wad, di kaki lima hospital, di sebelah tandas dan di kawasan-kawasan lain sehingga menyebabkan kepadatan yang tinggi di hospital itu. Kadangkala jumlah katil yang terdapat di hospital ini ditambah sehingga mencecah 160 daripada keadaan sebenarnya 110 sekali gus menambah bebanan tugas yang ditanggung oleh doktor dan jururawat yang bertugas.

Mereka terpaksa bertugas lebih masa dan kadangkala mengganggu prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan mereka akibat kekurangan waktu rehat yang mencukupi. Lalu terdengarlah rungutan daripada rakyat bahawa pekerja hospital tidak bersikap dengan baik kerana mereka dalam keadaan keletihan, kerana mereka telah bekerja *double shift* dan sebagainya.

Tambahan pula, Langkawi yang menjadi pusat pelancongan, tumpuan dari seluruh dunia. Jika kemudahan kesihatan di Langkawi bukan dalam keadaan yang membanggakan, dikhuatiri ia akan menjejaskan minat pelancong untuk datang ke Langkawi. Masalah kekurangan Hospital Langkawi ini dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat daripada rakyat biasa sehinggalah kepada Tuanku Sultan Kedah kerana walaupun Tuanku mempunyai Istana Hinggap berhampiran dengan Hospital Langkawi. Hanya dua kilometer dari Hospital Langkawi tetapi tidak ada bilik khusus untuk baginda sekiranya baginda memerlukan rawatan dan beberapa kali baginda telah dimasukkan ke Hospital Langkawi dengan keadaan yang tidak sesuai dengan taraf beliau sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di samping keperluan untuk rakyat tempatan, sejumlah 120,000 macam saya katakan tadi, kita perlu menambahkan juga kelengkapan dan juga peralatan serta jumlah pekerja yang tertekan dengan keadaan tugas yang bertambah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dapat mempertimbangkan untuk menaikkan dan memperbesarkan lagi Hospital Langkawi selaras dengan sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya juga ingin mencadangkan agar dibina hospital swasta di Langkawi agar penduduk Langkawi dan pelancong yang datang mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan jika mereka berkemampuan.

Selain masalah kekurangan katil di Hospital Langkawi, masalah kekurangan kuarters untuk kakitangan juga perlu diberi penekanan kerana di Langkawi, untuk menyewa rumah agak mahal. Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan hasrat dan niat kerajaan untuk menjadikan Malaysia menuju ke arah pertumbuhan hijau. Bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan di dalam teras keempat Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca daripada KDNK berbanding pada tahun 2005 sehingga tahun 2013 sebanyak 33%. Ini selaras dengan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib di Copenhagen, Denmark semasa persidangan *United Nations Climax Change Conferences* pada 17 Disember 2009 yang telah menetapkan Malaysia mengurangkan 40% pengeluaran *greenhouse gas* (GHG) berbanding tahun 2005. Membawa maksud, kita dalam landasan yang betul dengan hanya perlu mengurangkan 7% sahaja dalam masa lima tahun sehingga tahun 2020.

Selain itu, liputan hutan di Malaysia telah meningkat kepada 61% pada tahun 2013. Oleh sebab agenda bumi hijau ini sangat penting dan telah dilancarkan sebagai salah dasar yang ingin dilaksanakan oleh negara, saya Tuan Yang di-Pertua, ingin mencadangkan agar Pulau Langkawi dijadikan sebagai pilot projek. Menjadi pulau pelancongan hijau yang pertama di dunia dan sebagai langkah permulaan, bolehlah disarankan agar sebahagian daripada Langkawi menggunakan kenderaan elektrik atau *electric vehicle* berasaskan *ten minute fast charging battery* atau menggunakan *hydrogen fuel sell* yang lebih mesra alam. Ini sudah tentu menjadi suatu yang unik bagi pelancong yang mementingkan udara bersih dan nyaman tanpa pencemaran dan amat sesuai kerana keadaan Langkawi yang kecil saiznya, bersamaan dengan Singapura sahaja, memberi kemudahan untuk pemasangan *charging station* dan *infra* hijau yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan *Blueprint* Pelancongan Langkawi pada tahun 2011-2015 dan ia telah terlaksana dengan jayanya dengan berjaya menaikkan nama Langkawi di serata dunia dan menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Langkawi. Oleh sebab *blueprint* pertama akan tamat hujung tahun ini, maka di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan. Demi meneruskan pembangunan pelancongan Langkawi agar tidak terbantut, agar dapat melancarkan *blueprint* seterusnya iaitu *Blueprint* Pelancongan Langkawi Kedua pada 2016-2020 dan menjadikan agenda hijau sebagai teras utamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada seorang wakil daripada sebelah sana memberi soalan mengapa 1MDB 10 megawatt naik daripada 40 sen kepada 50 sen. Jadi, saya melihat kepada kuota SEDA, memang harganya dalam *range* yang diberikan iaitu 10 megawatt sehingga 30 megawatt, harganya 0.489 sen dan dicampurkan dengan solar panel yang di *assemble* dalam negara sebanyak 0.05 dan juga solar *inverter* yang di *assemble* ke dalam negara iaitu 0.05 menjadikan *rate* sebenarnya 0.5896 dan kerajaan memberi kepada 1MDB 0.50. Maksudnya kerajaan masih untung 0.0896 sen lagi.

Keselamatan negara. Langkawi berada di Utara Malaysia dengan kedudukan enam darjah, 25 minit utara dan 99 darjah 45 minit timur. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan kemasukan 1,158 orang pelarian Rohingya ke Langkawi baru-baru ini yang telah menggemparkan negara tempoh hari. Saya boleh kelaskan perairan negara kita menghadapi tiga ancaman utama di utara iaitu yang pertamanya pelarian dan pencerobohan kerana *distance* kita dengan negara jiran amat dekat. Hanya sepuluh minit dengan *speedboat*. Rompakan lanun dan yang ketiganya pencerobohan kuasa asing.

■1610

Pada hari ini, saya tidak berhasrat untuk menyentuh tentang isu kemanusiaan kita kepada pelarian. Akan tetapi saya melihat kemasukan pelarian ke perairan Langkawi ini daripada segi sudut yang lain iaitu keselamatan negara dan kedaulatan negara dan kesannya kepada industri pelancongan negara terutamanya di Pulau Langkawi. Jika pelarian yang tidak mempunyai kemahiran dan latihan yang lengkap mampu bolos, lepas

masuk ke perairan negara dengan begitu mudah sekali, bahkan berjaya mendarat di pantai yang dipanggil Pantai Pasir Berdengung di Langkawi itu.

Apakah status keselamatan perairan negara kita? Apakah ia selamat? Jika pelarian boleh menceroboh masuk, apatah lagi pengganas dari luar yang mempunyai peralatan dan kemahiran yang mencukupi. Hal ini secara tidak langsung mencemar kedaulatan negara dan memberikan imej yang buruk kepada pasukan keselamatan negara. Walaupun saya akui pasukan keselamatan kita mantap tetapi masih ada lubang, lompong-lompong kosong yang perlu ditutup dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pencerobohan ini sedikit sebanyak mencemar imej Langkawi sebagai pusat pelancongan apabila berita itu tersebut luas di seluruh dunia melalui media maya, internet. Ini dikhuatiri akan menyebabkan berlaku penurunan kemasukan pelancong ke Langkawi lantaran persepsi negatif tentang keselamatan pelancong dan penyakit yang dibawa oleh pelarian. Contohnya, ramai yang takut pergi ke Thailand apabila dilihat berlaku pergaduhan antara baju merah dan baju Kuning di Bangkok walaupun di tempat lain seperti Chiang Mai dan Pattaya tidak bermasalah. Dahulunya pihak tentera laut yang berpangkalan di selatan Langkawi iaitu Marbella 3 disediakan sebuah helikopter untuk pintas kawasan yang cepat tetapi kini saya dapati ia sudah tidak ada.

Walaupun Langkawi mempunyai Pusat Tentera Laut Marbella 3, tetapi pusatnya berada jauh di selatan Langkawi kerana ia memerlukan antara 30 minit hingga 40 minit untuk sampai ke sempadan utara sebaliknya penceroboh boleh masuk atau keluar dalam masa 10 minit ke sempadan negara di utara. Di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan memilih mana-mana pulau di sebelah utara Langkawi dan menjadikannya sebagai markas tentera kecil khusus untuk menjaga perairan negara di bahagian utara negara. Kita mempunyai 99 buah pulau, pilihlah yang mana berkenan di hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan agar pihak kerajaan mewujudkan satu penempatan tentera yang kecil di situ mungkin berskala kecil macam ESSCOM di Sabah lengkap dengan sistem radar dan sistem penggerak yang bersesuaian atau menggunakan teknologi *drone* untuk mengawasi sempadan utara negara dari Perlis ke Langkawi dalam lingkungan 50 kilometer panjangnya. Saya melihat ini sebagai satu perkara yang penting bagi menjamin kedaulatan negara dari dicerobohi oleh anasir asing dan menjamin keterusan pembangunan sektor pelancongan di Langkawi di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, GST telah dilaksanakan baru-baru ini walaupun ia sistem yang amat bagus untuk negara dan rakyat tetapi terdapat sedikit kekeliruan semasa pelaksanaan disebabkan ada peniaga yang tidak jujur dan ada yang mengambil kesempatan. Saya mohon menarik perhatian Menteri dan kerajaan, mengikut akta, Langkawi bersama Labuan dan Tioman diisytiharkan Pulau Bebas Cukai. Di Langkawi, terdapat pengecualian bebas cukai bagi lima barang. Lain daripada lima barang ini semua bebas cukai iaitu yang pertama, padi kerana kami ada padi.

Kedua, getah kerana Langkawi ada sumber getah. Ketiga, bilis. Industri bilis telah membawa RM4 juta sebulan kepada penduduk Langkawi. Keempat, *marble*. Ini kerana kita ada Mahsuri Marble. Kelima ialah petrol atau petroleum *product* yang dikenakan cukai. Lain daripada barang-barang ini, tidak dikenakan cukai sebelum 1 April 2015.

Namun begitu dengan wujudnya GST, akta yang baru telah diletakkan satu seksyen baru iaitu seksyen 158 dalam Akta GST yang telah membuatkan rakyat Langkawi menjadi *confuse* dan menghentam kerajaan atas dasar bebas cukai yang dijanjikan.

Seksyen ini mentakrifkan apa-apa server di luar Langkawi akan dikenakan cukai GST, cukai perkhidmatan GST. Contohnya seperti Astro, Telekom, mesin ATM, Maxis, DiGi, Celcom dan Pos Laju kecuali air dan *electricity*. Oleh sebab nilai kewangan cukai bagi kerajaan untuk bab ini tidaklah sebesar mana, maka bagi pihak penduduk Langkawi, saya yang mewakili mereka memohon agar kerajaan dapat hapuskan cukai ini atau kecualikan seksyen 158 ini untuk Langkawi, Labuan dan Tioman.

Keduanya, saya sekali lagi ingin merayu kepada Menteri dan kerajaan tentang *top up* GST 6% untuk para pelajar, OKU dan mereka yang menganggur agar dapat dikaji semula dan diberi kelepasan percuma kepada golongan-golongan yang tidak mempunyai pendapatan ini. Ini adalah untuk berlaku adil kepada mereka dan beranggapan bahawa ini satu sedekah kepada golongan yang memerlukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di hujung ucapan saya ini ialah tentang perbekalan air ke Pulau Langkawi. Langkawi mempunyai *submarine water pipe* dari Kuala Perlis yang mengambil air dari empangan di negeri Kedah untuk kegunaan Pulau Langkawi sebanyak 60%. Manakala Langkawi sendiri mengeluarkan 40% daripada kegunaan air di Langkawi.

Akan tetapi pada tahun 2017, keadaan itu akan menjadi kosong. Kelebihan *demand and supply* akan menjadi kosong, ketika ini 4%. Maka menjelang pada tahun 2017, bekalan air di Langkawi akan sangat-sangat kritikal. Ini sudah tentu akan mengganggu pelaksanaan banyak lagi pembinaan hotel-hotel dan juga untuk mengadakan LIMA tahun 2017. Oleh yang demikian, saya memohon pihak kerajaan terutamanya Kementerian Air untuk mengambil inisiatif bagi memberi sumbangan bajet untuk merentang satu lagi *submarine water pipe* dari Kuala Perlis ke Langkawi dan membina penjana air di Kuala Perlis untuk bekalan air 20 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Satu minit atau dua minit?

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Oh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, di Langkawi ketika ini ada sebuah pulau dan ia makin berkembang daripada segi penduduk. Semasa ia diisytiharkan sebagai bebas cukai, Langkawi hanyalah mempunyai penduduk sekitar 58 ribu orang tetapi selepas beberapa tahun sehingga kini, hampir 20 tahun lebih, jumlah penduduk telah meningkat kepada 120 ribu orang dengan kemasukan pekerja-pekerja di sektor pelancongan.

Oleh yang demikian itu, keadaan jalan-jalan di Langkawi yang kecil menjadi semakin sesak dengan kehadiran kenderaan. Pada dahulunya LADA telah menetapkan bahawa *caring capacity* untuk kenderaan di Langkawi ialah 7,000 unit tetapi hari ini telah mencapai 60 ribu unit kerana disebabkan oleh keperluan masyarakat dan juga dengan nilai *free duty* yang murah. Oleh sebab demikian, keadaan jalan di Langkawi menjadi semakin sesak dan sempit.

Oleh yang demikian itu, saya memohon pihak kerajaan untuk melaksanakan tambahan jalan terutamanya di persiaran pantai dan juga di kawasan-kawasan pedalaman Langkawi agar dengan adanya jalan ini dapat memberi ruang nafas kepada pergerakan trafik serta membina pembangunan-pembangunan baru di kawasan-kawasan yang baru.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berterima kasih kepada kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan nafas baru kepada Langkawi daripada segi sistem *Internet*. Kami telah diberikan satu jumlah sumbangan yang banyak iaitu RM150 juta untuk merentang *fiber optic* seluruh Pulau Langkawi dan merentang di Langkawi ke Kuala Perlis untuk menjadikan *Internet* dan *mobile communication* di Langkawi dalam keadaan yang laju dalam sekitar 4G dan juga menggunakan Unifi dan sebagainya. Ini ialah satu agenda yang baik untuk memberi peningkatan keselesaan kepada pelancong yang hadir di Langkawi kerana mereka sering membezakan penggunaan telefon di Langkawi dan *Internet* yang sangat laju mobilnya, ada *mobile phone* yang sangat tidak laju berbanding dengan negara mereka. Baru-baru ini telah dilaksanakan kaedah ini dan saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan atas sumbangan ini.

■1620

Di samping itu, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ada juga kawan-kawan kita hari itu bertanya mengapakah Ringgit Malaysia turun berbanding dengan USD dalam sedikit masa ini. Ada Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa ia disebabkan oleh 1MDB. Akan tetapi saya berpendapat ia tidak benar kerana negara kita, mengikut graf yang saya buat, ia berkadar songsang dengan nilai harga minyak kerana kita punya *revenue*, 40% daripada

total revenue adalah bergantung kepada minyak. Jadi apabila harga minyak turun, sudah tentu nilai ringgit kita turun. Dan sekiranya harga minyak kita naik, nilai ringgit kita naik.

Saya telah buat plot itu dan didapati keadaan itu adalah sekata dengan apa yang saya rasa. Dan tidak benarlah kalau dikatakan oleh sebab 1MDB maka duit kita turun. Sedangkan orang lain pun pinjam duit lagi banyak, ada RM58 bilion, RM34 bilion dan sebagainya tetapi tidak pun menurunkan nilai harga wang.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah*. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bachok.

4.21 ptg.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana berpeluang untuk saya membahar sama Rancangan Malaysia Kesebelas.

Saya mulakan bicara ini dengan menyebut dan memetik sepotong ayat...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Parit Sulung. Tapi ada usul di bawah P.M.18(1). Ada masa lagi. Sila Yang Berhormat Bachok teruskan.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Firman Allah SWT, "Wahai Nabi Daud, kamu telah dipilih menjadi pemerintah dan juga pemimpin. Maka hendaklah kamu mentadbir dan mengurus serta memimpin rakyat kamu berdasarkan kepada kebenaran. Jangan sekali-kali kamu menurut kehendak hawa nafsu kamu. Sesungguhnya kamu akan tersesat dari jalan Allah SWT."

Tuan Yang di-Pertua, ada yang menyifatkan pembentangan RMKe-11 sebagai RMK yang dijulang. Namun, julangan tersebut penuh dengan kepuraan berdasarkan kepada rekod bagaimana RMKe-10. Ada yang mengatakan bahawa ia gagal. Namun, saya tidak bersetuju dengan ungkapan tersebut. Saya lebih suka untuk mengatakan ia tidak berjaya sepenuhnya.

Sebagai teguran yang boleh dikemukakan, berdasarkan kepada prinsip Islam, apabila kita ingin melihat sesebuah perancangan itu menemui kejayaan, maka Allah menyebut... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Mereka itu boleh merancang, namun yang pastinya perancangan Allah itu jauh lebih baik daripada perancangan mereka. Maka perancangan kita manusia ini sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab perlu melihat secara holistik bagaimana keberkesanan kepada perancangan dan hasil kejayaan yang akan dikecapi daripada perancangan tersebut.

Maka tiga perkara yang perlu dititik beratkan. Yang pertama disebut oleh sarjana Islam, yang disebut sebagai *ikhqaqul haq*, mestilah kita menunaikan hak kepada mereka yang berhak. Yang kedua, sebuah kerajaan tersebut mestilah *iktiraful' adli*, mengiktiraf dan melaksanakan pemerintahan dan proses pelaksanaan pemerintahan mestilah adil dan dilihat berlakunya adil dalam proses tersebut. Yang ketiga ialah *tadbirul syu'urul ra'iyah*, mestilah kita dilihat sebagai kerajaan yang mementingkan *good governance*, dengan izin, dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan kerana apa yang kita lakukan pada hari ini di dunia, Islam mengatakan bahawa di akhirat kelak kita akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT.

Oleh itu, kalaulah RMKe-11 ini yang dibentangkan oleh Perdana Menteri akan menjurus kepada kegagalan yang sama sebahagian besarnya dalam RMKe-10, maka RMK dahulu janji kemakmuran ekonomi dan keadilan sosial, ditepati adalah skandal ekonomi dan juga pemenjaraan beberapa orang yang tidak bersalah dan mereka tidak diberikan hak untuk membela diri ataupun pembelaan secara tidak adil.

Era RMKe-10 juga tidak cukup dengan skandal NFC dan kondominium, yang naik kondominium. Duit 1MDB pula hilang dibawa lari ke Pulau Cayman. Begitu juga komitmen kerajaan yang mengatakan bahawa akan menghapuskan ISA suatu ketika dahulu. Maka saya ingin kemukakan bahawa dalam tempoh RMKe-10, lebih daripada 200 orang pemimpin pembangkang terutamanya yang dicekup dan ini mengatasi jumlah yang pernah

berlaku pada zaman dulu, zaman pemerintah Perdana Menteri yang sebelum daripada ini, dalam Operasi Lalang, jauh lebih banyak dalam operasi pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memfokuskan kepada beberapa isu yang utama yang berkait dengan negeri Kelantan. Pertama, rancangan tebatan banjir. Dalam RMKe-11 terlalu memberi fokus kepada *hard solution* dan mengabaikan pendekatan *soft solution*. RMKe-11 juga cuba meniru pihak berkuasa Austria, di Sungai Danube, Vienna sebagai contoh amalan pengurusan air yang inovatif, sistem pengurusan banjir bersepadu yang merangkumi aspek pencegahan, respons dan pemulihan selepas banjir secara menyeluruh.

Namun, masalah besar kerajaan pada hari ini, berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, adalah apabila mengemukakan rancangan penyelesaian masalah, ia hanya menjadi jamuan mata dan juga halwa telinga. Bila tiba pada tahap pelaksanaan, contoh-contoh yang dikatakan sebagai model untuk ditiru bertukar menjadi contoh-contoh buruk yang dipelajari oleh dunia sebagai teladan dan sempadan dek kerana perkara yang berkaitan dengan pencegahan kronisme dan korupsi yang berlaku dalam pentadbiran belum lagi selesai sepenuhnya.

Model-model pembangunan terbaik dunia yang ditiru tidak akan berjaya sama sekali kalau sekiranya ditadbir oleh orang yang tidak betul dengan kebertanggungjawaban tersebut. Sabda Nabi SAW... [*Membaca sepotong hadis*] Apabila disandarkan, dipertanggungjawabkan sesuatu pertanggungjawaban itu kepada orang yang tidak sepatutnya, maka tunggulah saat kebinasaannya.

Apakah jaminan kos membina Empangan Nenggiri dan Lebir yang dicadangkan oleh Perdana Menteri tidak meningkat kos yang dirancang jika pembelian teropong oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pun naik kepada 2,805%, apatah lagi kalau diungkit dan dikira berdasarkan kepada audit-audit laporan sebelum daripada ini, pengalaman-pengalaman pembelian harga barangan yang jauh daripada harga sebenar di pasaran? Apakah jaminan keselamatan empangan tidak pecah jika bumbung stadium pun boleh runtuh? Apakah jaminan Empangan Nenggiri dan Lebir boleh mengawal banjir jika Kuala Lumpur terus banjir walau dibina *SMART Tunnel* yang dikatakan boleh mencegah Kuala Lumpur daripada dilanda banjir?

Sebelum kerajaan membina Lebir dan Nenggiri sebagai empangan baru, apakah kesudahan kes rogol secara sistematik yang dilaporkan oleh *Sarawak Report* di Empangan Murum di Sarawak? Apakah ada jaminan rakyat Kelantan tidak akan diperlakukan sedemikian di kawasan pembinaan Empangan Lebir dan juga Nenggiri? Apakah pula jawapan kerajaan terhadap monumen korupsi yang diberikan oleh *Transparency International* terhadap skandal Empangan Bakun di Sarawak? Apakah jaminan kerajaan bahawa Empangan Lebir dan Nenggiri tidak diberi gelaran sebagaimana gelaran tersebut?

Saya berdoa kepada Allah SWT mudah-mudahan perancangan yang disusun ini akan terlaksana dalam keadaan kerajaan mengambil kira segala teguran dan apa yang dinyatakan oleh pihak Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas melaporkan kesan bencana tsunami 2004, dalam RMKe-10, kerajaan mula menanam pokok bakau pada tahun 2005 hingga 2014 sebagai penampan kepada bencana alam seperti tsunami, hakisan pantai dan ombak besar di samping pengkayaan sumber asli dan biodiversiti negara. Malangnya dalam RMKe-11 telah diamati gagal menyatakan secara konkrit usaha penanam pokok sebagai penampan semula jadi di...

■1630

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bachok, boleh nanti sambung perbahasan selepas 5.30 petang. Fasal sekarang ini sudah 4.30 petang dan kita kena bahas usul di bawah P.M.18(1).

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENEMUAN KEM-KEM MEMPERDAGANGKAN MANUSIA DAN KUBUR
DI KAWASAN MALAYSIA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahaskan pada petang ini. Jadi saya sekarang memulakan pembahasan usul ini iaitu pihak pencadang saya beri masa 30 minit dan kerajaan ataupun Menteri akan memberi jawapan dalam masa 30 minit.

Sebelum saya memanggil Yang Berhormat Alor Setar yang membawa usul ini saya suka maklumkan di sini saya ada terima nota daripada pihak Whips daripada dua buah parti iaitu daripada DAP dan daripada PKR. Iaitu ada tiga orang pembahas daripada pihak pembangkang iaitu daripada Yang Berhormat Alor Setar, satu daripada wakil DAP dan wakil PAS, Yang Berhormat Kuala Krai, wakil daripada DAP disebut nama di sini Yang Berhormat Bukit Bendera. Jadi terpulang kepada pembahas-pembahas ini. Jadi Yang Berhormat Alor Setar 10 minit, selepas itu daripada DAP 10 minit dan daripada PKR 10 minit. Selepas itu saya panggil Menteri untuk jawab. Sila Yang Berhormat Alor Setar.

4.31 ptg.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas memberi peluang untuk membawa usul ini yang melibatkan soal kepentingan negara yang cukup serius. Dalam hal ini sejak penemuan yang mengejutkan kem-kem dan kubur-kubur besaran di Perlis di mana kem yang sekarang ini dikenali sebagai *death camps*. Ini telah pun mengejutkan bukan sahaja seluruh negara kita malah telah pun mengejutkan seluruh dunia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setiap hari sekarang Tuan Yang di-Pertua berita antarabangsa setiap hari sedang melaporkan apa yang sedang berlaku perkembangan tentang penemuan kem-kem pemerdagangan orang manusia yang dijumpai di Malaysia. Bukan sahaja Malaysia, rakyat Malaysia ingin tahu, apakah langkah-langkah kerajaan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini malah seluruh dunia juga turut melihat dan mengikut perkembangan di sini? Akan tetapi sudah tentunya Tuan Yang di-Pertua bahawa penemuan pemerdagangan manusia ini telah pun membawa satu kesan negatif dan buruk Malaysia di kalangan antarabangsa.

Apabila berita ini mula-mula keluar dalam awal bulan Mei, di mana kubur-kubur dan kem-kem dijumpai di Thailand. Kerajaan Malaysia berada dalam keadaan *self-denial*, dengan izin, penafian diri. Di mana pada masanya pada awal apabila berita keluar Timbalan Menteri Dalam Negeri telah pun mengeluarkan satu kenyataan bahawa tidak ada kem-kem. Tidak ada bahawa menurut ini adalah *quotation* daripada *Malay Mail online, headline, Home Ministry says no immigrant mass graves in Malaysia. "Based on investigations, there was no discovery of camps or graves of Rohingya illegal immigrants in Malaysia"*.

Ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Alwi Ibrahim. Beliau telah pun mengeluarkan kenyataan itu selepas dilaporkan bahawa satu bekas Presiden *Rohingya Club* di Thailand, Abdul Karim Kalam menyatakan bahawa sebanyak 80% khemah-khemah Rohingya di mana Rohingya dan orang-orang Bangladesh ini ditahan oleh sindiket pemerdagangan ini terletak di dalam kawasan Malaysia. Pada masa itu *Secretary General of Home Affairs denied*, dengan izin, kenyataan-kenyataan ini. Bukan sahaja *Secretary General*, tetapi Timbalan Menteri Dalam

Negeri juga menyatakan bahawa tidak ada langsung rakyat Malaysia, warganegara Malaysia yang terlibat dalam kes-kes pemerdagangan ini.

Pada masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negeri Kedah, Senior *Deputy Commissioner*, Datuk Zamri Yahya juga mengeluarkan kenyataan menafikan dakwaan-dakwaan terdapat khemah-khemah, kewujudan khemah-khemah ini di dalam kawasan Malaysia kita. *“There is no such thing. As far as we know the camps are only on the Thai side”*.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila selepas penafian-penafian ini dibuat apakah yang kita melihat? Pada 24 Mei tiba-tiba kerajaan mengumumkan bahawa bukan sahaja satu, bukan dua tetapi 28 khemah *death camps* dan 139 kubur-kubur besar telah pun ditemui dalam kawasan Malaysia sendiri.

Ini adalah selepas penafian bahawa tidak ada rakyat Malaysia yang terlibat. Tidak ada khemah-khemah ini yang ada dalam Malaysia. Sekarang ada 28. Tidak ada *mass graves* dan sebagainya. Daripada penafian ini kita melihat bukan sahaja kerajaan ataupun pihak polis telah pun menemui kubur-kubur tersebut tetapi yang lebih terkejut lagi hari ini dalam *The Star* bertajuk *“Camps Found in January.”* Dilaporkan bahawa khemah-khemah pemerdagangan ini telah pun dijumpai seawal bulan Januari dan bulan November tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan untuk membaca *personnel from the General Operations Force involved in combing exercise said the sites in Perlis were found earlier. One of the camps sides evicted...*

Sorry dengan izin. He says here, “One of them, who declined to be named, claimed they found a site following a major arrest of illegal immigrants in January this year. Those detained told us where they came from and we followed the trail until we found the campsite. Another officer confirmed that the camp was actually discovered in November last year. When we discovered this camp, there were more 50 people believed to be Rohingya and Bangladeshi, caged.”

Tuan Yang di-Pertua, *“Caged”*, disangkarkan, dikurung tetapi perkara ini tidak dimaklumkan kepada rakyat, tidak dimaklumkan secara umum dan kerajaan menafikan segala aktiviti pemerdagangan manusia. Sehingga sekarang kita melihat 28 buah khemah besar telah pun ditemui, Tuan Yang di-Pertua. Khemah-khemah ini telah pun beroperasi untuk satu masa yang lama.

Bukan sahaja berlaku bertahun-tahun. Ini menurut Menteri Dalam Negeri sendiri. Dia kata sudah perkara ini mungkin disyaki berlaku lima tahun lalu. Ketua Polis Negara kata khemah-khemah ini dia kata khemah-khemah ini mungkin telah pun beroperasi daripada 2013 sampailah dua minggu lalu. Isunya sebab tidak ada masa lagi saya kata bahawa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus menjawab beberapa soalan yang cukup penting.

Pertama adalah menjelaskan bagaimana sehingga hari ini kerajaan tidak tahu langsung mengenai kubur-kubur dan kem-kem pemerdagangan yang ditemui di Malaysia yang telah pun beroperasi bertahun-tahun.

Kedua adalah untuk menjelaskan kewujudan kem-kem dan kubur-kubur tersebut bagaimana ia boleh melepasi perhatian kerajaan apabila kawasan sempadan zon yang amat dikawal rapat oleh ketenteraan, *highly militarize* dengan pegawai polis, penguatkuasaan tentera, imigrasi, *border intelligence control* dan sebagainya. *It is totally missed by the government.*

■1640

Bagaimana sehingga hari ini tidak ada satu penangkapan yang diumumkan dibuat atas pegawai-pegawai penguatkuasaan yang terlibat dalam aktiviti pemerdagangan manusia di kawasan sempadan Malaysia. Saya juga harap bahawa kerajaan akan memberi penjelasan, apakah tindakan-tindakan, langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkuatkan sekuriti sempadan kita daripada berlanjutan lagi pencerobohan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang bangun, Yang Berhormat hendak bagi?

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: ...dan pelanggaran dan menjelaskan apakah langkah-langkah ini? Sekian, terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebelum, boleh saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang, ada dua wakil lagi daripada sini. Ya, saya dapat persetujuan daripada Ketua Whip Pakatan, seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Tenom hari itu, 30 minit untuk pembawa usul tetapi Yang Berhormat Tenom bagikan ruang waktu sedikit untuk Ahli Parlimen Sandakan berucap. Menurut Ketua Whip, dia juga ingin memberikan 5, 6 minit bagi seorang wakil dari Barisan Nasional untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul 18(1) yang sedang dibahaskan ini. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kita daripada Alor Setar yang membawa usul di bawah 18(1) yang saya rasa amat penting. Oleh kerana peristiwa ini telah memberikan satu titik hitam yang sepatutnya tidak jatuh ke atas kita di Malaysia ini amnya dan Perlis khususnya. Kepada pihak berkuasa juga apabila hari ini Ketua Polis Negara tidak menolak kemungkinan pegawai-pegawai penguat kuasa sama ada mereka tentera, polis, imigresen ataupun sesiapa juga yang terlibat dalam pengawalan sempadan mungkin terlibat dalam perkara ini. Pihak polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak terlibat dan kita menunggu tangkapan pertama diumumkan dan siapa sebenarnya yang terlibat.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini suatu yang besar. Kita biasa dengar kubur-kubur besar ini berlaku di misalnya Rwanda, *genocide* yang berlaku di Rwanda ataupun di Srebrenica semasa peperangan Balkan. Akan tetapi kita tak menjangka ianya boleh ditemukan di dalam negara kita Malaysia. Sesuatu yang tidak terbayang oleh kita. Apakah kita sudah sampai ke peringkat seteruk itu? Semasa perbahasan minggu lepas, Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, perkara ini dibangkitkan dengan meluas bahawa Malaysia telah diturunkan dari tier 2 kepada tier 3 bersama-sama dengan negara lain. Termasuk Gambia dan menyertai negara-negara yang sedia ada dalam tier 3 seperti Korea Utara.

Saya pun tidak melihat pihak kerajaan dan penyokong kerajaan menafikan seperti mana mereka menafikan kalau kita katakan taraf pendidikan kita merosot mereka menafikan. Akan tetapi dalam hal ini seolah-olah macam kita menerima hakikat bahawa kita sudah merosot. Jadi, saya pun tidak pasti sama ada maklumat sebenarnya perkara ini sudah diketahui lebih awal, kes-kes di sempadan Malaysia ini memang sebenarnya sudah diketahui. Cuma tidak didedahkan, hari ini sudah dimaklumkan. Jadi, amat munasabah kita mengambil tindakan Tuan Yang di-Pertua, supaya imej kita dapat dipulihkan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh mencelah sikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin beritahu sedikit fakta dan minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai, tentang tindakan yang perlu dibuat oleh kerajaan selepas pendedahan ini yang cukup mengejutkan. Setakat ini kita sudah dengar polis akan disiasat dan elok kita harap tindakan yang berkesan akan diambil. Akan tetapi apa yang jelas adalah perkara ini tidak hanya diketahui untuk 5 tahun seperti yang disebut tadi oleh Menteri Dalam Negeri. Akan tetapi hakikat pemerdagangan dari pusat-pusat dekat sempadan Malaysia-Thailand telah didedahkan pada tahun 2008.

Di tangan saya ada satu buku bertajuk, "*The Revolving Door*", dengan izin, yang diterbitkan oleh sebuah NGO bernama Tenaganita. Di sini telah diterangkan beberapa pengalaman pemerdagangan dari pada masa itu. Tahun 2009 juga iaitu 7 tahun dahulu, secara terperinci perkara ini telah dilaporkan dalam satu laporan polis yang dikemukakan di Amerika Syarikat, di Washington kepada jawatankuasa yang disebut *The Congress on Foreign Relations* di kongres di Amerika Syarikat. Jadi, apa yang sangat mengejutkan di sana dan ini saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai, semua dokumentasi ini dengan jelas kita nampak penglibatan pegawai-pegawai imigrasi dan juga pihak polis dalam aspek ini.

Ini sangat mengejutkan, saya di dalam cerita daripada mangsa-mangsa, kita dengar macam mana mereka dibebaskan dari kem-kem tahanan, contohnya di Semenyih ke tempat-tempat lain, dibawa ke sempadan Malaysia–Thailand, selepas itu di *handed over*, dengan izin, kepada geng-geng yang buat pemerdagangan ini. Ini diceritakan oleh mereka. Jadi, saya mengesyorkan Yang Berhormat Kuala Krai iaitu kita perlu satu tindakan yang jauh lebih berkesan, bukan sahaja siasatan oleh pihak polis. Akan tetapi adakah perkara ini sesuai untuk satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan oleh pihak kerajaan supaya satu siasatan lebih menyeluruh boleh dibuat? Saya minta penjelasan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Subang dan maklumat sebenarnya mengenai *abuse* ini sudah lama kita ketahui. Tenaga kita sudah mengeluarkan hasil kajian Irene Fernandez yang telah pun meninggal dunia setahun yang lalu, pun telah menyebutnya semasa beliau masih hidup. Seolah-olah benda ini bukan satu rahsia. Cumanya kita tidak sampai ke peringkat apa yang berlaku di dalam seminggu ini, bertemu kubur yang besar ini.

Jadi saya rasa, kehilangan keyakinan kita terhadap pihak penguasa ini tidak boleh dipersalahkan kepada rakyat. Apabila Ketua Polis Negara mengaku ada kemungkinan pegawai-pegawai penguat kuasa terlibat. Jadi, kalau kita biarkan jabatan-jabatan yang berkenaan buat siasatan sendiri, saya khuatir kita tak akan dapat cerita yang sebenarnya. Maka, cadangan Yang Berhormat Subang supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan ini sangat tepat dan saya menyokong. Tuan Yang di-Pertua, kita Malaysia ini hendak bergerak ke negara maju. Jadi, *even* yang berlaku di Perlis ini Tuan Yang di-Pertua, tak menggambarkan keadaan kita yang sedemikian.

Apa puncanya boleh berlaku sedemikian? Minggu lepas juga kita berbincang bagaimana kita menolak kehadiran pendatang-pendatang dan pelarian yang menghadapi masalah di negara mereka dan kita tolak dengan pelbagai alasan. Mungkin kita tak mampu tetapi sebagai sebuah negara yang sudah masuk negara maju, kita kena bertindak dan berkelakuan macam negara maju. Kita tidak lagi menerima bantuan UNDP kah atau UNICEF kah ataupun daripada JICA kah, kita boleh memberikan bantuan kepada negara lain. Jadi, apa salahnya kalau kita mengubah pemikiran kita supaya menjadi sebuah negara maju macam negara Germany yang menerima '2 juta' daripada perbalahan di Balkan.

Australia menerima pelarian-pelarian walaupun dipilih-pilih ya. Kita juga saya rasa sudah sampai ke peringkat itu, sesuai dengan kedudukan kita yang hampir menjadi negara maju. Jadi, untuk memberikan ruang rakan saya, saya menyimpulkan Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini kena siasat secara yang menyeluruh. Ini memerlukan satu jawatankuasa siasatan yang seperti yang disebutkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang tadi. Kita nak tahu sangat, siapa sebenarnya yang terlibat, siapa yang mula bertemu, menemui cerita ini, pihak polis kah, pihak tentera kah dan kenapa berdiam? Kenapa hari ini terbit cerita itu, adakah ini saya membuat sangka buruk, berlakunya perbalahan di kalangan pimpinan kita?

Saling dedah mendedahkan untuk menimbulkan suasana yang tak enak di dalam kerajaan kita. Jadi, mereka yang dikenal pasti harus menjalani hukuman yang setimpal dengan tindakan tidak berperikemanusiaan ini. Ketiganya, seperti yang saya sebutkan tadi, kita harus meletakkan negara kita dalam kedudukan *high moral ground* sebagai sebuah negara yang hendak menjadi negara maju dan sebagainya. Negara yang menerima kes-kes pelarian yang sah, yang memerlukan bantuan daripada sebuah negara maju.

■1650

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya setuju dan sama seperti Yang Berhormat Subang. Kita sejak tahun 2008, kita sudah dapati laporan daripada media asing mengatakan imigrasi dan polis kita terlibat dalam perkara ini. Kalau kita ambil tindakan sekarang, setuju tidak Yang Berhormat Kuala Krai, kalau kita mula dengan satu sistem untuk memberi layanan secara *humanitarian* dan letakkan kem-kem yang sepatutnya untuk mengelakkan tragedi ini berulang. Selain daripada kita siasat

siapa ialah pesalah tetapi kita juga harus melakukan sesuatu yang dianggap sebagai mengikut perikemanusiaan daripada segi mata dunia supaya kita pulihkan imej negara kita.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, saya rasa itu pun cadangan yang dikeluarkan oleh pihak kita semasa membahaskan rang undang-undang minggu lepas dan saya sangat bersetuju. Kalau sudah ada kem pun dalam kawasan negara kita, apa salahnya kita *formalize*kan kem-kem itu. Akan tetapi tidaklah di bukit-bukit seperti di Perlis. Perlis negeri kecil untuk menampung. Kesian dekat Yang Berhormat Arau, dalam kawasan Arau. Ataupun...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Masalah...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ataupun mana tempat yang tidak munasabah, cari tempat yang munasabah dan kita akan dapat pulihkan negara kita. Malah meletakkan taraf negara kita jadi lebih baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih.

Seorang Ahli: Kawasan Padang Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

4.51 ptg.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan usul di bawah 18(1) dan (2) mengenai isu yang sangat mencemaskan negara kita iaitu penemuan kem-kem penampungan dan kubur-kubur besar pendatang asing tanpa izin (PATI) yang disyaki merupakan orang Rohingya di Padang Besar dan Wang Kelian.

Beberapa hari yang lepas, Ketua Polis Negara telah pun mengesahkan penemuan 28 buah kem terbiar dan 139 buah kubur besar dalam kawasan Malaysia negara kita. Menurut laporan berita Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dipetik sebagai berkata, kem-kem tersebut mungkin telah berada di sana selama lima tahun. Insiden ini sangat mengejutkan rakyat dan lebih penting lagi, menimbulkan pelbagai persoalan dan tanda tanya mengenai kawalan dan keselamatan dan juga pengurusan sempadan negara kita.

Jika benar, kegiatan kem-kem ini sudah berlangsung selama lima tahun, maka ini menimbulkan soalan mengenai persekongkolan antara pemerdagang manusia ataupun *traffickers* dengan pihak berkuasa tempatan seperti mana yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi. Saya kira tidak mungkin perkara ini boleh berlaku dengan begitu lama tanpa pengetahuan mana-mana pihak berkuasa dan juga orang-orang tempatan. Jelas, saya rasa ada kemungkinan berlaku rasuah, korupsi yang membabitkan pegawai-pegawai penguat kuasa, pihak berkuasa tempatan dan saya menyeru agar kerajaan menyasiatnya dengan secepat mungkin.

Saya setuju juga dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Kuala Krai, di mana tidak boleh kalau jabatan ini menyasiat diri sendiri, kita perlukan satu penyasatan yang bebas. Oleh itu saya sokong sangat cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi melihatkan perkara ini.

Pada masa yang sama, tindakan dan hukuman keras juga harus dikenakan ke atas mereka yang terlibat kemudian. Sekiranya kita mahu memastikan tidak berlaku lagi pada masa hadapan. Dalam pada itu, harus ada juga kerjasama siasatan dengan pihak Thailand ya Tuan Yang di-Pertua, kerana bak kata orang *'tebuk sebelah tangan takkan berbunyi'*. Perkara ini berlaku di kedua-dua pihak, Thailand dan juga Malaysia. Kalau selesai, hanya selesai di negara kita, perkara ini akan berulang lagi kalau tidak diselesaikan di pihak Thailand juga.

Tuan Yang di-Pertua kedua, kita juga tidak boleh mengabaikan punca kepada masalah ini iaitu pelanggaran hak asasi manusia yang kejam dan sistematik oleh kerajaan Myanmar. Kezaliman ini telah mengakibatkan ratusan ribu orang Rohingya untuk meninggalkan Myanmar demi mencari suaka politik di negara-negara jiran, termasuk Malaysia. Sebagai Pengerusi semasa ASEAN, kita mempunyai peluang keemasan untuk menjadi peneraju dalam melibatkan Myanmar, khususnya dalam proses pelbagai hala ataupun *multilateral engagement*.

Jelas, dasar tidak campur tangan ASEAN ataupun *non-interference policy* tidak boleh diteruskan. Apakah gunanya dasar ini sekiranya ia mengakibatkan kesengsaraan ratusan ribu insan di rantau kita. Rakyat Malaysia juga terkesan dari dasar ini akibat kemasukan ratusan ribu orang pelarian dan pemohon suaka politik ke negara kita. Oleh itu, kita harus menitikberatkan perkara ini. ASEAN perlu sedar bahawa tanpa menghentikan penganiayaan terhadap orang Rohingya, kita tidak akan melihat masalah ini akan berakhir. Setakat ini, kerajaan tidak menunjukkan hasrat terhadap perkara ini dan saya harap agar pendirian yang lebih tegas dapat diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Batu Kawan bangun Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Bukit Bendera, saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Bendera sikit. Dalam sistem kerajaan kita, termasuk di Perlis ya, ada JKKK, malah pengerusi JKKK dan juga setiausaha JKKK dibayar gaji. Ada ketua kampung, boleh kata setiap daerah ini cukup lengkap rangkaian maklumatnya. Akan tetapi macam mana kubur begitu banyak ini boleh dikorek dan ditanam orang tanpa orang boleh tahu? Saya pun rasa pelik. Harus ada penyiasatan yang sampai ke akar umbi. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera, harus ada satu penyiasatan yang amat serius. Bukan ada tiga buah 'kuboq', 100 lebih buah 'kuboq' ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera tentang ini? Adakah pihak-pihak orang kampung juga terlibat dan sebagainya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: Kubur, kubur.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kubur, *sorry*. Bukan 'kuboq'.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Saya ada di sini Tuan Yang di-Pertua, satu artikel dari akhbar *MalayMail Online* yang mengatakan, dengan izin, "*Malaysian authorities possibly involved in refugees death camps, claims Zahid Hamidi*". Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu kenyataan yang amat berat sekali. Ini menunjukkan bahawa ada penglibatan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam isu pemerdagangan manusia dan selepas itu dalam isu, dengan izin, *mass grave* di Perlis ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Bendera, bukankah pelik Mat Sabu diserbu dan ditahan oleh polis yang memakai *ski mask* tetapi kemungkinan penglibatan anggota kerajaan dalam pemerdagangan manusia dan juga *possible involvement*, dengan izin, dalam isu ini boleh terlepas daripada pandangan PDRM, imigresen, *border patrol* dan macam-macam.

Saya rasa cukup pelik Yang Berhormat Bukit Bendera dan Tuan Yang di-Pertua, dan saya pasti pelik kepada semua yang berada di sini. Sekiranya seorang, dengan izin, ahli daripada parti politik boleh ditahan di sebuah kedai makan di Seberang Jaya, macam mana selama lima tahun ini sebuah kem boleh beroperasi, dengan izin, *so silently without detection from anyone*. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera?

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Sungai Petani. Saya pun rasa pelik atas perkara ini dan kepelikan dalam negara ini sudah menjadi satu kelumrahan yang saya lihat. Oleh itu saya rasa Tuan Yang di-Pertua, perlu saya hendak ulangi sekali lagi satu siasatan yang sangat menyeluruh, yang bebas melalui *Royal Commission of Inquiry (RCI)* sekiranya boleh.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sedang berdepan dengan krisis kemanusiaan di sempadan negara kita, kita juga tidak boleh lupa bahawa terdapat 150,000 orang pelarian dan pencari suaka yang sedia ada di dalam negara kita. Mereka juga menghadapi kesukaran yang besar akibat status undang-undang yang sangat kabur ya. Mereka tidak mempunyai akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan,

pekerjaan, mereka terdedah kepada pemerdagangan manusia, eksploitasi dan sebagainya, kanak-kanak tidak dapat ke sekolah, orang dewasa tidak dapat pekerjaan dan sebagainya.

Pada masa yang sama, mereka yang hendak pergi ke hospital pun harus membayar yuran yang penuh. Mereka yang mempunyai kad UNHCR mendapat 50% diskaun tetapi macam mana 50% diskaun pun hendak bayar kalau tidak ada pekerjaan ya Tuan Yang di-Pertua. Akibat daripada itu, ramai antara mereka yang terpaksa bekerja secara haram. Lazimnya sebagai kerja buruh kasar selama 14 sehingga 16 jam sehari dengan upah yang tidak setimpal. Mereka hidup dalam keadaan yang sempit, tidak bersih dan ramai yang di antara mereka yang menjadi mangsa kepada salah guna kuasa oleh pihak polis dan penguat kuasa lain.

Justeru, tanpa satu undang-undang yang wajar dan tatacara pengendalian standard SOP, masalah ini hanya akan menjadi lebih teruk. Impak sosial dan ekonomi adalah besar dan memejamkan mata dalam hal ini tidak akan menyelesaikan perkara atau sebarang masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Baik. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengelakkan bencana kemanusiaan baik di dalam mahupun di sempadan negara kita. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, imej negara kita sudah jelas tercalar.

■1700

Malah sebelum krisis berlaku pun Malaysia sudah diturunkan pangkat daripada *tier two* hingga *tier three* dalam Laporan Pemerdagangan Manusia oleh Amerika Syarikat. Status ini bakal mendatangkan pelbagai kesukaran kepada negara kita khususnya dalam rundingan TPPA yang sedang berlaku. Justeru, saya ingin mencadangkan agar satu pasukan petugas khas ataupun *special task force* ditubuhkan dengan segera untuk menjalankan siasatan di sepanjang sempadan negara kita dengan Thailand.

Untuk memastikan kita menjumpai semua kubur-kubur besar, semua kem-kem penampungan PATI sama ada yang terbiar ataupun jika ada yang masih aktif. Usaha ini sudah tentu tidak mudah dan juga termasuk Sabah dan Sarawak, kalau boleh kita hendak melihat semua sempadan negara kita. Usaha ini tidak mudah, saya cadangkan agar kita membabitkan agensi dan pakar antarabangsa juga seperti UNHCR dan juga kumpulan-kumpulan aktivis tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulan saya harap perkara ini akan diberi perhatian yang mendalam oleh kerajaan agar krisis ini dapat diselesaikan dengan segera dan keselamatan negara kita dapat dijamin dan imej negara kita dapat diperbaiki. Saya ulang sekali lagi sebagai akhir kata bahawa Suruhanjaya Siasatan Diraja harus ditubuhkan dengan segera untuk melihatkan perkara ini. Hasil daripada siasatan itu dibawa ke Parlimen untuk di bahas bukan seperti siasatan Diraja untuk Teoh Beng Hock dan Projek IC yang tidak dibawa ke Parlimen. Dengan itu saya ucapkan sekian terima kasih. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dan juga yang buat *emotional intervention* di perantaraan. Ingin saya, yang pertama, membaca teks dan kedua akan menjawab secara soalan-soalan. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua beri peluang setengah jam untuk saya menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas iaitu usul Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao-Leung, Ahli Parlimen Alor Setar yang meminta Menteri Dalam Negeri memberi penjelasan dalam soal keselamatan negara, bagaimana kem-kem perdagangan manusia dan kubur-kubur yang baru ditemui dalam kawasan Malaysia boleh dijadikan tanpa pengetahuan Kerajaan Malaysia selama ini.

Kementerian Dalam Negeri khususnya Pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah terlebih awal daripada risikan dan maklumat yang diperolehi, mendedahkan terdapat cubaan untuk menyeludup masuk migran secara besar-besaran terutama dari Myanmar ke dalam negara melalui perairan dan juga daratan, khususnya di kawasan Utara Semenanjung Malaysia.

Polis Diraja Malaysia telah mengambil tindakan untuk menyekat kemasukan migran ini dengan mengadakan operasi khas yang telah dilancarkan seperti berikut:

Operasi	Tempoh
Ops Pintas Utara 1	Januari hingga Mac 2014
Ops Pintas 2	10 hingga 22 Ogos 2014
Ops Pintas 3	14 Februari 2015 hingga sekarang

Hasil daripada operasi yang diadakan telah menyebabkan migran yang berada di sempadan telah gagal untuk membolos masuk dan terpaksa berlindung di khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket dalam hutan di sempadan untuk menunggu peluang untuk seludup masuk ke dalam negara. Khemah-khemah yang ditemui di tengah hutan dan berada di kawasan yang curam serta agak sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa itu berada dalam jarak 300 meter hingga ke 500 meter dari sempadan.

Sepanjang Operasi Pintas ini dilaksanakan, PDRM telah berjaya menangkap seramai 290 orang pendatang asing tanpa izin yang cuba masuk sejak tahun 2014 sehingga April 2015. Selain daripada tangkapan PATI, PDRM juga telah berjaya menangkap sindiket yang terdiri daripada ejen, tekong atau *transporter* yang melibatkan warganegara Malaysia, warganegara asing seramai 43 orang. Pihak polis juga telah menangkap empat orang anggota polis, Yang Berhormat. Empat orang anggota polis yang disyaki terlibat atau bersekongkol dengan sindiket penyeludupan migran di bawah Akta ATIPSOM dan POCA.

Selain pihak polis, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga mengadakan operasi di kawasan utara dan telah menangkap seramai lapan orang anggota polis yang terlibat dengan sindiket penyeludupan dan pemerdagangan orang.

Pada 2 Mei 2015, pihak berkuasa Thailand mengumumkan penemuan khemah dan kubur yang besar disyaki mayat migran dari Bangladesh dan Myanmar di khemah yang ditinggalkan di Daerah Songkhla, Thailand. Berdasarkan penemuan tersebut, pihak PDRM mempercayai terdapat kubur seumpama itu di Malaysia berdasarkan penemuan oleh pihak Thailand berada tidak jauh dari sempadan Malaysia dan Thailand.

Pada 11 Mei 2015, pihak PDRM telah melancarkan Operasi Wawasan dengan menggerakkan pasukan VAT69 dan anggota PGA bagi mengesan jika terdapat khemah dan kubur sebagaimana yang dijumpai oleh pihak Thailand. Hasil operasi, PDRM telah menemui enam lokasi khemah dan struktur yang dipercayai kubur berjumlah 139 kesemuanya. Dipercayai ya, belum tahu lagi dan belum ada bukti.

Pihak berkuasa tidak dapat mengesan kedudukan khemah berkenaan walaupun telah wujud sejak sekian lama atas sebab berikut.

Pertama, kedudukannya. Saya hendak jelaskan sedikit bukit ataupun apa bukit dipanggil *Quandong Forest Reserve* oleh pihak Thailand dan juga *Perlis State Reserve*. Ini adalah satu bukit yang mana dilalui di tengah-tengahnya oleh sempadan Malaysia-Thailand. Bukit ini boleh dinaiki daripada pihak Thailand dan sampai masuk ke Malaysia. Jadi bukit ini adalah *reserve, forest reserve* untuk dua-dua Thailand dan juga Malaysia. Ia mudah dinaiki daripada pihak Thailand daripada dinaiki sebelah Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Setar bangun Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, mengikut konvensyen yang saya tahu di Dewan ini, saya sudah 25 tahun, tidak pernah pun mencelah orang bercakap ini, masa menggulung ini. Jadi Yang Berhormat duduk dahulu, nanti saya bagi.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Kalau saya tidak mendapat penjelasan...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, bangun kemudian Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sabar Menteri, sabar, sabar. [*Dewan riuh*]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, *I never lost my temper.*

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kadang-kadang kalau tidak senyum nampak marahlah.

Kedua, sindiket memilih kawasan Malaysia kerana mengetahui bahawa kawasan tersebut tidak akan dibuat rondaan oleh pihak berkuasa kerana kedudukan muka bumi yang begitu rupa dan sukar untuk dikesan dan pihak berkuasa Thailand tidak akan memasuki kawasan tersebut kerana berada dalam kawasan Malaysia.

Ketiga, keadaan bentuk muka bumi dan kawasan yang begitu terpencil. Pihak berkuasa tidak menjangka sebarang aktiviti manusia di kawasan berkenaan.

Keempat, kedudukan khemah tersebut adalah di kawasan yang curam, sukar untuk ke kawasan tersebut. Jika berjalan kaki mengambil masa tiga jam untuk sampai ke destinasi dan kenderaan tidak boleh sampai ke kawasan tersebut.

Proses membawa keluar mayat daripada lokasi memakan masa yang panjang dan akan mengambil masa memandangkan keadaan berikut- keadaan muka bumi yang curam yang menghadkan pergerakan masuk dan keluar, memakan masa yang amat panjang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut dua tiga perkara yang lain iaitu ada Timbalan Menteri dan juga pengisytiharan ataupun publisiti yang dibuat oleh pihak kementerian mengatakan kita tidak ada indikasi. Sebenarnya saya menggunakan perkataan tidak ada indikasi. Pada ketika saya bercakap itu walaupun operasi itu telah dijalankan tetapi indikasi untuk menunjukkan bahawa ada *death mass grave, mass grave* di kawasan Malaysia, itu yang saya cakap tidak ada indikasi. Pada saya ketika ini memang tidak ada indikasi pun. Pihak polis dan tangkapan polis dan tangkapan SPRM tidak menunjukkan ada kubur. Jadi yang ini kita sebutkan secara realiti. Kita tidak boleh hendak *claim* perkara itu berlaku. *Statement* yang dibuat oleh kementerian dan saya sendiri punya *statement* adalah tepat pada ketikanya dibuat.

Jadi, sila Yang Berhormat Alor Setar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Alor Setar.

■1710

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan jawapan tadi mengenai empat anggota polis yang telah pun ditangkap dan lapan lagi yang telah pun ditangkap dalam operasi yang berlainan. Soalan saya adalah, apa pangkat pegawai polis ini? Adakah mereka telah pun dituduh di mahkamah? Apakah penglibatan mereka khususnya dalam aktiviti pemerdagangan manusia? Adakah ini berkenaan dengan Malaysia-Thailand *border*? Kita hendak tahu sebab kalau katakan operasi-operasi ini berlalu sejak tahun 2008 sampai hari ini, hampir tujuh tahun, hanya 12

orang polis sahaja yang ditangkap. Saya rasa ini adalah satu rekod yang cukup tidak, yang mengecewakan. Mengenai...

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat kalau hendak berucap, jangan diucap. Saya sudah habis sudah. Terima kasih Yang Berhormat. Dalam Dewan ini...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya, *you* hendak dengar jawapan. Saya hendak bagi sikit *pointers*. *The floor never ship in the Dewan, it belongs to the Speaker.*

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yalah. Speaker lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ... *You are not Speaker.*

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi persoalan yang ditangkap, sebenarnya operasi yang kita sebutkan Ops Pintas ialah daripada Januari-Mac 2014, bukan tahun 2008, tahun 2014. Saya masih di sini tahun 2014. Maksudnya tahun lepas dan hingga sekarang. Itu yang kita sebut dan kita tangkap. Kita tidak boleh tangkap semua orang *simply because it happened*. Mesti ada bukti-bukti sedikit menunjukkan penglibatan dia dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Jadi kita tidak boleh tangkap sembarangan Yang Berhormat. Undang-undang kita ada. Kalau ditangkap pun dibawa ke Mahkamah Awam pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ahli Parlimen Pakatan Rakyat kena tangkap sewenang-wenangnya, tidak ada masalah pun.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri ini cakap tidak ada faktalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kenapa tidak boleh. Hendak ikut undang-undang pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cara tertib boleh tanya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tangkap orang 2 pagi, 3 pagi boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, boleh tanya secara tertib Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada. Jawab jawapan dia itu mengelirukan. Jawapan dia macam orang tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tangkap orang 2 pagi, 3 pagi boleh.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, apa yang mengelirukan. Yang Berhormat bertanya kenapa sedikit sangat tangkap? Kenapa tidak tangkap banyak-banyak? [*Disampuk*] Ini soalan yang dibawa. Jadi saya mengatakan mesti ada indikasi ataupun *evident* menunjukkan orang-orang itu boleh ditangkap. Kalau saya hendak tangkap oleh kerana perkara berlaku, tidak betul lah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua jawab, kita tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Boleh tangkap hanya kerana peristiwa itu berlaku.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ya betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kan. Akan tetapi kita, yang kita kena tangkap berlakunya satu peristiwa, semua kena tangkap. *So, why can't you do the same* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita *confine* kepada 18(1) Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila sudah berlaku sesuatu peristiwa, tangkaplah semua yang terlibat. Lepas itu siasat.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, bagilah peluang dengan dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Usul ini spesifik Yang Berhormat. 18(1) tentang isu yang dibahas. Yang lain-lain itu tidak payah masuk campur dulu Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya respons pada jawapan dia. Jawapan dia itu tidak konsisten.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bagi saya.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan dia saja cari masalah konsisten, tidak konsisten itu. Sebenarnya kita berbincang soalan apa yang berlaku di sempadan. Yang Berhormat Alor Setar punya usul memang tepat kepada tempatnya. Kita jawab kepada tempatnya tetapi Yang Berhormat Shah Alam yang sebut cerita lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang bangun Yang Berhormat ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Prinsipal sama.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi berkata baru ada indikasi atau bukti dan tindakan polis sudah bermula. Akan tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah masalah pemerdagangan manusia, *human trafficking*, dengan izin yang bergiat secara aktif di kawasan sempadan, hakikat kem-kem ini. Ini bukan perkara baru. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun sudah baru mengakui lima tahun. Akan tetapi itu pun saya tidak setuju sebab kita ada dokumentasi yang *detail*. Perkara ini sudah didedahkan secara umum melalui seluruh dunia tahu sejak sekurang-kurangnya tahun 2008. Akan tetapi hakikat, praktis ini, amalan ini, jenayah ini sudah berlaku beberapa tahun sebelum itu juga. Oleh sebab itu dokumentasi dalam buku ini ada. Dokumentasi ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, jadi dokumentasi ada di banyak forum. Soalan saya ialah, macam mana pihak polis ada bahagian risikan, imigrasi ada, polislah, kita tumpu pada polis. Kenapa tindakan tidak dibuat seawal ini untuk mengesan kem-kem ini lebih awal? Kenapa ini dibenarkan berjalan? Tuduhan-tuduhan yang paling serius dalam semua dokumentasi iaitu pegawai-pegawai imigresen, pegawai-pegawai polis adalah terlibat secara aktif, secara terus dalam aktiviti ini. Adakah siasatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Ya, soalan saya, adakah siasatan daripada tahun 2008 dibuat? Kalau ada siasatan, apakah hasil siasatan itu? Terima kasih.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya menjawab berlandaskan apa yang di hadapan saya. Berlandaskan apa yang dapat diusulkan oleh

Yang Berhormat Alor Setar. Itu yang kita bincang di Dewan ini. Jadi siasatan yang saya sebut tadi, yang bermula daripada tahun 2014 akan berterusan Yang Berhormat. Dia tidak hanya tertumpu kepada pihak polis.

Saya sudah bagi arahan supaya penyelidikan dibuat kepada semua pegawai termasuk renjer yang pegawai-pegawai daripada negeri. Semua disiasat. Saya tidak kira siapa dia, tidak kisah apa pangkat dia, asalkan ada kesan-kesan, ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa penglibatan mereka dengan penyeludupan manusia ini ke dalam Malaysia, kita akan ambil tindakan.

Jadi kita tidak ada benda yang kita selindung Yang Berhormat. *Insya-Allah* kita akan jalankan penyelidikan ini. Saya juga telah pun meminta supaya pegawai yang menyelidik ini daripada Bukit Aman adalah pegawai yang betul-betul boleh kita harapkan membuat penyelidikan yang menyeluruh bersama dengan pihak SPRM. Tengah hari tadi pun saya sudah jumpa dengan pihak SPRM untuk penyelidikan itu dibuat secara menyeluruh dan tidak ada memilih kasih atau memilih sesiapa. Kalau berlaku kesalahan dan ada indikasi menunjukkan sesiapa saja, apa pangkat saja, tindakan mesti diambil.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Satu permintaan Tuan Yang di-Pertua. Boleh Yang Berhormat Menteri jamin perlindungan, *protection* ya kepada saksi-saksi, khususnya saksi-saksi ini akan adalah daripada golongan pendatang tanpa izin. Mereka tidak akan datang dan berikan keterangan kepada pihak berkuasa tanpa satu jaminan mereka akan dilindungi, tidak akan didakwa. Bolehkah kita ada jaminan macam itu, baru mereka akan ke depan untuk memberitahu apa yang mereka saksikan, jenayah orang dipukul, dibunuh dan diseksa dan sebagainya. Bolehkah kita dapat jaminan itu.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kita mempunyai undang-undang. Kita sudah bawa undang-undang untuk *protection of witness* di Dewan ini. Dewan ini saya cukup yakin telah meluluskan sebahagian daripada rang undang-undang untuk *protection of witnesses*. Jadi kalau ini telah dilaksanakan dan telah ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan, kita akan laksanakan keselamatan saksi-saksi yang terlibat. Itu secara formal dan secara prasarana undang-undangnya. Akan tetapi secara amalnya saya juga telah memberi arahan supaya saksi-saksi, mereka yang terlibat mestilah dijaga keselamatan mereka dan diasingkan daripada pihak-pihak yang kita selidiki.

Ini kadang-kadang Yang Berhormat, apa yang kita buat dalaman bukan semuanya pendedahan kepada umum Yang Berhormat. Akan tetapi kita buat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya bagi Yang Berhormat Seputeh, kawan lama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kawan lama Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya orang lama lah. Tuan Yang di-Pertua juga orang lama. Saya hendak tanya, kita mengakui polis usaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah ini. Akan tetapi boleh saya tanya berapakah bajet ataupun peruntukan daripada kementerian untuk menangani penyeludupan manusia ataupun *human trafficking* dan juga penyeludupan dadah. Kalau tidak cukup duit memang mungkin susah untuk menghadapi, menangani masalah ini.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Isu yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memaklumkan bahawa satu siasatan telah pun dilakukan. Akan tetapi siasatan ini agak besar, melibatkan pelbagai agensi, imigresen dan sebagainya, polis dan tentera. Jadi apakah skop siasatan yang akan dilakukan? *Resources*? Berapa ramai anggota? Berapa jumlah kewangan yang diperlukan untuk melakukan siasatan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri? Ini khemah-khemah yang telah pun dijumpai, bukan khemah-khemah kecil. Ini adalah *permanent structures, big structures. They have water tanks, generators, kitchens and etc.* Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah khemah-khemah ini telah pun dikatakan berlanjutan untuk satu masa yang lama.

Kerajaan pada mulanya menafikan. Pada hari ini pula keluar kenyataan bahawa sebenarnya pihak *general operation force* telah pun menjumpai khemah-khemah seperti ini di sempadan yang sama sejak Januari dan bulan November dulu. Sila memperjelaskan. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, sikit sahaja. Pendek sahaja saya tanya. Pendek.

■1720

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya hanya hendak tanya, siasatan ini...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, tolong jangan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Memang ringkas ringkasnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita ada 10 minit lagi untuk usul.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya ingin tahu adakah *time frame* atau *time limit* diletakkan untuk siasatan yang akan dilakukan? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya cukup yakin Yang Berhormat mengetahui *time frame* tidak boleh kita beri kepada satu-satu penyiasatan, Yang Berhormat. Kalau buktinya belum mencukupi, kalau *the chain of evidence* itu belum dapat kita sambungkan secara khususnya, mahkamah tidak akan menerima kes-kes sedemikian. Peguam mengetahui perkara ini. Jadi, selagi kita berhadapan dengan masalah saksi, bukti dan sebagainya Yang Berhormat, kita tidak boleh kata, okey, sekarang sudah tiba masanya, *time frame* sudah tamat, berhenti menyiasat, hantarkan IP kepada AG supaya AG menilai daripada sudut undang-undang. Akhirnya kita akan terlewat juga, Yang Berhormat. Jadi maknanya, biarlah terserah kepada pihak profesional dalam polis dan SPRM untuk membuat penyelidikan mereka.

Akan tetapi saya cukup yakin Yang Berhormat, penyelidikan akan dibuat melihatkan berapa ramai orang yang telah kita tahan termasuk saksi-saksi yang mungkin kita telah kenal pasti oleh pihak polis dan PDRM untuk mengenal pasti kes-kes yang sedemikian ini. Ini juga termasuk dengan tekong-tekong dan *transporter* kita dapati dan ini menunjukkan bahawa kalau kita lihat dari sudut itu, maka kita telah mempunyai jumlah orang yang boleh membantu kita dalam sudut penyiasatan.

Jadi Yang Berhormat Alor Setar membangkitkan juga – oleh kerana skop dan besarnya kawasan itu Yang Berhormat, walaupun kita sudah jumpa 139 apa yang dikatakan *grave*, tetapi kita belum gali semua, Yang Berhormat, sebab *the forensic have to do it very carefully* dan mengenal pasti supaya bukti-bukti yang ada dan badan-badan yang ada masih dalam apa yang dikatakan *grave* ini ada atau tidak di dalam sana, kita belum tahu berapa orang dan siapa mereka. Jadi ia belum dikenal pasti walaupun *it looks like grave but may not be grave, maybe just benda-benda lain.* Kita tidak tahu.

Jadi sehingga sekarang ini hanya dua badan sahaja baru dibuat. Satu daripada *surface* yang didapati badannya sudah buruk dan reput dan ada satu lagi daripada lubang yang tidak begitu dalam. Yang lain masih kita sedikit demi sedikit kita menggali. Proses untuk menggali ini sahaja makan masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

menjaga mayat dan juga menjaga bukti-bukti yang mungkin kita dapati daripada *grave* itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah berbangkit soalan keselamatan daripada usul yang telah disebut oleh Yang Berhormat Alor Setar. Ini *the key* sebenarnya kepada semuanya. Sebenarnya Menteri sendiri telah mencadangkan supaya diadakan tembok di sepanjang sempadan kita dengan utara. Ini dibangkit juga dengan yang di Sarawak. Saya telah meminta pihak polis bersama dengan pihak Imigresen untuk membuat kajian untuk di Sarawak yang sepanjang 1,980 kilometer dari Tanjung Datu hingga Ba'kelalan dan begitulah juga di Sabah sepanjang 700 kilometer di sempadan dengan Kalimantan. Begitulah seterusnya di utara negara kita, kita mengkaji dan kita mencadangkan kepada pihak kerajaan. Akhirnya, kerajaan akan membuat keputusan sama ada mampukah dalam masa yang terdekat kerajaan untuk membuat tembok ataupun cara-cara lain untuk kita membuat halangan supaya sempadan kita tidak begitu boleh dibolosi.

Walau bagaimanapun, buat sementara ini, pihak Majlis Keselamatan Negara masih mengkaji untuk mengganti dengan seberapa cepat yang boleh pagar-pagar yang buruk di utara Semenanjung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, boleh? Terima kasih. Saya tidak mempertikaikan isu tembok ini, tetapi puncanya bukan tembok tidak tembok. Puncanya ialah pegawai imigresen kita *compromise security* kita. Saya harap kita dapat mengambil satu tindakan yang tegas terhadap pegawai-pegawai yang bersekongkol dengan sindiket. Masalah itu manusia, bukan masalah pagar.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Batu. Kita dalam penyelidikan yang dibuat oleh pihak SPRM dan polis ini, kita melihat dua perkara Yang Berhormat. Satu soal rintangan fizikal, yang kedua ialah manusia itu sendiri. Saya bersetuju bahawa manusialah menjadi satu masalah.

Saya sebut awal tadi, Bukit Perlis itu memang dari kawasan Malaysia dia curam dan payah untuk dinaiki dan makan tiga jam untuk pergi ke sana. Akan tetapi, dia dari Thailand, dia ada mudah sedikit dinaiki dan itulah kenapa pihak ini menggunakan bukit ini sebagai tempat untuk mengurungkan orang yang baru kita dapati ini. Jadi maknanya, apa yang berlaku di sini, pihak yang melakukan perkara ini di sempadan Thailand itu ataupun orang Thailand yang melakukan ini adalah mengetahui *terrain* dan geografi tempat itu dengan begitu baik sekali.

Saya Yang Berhormat, empat tahun dalam hutan, saya tahu. Yang Berhormat Sungai Petani pun mengetahui macam mana payah dalam hutan. Yang Berhormat, saya bagi satu cerita, pengalaman saya sendiri. Satu kumpulan polis, *field force*, hanya 300 meter dengan kem Komunis berdekatan. Satu bulan bersama dengan satu kawasan tidak mengetahui satu sama lain. Selepas itu apabila pertempuran berlaku, baru kita tahu bahawa ada Komunis 300 meter dari kem. Tanya dengan Yang Berhormat Sungai Petani berapa payah dalam hutan untuk mencari orang. Jadi Yang Berhormat, saya mengetahui. Saya empat tahun dalam hutan, saya mengetahui kepayahan itu. Jadi itulah realitinya. Bukanlah semudah itu untuk mengenal pasti dan mengetahui.

Akan tetapi dalam masa yang sama, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu, kita kena menekan bahawa sumber manusia dalam *enforcement* agensi ini mestilah mempunyai integriti yang tinggi dan penyelidikan kita akan merangkumi semua.

Yang Berhormat dari mana tadi, ada membangkitkan soal menerima pihak *refugee* daripada pendatang asing ini menimpa, mengatakan dua juta diterima – di mana? Negeri mana tadi yang disebut? Saya baca, Yang Berhormat ya. [Sambil menunjukkan senaskhah surat khabar] Newspaper, Yang Berhormat. *The Economist*... [Membaca petikan]

“Last year 626,000 people applied for asylum to the EU (only a fraction of them came by boat); roughly half of the applicants who were processed were successful. France granted to 15,000, Britain to only 11,000, including Germany with 41,000.”

Sebenarnya belum tepat berita Yang Berhormat itu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu statistik *asylum*. *We are not talking about asylum here.*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, "*In the past ten days, as many as 1,200 boat people have drowned in the waters of the Mediterranean...*" *Because* negara tersebut tidak ambil tindakan pun, Yang Berhormat. Akan tetapi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa kena mengena itu dengan isu orang mati dibunuh di kem...

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Tak payah hendak *condemn* negara sendiri, Yang Berhormat. Tak payah *condemn* negara sendiri. Kita ini cari keburukan negara sendiri pandai...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kita hendak jaga imej negara kita.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: ...Tapi lihat negara lain apa yang dia orang buat, Yang Berhormat?

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Janganlah dianggap kalau tegur BN maknanya *condemn* negara. *Please lah. It is patriotic for us to question the government. Therefore, it is not...* *[Dewan riuh]*

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya baca...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Keeping quiet is not being patriotic.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Janganlah bagi satu gambaran yang songsang. Ini gambaran songsang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, seorang-seorang Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *Patriotic is not being quiet.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, duduk ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya bukan sebut kerajaan, Yang Berhormat. Kerajaan, Yang Berhormat boleh marah. Bahkan kita sudah pinda undang-undang pun Yang Berhormat boleh marah kerajaan. Akan tetapi pasal negara Yang Berhormat, kalau kita buruk, *paint* apa sahaja pun, ia akan jadi buruk, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *We don't condemn, we are asking questions.* Takkan tak boleh bezakan *condemn* dan tanya soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang melakukan jenayah ini sudah memburukkan imej negara. Kita mesti pulihkan balik sekarang.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tengok ini Yang Berhormat... *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Baca ini. Saya tak perlu ulang lagi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, *bad enough already being Minister.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Patutnya kita di sini, Yang Berhormat, patut berdiri bersama, kita sokong satu sama lain. Kita sokongkan polis, sokongkan SPRM untuk buat selidikan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Habiskanlah ya.

■1730

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan banyak. Jadi saya akan *compile* kan jawapan-jawapan ini dan saya akan beri kepada Yang Berhormat Alor Setar sebagai menjawab semua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana hendak jawab semua soalan kalau bila kita tanya soalan dianggap sebagai tidak patriotik. Berilah kita peluang tanya semua soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita ada had masa satu jam saja untuk ini Yang Berhormat, 18(1).

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak buat *Royal Commission* atau tidak? Hendak buat atau tidak? Kita hendak tahu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sokong, cadang kepada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh bersetuju cadangkan kepada kerajaan?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kita akan buat penyelidikan secara menyeluruh Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Buat penyelidikan buat apa?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya kata buat, dia kata buat apa pula?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Apa yang saya hendak buat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *We don't want* penyelidikan, *we want Royal Commission to inquiry...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya masa dah habis untuk usul ini Yang Berhormat.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan demikian saya tutup perbincangan ini.

[Perbincangan ke atas Usul Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Bachok untuk menyambung perbincangan.

5.31 ptg.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, 10 minit Yang Berhormat tinggal.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya bercakap tadi 10 minit dan diselang dengan perbahasan isu yang telah pun kita selesaikan. Sedikit komen saya berkenaan dengan apa yang kita bahaskan tadi kalau diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu akan jadi sebahagian daripada perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Ya. Dalam Islam dicatatkan dalam Hadis Riwayat Bukhari, bagaimana seorang Bani Israel, perempuan yang kerjanya pelacur di kalangan Bani Israel yang memberi minum seekor anjing yang kehausan, yang hampir kematian. Kemudian Allah SWT mengampunkan dosanya yang kerjanya dosa besar melacurkan diri dan Allah SWT memasukkannya ke dalam syurga kerana *caring*, kerana empati dan simpati dia kepada seekor binatang yang namanya anjing. Maka saya mengharapkan kepada kerajaan sekiranya berdepan dengan situasi didatangi dengan pelarian Rohingya atau mana-mana insan ke negara kita, maka layanlah dengan layanan yang terbaik kerana kita boleh mengundang keredaan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung kembali perbahasan tadi dengan menyebut RMKe-11 melaporkan kesan bencana tsunami 2004, dalam RMKe-10 kerajaan mula menanam pokok bakau. Tahun 2005 hingga 2014 sebagai penanaman kepada bencana alam seperti tsunami, hakisan pantai dan ombak besar di samping pengkayaan sumber asli dan biodiversiti negara. Malangnya dalam RMKe-11 gagal menyatakan secara konkrit usaha penanaman pokok sebagai penanaman semula jadi di kawasan-kawasan sungai yang terdedah kepada banjir.

Sampai ke Austria kerajaan kita belajar bagaimana menangani banjir tetapi jangan kita lupa kepada pepatah Melayu yang menyatakan *'bagai aur dengan tebing'*. Kita jangan buat-buat lupa kepada apa yang dilakukan di negara Jepun sehingga diperundangkan pemeliharaan pokok buluh bagi kawasan banjir dan tebing dan juga sebagaimana yang dilakukan oleh negara Ecuador yang berjaya mencatat rekod dunia apabila dalam masa satu hari, mereka berjaya mengerah seramai 44,000 orang sukarelawan untuk menanam pokok sejumlah 647,250 buah pokok untuk mengatasi persoalan-persoalan berkaitan dengan banjir dan sebagainya secara semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya membina empangan atas dasar untuk mencegah berlakunya banjir pada masa akan datang di negeri Kelantan ini, perlu juga tidak mengabaikan penanaman semula jadi seperti pokok buluh. Dalam RMKe-11 adalah petanda kemusnahan alam yang mengundang musibah banjir yang barangkali lebih teruk kalau sekiranya tidak diambil kira soal-soal semula jadi seperti ini. Saya tidak akan menyatakan kebimbangan ini kalau tidak ia juga berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman pembinaan empangan untuk tebatan banjir dan sebagainya dan juga suara kebimbangan daripada rakyat di bawah yang melihat pelbagai masalah yang berbangkit berkaitan dengan pembinaan ini termasuklah apa yang berlaku di negeri Sarawak.

Kerajaan perlu mendedahkan kepada rakyat berapa ribu kes kegagalan empangan yang dikatakan mampu mencegah banjir. Adakah anggaran RM3 bilion benar-benar cukup? Apakah jawapan kerajaan terhadap peningkatan kos daripada nilai asal kontrak pada hampir kesemua projek pembinaan empangan sebelum daripada ini? Berapa besarlah empangan yang mahu dibina? Berapa lamakah jangka siap? Berapa keluasan hutan yang mahu ditenggelamkan? Berapa ramaikah yang perlu dipindahkan? Ini semua persoalan yang perlu diambil berat dan perlu dijawab secara jujur dan ikhlas oleh pihak kerajaan.

Begitu juga beberapa jenis haiwan dan tumbuhan yang bakal pupus kerana saya difahamkan jajaran yang disebut sebagai tempat pembinaan empangan Nenggiri dan juga Lebir tadi adalah merupakan kawasan yang juga mengandungi nilai-nilai sejarah dan juga menjadi tempat kajian kepada pengkaji-pengkaji sejarah. Saya memohon usaha mengelakkan risiko banjir lebih besar di negeri Kelantan dengan pembinaan empangan ini. Segala maklumat berkaitan empangan didedahkan kepada rakyat, disahkan oleh pakar-pakar bebas yang berkaitan yang tidak akan membuat keputusan melainkan keputusan yang betul dan tepat. NGO-NGO alam sekitar dibawa dalam perbincangan dan mendapat persetujuan rakyat setempat dan diselesaikan terlebih dahulu isu-isu empangan Bakun, Burum di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas adalah dirancang oleh kerajaan yang ada mengatakan ini perancangan Rancangan Malaysia yang terakhir bagi kerajaan ini. Kerajaan yang mendapat kritikan daripada kepimpinan mereka sendiri sehingga mantan Perdana Menteri mengatakan kalau dilaksanakan juga GST, maka dilihat BN akan berkubur pada PRU ke-14. Begitu juga dengan desakan daripada mantan Perdana Menteri ini yang ingin sangat supaya isu dan skandal 1MDB ini diselesaikan secara betul dan jawapan yang tulus daripada kerajaan. Banyak juga yang mengatakan bahawa rancangan ini adalah merupakan rancangan pusingan terakhir bagi kerajaan ini, maka akan berlaku perkara-perkara luar biasa seperti 1MDB, lebih hebat daripada yang sebelum daripada ini.

Kita selalu dimomokkan dengan peristiwa 13 Mei adalah akibat perangai dan juga kerja-kerja yang dibuat oleh golongan masyarakat Cina, kita sering diapi-apikan begitu. Padahal ia adalah berpunca daripada ketidakpuasan hati sebahagian daripada pemimpin yang kalah pada waktu itu di negeri Selangor. Begitulah era yang kita lalui kini, permusuhan antara kaum dan agama disemai oleh pihak tertentu kerana mereka mungkin menyangka dengan hanya cipta perbalahan kaum dan agama sahaja, maka kerajaan yang ada pada hari ini boleh bertahan dan boleh dikekalkan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Ya, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tadi Yang Berhormat Bachok telah membangkitkan berkenaan dengan isu 13 Mei. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bachok kerana berlakunya tragedi 13 Mei itu tidak berlaku di Kelantan dan Terengganu padahal di sana kalau kita lihat ramai penduduknya terdiri daripada kalangan ramai di kalangan orang Melayu Islam tetapi tidak berlakunya rusuhan kaum. Apakah ia kerana mempunyai kaitan dengan pegangan agama yang kuat kerana Islam melarang dalam konteks yang Islam ajar ialah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Sesiapa yang menyakiti orang-orang yang kafir ataupun bukan Islam yang zimmi, maka seolah-olah menyakiti aku"*. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Bachok.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sebelum saya menjawab, masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Inilah keindahan Islam yang tercatat dalam sejarah bagaimana orang-orang yang belum beragama Islam, mereka ingin bernaung dan hidup di bawah Kerajaan Islam. Sehingga pernah satu ketika khalifah yang memerintah tidak mampu lagi untuk mengawal apabila berlaku perluasan kawasan pemerintahan Islam, maka orang bukan Islam ingin menyerahkan semula cukai yang dibayar, pemerintah Islam menyerahkan semula cukai yang dibayar oleh orang bukan Islam.

■1740

Maka, orang Islam tidak mahu terima kerana mereka masih mahu hidup di bawah pemerintahan Islam yang adil. Yang mendukacitakan pada hari ini, gerakan-gerakan daripada pihak tertentu sehingga timbul Islam fobia, termasuk yang terbaru hudud fobia yang tidak diselesaikan oleh pihak berkuasa agama kerajaan yang berautoriti, boleh menggunakan sebarang sebaran media massa, TV. Kita ada TV Al-Hijrah, kita ada lesen-lesen boleh kita keluarkan untuk fahamkan orang betapa murninya ajaran Islam yang meletakkan *maqasidnya* ialah menjaga nyawa, termasuk juga nyawa orang yang bukan Islam.

Islam jangan dilihat sebagaimana yang berlaku kepada ekstremis-ekstremis pada hari ini. Gerakan ekstremis ini juga jangan kita hanya pandang pada Islam, bagaimana yang berlaku di negara Myanmar? Ini adalah merupakan perkara yang universal berlaku, namun

Islam yang tulen, Islam yang sebenar adalah dilihat kepada sejarah yang pernah mencatatkan bagaimana kegemilangan pemerintahan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, layanan berbeza diterima oleh pemimpin Pakatan Rakyat dalam soal penahanan dan soal siasat juga perlu diambil kira. Bagaimana abang kepada Ketua Polis Negara disoal siasat hanya empat jam dalam isu penurunan salib. Pimpinan Pakatan Rakyat disoal siasat sehari-hari, malah diperlakukan sebagai penjenayah berat kerana hanya mengkritik kerajaan. Ini adalah perkara yang sangat bertentangan dengan prinsip keadilan yang saya nyatakan di mukadimah ucapan saya tadi.

Adakah benar kita bertanya Rancangan Malaysia Kesebelas mahu menjayakan Wawasan 2020 yang mengimpikan sebuah masyarakat yang bersatu, yang harmoni, yang Perdana Menteri berulang kali menyebut nasional rekonsiliasi? Sedangkan menjadi perkara yang pelik apabila JASA dibiarkan membelanjakan RM74 juta setahun. Menjadi alat propaganda kepada pihak tertentu untuk melaga-lagakan kadangkala bila kita hadir kursus-kursus yang dibuat oleh pihak BTN dan sebagainya yang penceramahnyanya adalah pegawai-pegawai daripada JASA. Penuh dengan unsur-unsur yang sangat kita dukacitakan, melaga-lagakan di antara kaum dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, ada mengatakan gagalnya Rancangan Malaysia Kesepuluh yang sudah saya sebutkan tadi bahawa tidak gagal sepenuhnya tapi tidak berjaya sepenuhnya adalah bukti bahaya yang sangat besar kepada negara kalau tidak ditangani secara betul untuk tempoh lima tahun akan datang kerana yang menguruskannya adalah orang yang sama. Sebab itu kita melihat pelbagai desakan juga berlaku daripada pihak Pakatan Rakyat dan juga pihak kerajaan. Kita bercakap soal kepentingan rakyat. Walaupun dengan rakan-rakan kita di sebelah sini dan di sebelah sana dan saya ramai berjumpa dengan orang di bawah mengatakan mereka sangat tidak bersetuju kepada beberapa polisi kerajaan yang tidak mementingkan dan tidak mengutamakan rakyat.

Maka, kebimbangan untuk membawa Rancangan Malaysia Kesebelas oleh kerajaan ini yang dipimpin oleh kerajaan ini dan pemimpin yang sama, sangat perlu diambil kira oleh kerajaan supaya kita tidak mahu berlakunya *silent protest* yang sekadar menubangkan kerajaan yang ada, itu perkara demokrasi. Akan tetapi yang kita bimbang ketidaksabaran rakyat dengan polisi-polisi kerajaan ini boleh mengundang kepada satu perkara yang sangat di luar daripada jangkaan kita. Jangan pula *charge* saya sebagai menghasut pula. Ini adalah kebimbangan saya sebagai warganegara dan juga Ahli Parlimen yang bertanggungjawab untuk menjaga soal kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang apa yang ada dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di kawasan saya, pembinaan Hospital Bachok. Masa musim pilihan raya, saya nampak saya akan kalah, sebab apa? Hospital hendak buat, naik *signboard*, sudah tambun tanah macam besok boleh siap. Akan tetapi sudah dua tahun bila Bachok saya menang, ada *signboard*, itu pun sudah hampir tumbang. Ke mana pergi hospital yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sedangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas juga banyak lagi perkara yang dijanjikan. Saya pohon kepada pihak kerajaan...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Sudah hendak habis sudah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya pun hendak berkongsi kesedihan saya ini dengan Yang Berhormat Bachok. Pertama, di Bandar Baharu ini Tuan Yang di-Pertua, Tuanku Sultan pun sudah bertitah dalam Dewan Undangan Negeri merayu kepada kerajaan, saya pun besar manifesto bertanding hari itu, letak *insya-Allah* kalau Barisan Nasional kembali di Kulim-Bandar Baharu nanti, *insya-Allah* akan terbangunlah satu hospital di Daerah Bandar Baharu. Jadi, saya pun hendak berkongsilah kesedihan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya pun hendak berkongsi kesedihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, tidak payah kongsi-kongsilah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Saya dengan muka sedih hendak bagi tahu keadilannya Barisan Nasional ini, bukan Bachok sahaja. Kulim-Bandar Baharu pun tidak dapat juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok, boleh habiskan Yang Berhormat Bachok.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Boleh Tuan Yang di-Pertua? Kuala Nerus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa terlanjur sudah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: 15 saat sahaja, 15 saat. Yang Berhormat Bachok. Boleh timbul isu yang seumpama tadi. Persoalan adakah Kerajaan Barisan Nasional ini istiqamah dalam pembangunan kerana dalam Al-Quran sebut. *[Membaca ayat Al-Quran]* Istiqamah seperti yang disuruh kerana isu ini berlanjutan begitu banyak hinggalah kita sudah masuk RMKe-11.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dan juga sahabat saya Yang Berhormat Kuala Nerus. Itulah yang sedang berlaku dan itulah realiti sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, rakyat Bachok ini satu-satunya kawasan yang tidak ada hospital dalam negeri Kelantan. Kebanyakan orang Bachok bila sakit masuk hospital, hospital di USM. Saya cadangkan kepada kerajaan kalau tidak sempat hendak buat hospital, tukar hospital di USM itu jadi Hospital Bachok walaupun dalam Kubang Kerian.

Jadi, inilah yang menjadi perkara-perkara yang saya rasa perlu untuk saya sebut dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Sulong.

5.46 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang pada petang ini untuk turut serta dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya kira dalam pembentangan tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi dasar Kerajaan Barisan Nasional bahawa kesejahteraan rakyat adalah segala-galanya. Memang inilah sebenarnya iltizam yang didokong dalam matlamat utama kita selaku wakil rakyat dalam usaha untuk membantu memberikan kesejahteraan kepada rakyat yang menjadi objektif utama untuk membantu memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Oleh yang demikian, saya selaku Ahli Parlimen Parit Sulong memohon supaya projek-projek yang menjadi keutamaan di kawasan saya, terutamanya dalam menyelesaikan masalah-masalah kehidupan rakyat dan memberi kesejahteraan jangka panjang kepada mereka ini dapat diteruskan dan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Ada beberapa perkara yang hendak saya tekankan. Yang pertamanya adalah dalam usaha untuk memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Menjadi satu masalah yang sering terjadi di kawasan Parlimen Parit Sulong ini dan juga daerah Batu Pahat setiap tahun. Saya ingin mencadangkan bahawa satu projek tebatan banjir di kawasan saya ini dapat dilaksanakan dan disambung dan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Ini sangat penting kerana projek ini akan dapat mengurangkan risiko berlakunya banjir kilat, dapat meningkatkan keupayaan hidraulik di dalam sistem saliran sedia ada, di samping menaik taraf saliran sedia ada ke arah yang lebih efisien.

Kebanyakan kawasan di dalam saliran Daerah Batu Pahat ini Tuan Yang di-Pertua, kerap mengalami banjir kilat, sebab utamanya adalah saliran utama yang tidak lengkap dan apabila hujan lebat akan terjadi air pasang tinggi. Perkara ini menyebabkan kawasan tanah rendah mengalami kejadian banjir dan menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat. Oleh kerana sering kali apabila hujan banjir akan ada sahaja mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa banjir yang berdekatan.

Selepas peristiwa banjir besar yang melanda negara kita pada tahun lepas, saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan mengenai apakah strategi tindakan ataupun projek untuk jangka panjang yang telah dirancang oleh pihak kerajaan? Supaya kita lebih bersedia menghadapi bencana besar yang boleh berlaku bila-bila masa sahaja akibat daripada cuaca yang tidak menentu ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk kepada masalah hakisan pantai daerah Batu Pahat di kawasan, khususnya di lokasi yang melibatkan Pantai Parit Semerah ke Paris Bisu dan juga timur Parit Besar ke Teluk Bakong di kawasan saya.

■1750

Kawasan ini dimasukkan dalam kategori setelah dibuat kajian dan nama kajian itu adalah Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu ataupun ISMP yang telah siap. Daripada keputusan kajian tersebut, kawasan ini dimasukkan dalam kategori hakisan Tahap 2 iaitu ketara. Di mana apabila ianya dibiarkan begitu sahaja, harta benda akan terancam. Ini laporan daripada kajian tersebut.

Harta benda akan terancam dalam masa 5 tahun sekiranya tiada pertahanan dilaksanakan. Saya telah memohon beberapa kali dan membawa isu ini ke dalam Dewan yang mulia ini sejak saya menjadi Ahli Parlimen Parit Sulong. Saya hendak bagi contohlah beberapa perkara yang telah saya bawakan. Sebagai contohnya, pada 4 April 2012, saya ada memohon pihak kementerian untuk menjelaskan kajian impak hakisan terhadap cadangan untuk menanam paya bakau di kawasan ini. Akan tetapi setakat ini tidak ada jawapan yang memberangsangkan.

Kemudian ada satu lagi jawapan daripada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 23 September 2013. Dewan dimaklumkan kementerian telah memohon peruntukan sebanyak RM5 juta untuk mengatasi masalah hakisan di kawasan sepanjang Pantai Semerah dan Rengit, Batu Pahat. Justeru, pertanyaan saya sempena perbahasan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini adalah apakah status dana ini? Di manakah, bagaimanakah ianya dibelanjakan dan adakah ianya akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia yang kesebelas ini?

Tuan Yang di-Pertua, dari segi meningkatkan pembangunan modal insan untuk menjadikan Malaysia ini satu negara maju dan dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini berjaya dan berbeza daripada sebelumnya. Dari segi inti pati pelaksanaannya yang saya tengok pada tiga perkara utama iaitu mengutamakan tindakan berpaksikan rakyat dan mengambil kira perspektif jangka panjang.

Jadinya, berkaitan dengan pendidikan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu isu pengukuhan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, terutamanya para graduan sama ada di IPTS ataupun di IPTA. Saya maklum masalah penguasaan bahasa Inggeris yang baik ini masih lagi menjadi faktor utama yang menyebabkan para pelajar kita apabila dia selesai sahaja belajar. Para graduan kita kurang berdaya saing dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, saya juga maklum bahawa dasar memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuhkan bahasa Inggeris, antara strategi yang dirancang adalah mentransformasikan Kurikulum Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan memantapkan kompetensi guru bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris.

Jadi, sehubungan dengan itu saya ingin memohon penjelasan mengenai strategi transformasi yang dirancang, terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini ataupun apakah yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian berkaitan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat universiti? Sama ada, ada atau tidak kaedah pemantauan oleh pihak kementerian yang boleh digunakan dari segi transformasi yang boleh dilakukan untuk memastikan apa juga perencanaan ini mencapai kepada sasarannya?

Kita tahun ini menjadi Pengerusi ASEAN. Sempena pembentukan komuniti ASEAN yang dilancarkan secara rasminya pada Disember hujung tahun ini, bidang pendidikan antara yang penting sebagai medium bagi memastikan impian ini dapat dicapai dengan jayanya. Adalah difahamkan pelbagai kerjasama dalam bidang pendidikan, terutamanya di peringkat universiti telah dijalankan. Terutamanya, mengenai Universiti ASEAN yang telah pun terlaksana sekian lama seperti pelaksanaan ASEAN University Network ataupun AUN.

Jadi, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kementerian ataupun sempena Rancangan Malaysia Kesebelas ini, bagaimanakah dan apakah peranan daripada pihak kerajaan, khususnya mengenai penetapan dalam program dalam pelaksanaan ASEAN University Network ini? Apakah inisiatif yang diberikan oleh pihak universiti ataupun kepada siswazah yang terlibat?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai industri halal. Perusahaan makanan halal adalah satu industri yang cukup besar potensinya. Jadinya, kita ada fakta. Fakta menunjukkan bahawa nilai pasaran global tahunan bagi keseluruhan perdagangan halal ini adalah USD2.1 trilion. Jadinya, dalam waktu yang sama, kita juga akur dan kita juga tahu bahawa pelbagai agensi kerajaan telah dipertanggungjawabkan dan juga berperanan untuk membentuk usahawan-usahawan halal PKS. Mencakupi khidmat nasihat teknikal berkaitan persijilan halal Malaysia dan persijilan antarabangsa.

Jadinya, perbadanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan juga perkhidmatan fasilititi bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi kewangan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang menghalang pembangunan usahawan dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antaranya, masalah-masalah utama yang ada dikenal pasti ini adalah usahawan-usahawan halal PKS ini ia beroperasi di kawasan kediaman kebanyakannya dan berhadapan dengan pelbagai isu. Seperti isu-isu alam sekitar, isu keselamatan, isu kebersihan, kesukaran mendapatkan lesen dan memenuhi garis panduan persijilan daripada pihak berkuasa tempatan, daripada agensi kerajaan dan daripada juga Kementerian Kesihatan.

Antara lainnya juga, kekurangan premis kilang yang berstatus halal dan mempunyai kemudahan asas bagi menampung keperluan usahawan halal PKS ini. Seterusnya, kita dapati juga bahawa kekurangan halal hab yang mempunyai kriteria rantaian nilai pembangunan yang komprehensif di kawasan setempat dan juga berdekatan. Yang lainnya, kita dapati bahawa usahawan halal PKS ini tidak berupaya beroperasi di halal hab walaupun sekiranya ada ditawarkan, disebabkan kadar sewaan yang amat tinggi.

Jadinya sehubungan itu, kalau berkaitan dengan kawasan saya, saya ingin memohon agar cadangan untuk membina Mini Halal Hab di kawasan Parlimen Parit Sulong di bawah EPU ini dapat disegerakan. Apabila ianya dijalankan, ianya secara tidak langsung akan dapat memastikan bahawa usahawan-usahawan kecil ini dapat beroperasi di satu tempat dengan lebih teratur, dengan mempunyai segala kemudahan infrastruktur untuk pembangunan halal itu sendiri. Bermaksud, bangunan yang akan dibina daripada peruntukan yang diberikan oleh EPU ini akan dapat menyiapkan bangunan itu mempunyai halal status, mempunyai MeSTI status, mempunyai HACCP status. Bermaksud, usahawan-usahawan itu hanya masuk dan memulakan operasi di situ.

Dalam waktu yang sama, dia juga akan memberi peluang kepada usahawan-usahawan IKS yang tidak mampu untuk membayar kadar yang tinggi ini ditempatkan di Mini Halal Hab yang akan dikenal pasti dan akan dibina ini. Sehubungan dengan itu, saya apabila ianya siap dibina nanti, saya ingin juga mencadangkan supaya segala operasinya

dibuat secara NBOS. Bukan bermakna satu agensi kerajaan sahaja yang terlibat tetapi jawatankuasa pelaksanaannya merangkumi agensi-agensi yang berkaitan dengan halal. Oleh kerana untuk menyiapkan bangunan ini sendiri kita perlu HDC untuk membantu. Untuk mengenal pasti usahawan-usahawan, kita memerlukan jabatan kerajaan seperti daripada MOA, daripada MITI, daripada MARA untuk membantu dan seterusnya.

■1800

Apabila ia dilakukan dengan pemantauan yang berterusan, saya percaya kejayaan pembinaan ini akan dapat dicapai dan akan dapat mencapai matlamat yang diharapkan. Saya juga ingin menyambut baik usaha pihak kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera yang lebih berdedikasi serta boleh mengubah minda usahawan yang dilihat dapat mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan serta menghapuskan aktiviti "ali baba" bagi menghadapi cabaran global ini.

Golongan usahawan bumiputera ini harus sedar bahawa mereka tidak boleh bergantung semata-mata kepada kerajaan sahaja sekiranya hendak berjaya di peringkat antarabangsa. Memang kita tidak nafikan banyak inisiatif yang diperkenalkan dalam usaha untuk memberi peluang ataupun memperkukuhkan peluang komuniti ekonomi bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan golongan sasaran.

Walau bagaimanapun, kita harus sentiasa ingat bahawa bantuan kerajaan harus disalurkan kepada mereka yang betul-betul memerlukan agar jurang perbezaan pendapatan tidak akan menjadi besar. Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera memang seharusnya memainkan peranan yang sangat penting untuk memantau dan memastikan apa juga program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan saksama. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, telah wujudnya persoalan.

Dengan berbagai-bagai bantuan yang disalurkan terutamanya kepada usahawan mikro, sama ada bantuan ini mampu menyediakan mereka ke tahap SME. Sebab itu saya percaya bahawa ramai yang masih belum mampu untuk sampai ke tahap ini disebabkan faktor utama mereka iaitu kekurangan modal untuk membina perkara asas seperti fasiliti. Jadi, penyebab ini jugalah yang menyekat mereka untuk turut serta dalam perniagaan peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat global.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan supaya satunya, perlu ada perubahan minda. Kedua, saya melihat bahawa apabila kita membuat satu perkara ataupun sesuatu projek ataupun program, apa yang kita lihat adalah kita lebih mengejar kepada berapa peratus kah yang telah dihabiskan ataupun dari segi bahasa pendeknya adalah *disbursement* sahaja. Akan tetapi kita kena tambah satu lagi KPI yang boleh kita fokuskan kepada mereka ini apabila suatu projek ataupun suatu program itu dilaksanakan iaitu mungkin pihak EPU – saya ingin mencadangkan supaya pihak EPU boleh memperkenalkan satu lagi KPI yang berbentuk satu modul pemantauan yang seragam, yang boleh diguna pakai untuk menilai keberkesanan penggunaan kewangan tersebut. Jadi, pemantauan ini perlu berterusan dan daripada segi penilaiannya, kita perlu pastikan bahawa ia akan dapat memberi impak kepada pelaksanaan.

Sebagai kerajaan, kita harapkan juga bahawa pihak-pihak dan juga agensi berkenaan boleh juga membantu dalam usaha untuk memastikan usahawan-usahawan ini perlu dengan izin, *think forward with aim in mind*. Jadinya, apabila ini menjadi fokus utama kepada mereka, sudah semestinya dalam waktu yang sama kita akan dapat membantu membawa lonjakan usahawan mikro ke peringkat SME dengan dalam jumlah dan kuantiti yang lebih ramai dan kemudian kita boleh pergi lebih jauh lagi ke *target* yang lebih tinggi iaitu ke peringkat global.

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai wanita dan kerjaya. Dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu ini, memang pendapatan dan perbelanjaan suatu keluarga itu sedikit sebanyak akan terjejas terutamanya kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh sebab itulah suami isteri bekerja untuk menyara keluarga mereka dan anak-anak mereka pula dijaga dan diasuh oleh pusat-pusat dan pusat jagaan kanak-kanak.

Jadinya, isu ini sering kita bangkitkan di dalam Parlimen ini dan kerajaan saya lihat menyasarkan penglibatan tenaga kerja wanita ini untuk meningkat daripada 54% pada tahun 2014 kepada 59% menjelang 2020. Penglibatan yang lebih tinggi oleh kaum wanita dalam aspek tenaga kerja di masa hadapan ini memerlukan kita untuk merancang dengan

lebih terperinci mengenai dasar-dasar dan polisi untuk memastikan bahawa penglibatan tenaga kerja ini dapat ditingkatkan agar ia secara tidak langsung tidak akan menjejaskan institusi keluarga di negara ini.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai hala tuju Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai rangka ataupun pendekatan supaya institusi keluarga ini dapat dikukuhkan di era peratusan penglibatan tenaga kerja kaum wanita yang lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, dalam ucapan saya ada menyebut mengenai memperkukuh infrastruktur dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Ada perkara yang saya tertinggal yang saya hendak maklumkan adalah mengenai kawasan saya juga. Apa yang saya hendak tekankan di sini, saya harap dapat diberi perhatian sebab saya ingin mengulang balik permohonan mengenai membina semula laluan FT005 Muar-Batu Pahat, seksyen 138 sehingga 145 di Semerah, Batu Pahat di mana keretakan berulang disebabkan lantai konkrit itu tidak lagi sesuai apabila dilebarkan. Jadi, keperluan ini perlu selari. Apabila dibangkitkan dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk memasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dalam waktu yang sama, saya kira sudah tiba masanya Batu Pahat mempunyai jambatan kedua *bypass* sebagai satu jalan perhubungan di kedudukan baru di mana memberi peluang ataupun jalan alternatif kepada mereka daripada Muar untuk mengelakkan kesesakan untuk masuk ke bandar Batu Pahat daripada Muar untuk menuju ke Pontian, ke Kluang dan juga ke tempat-tempat lain. Jambatan yang sedia ada ini telah dibina pada tahun 60-an dan tidak pernah sekalipun dinaik taraf. Sekarang ini kepadatan penduduk di kawasan Batu Pahat ini adalah yang kedua tertinggi di negeri Johor.

Jadi, saya juga tidak lupa kepada jalan-jalan luar bandar yang perlu dinaik taraf dan dilebarkan oleh pihak kementerian. Saya harap apa juga yang dibawa hari ini terutamanya dalam usaha untuk menyejahterakan penduduk ataupun rakyat dan menambah pendapatan rakyat terutamanya apabila kita bercakap mengenai *people's economy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat dipertimbangkan. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Kapar.

6.08 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Selamat petang, *vanakam, ni hao* dan salam reformasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada anak muda Kapar membahaskan RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpenggil untuk berbahas pada hari ini untuk mewakili rakyat yang lemah dan menderita. Rakyat yang tidak dapat bersuara, rakyat yang tertindas, rakyat yang tercicir dan tersasar dari arus pembangunan. [*Dewan riuh*] Rakyat yang menjadi mangsa akibat kepincangan dan kelemahan tahap dan taraf kepimpinan negara ketika ini. Rata-rata semua isu yang sedang membara di negara ini, daripada skandal 1MDB, GST, rasuah, jenayah, sehingga penderitaan rakyat adalah disebabkan oleh tahap dan taraf kepimpinan negara yang semakin tercalar dan semakin parah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia dibelenggu dengan pelbagai isu semasa, namun Malaysia sekali lagi bakal melaksanakan projek jangka masa lima tahun yang bertemakan pertumbuhan berpaksikan rakyat yang bermatlamat selangkah ke Wawasan 2020.

Saya amat hairan kerana rakyat seolah-olah diminta dan dirayu supaya mempercayai dan yakin serta menunjukkan sikap positif terhadap RMKe-11. Tuan Yang di-

Pertua, izinkan saya memetik beberapa nota Yang Amat Berhormat Pekan selaku Perdana Menteri untuk menerangkan wacana saya.

■1810

Memetik nota 25, Yang Amat Berhormat Pekan mengakui bahawa jumlah rakyat yang masih tidak mendapat bekalan elektrik yang mencukupi adalah sebanyak 672,000. Persoalannya ialah siapakah mereka? Semenanjung atau Sabah Sarawak? Mengapa Yang Amat Berhormat Pekan gagal menjelaskan siapakah mereka.

Memetik nota 30, Yang Amat Berhormat Pekan menyebut masih terdapat 168,000 penduduk yang masih di bawah paras pendapatan garis kemiskinan. Berkenaan nota ini, persoalannya lagi sekali ialah siapakah mereka? Kenapa tidak dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Pekan mengenai pecahan kemiskinan mengikut kaum, jantina dan latar belakang, sama ada ianya miskin bandar ataupun di luar bandar. Bukankah ini adalah satu kewajipan yang sepatutnya perlu dijelaskan agar tidak mengelirukan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, memetik nota 29. Yang Amat Berhormat Pekan mengakui tentang rendahnya pencapaian hak milik ekuiti bumiputera iaitu masih di tahap 23.5% pada tahun 2011. Berkenaan dengan nota ini, pencapaian hak milik ekuiti bumiputera, mengapa pengiraan hanya dilakukan sehingga tahun 2011 dan bukannya tahun 2014? Yang amat mengejutkan ialah pencapaian 23.5% ini dicapai ketika RMKe-10 telah dilaksanakan. Apakah pencapaian ini perlu dibanggakan?

Memetik nota 79 pula, Yang Amat Berhormat Pekan hanya berani meletakkan sasaran 30% pemilikan ekuiti Bumiputera. Berkenaan dengan nota ini pula, Yang Amat Berhormat Pekan meletakkan sasaran ini walaupun telah terkandung sejak Dasar Ekonomi Baru lagi. Walaupun sudah melebihi 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, namun pemilikan ekuiti bumiputera masih gagal mencapai 30%.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin mengumumkan enam kekecewaan tumpuan RMKe-11. Berbeza daripada enam strategi tumpuan RMKe-11 yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Teras pertama, masyarakat bumiputera. Dalam Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, hak milik modal saham Melayu ini hanya berjumlah RM126 juta dan pada tahun 1975, jumlah modal saham Melayu ialah RM768 juta iaitu kenaikan sebanyak RM128 juta setiap tahun. Untuk mencapai RM24 bilion pada tahun 1990, maka modal saham yang diperlukan ialah lebih RM23 bilion yang mesti dikumpulkan dalam masa 15 tahun iaitu dari tahun 1975 sehingga tahun 1990.

Ini bermaksud bumiputera memerlukan modal saham sebanyak RM1.533 bilion setiap tahun untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru pada akhir tahun 1990. Kini dianggarkan bahawa modal saham syarikat dalam syarikat berhad ialah RM80 bilion. Jika hendak menguasai 30% ekuiti bumiputera Melayu, maka pemodal-pemodal Melayu perlu memiliki saham sebanyak RM24 bilion. Adakah ini bermaksud tiada Melayu yang miskin dan menderita termasuk di Parlimen Kapar?

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu daripada golongan petani, nelayan, pengusaha-pengusaha kecil, abang-abang yang menjual goreng pisang, jagung mahupun burger mahupun penjawat awam termasuk di Parlimen ini masih merana dan hidup di bawah paras keselesaan yang sewajarnya. Masih mengamalkan, "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik ucapan Ketua Pembangkang Malaysia Yang Berhormat Permatang Pauh pada 25 Mei 2015 bahawa adalah lebih baik 300,000 keluarga Bumiputera diberi saham ekuiti daripada mengkayakan 30 orang Bumiputera. Ini bermaksud pimpinan Kerajaan Persekutuan hari ini berselindung di sebalik kata-kata manis untuk terus mentadbir dan memerintah negara di sebalik pengorbanan, penderitaan dan kesengsaraan bumiputera Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, teras kedua— Masyarakat India. RMKe-11 juga tidak menyentuh sebarang rancangan atau pelan baru untuk membantu dan memartabatkan kaum India. Adakah kerajaan berniat mendiskriminasikan masyarakat India ataupun RMKe-11 hanya retorik perkauman. Menurut Pengerusi *Malaysian Indian Network of Entrepreneurs* (1MINE) berdasarkan pembentangan yang dibuat oleh Yang Amat

Berhormat Pekan, kerajaan tidak ada sebarang rancangan memartabatkan kaum India di negara ini. Hal ini menyebabkan masyarakat India masih di takuk lama.

Sebelum ini Yang Amat Berhormat Pekan, Perdana Menteri telah menyarankan penubuhan sebuah unit yang membantu masyarakat India dari segi sektor ekonomi, pendidikan dan sosial. Di mana ketelusan di sebalik kata-kata ini? Persoalannya ialah siapa yang menjaga unit ini? Pada siapa mereka laporkan? Bagaimana masyarakat India rujuk unit ini jika mereka perlukan bantuan?

Memetik nota 65, Yang Amat Berhormat Pekan Perdana Menteri mengatakan bahawa satu *blue print* yang menggariskan hala tuju pembangunan sosioekonomi mereka akan disediakan. Tuan Yang di-Pertua, akan disediakan, akan disediakan. Bukankah *blue print* ini sepatutnya telah disediakan dan dibentangkan. Mengapa ianya akan disediakan? Adakah ini bermaksud undi masyarakat India diperlekehkan? Penganiayaan terhadap orang India umpama melepaskan batuk di tangga apabila dasar hanya tinggal dasar sahaja. Masalah masyarakat India terus didiskriminasikan daripada segi keupayaan mendapat biasiswa walaupun cemerlang dalam pelajaran serta kemasukan mereka di IPTA pun agak terhad. Jika hal ini terus berlaku, dikhuatiri masyarakat India akan semakin tercicir.

RMK semakin menaik, RMKe-1, RMKe-2, RMKe-3, seterusnya RMKe-10 dan kini RMKe-11. Setiap kali RMK meningkat, setiap kali kaum India tercicir dan merosot. Tuan Yang di-Pertua, RMK naik tetapi prestasi kaum India menurun. Apakah ini disengajakan di mana jika pendidikan suatu kaum dihadkan maka mereka tidak akan mendapat pekerjaan yang wajar untuk memperbaiki taraf ekonomi dan ini menyebabkan mereka akan tercicir dari landskap pembangunan. Apakah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk membantu masyarakat India dari segi pendidikan dan perniagaan agar jurang perkauman dapat dikurangkan dan dirapatkan. Inilah yang dikatakan bahawa kroni makin kaya dan semakin kaya. Rakyat pula semakin teruk dan jadi papa kedana.

Teras ketiga, Tuan Yang di-Pertua – masyarakat Cina. Dalam RMKe-11 rata-rata soal kebajikan masyarakat Cina diabaikan. Yang Amat Berhormat Pekan hanya mengatakan tentang Skim Pinjaman Mikro Kredit untuk Kampung Baru Cina. Pada RMKe-10, satu Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru Cina telah diumumkan. Persoalannya ialah, sejauh mana peniaga-peniaga luar bandar terutamanya masyarakat Cina mendapatkannya? Masyarakat Cina sering dimomokkan seolah-olah masyarakat Cina merupakan antara yang mempunyai taraf ekonomi yang tinggi.

Namun demikian, sedar kah yang masyarakat Cina juga kebanyakannya mempunyai taraf hidup yang rendah terutamanya di kawasan luar bandar. Ada juga di kawasan Parlimen Kapar, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang akan berlaku sekiranya penduduk Kampung Baru Cina tidak dapat membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut? Selain itu, dasar pendidikan untuk mahasiswa Cina juga tidak ada dalam RMKe-11. Kerajaan perlu tahu bahawa pelajar berbangsa Cina antara paling banyak menghuni IPTS dan bukannya IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perancangan Pelan Induk Pembangunan RMKe-10 di bawah portfolio Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, beliau ada menyatakan bahawa pelajar-pelajar kampung diberi bantuan kewangan bagi memastikan mereka menghabiskan persekolahan supaya mengekang dan mengurangkan kadar murid-murid tercicir. Sejauh manakah portfolio ini dilaksanakan? Menteri wajib menjawab. Jangan sekadar manis mulut berkata-kata, namun hati rakyat terluka diguris sembilu apabila janji dicapati.

Teras keempat Tuan Yang di-Pertua, ialah masyarakat Sabah dan Sarawak. Menurut sebuah portal, difahamkan sebanyak RM230 bilion diperuntukkan kerajaan pada RMKe-10 untuk Sabah dan Sarawak bagi kemajuan infrastruktur khususnya masalah kemiskinan dan ketidakadilan terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Apakah status terkini bagi setiap projek yang diumumkan dalam RMKe-10? Persoalannya, adakah kerajaan dilihat terlalu *ambitious* dalam berjanji tapi *clueless* dalam melaksanakan janji-janji tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi satu contoh. Parlimen Sipitang wujud lagi keadaan sistem elektrik yang amat teruk. Bayangkan bagaimana mereka menghadapi keadaan elektrik yang sering terputus-putus dalam masa yang kerap, kebanyakannya di waktu malam. Dalam isu ini, Kerajaan Persekutuan gagal menunaikan janji yang ditaburkan lebih 10 tahun yang lalu. Saya memetik kenyataan rakan seperjuangan saya, Ahli Parlimen Sandakan yang menyatakan terdapat enam kampung yang terlibat, beberapa ratus penduduk telah lama menanti janji untuk jalan kampung ke jalan utama. Sehingga lah kejayaan Pakatan Rakyat dan DAP dari Sabah mengadakan kutipan dana untuk merealisasikan impian penduduk yang telah lama tertangguh.

■1820

Sungguh menyedihkan dan memilukan Tuan Yang di-Pertua, apabila jet dan Jho Low diutamakan, namun rakyat diketepikan. Memang hati membuku melihat kerajaan menabur janji-janji manis namun tak berani mati untuk melaksanakan janji-janji tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, teras kelima, generasi anak muda. Mengulas kenyataan Menteri Belia dan Sukan yang menyatakan bahawa RMKe-11 adalah sentuhan baik dan mampan untuk generasi muda apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan bahawa Universiti Malaya dipilih sebagai pusat kecemerlangan sukan badminton manakala UiTM sebagai pusat pembangunan bola sepak.

Di sini saya ingin bertanya kepada pihak berkenaan, mengapa ranking bola sepak negara jatuh ke tangga 194? Di manakah silapnya? Sedangkan dana untuk pembangunan bola sepak bernilai RM1.26 bilion dalam tempoh lima tahun yang ditafsirkan sebanyak RM84 juta secara purata setahun.

Kelemahan demi kelemahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam isu belia dan sukan terus terbuka apabila kes doping Datuk Lee Chong Wei juga gagal ditangani dengan baik. Apakah pelan Kerajaan Persekutuan supaya situasi begini tidak berulang?

Kerenah birokrasi di peringkat pinjaman merupakan antara penyebab golongan belia di negara ini sukar memiliki rumah sendiri. Maka saya berharap jika kerajaan benar-benar serius dalam isu belia, syarat-syarat permohonan haruslah ditambah baik agar rakyat terutamanya golongan belia mampu memiliki rumah sendiri. Harga minimum rumah teres biasa mencecah angka lebih daripada RM100,000 manakala pendapatan bagi golongan belia bawah 40 tahun hanya berpurata RM1,000 hingga RM2,500 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jika hanya suami bekerja dan mempunyai tiga orang anak yang ditanggung, sudah tentu ia menjadi rumah mampu tengok sahaja, tidak mampu dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, pernahkah Kerajaan Persekutuan juga terfikir agar anak-anak muda ketika ini perlu diberi kursus kemahiran dalam sektor pembuatan dan pembinaan. Sektor ini bukan milik mutlak warga asing semata-mata. Kebanyakan orang mengeluh tentang kesusahan mencari pekerjaan. Namun, kerajaan seakan tutup mata malah projek-projek pembangunan seperti MRT banyak membuka peluang pekerjaan kepada warga asing. Apabila pembangunan diutamakan, maka kos sara hidup rakyat semakin meningkat, maka siapa wajib dipersalahkan? Pendek kata, slogan "Kesejahteraan Rakyat adalah Segala-galanya" hanyalah retorik politik semata-mata dan Wawasan 2020 terlihat sebagai mimpi indah yang tidak diketahui keberkesannya.

Tuan Yang di-Pertua, teras terakhir, teras keenam saya, ekonomi menimpa kegagalan. Keadaan ekonomi kelihatan amat menyedihkan berikutan kegagalan RMKe-10 dan RMK sebelum-sebelumnya. Tuan Yang di-Pertua, antara kegagalan adalah, pertama, hutang setiap isi rumah mencapai 87.4% pada tahun 2015. Malaysia telah diangkat sebagai negara yang mempunyai isi rumah yang tertinggi di Asia.

Kedua, pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan kerana ekonomi Malaysia, KDNK pada tahun 2014 adalah RM1.07 trilion walaupun ekonomi dunia dijangka meningkat. Pertumbuhan KDNK Malaysia 10 tahun lepas lebih perlahan iaitu hanya sebanyak 5% dan banyak didorong oleh permintaan domestik berbanding pertumbuhan KDNK purata iaitu sebanyak 7% yang didorong oleh sektor eksport dan luaran.

Ketiga, untuk tujuan rekod, semenjak tahun 1945 sehingga tahun 1998, Malaysia adalah salah satu daripada 13 negara yang mencapai pertumbuhan mantap melebihi 7%

selama lebih daripada 53 tahun. Bagaimanapun, selepas tahun 1998, pertumbuhan ekonomi Malaysia telah jatuh dengan perlahan-lahan.

Keempat, nilai tukaran Ringgit Malaysia pada Julai 2013 ialah USD1 bersamaan dengan RM3.12 kini jatuh kepada RM3.61 pada Mei 2015. Kelima, hutang negara mendadak pada tahun 2011 sebanyak RM257 bilion kini melambung ke paras bahaya sehingga RM740 bilion. Keenam, kadar pengangguran pada tahun 2011 dulu sebanyak 3.1% kini meningkat 3.2%. Ketujuh, kadar inflasi pada tahun 2011 sebanyak 2.5% manakala pada tahun 2014 sebanyak 3.3%.

Kalau Tuan Yang di-Pertua meneliti wacana saya daripada poin pertama hingga ketujuh, setiap satu faktor ini menjadi parah selepas tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud pembangunan sekiranya hak dan kebajikan terabai? Projek pembinaan Hospital Pendang yang dijanjikan dalam RMKe-9 telah ditangguhkan ke RMKe-10 dan kini RMKe-11 pula. Hospital Kapar di Parlimen Kapar sekadar janji-janji manis di atas kertas, namun sehingga ke hari ini tidak direalisasikan. *[Dewan riuh]* Saya juga ingin membawa rintihan dan dukacita Parlimen Kulim Bandar Baharu, Parlimen Bachok, Parlimen Shah Alam, semuanya hospital belum dibina lagi. Ada yang sudah dibina, tetapi belum dibuka lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa maksud pembangunan sekiranya kadar jenayah tidak dibendung? Seorang bayi telah ditemui dalam pembetulan air yang dikerat 15 kali sehingga kini kepalanya tidak ditemui. Yang ditangkap, disiasat, direman, dituduh, dihina adalah ahli-ahli politik pembangkang dan anak-anak muda yang mempunyai fahaman politik yang berbeza. Mengapa tidak menangkap dan membawa ke muka pengadilan penjenayah yang sebenar, penjenayah yang mencuri duit rakyat berbilion-bilion?

Tuan Yang di-Pertua, apa maksud pembangunan sekiranya bayi, kanak-kanak, anak muda, belia dan warga emas hidup menderita? GST membebankan, semua pelosok masyarakat, dari muda hingga tua, yang kaya mahupun miskin, dibebani dengan cukai GST. Nama baru GST ialah cukai Gigit Sampai Tulang. Ambil itu, Tuan Yang di-Pertua. Gigit sampai tulang itu.

Maka persoalan-persoalan yang ditunjuk, diwujudkan Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada Rancangan Malaysia Kesebelas, bukunya cantik dengan begnya hari itu diberikan, tetapi ada banyak persoalan yang masih wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Di manakah pembangunan kekeluargaan? Di manakah pembangunan intelektual? Di manakah pembangunan mentaliti? Di manakah pembangunan kasih sayang? Di manakah pembangunan modal insan yang sewajarnya? Di manakah pembangunan wanita sebagai insan yang dihormati dan disanjung? Di manakah pembangunan sains dan teknologi? Di manakah pembangunan rohani? Di manakah pembangunan jati diri? Di manakah pembangunan sahsiah? Di manakah pembangunan karisma diri? Di manakah pembangunan akhlak, integriti dan amanah? Di manakah pembangunan penghormatan terhadap kedaulatan undang-undang? Di manakah pembangunan terhadap integriti....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, banyak di mana tetapi masa sudah habis Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Di manakah pembangunan perpaduan dan silaturahim antara satu sama lain? Di manakah pembangunan masyarakat Malaysia...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah, masa sudah habis. Yang Berhormat Sepang, masa sudah habis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja. Di manakah RM42 billion?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Bangsa Malaysia, Melayu, India, Cina, Sabah dan Sarawak secara holistik dan menyeluruh? Jadi untuk siapakah pelan ini, Tuan Yang di-Pertua? Untuk siapakah rancangan ini? Untuk siapakah RMK ini? Kalau bukan untuk mereka dan keluarga mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya Tuan Yang di-Pertua, memetik kata-kata pakar motivasi Jim Rohn, *"The challenge of leadership is to be strong, but not rude; be kind but not weak; be bold, but not bully; be thoughtful, but not lazy; be humble, but not timid; be proud, but not arrogant; have humor but without folly."*

Insan yang mempunyai kebenaran, ketegasan, kemahiran, kepakaran, idealisme perjuangan reformasi, komitmen terhadap kebajikan rakyat dan kasih sayang terhadap negara. Itulah pimpinan yang kita sedang cari. Akan tetapi, insan yang ada semua komitmen ini dipenjarakan, sebaliknya yang tiada kualiti, taraf dan tahap pula sedang mentadbir negara.

Nelson Mandela telah mengatakan Tuan Yang di-Pertua, ini yang terakhir sekali, *"It is better to lead from behind and to put others in front especially when you celebrate victory when nice things occur. You take the front line where there is danger. Then the people will appreciate your leadership."*

Saya harap Yang Berhormat Pekan dengar kata-kata ini.

■1830

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang mengalami krisis kepimpinan. Rakyat dahagakan kepimpinan yang baru. RMK hanya akan menjadi rancangan atas kertas, *"indah khabar daripada rupa"*, mimpi yang jauh dari realiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *xiexie, nandri vanakam*, salam reformasi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah berucapakah Yang Berhormat, belum?

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Hendak sambung sahaja sedikit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ha, tidak boleh. *[Ketawa]* Sudah habis Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Jerantut. Sebentar Yang Berhormat ya, Yang Berhormat Jerantut.

6.31. ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas pada petang ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya mengharungi Rancangan Malaysia Kesepuluh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Juga terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan seluruh negara kerana turut bersama dengan kerajaan untuk menjayakan rancangan ini. Walaupun ada di antara kita yang terus membutuhkan hati, memekakkan telinga menafikan segala-gala perancangan dan pembangunan kerajaan hatta mereka sendiri telah berjaya mengangkat martabat diri dan keluarga ke tahap yang paling tinggi.

Sedikit menyorot beberapa kejayaan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kejayaan Malaysia adalah hasil daripada panduan falsafah pembangunan melalui empat fasa sehingga tahun 2020 iaitu kita ingat bermula dengan Dasar Ekonomi Baru pada 1971 hingga 1990, diikuti dengan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Dasar Transformasi Negara bermula 2011 hingga 2020.

Dalam perancangan-perancangan yang lalu telah banyak menggariskan kejayaan. Sedar tidak sedar kita telah juga berjaya seperti contoh kedudukan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia adalah stabil pada kadar 6.2% semenjak tahun 1970. Malaysia berjaya membasmi kemiskinan tegar dan pengurangan kadar kemiskinan sebanyak 48.7% iaitu daripada 49% tahun 1970 hingga kepada 0.6% pada tahun 2014. Peningkatan 20 kali bagi pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014.

Peningkatan pendapatan menengah juga telah meningkat daripada RM166 pada tahun 1970 hingga kepada RM4,585 pada tahun 2014. Malaysia berjaya menjadi negara ke-12 paling berdaya saing daripada 60 negara dalam *World Competitiveness Yearbook 2014*. Malaysia berjaya menduduki tempat ke-20 daripada 144 negara dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015*. Malaysia juga telah diiktiraf sebagai 20 negara teratas sebagai destinasi mesra pelabur.

Semua ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah terbukti jelas menafikan bahawa sebarang penafian yang telah dinyatakan oleh sebahagian daripada kita terutama rakan-rakan kita sebelah sana. Walaupun kita akui bahawa pembangunan bukanlah satu pelabuhan akan tetapi ia merupakan satu pengembaraan, kita tahu terdapat kelemahan di mana-mana dan kekurangan di sana sini tetapi bukanlah matlamat perancangan itu untuk menggagalkan pembangunan.

Kejayaan seperti saya katakan tadi bukanlah satu pelabuhan tetapi satu pengembaraan. Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan, saya yakin ia merupakan lonjakan terakhir sebelum kita melangkah kepada 2020. Ini merupakan satu dokumen penting dalam membantu merealisasikan keperluan negara dan aspirasi negara. Tidak dapat dinafikan bahawa pelan dan objektif Rancangan Malaysia Kesebelas berasaskan atau berteraskan kepada rakyat dan mengangkat harapan warganegara untuk mempunyai kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Rancangan Malaysia Kesebelas bertujuan kepada memberikan tahap kesihatan yang berkualiti kepada rakyat, rumah mampu milik, agenda pertumbuhan hijau untuk melindungi alam sekitar demi generasi kini dan juga akan datang. Begitu juga tumpuan diberi kepada pembangunan modal insan, kukuhkan infrastruktur seterusnya agenda sosioekonomi bagi meningkatkan inklusif ke arah sebuah masyarakat yang saksama. Matlamat dan objektif Rancangan Malaysia Kesebelas adalah luhur dan patut dibanggakan tetapi ia tidak memadai kerana yang lebih pentingnya ialah pelaksanaan, pemantauan dan juga sistem penyampaian. Lebih penting lagi perkhidmatan awam yang cekap dan berdedikasi dengan mengamalkan ketelusan serta tahap integriti yang tinggi sangat dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan perbahasan saya ialah kepada teras satu, dua, empat, lima dan enam. Pada teras satu mempunyai *inclusivity* ke arah masyarakat yang saksama. Jelas dalam fokusnya meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah, memperkasakan komuniti, membina masyarakat yang produktif dan sejahtera, mentransformasikan luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Melalui lima bidang fokus tersebut pengukuhan inklusif ke arah masyarakat yang saksama diyakini dapat dilaksanakan menjelang 2020 iaitu sebanyak 2.7 juta isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan purata RM2,537 hingga kepada RM5,270.

Kesan jika dipinggirkan akan mengakibatkan kos sosial kepada negara melalui pengurangan bilangan tenaga kerja yang berkemahiran yang perlu dan diberi kesan kepada pertumbuhan output negara. Kalau ia berjaya boleh berlaku dengan ketidakseimbangan yang berterusan dengan mengakibatkan pertumbuhan ekonomi luar bandar dan pinggir bandar terjejas sekiranya kita tidak tangani dengan baik. Rakyat akan mudah mendapat akses yang lebih baik melalui pendidikan dan latihan yang berkualiti dan infrastruktur dan kemudahan asas yang cekap, pekerjaan yang lebih baik dan peluang keusahawanan serta pemilikan kekayaan.

Kawasan luar bandar akan ditransformasikan melalui penambahbaikan kesinambungan dan mobiliti serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif. Perancangannya amat baik. Seperti mana yang saya katakan tadi bagaimana dengan pemantauan serta penyampaian. Ini kerana hakikatnya kita memang sedar bahawa masih wujud lagi ketidakseimbangan dari segi pembangunan bandar dan luar bandar. Jurangnya masih amat lebar kalau kita perhatikan dalam banyak bidang. Mengambil contoh dari segi kemudahan pendidikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sahabat daripada Rompin.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Ya, Yang Berhormat silakan.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima disediakan oleh pimpinan negara dengan penuh tanggungjawab. Teguran dan kritikan daripada pembangkang seolah-olah satu dokumen yang mainan sahaja adalah tidak benar. Bagaimana pandangan dan kita selaku Barisan Nasional bersedia menghadapi apa juga kesan daripada kebertanggungjawaban kita dalam menyokong dan menyediakan Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Saya juga hendak minta pandangan daripada rakan saya daripada Temerloh, setuju tidak dengan saya bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Jerantut. Daripada Jerantut.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Hendak kenen ke Temerloh jugalah.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya sangat bersetuju. Seperti mana yang saya katakan tadi negara kita telah pun melalui banyak perancangan bermula dengan 1971 hingga kepada Dasar Transformasi Negara. Memang kerajaan tidak pernah lokek, tidak pernah lupa dan tidak pernah alpa dalam merancang perancangan yang terbaik untuk rakyat. Cuma mungkin kita sahaja yang menyebabkan perancangan itu dilihat seolah-olah tidak berjaya ataupun kita sendiri meletakkan ia tidak berjaya.

■1840

Hakikatnya telah berlaku perubahan. Tuan Yang di-Pertua, harapan saya RMKe-11 yang telah dibentangkan dulu ia dapat memberikan harapan baru kepada masyarakat luar bandar khususnya di kawasan saya sendiri Jerantut, tidak terkecuali Kuala Krau kawasan Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kumpulan B40 ini banyak berada di kawasan-kawasan luar bandar yang memang kita tahu seperti mana yang saya katakan tadi kemudahan yang berada di luar bandar masih lagi berada di tahap jauh ketinggalan berbanding dengan bandar.

Kalau wakil rakyat di sebelah bandar dia tak susah, kerja dia hanya perlu bangkang kerajaan datang ke Parlimen balun kerajaan cukup-cukup tidak ada masalah sebab kerajaan tetap menghantar pembangunan ke arah mereka. Lihat sahaja kawasan Seputeh di Parlimen kita sendiri ini mereka tak susah-susah bercakap kepada kerajaan menarik pembangunan kerana pembangunan datang kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Seputeh bangun.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tak apa sebab saya 30 minit, ayo aya kah, tunggulah masa sendiri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, memang tidak benar apa yang berlaku di kawasan Parlimen Seputeh yang mana kerajaan langsung tidak kira hasrat penduduk untuk turunkan *density* bangunan. Memang tentang kawasan saya cakap sahaja.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Kalau kita melihat berbanding dengan kawasan-kawasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk, duduk dulu.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Berbanding dengan kawasan-kawasan seperti saya di Jerantut, Kuala Krau dan Kuala Lipis kami masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Di Jerantut mengambil contoh kita tak ada sebuah pun institusi pengajian tinggi.

Seorang Ahli: Oh kesiannya!

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Kita tak ada pun sekolah berasrama penuh, kita tidak ada pun Maktab Rendah Sains Mara. Walaupun kalau dibandingkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi Yang Berhormat masih ampu Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Dengan daerah-daerah lain di Pahang boleh dikatakan ada paling tidak satu. Tapi saya mengharapkan Rancangan Malaysia Kesebelas ini kerajaan akan bolehlah memberikan tumpuan kepada Jerantut. Juga saya mengharapkan bersempena Rancangan Malaysia Kesebelas ini pihak Kementerian Pengangkutan dapat membuka sebuah pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan untuk kemudahan masyarakat di kawasan Jerantut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini kerajaan dapat mengambil kira pembinaan sebuah loji air baru untuk kegunaan masyarakat di Jerantut kerana loji yang sedia ada ini buat masa ini hanya mampu bertahan sehingga ke tahun 2015 sahaja. Tambahan pula sejak akhir-akhir ini kekerapan loji terganggu kerana masalah sumber bekalan airnya terlalu tinggi kandungan kelodak menyebabkan loji ini tidak boleh berfungsi. Kalau kita tidak teliti akan perkara ini ianya akan menambah kerisauan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Jerantut juga memerlukan balai bomba tambahan gred D di beberapa kawasan seperti di kawasan Kuala Tahan, Damak dan Pulau Tawar kerana kawasan-kawasan ini adalah jauh daripada pusat bandar. Mengambil kira Taman Negara misalnya sebuah kawasan tumpuan pelancongan ianya terpaksa mengambil masa hampir satu jam kerana jaraknya dalam lingkungan 75 kilometer daripada Bandar Jerantut. Jadi sudah pastilah kalau berlaku sesuatu malapetaka ianya akan merugikan kepada rakyat di kawasan tersebut.

Teras kedua meningkatkan kesejahteraan rakyat, mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan fokusnya. Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin yang berpendapatan rendah dan sederhana. Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti, menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan.

Mudah-mudahan ianya akan berjaya kerana hasilnya rakyat Malaysia akan mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan rumah mampu milik yang berkualiti, tahap keselamatan kawasan kejiranan dan tempat awam menjadi keutamaan. Rakyat juga diseru untuk menjalankan gaya hidup yang bebas yang lebih sihat melalui aktiviti sukan dan fizikal dengan menjadikan ia satu amalan harian. Perkhidmatan hospital juga akan dipertingkatkan

melalui amalan pengurusan yang baik mengurangkan masa menunggu, dan menambah baik *outcome* pesakit.

Melalui konsep rumah tersebut setiap isi rumah maka sebanyak 6,600 unit rumah akan dibina. Peningkatan pembiayaan perumahan mampu milik, keselamatan rakyat diutamakan, menggiatkan usaha pencegahan jenayah melalui Program Bandar Selamat. Macam-macam lagi yang telah dirangka oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas cuma saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua dari segi perumahan agar kerajaan mengambil kira khususnya perumahan generasi baru FELDA. Saya mengharapkan agar kerajaan khususnya FELDA membangunkan rumah yang mampu dimiliki oleh generasi kedua peneroka.

Sekiranya harga-harga rumah yang tinggi, ada kemungkinan besar mereka yang berada di kawasan FELDA sendiri tidak mampu membiayai harga rumah yang lebih tinggi. Apalah kiranya kalau kerajaan dapat membina rumah sekitar RM60,000 ke bawah yang mungkin lebih mudah dibiayai oleh anak-anak peneroka yang berada di FELDA sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengharapkan agar kerajaan memberikan perhatian kepada sistem rangkaian jalan raya yang berada di kawasan luar bandar khususnya di Jerantut dan kawasan-kawasan yang sekitar. Jalan-jalan yang perlu diperbaiki terutamanya jalan yang menghubungkan antara Jerantut-Kuala Lipis, Jerantut-Temerloh melalui Kuala Krau, Jerantut-Jengka. Jalan-jalan ini perlu diperbaiki dan perlu dinaiktarafkan khususnya jalan yang melibatkan Jerantut, Kuala Krau dan juga Temerloh sekiranya dapat kerajaan lebih baik meningkatkan jalan ini kepada tahap empat lorong.

Dengan adanya jalan empat lorong ini akan mempercepatkan dan memberi keyakinan kepada para pelabur untuk terus datang kepada kawasan Jerantut, Jengka, Kuala Krau dan juga Lipis, ini sekali gus akan merancakkan lagi pembangunan di kawasan tersebut seterusnya dapat mengiakan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan B40.

Saya juga mengulangi keperluan keselamatan di dalam Parlimen Jerantut seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini iaitu keperluan untuk membina sebuah IPD baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sokongan kepada keperluan meningkatkan taraf hidup rakyat di Jerantut sebuah hospital yang ada sekarang ini perlu dinaiktarafkan. Apa yang berlaku di hospital sekarang ini kekurangan katil hanya berada di tahap 70 katil sahaja dan tidak dilengkapi dengan wad-wad yang terbaik seperti kelas 1 dan 2 serta tidak ada sistem sokongan seperti bilik-bilik pembedahan dan perkhidmatan pakar khusus. Jadi saya menyeru kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan agar dapat menambahbaikkan Hospital Jerantut ini dengan menaik tarafkan segala kemudahan yang ada.

Fokus seterusnya ialah fokus 'C' iaitu dari segi sukan dan kesihatan, keperluan sedia ada perlu ditingkatkan kerana di Jerantut buat masa ini ada sebuah stadium mini yang tidak mempunyai kemudahan yang baik. Ianya hanya ada sebuah stadium mini dengan rumput biasa tidak ada *track* untuk kemudahan sukan. Jadi mengharapkan agar Kementerian Belia khususnya dapat meningkatkan kemudahan di stadium mini tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkara lima iaitu Teras 5 memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Bidang fokus yang hendak saya sentuh ialah menambahbaikkan liputan dan kualiti serta kemampuan langganan infrastruktur digital. Seperti mana yang kita tahu, penambahbaikan capaian digital ini sangat diperlukan bagi menggalakkan perkembangan sesebuah kawasan terutamanya seperti kawasan di Jerantut.

Buat masa ini capaian internet yang ada di kawasan Jerantut dan mungkin juga di kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi rungutan rakyat kerana ia macam biskut *Chipsmore*, kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada. Jadi kalau dibandingkan dengan kawasan Langkawi saya dengar sebelum tadi ia sudah tahap ke 4G. Jadi apa salahnya kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas ini memberikan tumpuan kepada kawasan Parlimen Jerantut ini kerana ianya juga merupakan satu kawasan tumpuan pelancongan.

■1850

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sikit sahaja lagi. Saya hendak bawa ialah perkara teras enam, merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran. Saya hendak fokus kepada fokus tiga iaitu memodenkan sektor pertanian. Oleh sebab Jerantut serta juga Parlimen yang berhampiran seperti di Lipis, Kuala Krau, Maran dan juga Temerloh merupakan kawasan pertanian dan kerajaan juga berhasrat untuk sektor pertanian ini dipermodenkan melalui penggalakan amalan pertanian mampan dan penggunaan teknologi moden untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Maka, bagi merangsang pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan inovasi dan produktiviti melalui insan yang berkemahiran pengantarabangsaannya, maka saya mengharapkan agar kawasan Jerantut ini dan kawasan-kawasan sekitar seperti mana yang saya katakan tadi dapat ditambahkan kemudahan-kemudahan, khususnya dalam bidang yang boleh membantu meningkatkan kemudahan-kemudahan pertanian. Misalnya, buat masa ini kemudahan pertanian yang ada di Pejabat Pertanian di daerah sendiri tidak membantu untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian. Sedangkan di Jerantut seperti mana yang saya katakan tadi, boleh menjadi sebagai sebuah pusat untuk mengeluarkan ikan air tawar serta pengeluaran buah-buahan bermusim.

Saya mengharapkan agar kerajaan memberikan peruntukan yang lebih banyak, khususnya kepada Kementerian Pertanian agar ia dapat menyelaraskan peruntukan ini bagi menggerakkan agensi di bawah kementerian ini seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, MARDI, FAMA dan sebagainya bagi mempercepatkan perkembangan pertanian di kawasan Parlimen Jerantut khususnya. Dengan cara ini, secara tidak langsung ia akan dapat membantu meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan Parlimen Jerantut sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat khususnya, perlu diperkemas agar kawasan-kawasan yang menjadi tapak atau kawasan taman pertanian kekal dapat diteruskan dan dapat dipastikan kewujudannya. Ini kerana kita bimbang dengan desakan pembangunan, kawasan-kawasan ini suatu masa nanti ditukar menjadi kawasan perumahan dan akhirnya, kita kekurangan tanah untuk pembangunan pertanian. Sudah pasti kita gagal menjadikan negara kita sebagai pengeluar makanan dan juga sudah pastilah jaminan bekalan negara akan terganggu sekiranya tidak ada persetujuan yang lebih baik untuk memastikan kawasan-kawasan pertanian kita dapat dijaga dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merakamkan terima kasih kepada kerajaan kerana terus merangka perancangan agar perancangan-perancangan yang ditetapkan ini dapat dijalankan dengan baik dan demi kemajuan rakyat, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

6.53 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia dirangka demi memupuk pertumbuhan ekonomi dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Malaysia ialah negara yang mempunyai populasi yang kurang ramai, jadi menarik kemasukan dana asing adalah amat penting bagi kita. Ini bermaksud, perkembangan sektor pelancongan, peningkatan pelaburan domestik dan kemasukan pelaburan asing adalah sangat penting bagi negara kita. Memandangkan saya hanya ada 20 minit sahaja, saya ingin mula cakap tentang isu yang amat merunsingkan sektor

perkilangan dan pelabur asing, khususnya dasar yang *flip flop* dalam dasar berkenaan dengan pekerja asing.

Kerajaan Malaysia selalu mengadakan dasar yang berlainan dan berubah-ubah atas isu pekerja asing. Pada beberapa tahun yang lepas, kerajaan mengadakan dasar pemutihan pekerja asing di bawah Program 6P yang mana telah mencetuskan kekecohan di industri perkilangan di Malaysia. Ramai pekerja asing yang hampir sampai had tempoh dan sepatutnya balik ke negara asal mengambil kesempatan ini untuk lari daripada majikan asal mereka dan mengemukakan permohonan di bawah 6P dengan tujuan pembaharuan permit bagi beberapa tahun yang akan datang.

Pada awal tahun ini, Kementerian Dalam Negeri memeranatkan semua pihak dengan menswastakan semua pemprosesan permit pekerja asing kepada syarikat swasta iaitu MyEG. Penswastaan perkhidmatan yang sepatutnya dilakukan oleh Jabatan Imigresen ini telah mencetuskan kekecohan dan bantahan daripada kesatuan majikan, kesatuan pembuatan seperti FMM dan agensi pekerja asing.

Pada 8 April tahun ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Santubong berkata Kerajaan Pusat ingin menubuhkan agensi di bawah *Modernization And Management Planning Unit (MAMPU)* untuk menguruskan pembaharuan permit pekerja asing demi memecahkan monopoli MyEG Services Berhad. Saya ingin tanya, apakah pengumuman ini akan dilakukan? Pada 23 April tahun ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Ayer Hitam mengumumkan bahawa kerajaan akan menyerap RM35 fi pemprosesan yang dikenakan oleh MyEG dan majikan boleh memperbaharui permit pekerja asing mereka di MyEG ataupun di kaunter imigresen.

Baru-baru ini saya difahamkan bahawa semua kaunter Imigresen di setiap negeri telah pun tutup. Perkhidmatan pembaharuan permit pekerja asing sejak 2 Mei sehingga hari ini dan MyEG dijadikan monopoli perkhidmatan pembaharuan pekerja asing sekali lagi. Kenapakah kerajaan tidak tunaikan pengumumannya seperti yang dibuat oleh kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang saya sebutkan tadi?

Kalau kita buat satu pengiraan, fi pembaharuan termasuk levi dan fi pas lawatan kerja sementara iaitu PLKS yang dibayar oleh majikan daripada semua sektor kepada MyEG melalui transaksi talian ialah lebih kurang RM1,500. Negara kita mempunyai 2.1 juta orang pekerja asing setakat bulan Oktober tahun lepas. Jadi, jumlah pendapatan daripada pembaharuan permit ialah RM3.15 bilion setahun. Saya ingin tahu tentang prosedur pembayaran balik amaun ini daripada MyEG kepada pihak kerajaan.

Memandangkan kerajaan telah menyerap fi pemprosesan RM35 yang dikenakan oleh MyEG bagi setiap permohonan pada awal tahun ini, ini bermaksud kerajaan memberi subsidi RM35 bagi setiap permohonan pembaharuan permit pekerja. Sekiranya MyEG mendapat RM35 dari kerajaan untuk setiap permohonan dan sekiranya syarikat ini menangani semua pembaharuan permit untuk 2.1 juta orang pekerja asing di Malaysia, maka MyEG dapat memperoleh pendapatan sebanyak RM73.6 juta setahun. Saya ingin tanya, kenapakah kerajaan menyerahkan perkhidmatan yang mendatangkan pendapatan sebanyak RM73.6 juta setahun ini kepada sebuah syarikat swasta? Kenapakah perkhidmatan ini tidak dilakukan oleh pegawai imigresen memandangkan ini memang kerja pegawai Imigresen?

Tuan Yang di-Pertua, pegawai Imigresen dilatih untuk menangani dan memelihara kesulitan ataupun *confidentiality* dokumen majikan dan pekerja asing. Mereka ditugaskan untuk mengeluarkan *sticker*, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Soalan saya ialah, apakah staf MyEG dilatih untuk menjalankan urusan tersebut? Apakah pejabat MyEG mengikut *standard operating procedure (SOP)* Jabatan Imigresen daripada segi pemprosesan PLKS pekerja asing?

Di sini saya ingin membangkitkan dua kes yang diberitahu pada saya oleh agen pekerja asing kepada saya. Kes satu, pada bulan Januari tahun ini, apabila MyEG diumumkan akan mengambil alih pembaharuan permit yang ditangani oleh Imigresen, *Construction Labour Exchange Berhad (CLAB)* menghantar 200 keping pasport kepada MyEG untuk tujuan pembaharuan dan membuat bayaran melalui sistem talian. Akan tetapi CLAB tidak menerima permit pekerja dalam tempoh yang diperlukan daripada MyEG. Jadi, apabila perkhidmatan kaunter imigresen buka kembali pada bulan Februari, CLAB meminta

MyEG pulangkan kesemua 200 keping pasport kepadanya untuk diproses di kaunter Imigresen.

Waktu itu, pegawai CLAB baru sedar MyEG langsung tidak proses permohonannya dan pekerja asing mereka telah pun berada di Malaysia melebihi tempoh yang dihadkan ataupun *overstay* lebih sebulan. Walaupun CLAB telah menjelaskan pembayaran melalui talian kepada MyEG, CLAB kemudian terpaksa bayar kompaun atas melebihi tempoh ataupun *overstay* bagi pekerja mereka kepada Jabatan Imigresen demi mendapat permit baru daripada imigresen.

■1900

Selepas itu CLAB juga menghadapi masalah pemulangan fi daripada MyEG juga. Kes yang kedua, satu kilang di Johor Bahru buat pembaharuan permit di MyEG dan lewat terima permit bekerja. Selepas itu, pekerja kilang itu ditahan oleh polis kerana mereka *overstay* di Malaysia tanpa permit. Pihak majikan menunjukkan resit *online* MyEG yang mereka bayar kepada MyEG itu, mereka tunjuk kepada polis tetapi polis enggan mengiktiraf resit MyEG. Selepas itu, apabila majikan minta bantuan kepada Jabatan Imigresen, pegawai imigresen minta dia pergi berjumpa MyEG kerana permit kilang itu diperbaharui melalui MyEG dan bukannya Imigresen. Akhirnya MyEG minta tambahan RM100 lagi sebagai fi *special pass* bagi pekerja yang *overstay* bagi melanjutkan permit pekerja kilangnya.

Saya difahamkan mengikut Akta Imigresen, hanya pegawai Imigresen dibenarkan mengeluarkan *special pass* kepada pekerja asing. Apakah MyEG dibenarkan untuk mengeluarkan *special pass* dari segi undang-undang? Selain itu MyEG menggaji *motor boy* kita kata untuk menghantar permit pekerja asing PLKS kepada pihak majikan. Apakah *motor boy* ini akan jadi alat yang mengeluarkan permit pekerja palsu bagi pendatang yang haram ataupun yang *overstay* di Malaysia.

Saya diberitahu bahawa kes seperti ini telah pun berlaku di mana pekerja yang lari daripada bekas majikannya ataupun *overstay* diberikan permit baru. Apakah kita membenarkan penyelewengan kuasa dan korupsi berlaku melalui pekerja MyEG. Pada masa dahulu PATI atau Pendatang Asing Tanpa Izin Indonesia, Myanmar dan Bangladesh, mereka dibenarkan untuk menyerah diri kepada pegawai penguat kuasa Imigresen dengan membayar denda RM400 dan selepas itu mereka boleh pulang ke negara asal mereka masing-masing.

Akan tetapi sekarang semua PATI yang ingin balik ke negara asal mereka mesti bayar RM400 kepada beberapa syarikat swasta terlebih dahulu iaitu PATI Indonesia bayar kepada International Marketing and Net Resources Sdn. Bhd. (IMAN) dan PATI Myanmar bayar kepada Bukit Megah Sdn. Bhd. dan PATI Bangladesh bayar kepada Kericom Sdn. Bhd. Selepas mereka jelaskan bayaran kepada syarikat swasta ini PATI pula kena bayar tambahan RM400 kepada Bahagian Penguatkuasaan Imigresen.

Soalan saya ialah apakah rasional kerajaan untuk membenarkan syarikat-syarikat kroni ini untuk mengaut keuntungan daripada PATI yang ingin balik ke negara asal mereka? Bukankah ini satu bentuk korupsi juga yang telah dibenarkan oleh pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas kelihatan tidak sentuh tentang rancangan untuk membangunkan sektor pelancongan di Malaysia sedangkan kita tahu sektor ini akan membawa masuk dana asing ke Malaysia. Lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara, kepelbagaian budaya, makanan dan bahasa di negara kita sebenarnya merupakan satu tarikan kepada pelancong asing. Walaupun tarikan ini tarikan Malaysia bagi pelancong asing khususnya pelancong dari negara Cina telah pun dijejaskan oleh siri kes penculikan di Sabah dan nahas kapal terbang MH370. Akan tetapi kerajaan memang harus gigih berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai *a preferred tourist destination* di Asia Tenggara.

Selain daripada negeri Sabah dan Sarawak saya ingin cadangkan Kerajaan Pusat untuk memberikan peruntukan untuk membangunkan destinasi pelancongan di kawasan

Lembah Klang kerana ramai pelancong asing yang masuk ke Semenanjung Malaysia melalui KLIA. Di sini saya ingin cadangkan kerajaan membangunkan kawasan Sepang yang berdekatan dengan KLIA dan KLIA2 supaya kawasan ini boleh menarik lebih pelancong asing yang singgah sementara ataupun kita kata *stop over* di KLIA untuk melawat di kawasan itu.

Setakat ini Sepang telah pun menarik ramai pelancong untuk makan *seafood* dan bersiar-siar di tempat ini lebih-lebih lagi terdapatnya inisiatif pelabur swasta seperti Sepang Gold Coast di Pantai Sepang telah menjadikan Pekan Sungai Pelek dan sekitarnya lebih menarik bagi pelancong tempatan dan pelancong asing. Setakat ini Sepang Gold Coast telah menjadi salah satu *landmark* Malaysia juga.

Saya ingin mencadangkan kerajaan membuat satu jalan terus yang merentasi beberapa keping tanah pemilik swasta ke Pekan Sungai Pelek di Sepang dan tepi pantai Sepang. Selain itu, saya juga ingin cadangkan kerajaan mendirikan struktur seperti *show house* bagi pengusaha industri kecil dan sederhana untuk menjual produk tempatan di sepanjang jalan utama di Sungai Pelek supaya orang tempatan boleh memanfaatkan daripada perkembangan industri di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan kerajaan supaya menggubal *Retirement Home Act* demi membangunkan industri *retirement home* seperti apa yang ada di Australia supaya kita boleh menarik pesara jutawan dari negara maju seperti Korea Selatan, Eropah dan lain-lain untuk pesara dan berdiam di Malaysia melalui Program Malaysia My Second Home. *Retirement home* yang mempunyai fasiliti berbentuk *medical care* adalah amat diperlukan untuk mencapai matlamat ini tetapi ia hanya boleh dicapai sekiranya kerajaan menggubal undang-undang berkenaan dengan *retirement home*.

Tuan Yang di-Pertua, apabila agensi promosi pelancongan dan pelaburan kementerian menarik pelancong dan pelabur untuk datang ke Malaysia, kadang-kadang pegawai Imigresen kita mewujudkan nama yang buruk bagi Malaysia di masyarakat antarabangsa. Saya pernah bangkitkan kes seorang pastor dari Kenya yang bernama John Kimani Ngure dilarang masuk ke Malaysia di KLIA pada 25 Oktober 2013 di Dewan yang mulia ini. Beliau datang ke Malaysia untuk menghadiri mesyuarat tetapi dihalau balik oleh pegawai Imigresen tanpa alasan yang kukuh. Alasan diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri atas larangan terhadapnya memang tidak benar dan tidak masuk akal.

Semalam seorang aktivis Hong Kong yang berumur 18 tahun, Joshua Wong yang terlibat dalam pergerakan "*Yellow Umbrella*" di Hong Kong dilarang masuk ke Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Apakah seorang aktivis pelajar yang berumur 18 tahun akan mengancam keselamatan negara? Apakah kerajaan Malaysia takut kepada seorang remaja di Hong Kong? Larangan terhadap Joshua Wong bukan sahaja menjadi berita *headline* di media di Malaysia tetapi ia juga menjejaskan nama baik Malaysia selepas berita ini dilaporkan di surat khabar di media Hong Kong, Taiwan dan negara-negara lain. Apakah publisiti seperti ini membantu Malaysia untuk menarik kemasukan pelancong dan juga pelabur asing?

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak sentuh isu tentang harga minyak. Harga minyak ataupun *fuel cost* merupakan pertimbangan yang penting bagi pelabur atas keputusan mereka sama ada melabur di Malaysia ataupun tidak. Selain itu, harga minyak adalah isu yang penting bagi pengguna kereta di Malaysia. Pada 19 Mei saya terima jawapan Parlimen kepada soalan saya kepada Menteri Kewangan berkenaan dengan GST atas RON97 bermula 1 April 2015.

Jawapan yang saya terima ialah mulai 1 April 2015 komponen cukai jualan yang terkandung di dalam *automatic pricing mechanism* telah dimansuhkan walaupun cukai jualan telah dimansuhkan produk RON97 tertakluk kepada GST. Penurunan harga RON97 tidak berlaku kerana terdapat peningkatan harga purata harga pasaran RON97 bagi Mac dan April 2015 di samping pengenaan GST terhadap produk itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti terangkan kepada orang ramai kenapakah harga RON97 bukan di bawah RM2.25 per liter selepas GST dilaksanakan pada 1 April tahun ini. Harga RM2.25 per liter bermaksud harga sebelum GST adalah RM2.12 dan GST yang dikenakan ialah 13 sen. Walau bagaimanapun, cukai jualan sebelum itu ialah 58 sen

1 liter. Jadi sekiranya semua keadaan tidak berubah, harga RON97 haruslah 45 sen lebih murah bagi 1 liter. Akan tetapi ini tidak berlaku.

Jawapan Parlimen kementerian kepada saya yang mengatakan kepada saya yang menyatakan harga RON97 adalah tidak turun adalah kerana terdapat peningkatan harga sebenar pasaran RON97 bagi Mac dan April 2015 memang tidak dapat diterima kerana ini tidak masuk akal.

■1910

Jadi kerajaan sepatutnya telus dan sedia menyiarkan statistik peningkatan harga pasaran RON97 yang sebenar. Kementerian sepatutnya menunjukkan macam mana peningkatan harga pasaran purata bersama GST menghasilkan harga RM2.25 satu liter bagi RON97 selepas 1 April iaitu selepas GST dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan akan membina loji-loji jana kuasa elektrik baru di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia untuk menjana 7,626 megawatt kuasa dengan anggaran kos pelaburan sebanyak RM28 bilion. Walaupun Rancangan Malaysia Kesebelas tidak menyebut tentang *micro projection* atas keperluan tenaga di Malaysia, tetapi Rancangan Malaysia Kesebelas hanya menekankan pada projek yang akan dibina.

Kini negara kita tengah menghadapi kelebihan tenaga kerana adanya *independent power producer*. Saya rujuk kepada Semenanjung Malaysia dan bukannya di Sabah. Jadi kerajaan perlulah lebih telus tentang tenaga yang diperlukan di negara kita dalam lima tahun yang akan datang dan juga usaha untuk menggunakan tenaga yang diperbaharui keberkesanan tenaga ataupun *energy efficiency* dan juga sumber tenaga baru.

Sekiranya kerajaan ingin menyokong usaha untuk menangani *climate change*, kenapakah kerajaan masih membina lebih loji baru, loji jana kuasa elektrik batu arang yang menyumbang kepada pencemaran udara dan bercanggah dengan dasar menyokong *climate change*. Bukankah ini merupakan cakap tidak serupa bikin? Pembinaan lebih loji jana elektrik batu arang bermaksud kita akan membayar lebih kos perubatan bagi orang ramai disebabkan pencemaran udara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang sektor pertanian. Saya rasa walaupun warga Malaysia kita mengimport berbilion-bilion ringgit makanan dari luar negara setiap tahun, saya rasa kesal Rancangan Malaysia Kesebelas tidak memberi tumpuan yang cukup untuk membangunkan sektor pertanian, khususnya pertanian dan penternakan dengan menggunakan teknologi moden.

Kita telah menyaksikan bahawa ekonomi dunia dan ekonomi Malaysia dalam pinggir kemelesetan ekonomi. Waktu kemelesetan ekonomi ataupun krisis ekonomi, apa yang penting ialah semua rakyat cukup makan. Justeru itu kita mesti mengurangkan kebergantungan negara kita terhadap pengimportan makanan. Saya ingin mencadangkan kerajaan mencontohi negara seperti Taiwan, Jepun, Korea dan sebagainya kerana walaupun negara-negara ini memberi banyak tumpuan pada pembangunan teknologi dan sains, tetapi negara-negara maju seperti ini mereka tidak mengabaikan sektor pertanian. Kita lihat petani-petani ini mampu mengeluarkan padi dan juga buah-buahan dengan teknologi yang moden dengan mengeluarkan hasil yang banyak dan mendapat pendapatan yang lumayan.

Kita ambil Taiwan sebagai satu contoh, walaupun saiz Taiwan adalah sama besar dengan negeri Pahang, tetapi Taiwan mampu mengeksport beras dan buah-buahan negara ini ke luar negara. Begitu juga dengan ternakan laut seperti ikan, udang dan sebagainya. Begitu juga kita tahu di Jepun, berasnya selalu kita lihat ia mampu eksport kepada negara-negara lain.

Jadi saya hendak cadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada pertanian dengan menggunakan teknologi moden supaya kita boleh dalam waktu mungkin ekonomi yang kurang baik dalam tahun-tahun yang

akan datang, warganegara kita ini cukup makan malah kita boleh eksport makanan kita ke negara-negara jiran kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Sapi.

7.14 mlm

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang kita hormati pada 21 Mei 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas ada kaitan rapat dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai GST yang telah dilaksanakan sejak 1 April 2015. Adalah diharapkan sistem cukai yang diperkenalkan ini mampu memberikan lebih hasil kepada pendapatan negara, yang seterusnya boleh digunakan bagi menjana pembangunan serta memberikan faedah kepada rakyat. Melalui cukai barang dan perkhidmatan ini, amatlah diharapkan agar transformasi dilaksanakan untuk memacu pembangunan negara dan pada masa yang sama terus mengutamakan kesejahteraan rakyat jelata.

Sehubungan dengan ini, institusi sektor awam yang akan diselaraskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas untuk produktiviti dan prestasi yang lebih tinggi dan usaha memperkemas sumber termasuk tenaga kerja dan pembiayaan adalah dialu-alukan. Tuan Yang di-Pertua, sejak GST dilaksanakan, daripada maklum balas orang ramai dan pemerhatian saya tentang pelaksanaan GST ini, saya ingin memberi beberapa cadangan untuk menambah baik pelaksanaan GST ini.

Pertama, demi meringankan beban pengguna terakhir dan membiasakan para pembayar cukai GST, dicadangkan kadar GST dikurangkan. Ini sangat penting dalam masa genting sekarang di mana nilai ringgit telah menyusut, harga komoditi seperti minyak mentah, minyak sawit, getah dan lain-lain telah jatuh.

Kedua, supaya adil kepada pekedai dan pembeli, saya mencadangkan semua kedai mempamerkan papan tanda besar yang menyatakan kedai berkenaan mengenakan GST serta nombor pendaftaran di pintu masuk dan di kaunter juru wang.

Ketiga, saya menyarankan senarai barang-barang dan perkhidmatan yang dikecualikan GST dikaji semula. Saya mencadangkan semua perkhidmatan dan barang-barang yang diperlukan oleh pesakit dikecualikan GST. Barang-barang keperluan harian, terutamanya yang digunakan oleh golongan miskin, contohnya, alat tulis yang digunakan oleh murid-murid, ikan sardin dalam tin, mi segera dan tepung susu patut juga dikecualikan GST.

Tuan Yang di-Pertua, pada hujung tahun lepas dan awal tahun ini, bencana banjir telah melanda di beberapa tempat di negara kita, terutamanya negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Begitu juga dengan negeri Sabah, daerah-daerah seperti Beaufort, Sipitang, Kota Belud dan Penampang dan lain-lain tempat turut ditimpa musibah banjir. Banjir yang telah berlaku, terjadi pada skala yang lebih besar daripada biasa, manakala terdapat juga banjir yang melanda tempat-tempat yang jarang kita dengar mengalami banjir seperti daerah Penampang Sabah yang telah saya nyatakan tadi.

Salah satu penyebab keadaan banjir ini adalah berpunca daripada gangguan alam sekitar atas tujuan pembangunan, seperti untuk tempat tinggal, pertanian, pembalakan dan lain-lain tujuan. Adalah diharapkan agar di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan menyelaraskan pembangunan supaya ianya dirancang, disusun atur agar ianya selaras dengan usaha pemuliharaan alam sekitar dan seterusnya boleh membantu mengurangkan masalah bencana banjir yang semakin menjadi-jadi dewasa ini. Keutamaan juga harus diberikan kepada langkah-langkah tebatan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha murni kerajaan dengan memperkenalkan projek Rumah Mampu Milik Perumahan Rakyat 1Malaysia dan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara merupakan satu langkah bijak yang boleh membantu lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri. Ini seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dan memberi

kesejahteraan kepada rakyat di negara ini terutamanya kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Adalah amat diharapkan agar projek-projek Perumahan Rakyat 1Malaysia ini diperbanyakkan lagi bagi membolehkan lebih ramai rakyat negara ini memiliki rumah sendiri.

■1920

Sehubungan dengan ini, dengan pembangunan pesat di bandar-bandar utama di Sabah, seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, terdapat masalah setinggian yang berpunca dari penghijrahan penduduk-penduduk dari desa ke bandar. Saya mencadangkan agar penduduk-penduduk di kawasan setinggian ini, yang banyak terdapat di kawasan Parlimen Batu Sapi yang saya wakili, diberi keutamaan dalam projek-projek PR1MA dan Program Perumahan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tenaga elektrik amat penting dan merupakan keperluan asas yang diperlukan oleh semua rakyat sama ada di bandar mahupun di kampung-kampung, mahu tidak mahu, tidak dapat lari daripada menggunakan tenaga elektrik. Kestabilan bekalan elektrik bukan sahaja mencerminkan kemajuan sesebuah negara, ianya juga merupakan salah satu faktor yang menjadi penilaian oleh pihak pelabur dari dalam dan luar negara untuk melaburkan modal bagi membangunkan sesuatu projek di sesebuah kawasan.

Dengan sebab ini, amatlah diharapkan agar bekalan tenaga elektrik boleh dibekalkan secara berterusan dan konsisten. Kadar gangguan bekalan elektrik di sesebuah kawasan perlu ditangani agar tidak menjadikan kesulitan kepada proses pembangunan dan juga keselesaan kehidupan rakyat. Saya telah banyak kali menyuarakan masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah, terutamanya di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu dan Sandakan. Saya berharap di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, perkhidmatan bekalan elektrik dibaiki dan saya meminta agar pihak Sabah Electricity Sdn Bhd mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada insiden pencerobohan oleh pengganas Sulu di Tando, Lahad Datu, Sabah dua tahun lalu, Kerajaan Pusat telah mengambil langkah meningkatkan kawalan keselamatan di perairan pantai timur negeri Sabah, yang mana pasukan *Eastern Sabah Security Command*, atau ringkasnya ESSCOM telah ditubuhkan bagi menguruskan kawalan keselamatan ini. Adalah amat diharapkan kawalan keselamatan ini boleh terus dipergiatkan bagi menjamin keselamatan penduduk di Sabah secara khasnya dan keselamatan negara Malaysia secara amnya. Dengan terjaminnya faktor keselamatan ini, maka elemen-elemen ekonomi turut boleh berkembang dengan baik apatah lagi negeri Sabah adalah amat terkenal dalam sektor pelancongan yang menjana pendapatan lumayan kepada negeri dan negara.

Namun, kejadian penculikan yang dilakukan oleh lanun nampaknya untuk wang tebusan di Restoran *Ocean King* di Teluk Sandakan pada 14 Mei 2015, menunjukkan terdapat kelemahan dalam pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah. Di sini saya menyeru agar pihak agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengatur dan melaksanakan strategi yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini. Kelengkapan dan peralatan yang lebih baik seperti helikopter N3, kapal-kapal laju, radar yang lebih peka dan kuat dan lain-lain perlu disediakan untuk pengawalan yang lebih berkesan. Usaha perisikan ke atas musuh juga perlu dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bermula dari Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri Sabah untuk merancang dan melaksanakan pembinaan rangkaian landasan kereta api untuk menghubungkan Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Keningau. Pengangkutan dengan kereta api adalah cara yang kos efektif untuk pengangkutan dan merangsang pembangunan kegiatan ekonomi di seluruh Sabah. Dari segi peningkatan infrastruktur di sekitar kawasan Batu Sapi, saya ingin memberi beberapa cadangan.

Pertama, saya ingin mencadangkan pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan untuk membolehkan pendaratan kapal terbang yang lebih besar untuk membawa

lebih ramai pelancong dan pelawat lain ke Sandakan dan Pantai Timur Sabah. Dicadangkan panjang landasan ditambah dari 7,000 kaki sekarang ke 9,800 kaki. Bangunan terminal Lapangan Terbang Sandakan telah dinaiktarafkan baru-baru ini. Pemanjangan landasan akan melengkapkan penaikan taraf lapangan terbang yang penting ini.

Kedua, saya mencadangkan Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Sabah melaksanakan satu projek mendalamkan Pelabuhan Sandakan dengan pengorekan. Pelabuhan Sandakan telah lama mengalami mendapan dan sedimentasi. Pelabuhan yang cetek menghadkan saiz kapal yang boleh menggunakan pelabuhan ini. Projek ini akan membolehkan kapal yang besar berlabuh di Sandakan dan menggalakkan kegiatan perindustrian minyak sawit, kayu-kayan, sektor pelancongan dan kegiatan ekonomi lain.

Ketiga, saya mencadangkan satu projek untuk menyediakan bekalan air bersih dan jana kuasa tenaga suria di pulau-pulau di sekitar Sandakan. Penghuni-penghuni di 12 buah pulau di kawasan Batu Sapi masih tidak menikmati kemudahan bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Adalah sangat penting kemudahan asas ini disediakan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya menyokong penuh Rancangan Malaysia Keseluruhan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mei. Semoga cadangan serta usul yang saya bantangkan tadi dapat diambil perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Dengan ini saya mohon menamatkan ucapan saya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Parit Buntar.

7.27 mlm.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama untuk berbahas dan saya akan asaskan perbahasan saya kepada tiga asas iaitu, pertama, sebelum kita dapat membahaskan RMKe-11, perlu dibuat penilaian kepada pencapaian RMKe-10. Asas yang kedua ialah tentang menginstitusikan pengislahan ataupun *institutional reform* yang perlu kita usahakan dengan lebih giat lagi. Dan yang ketiga ialah apakah asas perekonomian dan pembangunan yang sepatutnya kita tumpukan, mungkin sebahagiannya ada dalam RMKe-11, mungkin sebahagiannya tidak ada, saya harap dapat diberi perhatian.

Bagi mengisi perbahasan untuk pencapaian RMKe-10 sebagai asas untuk kita mengkritik dan membahaskan RMKe-11, kita telah diperkenalkan dengan satu nama yang cukup besar iaitu dipanggil *Economic Transformation Programme* yang merupakan satu produk Yang Berhormat Pekan yang cuba untuk melihat negara ini dengan satu kata ajaib yang disebut sebagai 'transformasi' ataupun *transformation*. Kita diperkenalkan dengan istilah seperti *National Key Economic Areas* yang akan menjana pendapatan yang besar kepada negara dan kita juga ada *Non National Key Economic Areas*.

Saya ada soalan di sini. Apabila melihat kepada Laporan *Economic Transformation Programme*, kita dapati bahawa pertumbuhan mengikut sektor NKEA adalah amatlah rendah berbanding dengan sektor *non NKEA*. Sedangkan itulah tumpuan besar negara dan merupakan pendapatan besar negara. Tahun 2012, *growth* ataupun perkembangannya ialah 2.3% iaitu *National Key Economic Areas*. Tahun 2013, *growth* nya ialah 4.9%. Tahun 2014, *growth* nya juga adalah 4.99%.

■1930

Apabila kita buat perbandingan dengan *non National Key Economic Areas* yang tidak banyak diberi tumpuan, kita dapati bahawa *growth* dia itu lebih besar. Tahun 2012 – 11%; tahun 2013 – 5.7% turun sedikit tapi tahun 2014 – 8.7%. Dibuat perbandingan dengan NKEA, dilihat macam sepatutnya NKEA itulah *growth* dia itu lebih besar daripada *non NKEA*. Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan untuk membuat penjelasan mengapa itu berlaku.

Seterusnya membuat penilaian kepada *Economic Transformation Program* yang disebut sebagai *roadmap*. *By 2020* ia akan menjana lebih kurang RM800 bilion berpandukan kepada *entry point project*. Asasnya ialah NKEA. Apabila kita melihat dari segi *entry point project* ini, kita melihat perkembangannya secara *average* sebelum sampai

2020, kita boleh mendapati lebih kurang dalam RM33 bilion sahaja *average* dalam EPP ini *base on* NKEA. Jikalau kita mengambil tahun 2020, kita hanya ada lebih kurang lima tahun. Maka itu jika RM33 bilion pada tahap purata yang ada hendak sampai kepada RM800 bilion sebagai kita punya *indicator*, maka bukan lima tahun Tuan Yang di-Pertua tetapi dia akan mengambil masa lebih kurang 24 tahun. So, itu saya perlu sedikit penjelasan macam mana kerajaan hendak mencapai berpandukan kepada *entry point project* itu.

Seterusnya saya juga musykil kepada laporan yang mana *entry point project* yang disebut ada lebih kurang 151 projek yang dikenal pasti tetapi dalam laporan hanya menunjukkan 96 sahaja. Di manakah bakinya? Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditanya tentang pencapaian atau KPI NKEA, dia menyatakan pencapaiannya 110%. Manakala ditanya tentang KPI yang EPP itu dilaporkan kepada 100%.

Jadi saya agak musykil bagaimana dia mendapat *figure* yang begitu, angka yang begitu sedangkan yang dipaparkan dalam laporan itu daripada 151, hanya 96 sahaja. Kalau pun 96 itu Tuan Yang di-Pertua betul dapat tercapai berbanding dengan 151 yang dikatakan keseluruhan EPP itu, maka dia hanya dapat 64% sahaja.

So, pelaporan yang begini saya rasa perlu diberi penjelasan supaya rakyat tidak *mislead* dengan angka-angka yang dilihat cantik tetapi bila kita masuk ke dalam untuk buat penelitian kita dapati *discrepancy* daripada segi projek yang dikatakan dengan laporan yang ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya harus tanya sebab ini melibatkan satu dana yang besar juga dalam projek *transformation* ini iaitu projek TUKAR. Ada satu projek nama dia projek TUKAR iaitu hendak memodenisasikan *outlet* peruncitan ini supaya mereka dapat dikembangkan. *By* 2020 dengan izin, kita akan dapat lebih kurang 5000 *outlet* TUKAR yang telah pun tukar. Maknanya dia telah ditransformkan daripada runcit kepada yang berdaya saing dengan menjanjikan 51,000 pekerjaan. Akan tetapi bila kita tengok hingga 2014 yang tercapai saat ini dalam laporan hanyalah 1,395 *outlet* dan kalau kita ambil *accumulative* kita ambil dari tahun dia diperkenalkan 2010 hinggalah 2014.

Jangan tengok tahun 2014 tapi tengok secara *accumulative*, maka kita akan dapat pencapaiannya setakat ini hanyalah 28%. Jadi persoalan ini saya minta supaya diberi penjelasan apakah status TUKAR dan dengan dana besar yang kita telah berikan apakah ia telah berjaya sampai kalaulah daripada kajian yang dibuat kita dapati hanya 28% sahaja pencapaian setakat ini. Habis itu asas pertama. *The first point of my debate* iaitu penilaian kepada pencapaian RMKe-10 supaya dapat penjelasan.

Barulah kita boleh masuk kepada apa yang saya namakan *institutional reform* dengan izin iaitu menginstitusikan pengislahan. Pengislahan ini atau kadang-kadang disebut *reform*. Ada setengah orang tidak suka kalimah ini. reformasi. Itu ada juga nanti yang panas telinga. Tetapi apa yang disebut sebagai *institutional reform* atau menginstitusikan pengislahan itu lebih enak didengar ialah apa yang dimaksudkan satu *reform* yang bersifat terancang. Bukan satu *reform* yang hanya gula-gula. Mungkin semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan ETP (*Economic Transformation Program*) RMKe-11 masa itu hendak dekat pilihan raya. So dia pun bagilah sedap-sedap lalu dia namakan dengan nama yang besar *transformation* tapi sebenarnya apa yang dilihat tidak mencecah kepada permasalahan.

Para pengkaji *institutional reform* khususnya di negara membangun salah seorangnya ialah Matt Mathew dia memberi satu soalan yang cukup cepumas iaitu dengan izin *why institutional reform failed*. Kenapakah menginstitusikan pengislahan itu gagal? Maka dia ada jawapan. Dia kata kerajaan yang memperkenalkan *institutional reform* dia hanyalah niat untuk bagi *signal* kepada rakyat hanyalah niat, tetapi dia tidak mengubah sistem yang ada. Maknanya kita hanya dengar nama-nama yang besar seperti *Economic Transformation Program*, seperti nama *Government Transformation Program*, seperti nama *National Key Results Areas* (NKRA), NKEA (*National Key Economic Areas*).

Cukup besar dan gah tetapi itu hanya *intent*. Dia tidak membawa kepada perubahan sistem itu sendiri. Dia tidak membawa kepada hendak mengubah kerajaan itu. Cara dia

berfikir, cara dia bekerja dan yang lebih penting ialah dia tidak mengambil konteks secara realiti apa sebenarnya yang dihadapi oleh rakyat dalam negara itu dan lebih buruk daripada itu pakai konsultan dari luar dia bubuhlah *best practice bla bla bla*, kita kena buat ini tetapi dia tidak mencecah kepada *the real context* apa masalah yang dihadapi.

Kesenjangan pendapatan, gaji tidak naik, masalah barang makin menekan harga barang makin naik, masalah cukai, kemudian diperkenalkan pula GST yang langsung tidak melihat kepada konteks. Saya harus menyatakan bahawa satu sahaja dalam *Economic Transformation Program* ini yang boleh dianggap berjaya iaitu *public relation* sahaja. *Public relation is a success* tetapi *the plan itself, I cannot say it's a failure but base on RMKe-10* yang saya sebutkan tadi masih jauh lagi dia punya pencapaian.

Kenapa saya menyatakan *fail* dalam konteks *institutional reform*. Kita pun tidak payah hendak cakap panjang di sini, kes 1MDB. Baru kita bercakap tentang *Economic Transformation Program*, baru kita hendak bercakap tentang *Government Transformation Program*, baru kita hendak bercakap tentang *prudence* supaya tata kelolaan kewangan itu lebih bijak dan berhemah tetapi apa yang kita dapati ialah keadaan menjadi lebih buruk, *transparency* tidak ada dan dalam hal ini saya menyatakan bahawa isu 1MDB itu atas apa sahaja tanggapan orang kepada isu itu adalah *reflection* kepada *the failure of institutional reform*.

■1940

So kalaulah kita bawa *mai* perkataan-perkataan yang elok sekalipun tetapi masih gagal untuk kita *uproot the system* maka kita akan ulang *the same vicious circle*. Oleh sebab itu dalam kaedah fiqh ada menyebut bahawa [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Pengajaran itu ialah kepada isinya, bukan kepada nama semata-mata.

Kerajaan mesti telus dan rakyat mesti tahu apa yang berlaku. Ini tidak, bila datang 1MDB macam-macam punya alasan diberi dan PAC panggil untuk dibuat *hearing* apa dia, panggil CEO dia, tidak ada, ada luar negara. So perkara-perkara begini seolah-olah dia tidak hormat langsung kepada Parlimen untuk rakyat tahu apa sebenarnya yang berlaku. Kejap duit kata dekat Singapura, sekejap kata *cash*, sekejap bukan *cash*. Jadi soalan-soalan ini menyebabkan *institutional reform* kita ini menjadi *mockery* atau menjadi gelak ketawa semata-mata.

Melaksanakan kebebasan individu dan kebebasan kolektif untuk memberi pandangan, *yes*. Hari ini kita tengok orang-orang politik daripada Pakatan Rakyat dan mungkin satu hari daripada parti lain juga, apabila mengkritik dasar-dasar kerajaan dia kata kita tidak patriotik. Tadi semua orang dengar tadi Menteri, bila kita hendak bawa usul, yang bawa usul itu pembangkang kenapa pula kita jadi tidak patriotik. So, ini cerita-cerita lama berhentilah cerita-cerita tidak patriotik ini. Apabila kita mengkritik dasar bukan bermakna kita tidak patriotik.

Akan tetapi apabila kita mengkritik dasar kerana kita sayangkan negaralah maka kita kritik dasar-dasar yang ada. [*Tepuk*] Tolong ubah *mind set* itu. Negara ini milik semua orang bukan milik parti-parti tertentu. Kerajaan boleh datang hari ini, esok dia boleh pergi. Dia tidak akan kekal selama-lamanya sebab itu kita gagal untuk buat *institutional reform* sebab kita hanya buat nama-nama ini untuk kekal berkuasa tetapi tidak mahu mengubah sistem yang telah menyebabkan masalah.

Dalam *institutional reform* ini saya juga minta Tuan Yang di-Pertua dan dalam ucapan saya sebelum ini juga. Iaitu Parlimen itu kena *reform* juga, Parlimen kena *reform*. Kenapa bila berlaku 1MDB, Yang Berhormat Pekan dia panggil pegawai-pegawai kerajaan dan duta-duta asing, bukan 1MDB. Ketika berlaku krisis ekonomi harga minyak jatuh dan sebagainya dia panggil pegawai-pegawai kerajaan, dia panggil duta-duta asing. Sepatutnya dia panggil Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa latar belakang supaya kita membincangkan soal negara, ini barulah patriotik tetapi ini tidak. Isu-isu cuba ditutup, cuba dibuat nampak macam cantik, sedangkan Parlimenlah kalau kita hendak bercakap tentang rekonsiliasi, kalau kita hendak cakap tentang menguruskan politik baru ini dia bermula di Parlimen. Mengapa tidak ada jawatankuasa yang melibatkan semua pihak? Apa yang ada lima jawatankuasa itulah daripada awal Parlimen sampai hari ini.

Kenapa tidak ada jawatankuasa ekonomi? Mengapa tidak ada jawatankuasa perundangan? Mengapa tidak kita sama-sama memikirkan Suruhanjaya Reformasi Perundangan? Banyak perkara yang kita tidak boleh buat di dalam kuasa kita. *Circle of*

influence kita. Stephen Covey kata ada *circle of influence* dengan *circle of concern*. Kita yang *circle of influence* ini banyak benda yang kita boleh buat. Oleh sebab itu saya panggil, saya seru kepada rakan-rakan sebelah sana termasuk Yang Berhormat Bagan Serai rakan saya. Supaya kita fikir *across political boundaries* untuk menyelamatkan negara bukan untuk menyelamatkan parti-parti politik tertentu. Ini barulah kita panggil *institutional reform*, barulah negara ini boleh maju ke hadapan.

Terakhir asas kepada perbahasan saya iaitu apa rupa bentuk pembangunan yang kita mahu. Apa rupa bentuk pembangunan yang boleh membawa satu yang disebut dalam RMKe-11 pembangunan yang lestari, pembangunan yang mampan, *sustainable*. Maka sebab itu saya minta kepada pakar-pakar ekonomi yang membuat kajian-kajian supaya kita mengalihkan cara kita melihat ekonomi negara ini sejak daripada RMKe-1 sampai sekarang. Jangan hanya melihat kepada *economic growth*, kepada angka-angka yang boleh direka-reka.

Macam saya kata tadilah 101%, 100% tetapi bila *check* tengok-tengok rupanya baru 28%. So apa sebenarnya yang kita harus tumpu sebagai basis untuk kita bina *sustainable development* ini iaitu saya mencadangkan menumpukan kepada masalah kesenjangan pendapatan, *in equality income* dan juga kesenjangan pemilikan harta. Barulah kita boleh bina ekonomi yang bukan *trickier down* daripada orang kaya atas turun ke bawah tetapi dia *bottom up* dari bawah naik ke atas.

Kita tahu macam mana hari ini 20% *up there* yang menikmati 80% kekayaan negara sedangkan *below* yang disebut B40 itu dan yang bawah pertengahan hanya memiliki masing-masing lebih kurang hanya 40% sahaja. So ini adalah satu kesenjangan yang amat besar yang perlu kita ambil cara bagaimana hendak menyelesaikan kesenjangan ini.

Keduanya ialah kesepaduan sosial berteraskan keterlibatan, keterangkuman dan pembinaan negara. *Participative, inclusive* dan *nation building*. Oleh kerana itu kita telah diberi amanah dan saya adalah seorang daripada ahli majlisnya iaitu Majlis Konsultasi Perpaduan Negara. Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya dari pembangkang tetapi saya bersedia duduk dalam Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk memikirkan soal perpaduan yang bukan hanya melibatkan kepentingan parti tetapi *across political parties*. Kami sudah menjalankan tugas selama lebih kurang dua tahun dan *blueprint* pun sudah kami buat.

Saya hendak tanya bila *blueprint* itu hendak dibentang dan macam mana caranya supaya *blueprint* ini dapat membawa satu aras baru kepada erti perpaduan. Ini jangan dok buh mai bila kata perpaduan, "Oh! Perpaduan UMNO dengan PAS, Oh! Melayu mesti bersatu." Ini cerita zaman kuno punya cerita. Ini kita hendak kata rakyat Malaysia mesti bersatu! Itu yang kita mahu. Ini dok cakap Melayu sahaja bersatu habis orang lain tidak hendak bersatu.

Kita ini warganegara Malaysia kita ada hak, Sabah Sarawak macam mana? Sabah Sarawak, etnik-etnik minoriti yang lain. Oleh sebab itu saya kata kalau hendak main politik tolonglah jangan menampakkan kita punya hendak kata istilah itu tidaklah tetapi jangan menampakkan kita ini tidak keterampilan sangatlah. Tunjukkan keterampilan kita untuk melihat negara ini dalam konteks yang lebih besar, dalam konteksnya yang lebih luas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey boleh saya gulung ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kelestarian alam sekitar sebagai dasar utama saya sokong tadi Yang Berhormat Seputeh ada cakap fasal alam sekitar. Hari ini kalau kita tengok Kementerian Pertanian dia sebut hendak menubuhkan zon akuakultur yang konon dapat menambahkan pendapatan negara. Akan tetapi di atas risiko apa, di atas risiko menerokai hutan-hutan kayu bakau. Ini berlaku di Parit Buntar

Bagan Tiang, berlaku di Kuala Bagan Tiang, berlaku di Kuala Kurau, berlaku di Tanjung Piandang. Betapa nelayan-nelayan terjejas hanya kerana mereka hendak meningkatkan zon akuakultur dan ini hanya menguntungkan pengusaha-pengusaha di atas kos merosakkan alam sekitar. Oleh sebab itu saya harap Kementerian Alam Sekitar jangan duduk di paling bawah sekali *last* sekali. Kementerian Alam Sekitar perlu ada dasar yang memberikan pengaruh kepada apa yang dinamakan sebagai pembangunan yang mengambil kira tentang alam sekitar pada hari ini disebut sebagai *the issue of climate change*.

Akhirnya dalam RMKe-11 ini dan seterusnya bagi kita melonjakkan negara kita ke hadapan, kita harus mempertegaskan kedudukan Islam melalui satu fiqah yang ada pembaharuan dalam erti bernegara apa dia. Dalam konteks negara apa dia? Bukan dalam konteks yang sempit. Sebab itu saya minta supaya kita bertanggungjawab untuk memelihara supaya nama Islam itu tidak buruk. Selalu dikaitkan nama Islam ini sempit, selalu dikaitkan nama Islam ini ekstremis tetapi di mana-mana saya menyatakan bahawa kita bertanggungjawab bukan untuk memerangi *extremism* daripada mana-mana agama kerana *extremism* tidak ada agama.

■1950

Kalau *Buddhist* yang ekstrem, kita kena lawan. Kalau Hindu yang ekstrem, kita kena lawan. Kalau Kristian yang ekstrem, kita kena lawan. Kalau Islam yang ekstrem, kita juga kena lawan. Barulah negara ini boleh terbina atas makna sebenar yang dikatakan sebagai *wasatiyyah*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di atas tiga asas yang telah saya kemukakan, saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil kira apa yang telah disampaikan hanya kerana semata-mata kita semua ini sayang kepada negara ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

7.50 mlm.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut berbahas bagi menyokong usul Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020. Tadi kita mendengar berlegar-legar perbahasan yang dibawa oleh pihak pembangkang. Akan tetapi saya rasa kebanyakannya itu adalah retorik dan berulang-ulang. Apa yang disebutkan itu sebenarnya adalah perkara-perkara yang sebenarnya mereka sendiri tidak faham dan tidak pernah menghadapi realiti susah payah untuk kita melakukannya.

Contohnya tadi, kalau kita tengok seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mempromosikan perpaduan. Sedangkan kita telah hidup di atas bumi Malaysia selepas merdeka ini lebih daripada 50 tahun dengan begitu baik sekali. Dengan perpaduan yang begitu nyaman sekali antara semua pihak. Jadi, saya rasa eloklah pihak pembangkang sedar dan juga mengambil iktibar dan insaf supaya kita bukan melaungkan perpaduan itu secara berseorangan tetapi biarlah bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas ini di mana mempunyai enam teras iaitu:

- (i) memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama;
- (ii) meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- (iii) meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju;
- (iv) untuk menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemapanan dan daya tahan;
- (v) memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi; dan
- (vi) merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.

Jadi, keenam-enam teras ini adalah merupakan sudut-sudut penting yang diberikan penekanan oleh kerajaan bagi kita memperbetulkan dan memperkemaskan, malah

memperkasa pembangunan negara dalam semua aspek. Jadi dalam hal ini, saya ingin memfokuskan perbahasan saya kepada teras yang kedua iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Maka dalam hal ini, apa yang perlu kita fikirkan ialah tentang isu kemiskinan bandar. Walaupun isu kemiskinan bandar ini telah lama disebut tetapi keberkesanan dalam usaha mengatasinya belum lagi kita dapat lihat secara menyeluruh. Maka, dengan sebab itu kita melihat isu kemiskinan bandar ini sentiasa menjadi isu hangat yang diperbualkan dan perkara-perkara yang dihadapi oleh masyarakat, khususnya di bandar ini, semakin hari semakin sulit.

Maka dengan sebab itu, saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan pada hari ini bersungguh-sungguh dan serius dalam penyediaan rumah selesa yang bukan sekadar kita panggil rumah kos rendah atau rumah mampu milik tetapi kita kena *include*, dengan izin, rumah selesa. Apabila disebut rumah selesa, ia adalah sebuah rumah yang selesa didiami baik di dalamnya mahupun di kawasan luarannya. Termasuklah dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan juga kemudahan-kemudahan tertentu.

Jadi, dalam hal ini, penyediaan rumah selesa dan meringankan kos-kos bayaran pengurusan, termasuk kita memberikan subsidi bahan api dan sebagainya kepada penduduk-penduduk bagi rumah selesa ini, kalaulah ia dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh kerajaan, maka kita akan meringankan bebanan kepada penduduk-penduduk bandar, khususnya yang berpendapatan rendah di bawah B40 tersebut.

Jadi, saya juga ingin menyarankan di sini bahawa pihak kerajaan perlu melihat selain daripada membina rumah yang harganya lebih murah tetapi selesa, kerajaan juga perlu memikirkan bagi penduduk-penduduk rumah selesa ini, mereka akan dapat menikmati subsidi bahan api yang tertentu. Contohnya, kos elektrik ataupun gas yang diperuntukkan atau di *supply* secara berpusat. Jadi, kalau mereka ini mendapat sedikit keringanan melalui subsidi kerajaan dan sebagainya, maka kita akan dapat meringankan bebanan penduduk-penduduk di dalam bandar yang berpendapatan rendah.

Di samping itu juga, kerajaan perlu melaksanakan secara bersungguh-sungguh penetapan gaji minimum yang telah pun dikuatkuasakan sebelum ini. Supaya pekerja-pekerja yang berada di bandar mendapat pendapatan yang rendah tetapi mereka dijamin dengan pendapatan gaji minimum dan tidak dibayar sesuka hati oleh majikan mereka. Jadi dengan cara itu, saya berpendapat di sini bahawa pendapatan isi rumah akan dapat diperkasa, dipertingkatkan bersesuaian dengan beberapa subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Maka, kita akan melihat di sini bahawa pendapatan benar bagi penduduk-penduduk di bandar akan dapat ditingkatkan.

Sekarang ini kalau kita lihat ada pendapatan mungkin RM1,800 tetapi dengan kos-kos bayaran yang tinggi yang terpaksa dibayar oleh penduduk-penduduk di bandar yang berpendapatan rendah ini menyebabkan pendapatan benar mereka menurun. Pendapatan boleh guna mereka itu terlalu rendah. Jadi, ia akan menjurus kepada isu kemiskinan bandar yang berterusan dan sukar untuk diperbaiki.

Begitu juga kita mengharapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, kerajaan boleh membanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia, Pasar Rakyat 1Malaysia dan konsep-konsep lain yang memberikan kemudahan dan jualan barangan yang lebih murah kepada penduduk-penduduk di bandar, khususnya yang berpendapatan rendah. Jadi apa pun, semua persediaan ini adalah diharapkan dapat meringankan beban belanja kepada penduduk-penduduk B40 ini dan akan meningkatkan lagi apa yang saya sebutkan tadi iaitu pendapatan benar yang semakin meningkat.

Kalau kita merujuk kepada teras tiga, fokus 'A' dan fokus 'B' di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kita juga melihat bahawa kita perlu mewujudkan peluang-peluang kerja yang banyak. Peluang kerja yang banyak ini juga perlu kita lihat di kawasan-kawasan luar bandar dengan mengambil kira penggunaan sains dan teknologi supaya berkurang penghijrahan masyarakat kita ini dari luar bandar ke bandar.

Antara perkara yang menyumbang kepada meningkatnya kemiskinan bandar ialah apabila berlakunya penghijrahan yang tidak dapat kita kawal daripada penduduk-penduduk di luar bandar ke bandar. Ini menyebabkan densiti kepadatan penduduk meningkat, menyebabkan peluang pekerjaan di bandar semakin tidak mencukupi dan macam-macam lagi masalah lain. Justeru, untuk mewujudkan keseimbangan kemajuan dan juga pembangunan ekonomi di luar bandar dan di bandar, maka kerajaan melalui agensi-agensinya perlu meningkatkan lagi jumlah pusat-pusat ataupun tempat-tempat yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Barangkali kilang-kilang IKS perlu dibina dengan lebih lagi.

Saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan dan minta kerajaan menjelaskan sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk mengarahkan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) bukan sekadar menjalankan peniagaan-peniagaan semata-mata tetapi mereka juga perlu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sama ada kepada penduduk di bandar ataupun di luar bandar. Jadi, kalaulah GLC terlibat di dalam menambahkan jumlah industri kecil dan sederhana...

■2000

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, sambung esok ya. Ada usul daripada Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3). Sila Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

8.00 mlm.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Mempertimbangkan Semula Harga Getah Standard Malaysian Rubber 20

8.00 mlm.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan Penangguhan daripada Tuaran. Meminta kerajaan pertimbangkan semula harga getah Standard Malaysia Rubber 20 atau SMR20 yang ditetapkan untuk diberikan subsidi harga getah. Tuan Yang di-Pertua, saban hari saya ditanya oleh para penoreh dan juga pekebun kecil getah melalui teks SMS, *WhatsApp* mahupun telefon tentang bebanan yang mereka rasai akibat penurunan harga getah yang begitu mendadak.

Persoalan tentang apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani penurunan harga getah sudah menjadi satu kemestian dalam setiap dialog yang saya adakan dalam program turun padang bertemu dengan rakyat. Langkah kerajaan melaksanakan apa yang dipanggil sebagai *rubber production incentive* iaitu apabila harga getah antarabangsa menurun pada tahap RM4.60 sekilo SMR20 pada kadar di antara 30 sen hingga 60 sen amat dialu-alukan, cumanya harga RM4.60 adalah terlalu rendah. Pada ketika saya menulis teks ucapan ini, harga getah antarabangsa SMR20 ialah RM4.98 sen sekilo, masih lagi di

atas dan kerajaan belum lagi memberi subsidi ataupun *production incentive* kepada para penoreh dan pekebun kecil sedangkan mereka sudah mengadu tidak cukup makan pada tahap harga ini.

Saya dapat merasai denyutan nadi para pekebun kecil bahawa harga getah pada tahap ini tidak lagi berbaloi dengan tenaga yang dicurahkan oleh para penoreh. Untuk meringankan bebanan penoreh dan pekebun kecil getah, saya mencadangkan agar harga getah antarabangsa SMR20 sekilogram terendah yang harus diberikan subsidi ataupun *rubber production incentive* ialah RM5.50. Kerajaan harus membuat pertimbangan terhadap kadar ini bukan sahaja untuk mempertahankan kadar pengeluaran dan produktiviti getah asli pada satu tahap tetapi juga untuk memastikan agar keadilan dilaksanakan kepada mereka selain daripada meringankan bebanan kos sara hidup mereka.

Kita mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memberi subsidi kepada para nelayan kecil kita pada kadar RM300 sebulan walaupun tidak diasaskan kepada tangkapan. Kepada para penoreh getah, harga getah *cup lump* sekilogram pada kadar *dry rubber content* (DRC) 50% ialah RM1.50 di Semenanjung, RM1.55 sen di Sabah dan RM1.00 di Sarawak. Manakala harga getah *cup lump* pada pelbagai DRC sekilogram ialah RM2.20 di Semenanjung, RM1.93 di Sabah pada kadar 58% DRC dan RM2.20 di Sarawak dan harga subsidi sebanyak 30 sen. Bayangkanlah bagaimana seorang penoreh boleh cari makan?

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya harga getah SMR20 antarabangsa turun ke tahap RM5.50 sekilogram dan bukannya RM4.60 sekilogram, maka kerajaan hendaklah memberi subsidi ke atas hasil torehan getah sama ada dalam bentuk *cuplump* mahupun kepingan. Ini bererti bahawa subsidi ini adalah diberikan berasaskan pengeluaran penorehan para penoreh. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

8.04 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan amat prihatin tentang isu kejatuhan harga getah negara. Ini adalah memandangkan terdapat lebih 280 ribu orang pekebun kecil getah di seluruh negara yang bergantung kepada hasil tanaman getah. Kejatuhan harga sememangnya menjejaskan pendapatan para pengusaha tanaman getah.

Selain itu, Malaysia juga merupakan pengeksport utama produk-produk getah termasuk sarung tangan getah dan lain-lain produk getah. Dalam hal ini, bagi memastikan bekalan bahan mentah yang secukupnya bagi menyokong industri hiliran getah, kerajaan mulai tahun 2015 telah melancarkan Skim Insentif Pengeluaran Getah atau IPG dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, IPG bertujuan antara lain membantu para pekebun kecil getah meneruskan kegiatan penorehan dalam keadaan harga yang rendah di samping memastikan pekebun kecil meraih pendapatan di peringkat ladang sebanyak RM1,025 sebulan. IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR20 berada pada RM4.60 sekilogram dan harga *cuplump* adalah pada RM1.75 sen sekilogram dan ke bawah. Pelaksanaan IPG melibatkan pemberian insentif pengeluaran seperti berikut:

- (i) 30 sen bagi sekilogram *cup lump* dengan 50% KDK atau kandungan getah kering;
- (ii) maksimum 90 sen bagi sekilogram lateks berdasarkan peraturan KGK dan;
- (iii) maksimum 60 sen bagi sekilogram getah *unsmoked sheet* (USS) dengan izin, berdasarkan KGK.

Kementerian memahami apabila kita mengira harga pengaktifan IPG, semakin tinggi paras pengaktifan, semakin baik untuk pekebun kecil. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu melihat daripada segi kemampuan untuk menyediakan kewangan supaya dapat melaksanakan program ini sepanjang masa. Oleh itu, kementerian menetapkan harga pengaktifan dengan mengambil kira harga SMR20 RM4.60 atau harga *cup lump* RM1.75. Harga-harga ini telah mengambil kira kos pengeluaran di peringkat ladang dan margin keuntungan sebanyak 30%. Dengan bantuan program IPG ini dan purata pengeluaran sebanyak 3,000 kilogram *cup lump* sehektar setahun serta saiz keluasan kebun 2.3 hektar, maka pekebun kecil boleh memperoleh pendapatan sebanyak RM1,180 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengadakan lebih 100 siri taklimat untuk memaklumkan dan mendapat maklum balas mengenai pelaksanaan skim bantuan IPG tersebut dan taklimat tersebut telah diadakan juga untuk Ahli-ahli Parlimen, pekebun kecil, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Pertanian Sarawak dan juga Lembaga Industri Getah Sabah. Semasa taklimat tersebut, kementerian menerima cadangan agar paras harga pengaktifan IPG ditingkatkan sebagaimana saranan Yang Berhormat Tuaran.

Kementerian bersama LGM atau Lembaga Getah Malaysia terus mengkaji maklum balas tersebut daripada segi perbezaan kos pengeluaran, kos dan margin pemprosesan dan pulangan kepada pekebun kecil di seluruh negara serta kemampuan kewangan kerajaan untuk menanggung beban kewangan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada IPG, kerajaan juga mulai November 2014 telah melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga SMR20 *Free on Board* atau FOB dengan izin dan harga yang diterima oleh pekebun kecil.

Langkah ini dijangka dapat meningkatkan harga di ladang yang diterima oleh para pekebun kecil. Mekanisme ini melibatkan antara lain, penyertaan koperasi dalam urusan niaga getah bagi mengurangkan lapisan pembeli. Bagi maksud ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juga sebagai modal pusingan kepada koperasi untuk tujuan urusan niaga. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan harga di ladang yang diterima oleh para pekebun kecil.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, untuk meringankan beban pekebun kecil di seluruh negara kesan daripada kejatuhan harga getah, kerajaan telah memperkenalkan skim bantuan khas RM500 *one-off* dengan izin dan menerusi skim ini pada tahun 2013, kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM127.3 juta untuk 254,672 orang pekebun kecil. Manakala pada tahun 2014 sekali lagi sebanyak RM230.7 juta telah disalurkan kepada kira-kira 461,480 orang pekebun kecil termasuk penoreh melalui RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa pula, negara Malaysia bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli utama dunia bagi memperkukuhkan harga di bawah kerangka ITRC ataupun *International Tripartite Rubber Council*, dengan izin. Bersama negara Thailand dan Indonesia dan juga bersama dengan 11 buah negara lain di bawah ANRPC atau dengan izin *Association of Natural Rubber Producing Countries* bagi aktiviti-aktiviti pengukuhan harga getah asli.

■2010

Di samping itu juga, negara terus dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk mempelbagaikan kegunaan getah seperti pengeluaran produk getah yang mesra alam. Begitu juga terus menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi dan telah menaikkan daripada RM7,000 sehektar kepada RM9,230 sehektar di Semenanjung berkuat kuasa pada tahun 2011 dan dilanjutkan kepada Sabah dan Sarawak masing-masing pada kadar RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar untuk membantu pekebun kecil. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Penjelasan Terhadap Keperluan Mendirikan Menara DBKL 2

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan perobohan dan pembinaan semula Menara DBKL 2 di Jalan Raja Laut di Kuala Lumpur telah menarik kritikan dan bantahan daripada banyak pihak. Saya difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membeli bangunan PKNS lama itu untuk dijadikan Menara DBKL 2 dengan harga RM80 juta. Selepas itu Menara DBKL 2 itu diubahsuai daripada tingkat tujuh hingga tingkat 11 dengan kos RM50 juta. Pada tahun lepas, enam biji lif dan eskalator ditukar dan ini memakan perbelanjaan RM7 juta.

Perbelanjaan disebutkan di atas tidak termasuk hawa dingin besar dan pengubahsuaian yang lain. Selepas berjuta-juta ringgit digunakan, DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan kini ingin merobohkan bangunan DBKL 2 ini dan membina bangunan baru yang bernilai RM300 juta. Angka ini tidak termasuk kos perabot, peralatan ICT dan lain-lain. Selain itu ia juga tidak termasuk kos pemindahan pejabat, jabatan-jabatan DBKL ke bangunan lain sementara menunggu bangunan baru siap dibina.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah keluaran arahan untuk memanggil tender pelantikan perunding atas kerja perobohan dan pembinaan semula Menara DBKL 2. Selain itu, semua jabatan telah diarah untuk pindah dalam bulan September, selepas Hari Raya pada tahun ini.

Apakah Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL perlu segerakan kerja perobohan dan pembangunan semula Menara DBKL 2 ini? Apakah projek ini *urgent and important* pada waktu kegawatan ekonomi ini? Sebenarnya sekiranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah lama mempunyai rancangan untuk membina Menara DBKL 2 yang canggih, kenapakah DBKL masih menggunakan perbelanjaan yang begitu banyak untuk menjalankan pengubahsuaian termasuk penukaran lif dan eskalator di DBKL 2 ini.

Selain daripada pembaziran, bukannya ini juga menunjukkan perancangan yang teruk pada pihak pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ramai penduduk di Kuala Lumpur mengadu tentang jalan dan parit longkang yang rosak yang tidak diperbaiki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selepas banyak aduan dibuat. Pegawai DBKL selalu menggunakan alasan tiada bajet untuk tidak melakukan penambahbaikan ini. Kalau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai dana yang cukup, kenapakah ia mempunyai dana untuk mendirikan satu bangunan baru dengan kos RM300 juta?

Saya ingin minta Menteri Wilayah Persekutuan memberi penjelasan kepada para pembayar cukai di Kuala Lumpur tentang justifikasi projek Menara DBKL 2 dan kebaikan yang kan diperoleh oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pembayar cukai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

8.14 m/m.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim dari Seputeh yang telah menyuarakan pandangan dan persoalan dalam ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas Dewan Rakyat 2015 ini.

Keprihatinan, ketelitian dan kepekaan Ahli Yang Berhormat terhadap kesejahteraan hidup dan kebajikan rakyat warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangatlah kami hargai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, pembangunan semula Menara 2 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah projek yang sangat penting bagi

memastikan kelicinan operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan meningkatkan kemudahan kepada warga kota.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti di antara kekangan operasi pengurusan iaitu penempatan pejabat-pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di beberapa lokasi yang berasingan. Keadaan ini telah menimbulkan isu pengurusan logistik, pencarian dokumen, pencapaian telekomunikasi dan komunikasi yang tidak berkesan.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah merancang dan meningkatkan operasi pengurusan dengan memperkukuhkan pejabat-pejabat cawangan dan menyatukan pejabat-pejabat di pusat bandar untuk mengurangkan kos penyewaan, penyediaan kemudahan, logistik dan penyelenggaraan. Peningkatan operasi ini akan mendapat kemudahan dan mempercepatkan warga kota untuk berurusan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Di samping itu, projek ini juga perlu disegerakan pembinaan bagi mengelakkan kos pembangunan dan pembinaan yang dijangka akan melonjak dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Ditambah pula dengan kos pengurusan yang juga akan meningkat. Oleh sebab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berupaya mendapat tawaran bagi menyewa ruang untuk penempatan sementara seluas 188,000 kaki persegi di dalam satu bangunan pada kadar yang rendah, iaitu RM5 sekaki persegi termasuk perabot, perkhidmatan dan kos penyelenggaraan bangunan. Peluang ini telah diambil untuk tidak menyenangkan pembinaan projek ini.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, semasa pembelian Menara 2 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berada di dalam keadaan agak usang dan memerlukan pengubahsuaian bangunan dan penggantian segera lif dan eskalator untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna terdiri daripada warga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta orang awam. Walau bagaimanapun kos pengubahsuaian bangunan bagi tingkat tujuh hingga tingkat 11 adalah sebanyak RM7 juta dan bukannya RM50 juta seperti yang didakwa.

Menara 2 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sedang dirancang ini akan menyediakan pusat perkhidmatan setempat ditambah pula dengan kemudahan riadah, sukan, pusat asuhan kanak-kanak, dewan dan bilik mesyuarat yang semuanya akan dibuat dan dibuka kepada orang awam. Oleh itu kerajaan berharap pembinaan semula Menara 2 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini akan dapat membantu menyediakan kemudahan pada tahap terbaik untuk rakyat dan warga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya mengucapkan jutaan Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh di atas penyampaian ucapan penangguhan yang melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Khamis, 28 Mei 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.18 malam]